Bil. 5

Isnin
3 Mei 2010

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH (Halaman 1)

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA
Mengalu-alukan Ahli Baru (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:
Menjunjung Kasih Titah Ucapan
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong (Halaman 21)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 55)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2010

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
8. " Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim (Kelantan)
9. " Datuk Akbar bin Ali (Melaka)
10. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator*
    – *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
11. " Tan Sri Amirsham bin A. Aziz (Dilantik)
12. " Dato' Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator*
    – *Timbalan Menteri Kewangan II*
13. " Dato' Azian bin Osman (Perak)
14. " Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
15. " Datuk Chandrasekar Suppiah (Dilantik)
16. " Dato' Daljit Singh Dalliwal (Dilantik)
17. " Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
18. " Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
19. " Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
20. " Puan Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
21. " Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah (Dilantik)
22. " Puan Heng Seai Kie (Perak) – *Senator*
    – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
23. " Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
24. " Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
    – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. " Mejar Jeneral (B) Dato' Jamil Khir bin Baharom (Dilantik) – *Senator*
    – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
26. " Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin (Dilantik)
27. " Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
28. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
    – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. " Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)

31. " Datuk Maijol bin Mahap (Sabah)
32. " Dr. Malasingam a/l Muthukumaru (Dilantik)
33. " Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
34. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
35. " Tuan Mohamed Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
36. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
37. " Dato' Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
38. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
39. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
40. " Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
41. " Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
42. " Dato' Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
43. " Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
44. " Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
45. " Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
46. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
47. " Dato' Palanivel a/l K. Govindasamy (Dilantik)
48. " Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
49. " Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
50. " Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
51. " Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
52. " Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W.P. Kuala Lumpur)
53. " Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
54. " Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
55. " Dato Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Senator – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*(PS)
56. " Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
57. " Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
58. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
59. " Tan Sri Datuk Tee Hock Seng (Dilantik)
60. " Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
61. " Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram (Dilantik))
62. " Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
63. " Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)

64. Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
65. " Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
66. " Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)
67. " Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Supiah binti Dewak
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Nurul Farihah binti Mohd. Isa
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Hazrul bin Sharif
Nurul Aishah binti Sha'arin
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 3 Mei 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Dato' Palanivel a/l K. Govindasamy
- Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman
- Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat
- Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Noor

■1010

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Ahli-ahli yang baru seperti berikut:

(i) Yang Berhormat Dato' Palanivel a/l K. Govindasamy;

(ii) Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman;

(iii) Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat; dan

(iv) Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor.

Tanggungjawab yang telah diterima oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sebagai Ahli Dewan yang mulia ini ialah untuk dengan jujur memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan ini. Ini adalah yang sewajarnya kerana ianya merupakan titik tolak dengan izin *rules of law* bagi negara, masyarakat dan rakyat jelata.Hanya melalui dukungan kita bersama terhadap kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan, maka sistem Demokrasi Berparlimen negara akan dapat menjamin keutuhan, kejayaan dan kecemerlangan Malaysia. Saya berharap semoga Yang Berhormat-Yang Berhormat berjaya mendukung tugas tersebut sebagai Ahli Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kini selesailah Majlis mengangkat sumpah pada hari ini.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah yang dimaksudkan dengan transformasi pendidikan yang sedang dilaksanakan sekarang dan adakah transformasi ini memerlukan kajian semula ke atas dasar dan falsafah pendidikan negara.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memantapkan sistem pendidikan di Malaysia antara langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia ialah membuat transformasi kurikulum di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Transformasi kurikulum ini melibatkan perubahan dalam bentuk kandungan penjadualan waktu dan penekanan kepada pendekatan pembelajaran yang menyeronokkan. Transformasi kurikulum ini masih berasaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan di mana Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengungkapkan hasrat bahawa pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah menghasilkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada tuhan.

Transformasi kurikulum juga memberi penekanan yang lebih kepada pentafsiran berasaskan sekolah, meningkatkan penglibatan murid dalam kokurikulum dan kegiatan luar bilik darjah. Melalui transformasi kurikulum ini juga penghayatan nilai seperti perpaduan, menyayangi alam sekitar dan semangat patriotisme turut diperkukuhkan. Perkara ini akan mengukuhkan dan memantapkan lagi sifat-sifat dan peribadi yang kental di kalangan murid melalui isi kandungan dan cadangan pedagogi yang lebih efektif. Penegasan ini dilaksanakan berasaskan enam tunjang iaitu tunjang komunikasi, kerohanian sikap dan nilai, kemanusiaan, fizikal dan estetika, literasi sains dan teknologi dan keterampilan diri bagi melahirkan insan holistik.

Tuan Yang di-Pertua, transformasi kurikulum juga menegaskan penggunaan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih memberikan penekanan kepada *hands on learning,* dengan izin, seperti *inquiry* penemuan, pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran secara konstruktivisme, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran masteri dan pembelajaran luar bilik darjah. Pendekatan yang digunakan mesti menyediakan peluang pembelajaran murid tidak terhad, menyeronokkan serta mengambil kira kepelbagaian kecerdasan murid. Kaedah dan pendekatan ini adalah untuk memastikan kurikulum yang diajar di sekolah berjaya membentuk dan seterusnya melahirkan murid yang mempunyai peribadi yang kental dalam menangani masalah sosial yang wujud di kalangan masyarakat hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, melalui transformasi kurikulum elemen kreativiti dan inovasi, elemen keusahawanan serta elemen teknologi maklumat dan komunikasi diajar secara eksplisit kepada pelajar. Transformasi kurikulum bermatlamat membentuk diri murid untuk menjadi modal insan seimbang di antaranya berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara, berkeperibadian mulia dan mempunyai jati diri yang kukuh serta mempunyai ketahanan dan boleh berhadapan dengan cabaran masa kini dan masa depan serta persekitaran dunia global.

Justeru, kurikulum transformasi ini menyediakan ruang dan peluang bagi memenuhi keperluan murid bagi membangunkan modal insan yang holistik, berpengetahuan serta berfikiran kreatif, kritis dan berinovatif. Transformasi kurikulum pada peringkat prasekolah mula dilaksanakan pada tahun ini. Untuk peringkat sekolah rendah pula transformasi kurikulum mula dilaksanakan pada tahun 2011 untuk murid Tahun Satu manakala peringkat menengah bermula dengan murid Tingkatan Satu dan dilaksanakan pada tahun 2012. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang begitu *detail*. Tahun-tahun kebelakangan ini kita mendengar saranan dan seruan supaya dasar pelajaran kita dikaji keseluruhannya. Pertanyaan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua adakah dengan hanya mengadakan transformasi kurikulum kita boleh menyediakan masyarakat kita untuk menjadi satu masyarakat satu negara yang maju tahun 2020 dengan tidak menyentuh dasar pelajaran negara dan falsafahnya yang lebih mendesak. Adakah cukup dengan hanya menjalankan transformasi kurikulum sahaja? Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dalam kita membentuk atau melakukan transformasi kurikulum apa yang dilakukan adalah penggubalan satu sukatan yang masih berpaksikan kepada Falsafah Pendidikan Negara. Bermakna tunjang itu tidak berubah. Yang berubah itu dari segi kandungannya, dari segi cara kita untuk kita membuat penyampaian P&P yang lebih efektif.

Jadi kita juga berdasarkan apa persekitaran yang terbaru ini, apa yang perlu kita masukkan elemen komunikasi dan kita juga kena memasukkan elemen inovasi dan bagaimana kita hendak melatih pelajar lebih kreatif. Saya rasa semua komponen ini kita telah mengkaji kesesuaiannya bagaimana ianya dapat memenuhi hasrat kita untuk melahirkan insan yang dikatakan holistik dan boleh bukan sahaja berdepan dengan cabaran masa kini tetapi juga masa depan. Jadi secara umumnya ingin saya mengatakan bahawa kita masih berpaksikan kepada falsafah yang sama tetapi pendekatannya berlainan kerana faktor luaran telah berubah tetapi percayalah bahawa kita akan melakukan yang terbaik untuk membentuk modal insan yang terbaik untuk negara kita. Terima kasih.

■1020

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak kaitkan transformasi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi dengan *outcome based* Model Ekonomi Baru.

Tolong tunjukkan kepada kami bagaimanakah transformasi yang masih berteraskan enam tunjang tadi boleh merealisasikan Model Ekonomi Baru sekurang-kurangnya dari aspek struktur guna tenaga, yang mana pada masa ini tidak mencerminkan negara berpendapatan tinggi dan juga tidak berproduktiviti tinggi. Tolong jelaskan *outcome based*nya. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kalau kita melihat enam tunjang itu, salah satunya adalah dari segi literasi sains dan teknologi. Kita memang selalu melakukan pembaharuan dalam soal ini. Kita juga memasukkan elemen penggunaan ICT. Kita mahu modal insan yang bakal dilahirkan itu dapat mendukung hasrat negara. Jadi berbalik kepada bagaimana transformasi ini dapat membantu atau mendukung Model Ekonomi Baru, sebenarnya kita juga mengadakan perbincangan dengan semua pihak berwajib dan apabila kita menggubal atau melakukan transformasi ini, kita juga melihat keperluan pasaran.

Apabila kita mendengar ada pandangan yang mengatakan bahawa pelajar kita kurang inovatif, maka kita kena masukkan komponen inovasi itu dalam sukatan kita. Satu lagi, mungkin yang dikatakan kreativiti tidak cukup, itu juga melibatkan satu proses pendedahan kepada pelajar bagaimana mereka dapat dididik di sekolah rendah dan sekolah menengah. Saya rasa dengan cara ini, kita akan cuba sedaya upaya dengan menggabungkan enam tunjang itu, ia dapat membantu dan kita hendak negara kita dapat melahirkan modal insan yang boleh menguasai ilmu dan juga sains dan teknologi dan selepas itu mereka boleh menerima pendapatan lebih tinggi. Bukan sahaja sekadar sebagai buruh.

Sebagai satu contoh, mungkin sampai masanya kita memikirkan untuk sekolah menengah, kita hendak menambahkan lagi latihan vokasional dan teknikal kerana kita tahu ada yang langsung tidak boleh belajar. Bagaimana kita hendak melahirkan - adakah kita hendak menjadikan mereka sebagai 'mat rempit'? Tidak. Kita akan gunakan platform ini di sekolah menengah untuk melatih mereka dan didedahkan. Mungkin pada tingkatan empat dan lima, biar mereka dapat Sijil Kemahiran Malaysia tahap kedua dan itu sekurang-kurangnya sebagai satu asas untuk melatih mereka untuk menguasai ilmu. Itu juga memenuhi pasaran luarlah. Jadi saya rasa ini adalah antara kaedah yang ada dalam transformasi kurikulum. Terima kasih.

2. Dr. M. Malasingam minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah sistem pelupusan sisa pepejal yang diguna pakai sekarang menepati piawaian antarabangsa dan nyatakan jumlah tapak pelupusan sampah yang masih beroperasi di negeri Perak dan tempoh operasi yang diluluskan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi kepada soalan Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini.

Tahniah juga kepada keempat-empat rakan-rakan seperjuangan yang telah dilantik sebagai Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini, terdapat 176 buah tapak pelupusan sisa pepejal yang masih beroperasi di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, hanya tujuh buah tapak pelupusan bertaraf sanitari dan mematuhi piawaian antarabangsa. Baki 169 tapak pelupusan tersebut didapati tidak memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh, dengan izin, *the Technical Guideline for Sanitary Landfill, Design and Operation* yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 2006, mahupun piawaian antarabangsa.

Selain daripada itu, aspek pengurusan tapak serta buangan sisa pepejal perlu menepati kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta 127 Peraturan Aturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009. Setakat ini, terdapat 20 tapak pelupusan sisa pepejal yang masih beroperasi di bawah kawalan PBT di negeri Perak. Tempoh operasi atau tapak pelupusan adalah bergantung kepada keluasan setiap tapak dan jumlah sisa pepejal yang dilupuskan di tapak berkenaan.

Berdasarkan rekod kementerian, baki jangka hayat bagi sesuatu tapak pelupusan secara umumnya adalah di antara satu tahun hingga 16 tahun. Sejumlah RM1.7 bilion siling peruntukan untuk pengurusan sisa pepejal di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan untuk tahun 2010 pula sejumlah RM783 juta diperuntukkan untuk maksud yang sama. Sebanyak 37 tapak pelupusan sedia ada di naik taraf. Terdapat 16 buah tapak pelupusan yang terletak di kawasan sensitif sedang ditutup secara selamat. Pembinaan tujuh buah tapak pelupusan sanitari baru sedang dilaksanakan serta lima loji rawatan termal sedang giat dibina dan dijangka siap awal RMKe-10. Terima kasih.

Dr. M. Malasingam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya, apakah Program Kitar Semula yang dijalankan ini memberikan satu kesedaran di kalangan masyarakat tempatan memandangkan terdapat ramai lagi yang masih tidak sedar akan kepentingan program sedemikian dan juga kurang promosi yang mantap. Apakah langkah kerajaan dalam memastikan program ini disebarkan ke peringkat akar umbi supaya generasi akan datang dapat menghayati kehidupan yang selesa? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas soalan tambahan. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, mulai pada tahun ini, kementerian kita telah pun melakukan banyak kempen, ceramah, seminar, kursus di pelbagai pihak khususnya kepada pihak berkuasa tempatan bagi melaksanakan Program Kitar Semula. Kementerian saya menyediakan peruntukan terutama sekali untuk membantu mana-mana NGO yang ingin bekerjasama dengan pihak PBT ataupun pihak berkuasa tempatan dan kementerian saya sendiri untuk melaksanakan Kempen Kitar Semula.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini di mana tidak beberapa lama lagi kita akan antaranya mengagih-agihkan plastik ataupun beg plastik yang boleh dikitar semula kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator supaya menjadi satu contoh ataupun *example* kepada umum di mana kita laksanakan dulu. Melalui kementerian saya, kita akan mula daripada Menteri, Timbalan Menteri dan semua pegawai-pegawai akan menggunakan beg plastik yang boleh dikitar semula dan yang mesra alam sekitar. Di mana ia akan memberikan satu pengetahuan umum kepada masyarakat umum supaya kita mengurangkan penggunaan plastik.

Kita juga – kementerian telah menyediakan pelbagai kemudahan seperti tong sampah di mana kita asingkan bahan-bahan sisa pepejal yang boleh dikitar semula dan sementara yang tidak dikitar semula. Kita telah mengadakan kempen bersama dengan pihak NGO seperti Pencinta Alam Sekitar dan juga dari pihak sekolah. Pihak gedung-gedung seperti gedung-gedung yang besar di mana mereka juga membantu kita untuk mempromosikan tentang penggunaan plastik yang mesra alam dan juga kempen kitar semula. Terima kasih.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tapak pelupusan sampah di Pauh, Perlis juga telah mengeluarkan bau yang amat busuk dan telah pun menimbulkan rasa tidak puas hati kepada penduduk-penduduk, sekolah-sekolah dan juga IPTA-IPTA yang berdekatan di situ. Apakah kementerian mempunyai teknologi baru mengawal ataupun mengurangkan bau busuk di tapak tersebut? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan tapak yang mengeluarkan bau yang busuk. Di antara pendekatan kita, kalau kita lihat bahawa tapak itu tidak lagi sesuai untuk membuang sampah, maka kita tutup dengan selamat. Kita akan menggantikan tapak baru yang kita mohon kerjasama daripada semua PBT dan juga kerajaan-kerajaan negeri. Masalah yang dihadapi oleh kementerian saya pada masa kini ialah untuk mendapatkan tapak yang sesuai bagi membina tapak pelupusan yang baru.

Jadi, justeru itu, saya memohon kepada PBT-PBT di seluruh negara dan juga pihak berkuasa negeri supaya menentukan apabila kita menutup tapak pelupusan secara selamat, maka kita juga pada masa yang sama memerlukan tapak untuk pembinaan semula. Kita sebenarnya melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal telah menyediakan peruntukan yang sebegitu besar untuk melaksanakan dan membina *landfill* yang baru. Terima kasih.

■1030

3. Dr. Syed Husin Ali minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar atau tidak dua orang bekas tentera Zionis Israel diberikan tanggungjawab membina sistem komunikasi bernilai RM42 juta untuk PDRM. Jika benar, apakah implikasinya dari segi keselamatan negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali yang mengemukakan pertanyaan. Izinkan saya juga menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin bertarikh pada 6 Mei 2010, pertanyaan nombor 73 kerana pertanyaan ini adalah berkaitan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya setuju.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, isu yang sama yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh di Dewan Rakyat dan telah pun dijawab pada 13 April 2010. Seperti yang telah ditegaskan sebelum ini, dakwaan yang mengatakan terdapat penglibatan dua orang bekas tentera Israel iaitu Izhak David Naskar dan Ido Schechter dalam Pembangunan Sistem Komunikasi PDRM ataupun ringkasnya RMPnet., adalah tidak berasas dan tidak benar sama sekali. Fakta-fakta yang dikemukakan juga adalah tidak tepat dan mengelirukan.

Projek RMPnet yang dimaksudkan ini adalah projek sistem komunikasi radio dua hala atau dengan izin, *two way communication system* iaitu projek menaik taraf Sistem Komunikasi Analog Konvensional PDRM kepada Sistem Komunikasi Taktikal Digital selaras dengan perubahan dan tuntutan tugas kepolisian kian bertambah dan mencabar. Sistem ini dapat menjamin keselamatan maklumat dan meningkatkan keberkesanan dalam penugasan PDRM kerana frekuensinya yang digunakan berupaya membawa maklumat dalam jarak yang jauh.

Sistem ini dibangunkan oleh Syarikat Motorola Technology Sdn. Bhd. (MTSB) dengan rakan niaga tempatan iaitu Syarikat Master Plan Consulting Sdn. Bhd. (MPC). Syarikat Asiasoft Sdn. Bhd. yang mana Syarikat Asiasoft Singapore Ptd. Ltd., Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Asiasoft (M) Sdn. Bhd. yang mana merupakan Syarikat Asiasoft (S) Ptd. Ltd. memiliki 30 peratus saham sahaja dalam syarikat ini, yang mana tiada kena-mengena dalam pembangunan projek RMPnet ini.

Projek RMPnet yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat MTSB ini adalah berdasarkan pelawaan APCO P25 iaitu piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh *Association of Public Safety Communications Officials* atau ringkasnya *APCO International*.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, projek polis yang melibatkan Syarikat Asiasoft (M) Sdn. Bhd. adalah projek *Police Reporting System* (PRS). Projek PRS ini adalah projek berkaitan dengan sistem untuk menerima laporan polis atau *police report* secara elektronik melalui sistem komputer yang dibekalkan di balai-balai polis, di mana fasa pertama dan kedua dibangunkan oleh Syarikat Sapura System Sdn. Bhd. manakala fasa ketiga oleh Syarikat Master Plan Consulting Sdn. Bhd. (MPC).

Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Asiasoft (M) Sdn. Bhd. merupakan subkontraktor kepada Syarikat Master Plan Consulting Sdn. Bhd. bagi melaksanakan sebahagian daripada aplikasi PRS. Syarikat Asiasoft (M) Sdn. Bhd. ini adalah syarikat tempatan di mana 70 peratus daripada sahamnya dimiliki oleh rakyat Malaysia dan bakinya 30 peratus dimiliki oleh Syarikat Asiasoft (S) Ptd. Ltd.

Semasa projek PRS dilaksanakan, tiada seorang pun pekerja daripada Syarikat Asiasoft (S) Ptd. Ltd. terlibat kerana semua pekerja yang terlibat adalah terdiri daripada warga tempatan yang melalui proses tapisan keselamatan oleh PDRM. Walau bagaimanapun, selepas projek PRS siap pada bulan Ogos 2007, Asiasoft (S) Ptd. Ltd. membuat *restructuring,* dengan izin di mana semua saham berbayar dalam syarikat ini iaitu Syarikat Asiasoft (S) Ptd. Ltd. yang mana pemilik barunya ialah Toh Kian Hong – rakyat Singapura yang memiliki sebanyak 49 peratus dan bakinya sebanyak 51 peratus dimiliki oleh Top Image System Ltd.

Mengikut rekod, didapati dua daripada anggota Lembaga Pengarahnya adalah rakyat Israel. Berikutan dengan perubahan pegangan saham tersebut, PDRM telah menjalankan penyiasatan dalaman dan mendapati tidak terdapat penglibatan mana-mana warga negara asing khususnya dari Israel dalam pembangunan projek PRS ini. Walau bagaimanapun, PDRM masih lagi meneruskan penyiasatan dan mengumpulkan dokumen-dokumen yang berkaitan sebagai langkah proaktif untuk mengelakkan sebarang spekulasi negatif yang menjejaskan imej PDRM. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak akan berkompromi dalam hal-hal yang melibatkan keselamatan negara. Sekian.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang selain daripada itu walaupun tidak begitu tepat dengan soalan. Saya pertama sekali bertujuan untuk soalan tambahan ini ingin merujuk kepada surat KPNPR39/1/1 bertarikh 3 Disember 2008, daripada Ketua Logistik PDRM – CP Dato' Mashuri bin Zainal kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, satu soalan sahaja, okey.

Syed Husin bin Ali: Akan tetapi kena diterangkan pasal ini..

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey..

Dr. Syed Husin Ali: Maklumat para 3 menyatakan dalam bulan Mei 2008 – Pengarah Jabatan Logistik, PDRM menerima maklumat dari Pengarah Cawangan Khas mengenai penglibatan dua bekas pegawai tentera dari Israel dengan projek PRS PDRM, yang dilaksanakan oleh Syarikat MPC.

Keduanya, dalam bulan Ogos tahun 2008, Cawangan Khas mengesahkan wujud penglibatan Israel dalam...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa tidak payah baca semua. Soalan tambahan sahaja.

Dr. Syed Husin Ali: Apa yang saya hendak sebutkan di sini adalah berdasarkan kenyataan-kenyataan surat rasmi daripada Ketua Logistik..

Tuan Yang di-Pertua: Boleh ringkaskan, selepas itu jangan bacalah...

Dr. Syed Husin Ali: Jadi bererti, kalau tidak baca nanti tidak nampak sahih..

Tuan Yang di-Pertua: Okey, *I have given*. Sudah beritahu dia punya apa itu...

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih dan soalan yang saya hendak tanya ialah kalau misalannya tidak ada dan ini adalah bertentangan dengan laporan ini, dan sekiranya sudah diberhentikan dan tidak ada disebutkan sama ada diberhentikan atau tidak, apakah akibat daripada sistem yang telah dibuat itu? Ertinya walaupun orangnya pergi, sistem ini akan tinggal dan sistem ini diketahui oleh pihak-pihak perisik Israel. Jadi ini akan mencabar keselamatan negara. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terutamanya dia mengatakan jawapan saya tidak tepat. Sebenarnya pertanyaan beliau tidak tepat, mengelirukan... *[Tepuk]* Yang mana dia bertanya sama ada projek RMPnet mendakwa terlibat dengan perisik Israel. Jadi tidak betul.

■1040

Saya sudah katakan tidak ada sama sekali kerana kita tidak menggunakan Asiasoft untuk melaksanakan projek RMPnet itu. Projek yang dilaksanakan oleh Asiasoft sebagai subkontraktor kepada MPC adalah berkaitan dengan projek *Police Reporting System* (PRS) yang mana ini merupakan bahawa kalau kita lihat daripada segi projek ini yang telah siap lebih lama daripada penstrukturan syarikat MPC Singapore. Saya menyatakan bahawa dalam pelaksanaan projek ini tidak melibatkan syarikat Asiasoft (S) Pte. Ltd. tetapi yang terlibat adalah pekerja-pekerja daripada syarikat Asiasoft (M) Sdn. Bhd.

Berkaitan dengan syarikat Asiasoft (S) Pte. Ltd. yang mana ada *restructuring* selepas Ogos 2007 yang mana projek *Police Reporting System* telah pun siap peringkat awal lagi dalam Mac 2007, di mana projek ini merupakan projek di bawah fasa tiga yang bermula pada Oktober 2006. Jadi tidak ada terlibat langsung! Inilah putar belit yang dibuat oleh pihak pembangkang sehingga mengelirukan masyarakat.. *[Tepuk]* Pihak pembangkang ini merupakan 'raja putar alam'!... *[Tepuk]*

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada pihak kementerian yang telah memberi jawapan yang begitu jelas sekali.

Saya mohon penjelasan Yang Berhormat, sekiranya perkara ini tidak benar, apakah kerajaan akan mengenakan tindakan undang-undang terhadap manusia yang tidak bertanggungjawab yang menyebarkan fitnah sebegini? Ini kerana dibimbangkan jika tidak ada tindakan susulan oleh kerajaan, membuat fitnah akan menjadi budaya setengah daripada rakyat negara ini. Kepada Yang Berhormat yang bertanyakan soalan itu tadi, tidakkah Yang Berhormat merasa insaf bahawasanya orang daripada kalangan parti Yang Berhormatlah yang selalunya membawa cerita-cerita dari dalam negara ke luar negara? Terima kasih... *[Tepuk]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa semua orang sedia maklum kerana apa yang kita lihat pihak pembangkang ini memang suka mewujudkan persepsi yang negatif terhadap kerajaan walaupun perkara itu tidak benar.

Inilah yang selalu mendakwa seolah-olah polis ini yang jahat dan tidak ada kebaikan yang dibuat oleh pihak polis. Inilah peranan pembangkang pada hari ini. Akan tetapi apa yang kita lihat bahawa mereka hanya membawa di dalam Dewan ini sahaja. Mungkin dari segi tindakan kita mengikut undang-undang ada kekangannya.

4. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

(a) apakah kriteria yang diguna pakai oleh kementerian dalam memberi permit atau AP kepada pengimport binatang ternakan seperti lembu dan kambing; dan

(b) masa kini berapakah jumlah syarikat yang telah diberikan AP tersebut mengikut pecahan negeri dan bilangan serta jenis binatang ternakan yang dibenarkan untuk satu-satu tempoh masa.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua:

(a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani meluluskan pengeluaran permit atau AP bagi tujuan mengimport binatang ternakan seperti lembu dan kambing bagi syarikat-syarikat atau individu yang memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(i) mempunyai kemampuan kewangan dan logistik untuk menjalankan pengimportan ternakan;

(ii) mempunyai pengalaman menjalankan pengimportan ternakan; dan

(iii) mempunyai kemudahan-kemudahan tempat simpanan ternakan iaitu kandang bagi ternakan hidup dan juga kemudiannya disimpan beku bagi pengimportan daging.

Pengimport ternakan yang diluluskan AP hendaklah mengimport ternakan yang bebas daripada penyakit haiwan selaras dengan keperluan *sanitary* dan *phytosanitary* (SPS). Ini adalah bagi mengekalkan ternakan yang dijangkiti penyakit haiwan tidak diimport dan menyebabkan penyakit kepada ternakan tempatan.

(b) Bagi tempoh Januari sehingga Mac 2010, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah meluluskan AP kepada 40 syarikat iaitu 29 syarikat di Kelantan melibatkan pengimportan 10,992 ekor lembu dan 11 syarikat di Kedah melibatkan 4,800 ekor lembu dan tiada AP diluluskan bagi mana-mana negeri yang lain.

Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dahulu kita ada agensi yang dipanggil Maju Ternak tetapi yang majunya bukan penternak. Sekarang agensi itu pun telah ditutup.

Soalan tambahan saya, daripada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi jelas kita masih lagi bergantung kepada daging-daging yang diimport ataupun lembu-lembu dan kambing-kambing hidup yang diimport. Apakah langkah-langkah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam usaha memajukan penternak-penternak kita khususnya di luar bandar dalam soal menternak kambing dan lembu khususnya, dan apakah langkah-langkah yang telah diambil ini mencapai sasaran ataupun prestasinya setakat ini? Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memanglah kerajaan daripada awal lagi kita banyak program untuk menjayakan usaha kita mengurangkan import daging.

Yang terakhirnya ialah dengan penubuhan *National Feedlot* yang berada di Negeri Sembilan di mana kita telah melantik sebuah syarikat untuk mengendalikan penternakan lembu ini dan syarikat ini dikehendaki mengadakan *satellite farm* di seluruh negara. Sekarang ini *satellite farm* telah diwujudkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama syarikat ini.

Bagi tahun ini kita telah meluluskan lebih kurang RM100 juta lebih untuk perwujudan *feedlot* ini. Selain daripada itu ada juga usaha-usaha yang telah dijalankan misalannya baru-baru ini kita telah memilih beberapa orang usahawan yang telah berjaya. Contohnya, yang kita dengar baru-baru ini di Selangor yang mati termakan racun di mana kita telah melantik dan menolong tiga orang penternak. Mereka telah berjaya menternak sehingga 300 ekor lembu tetapi malangnya lembu ini dilepaskan dan telah masuk ke kawasan yang telah dibubuh atau di*spray* racun rumpai untuk ladang kelapa sawit. Ini menyebabkan 150 ekor lembu itu telah mati. Sebenarnya banyak juga yang telah berjaya. Di antaranya adalah mereka inilah tetapi, walau bagaimanapun, ada lagi usaha-usaha yang patut dijalankan oleh kerajaan terutama sekali berkenaan dengan pembiakan kambing. Kita juga telah mewujudkan satu tempat iaitu di Pondok Tanjung di Taiping di mana kita telah meminta supaya *Northern Corridor* terlibat dengan memberi bantuan dalam mengusahakan ternakan kambing di bahagian utara negara kita ini.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan mempunyai sasaran ataupun *target* bila agaknya negara ini akan bebas daripada kebergantungan kepada daging import. Terima kasih.

Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Ini soalan yang susah saya hendak jawab. Ini kerana sekarang ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita masih mengimport begitu banyak lagi lembu-lembu dan juga kambing daripada seluruh negara. Jadi untuk menjawab soalan ini sehinggalah pertama sekali *National Feedlot* kita ini berjaya. Kalau *National Feedlot* kita ini berjaya maknanya kita akan dapat mengurangkan sekurang-kurangnya pengimportan lembu daripada negara lain.

■1050

Ini sedang kita usahakan dan sedang kita rancang. Selepas ini beratus *feedlot satellite* akan diwujudkan di seluruh negara di mana kita telah pilih sekarang ini peserta-peserta untuk terlibat dengan ternakan lembut ini. Itulah sahaja jawapan yang boleh saya beri setakat sekarang ini. Terima kasih.

5. Puan Hajah Zainun binti A. Bakar minta Menteri Kesihatan menyatakan, setakat manakah kejayaan Pelan Strategik Kebangsaan mengenai HIV/AIDS *(National Strategic Plan on HIV/AIDS)* bagi tempoh 2006 hingga 2010, dan nyatakan adakah kerajaan bercadang meneruskannya atau memperkenalkan pendekatan lain.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih kepada Yang Berhormat Hajah Zainun binti A. Bakar. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada empat orang Yang Berhormat yang baharu dilantik sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu lagi soalan yang lain yang menyentuh isu mengenai langkah-langkah kerajaan bagi menangani HIV/AIDS, iaitu pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff bertarikh yang sama kerana pertanyaan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersetujui.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat serius dalam menangani wabak HIV/AIDS. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, Malaysia telah mengambil langkah-langkah menangani HIV/AIDS ini pada tahun 1985 iaitu setahun sebelum penyakit ini mula dikesan di negara ini.

Langkah-langkah pencegahan, kawalan, rawatan dan sokongan bagi HIV/AIDS ini dimantapkan, dan pada April 2006 kerajaan telah meluluskan Pelan Strategik Kebangsaan mengenai HIV/AIDS ataupun lebih dikenali sebagai *National Strategic Plan on HIV/AIDS* dengan izin, bagi tempoh 2006 hingga 2010 dengan menumpukan kepada enam strategi utama iaitu:

(i) pengukuhan kepimpinan, komitmen, kolaborasi dan alokasi dalam memerangi HIV/AIDS;

(ii) peningkatan keupayaan teknikal, tenaga manusia dan sumber kewangan;

(iii) pengurangan kerapuhan jangkitan HIV di kalangan penagih dadah suntikan dan pasangan mereka;

(iv) pengurangan kerapuhan jangkitan HIV di kalangan wanita, remaja dan kanak-kanak;

(v) pengurangan kerapuhan jangkitan HIV di kalangan golongan terpinggir seperti pekerja seks, transeksual dan MSM *(men who have sex with men)* dengan izin; dan

(vi) peningkatan kemudahcapaian kepada informasi HIV/AIDS, program pencegahan, rawatan penjagaan dan khidmat sokong bantu.

Bagi merealisasikan strategi tersebut, beberapa aktiviti telah dan akan diteruskan dilaksanakan. Antaranya adalah:

(i) perkhidmatan ujian saringan HIV dan kaunseling kepada ibu hamil, kumpulan berisiko, bakal pengantin dan penderma darah. Sepanjang tahun 2009, sebanyak 1.21 juta orang telah menjalani ujian saringan HIV dan kaunseling tersebut;

(ii) pemberian rawatan antiretroviral (ARV) kepada pesakit HIV/AIDS. Sehingga akhir Disember 2009, seramai 9,962 orang pesakit telah menerima rawatan ARV tersebut; dan

(iii) pelaksanaan program pengurangan mudarat ataupun *harm reduction* yang meliputi program Terapi Gantian Metadone (MMT) dan Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan. Sehingga akhir Disember 2009, seramai 10,730 orang pesakit telah mendapat rawatan MMT di 162 pusat MMT di seluruh negara, manakala 18,377 klien telah mendapatkan perkhidmatan pertukaran jarum dan alat suntikan di 240 pusat MSEP.

Pelan strategik ini dibentuk bagi memastikan negara dapat mengurangkan kejadian kes baru HIV kepada 11 kes bagi setiap 100,000 penduduk menjelang tahun 2015. Pada tahun 2009, kejadian HIV baru telah dapat dikurangkan kepada 10.8 peratus bagi setiap 100,000 penduduk. Pelan strategik ini secara amnya telah berjaya mengurangkan kejadian HIV baru sebagaimana yang disasarkan enam tahun lebih awal daripada perancangan. Berikutan kejayaan pelan strategik ini, kementerian sedang menyediakan Pelan Strategik Kebangsaan mengenai HIV/AIDS yang baru bagi tempoh 2011 hingga 2015 bagi melaksanakan aktiviti yang lebih agresif dalam usaha berterusan membendung jangkitan HIV di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, fakta yang menyatakan Malaysia mencatatkan kes HIV yang tertinggi berbanding Papua New Guinea dan Kemboja adalah tidak tepat sama sekali. Berdasarkan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), anggaran kes HIV di Kemboja adalah seramai 75,000 ataupun 0.8 peratus di kalangan orang dewasa berumur 15 hingga 49 tahun, manakala di Papua New Guinea pula, anggaran kes HIV adalah seramai 54,000 atau 1.5 peratus di kalangan orang dewasa berumur 15 hingga 49 tahun. Di Malaysia, anggaran kes HIV adalah seramai 80,000 atau 0.5 peratus di kalangan orang dewasa berumur 15 hingga 49 tahun.

Walaupun bilangan kes HIV di Malaysia dilihat tinggi, namun pada hakikatnya Malaysia mempunyai kadar HIV yang terendah antara 0.5 peratus berbanding Kemboja 0.8 peratus dan Papua New Guinea 1.5 peratus. Terima kasih.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Kita lihat setiap hari dikatakan lebih 10 kes baru rakyat Malaysia dikesan HIV positif. Soalan tambahan saya, status setakat manakah kejayaan Malaysia dalam mencapai Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) bagi menurunkan kadar jangkitan HIV baru menjelang tahun 2015?

Yang kedua, memandangkan 35 peratus daripada 87,710 kes dijangkiti HIV tahun 2009 adalah remaja dan belia berusia 13 hingga 29 tahun, apakah usaha yang telah diambil kerajaan bagi meningkatkan kesedaran mereka mengenai kesihatan organ reproduktif dan penyakit jangkitan seksual (STD) di kalangan remaja, khususnya remaja wanita? Serta nyatakan bilangan doktor pakar dan doktor khusus membuat rawatan HIV dan AIDS.

Yang ketiga, saya difahamkan Kelantan mencatatkan kadar HIV baru yang tertinggi iaitu 40 peratus setiap 100,000 penduduk berbanding kadar kebangsaan yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu 10.8 peratus. Bolehkah Yang Berhormat Menteri nyatakan punca jangkitan HIV di Kelantan ini begitu tinggi berbanding negeri lain? Sekian, terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang diajukan. Bagi menjawab soalan pertama Yang Berhormat, Malaysia telah menetapkan di dalam Matlamat Pembangunan Milenium *(Millennium Development Goal)* untuk menurunkan kadar jangkitan HIV baru dari 21.7 peratus bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2000 kepada 11 peratus bagi setiap 100,000 penduduk, di mana untuk pengetahuan Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan, seperti yang saya nyatakan tadi kerajaan telah mencapai sasaran MDG enam tahun lebih awal daripada tarikh sasaran di mana pada tahun 2009, kita mencatatkan 3,080 kes baru. Walaupun kita telah mencatatkan 3,080 kes baru tetapi ianya masih di bawah paras 10.8 peratus di mana ianya lebih rendah daripada *target* yang kita sasarkan pada tahun 2015, Yang Berhormat.

■1100

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai doktor pakar yang terlibat di dalam rawatan penyakit HIV. Bagi memastikan rawatan ini dapat dimanfaatkan oleh rakyat kita, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah memperluaskan kebolehcapaian rawatan Yang Berhormat ya, dengan melatih para doktor di kalangan pakar perubatan keluarga, di samping pakar perubatan penyakit berjangkit yang sedia ada. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga akhir tahun 2009, seramai 180 orang pakar perubatan keluarga dan 25 pakar perubatan penyakit berjangkit dilatih. Dengan maksud ini mereka mampu memberikan rawatan kepada pesakit AIDS di seluruh negara. Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, bagi menjawab soalan Yang Berhormat mengenai peratusan HIV/AIDS yang dihidapi oleh remaja kita.

Di bawah Pelan Strategik Kebangsaan mengenai AIDS, untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita memberi penekanan kepada usaha-usaha untuk pengurangan kerapuhan kepada HIV/AIDS di kalangan wanita, remaja sekolah, belia dan kanak-kanak, di mana kita menekankan usaha-usaha ataupun program-program pencegahan. Program-program ini kita laksanakan di peringkat-peringkat sekolah Yang Berhormat dan juga di peringkat universiti. Salah satu program yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan adalah usaha kita dalam membina satu perkumpulan yang digelar *Prostar*. Mereka ini memberikan kesedaran kepada remaja-remaja kita khususnya sama ada di bandar ataupun di luar bandar mengenai bahaya HIV. Kita juga memberikan pendidikan, kita memberikan ceramah-ceramah sama ada di masjid-masjid dan juga di pasar-pasar malam bagi mewujudkan kesedaran di kalangan remaja kita.

Untuk menjawab persoalan mengenai negeri Kelantan Yang Berhormat, memang benar di negeri Kelantan, kita mencatatkan kes – hanya negeri Kelantan dibandingkan dengan negeri-negeri lain yang mempunyai peratusan kadar HIV/ AIDS yang tinggi Yang Berhormat.

Sekiranya di peringkat nasional kita telah mencapai 10.8 peratus tetapi di Kelantan bukan 40 peratus Yang Berhormat, hanya rendah sedikit iaitu 36.5 peratus dibandingkan dengan 100 ribu penduduk.

Kajian masih dijalankan, mengapakah kes HIV/AIDS ini amat tinggi di negeri Kelantan, tetapi seperti yang kita ketahui mungkin atas beberapa sebab yang saya tidak mahu sebutkan di sini. Kita memang di peringkat kementerian memang menjalankan *study* ataupun pelbagai bentuk *case study* di negeri Kelantan dan kita juga telah menetapkan di negeri Kelantan itu, khususnya Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan untuk penurunan kes-kes HIV ini sebagai KPI kepada mereka. Jadi Yang Berhormat, terima kasih di atas persoalan yang telah dibangkitkan.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, adakah perancangan ataupun program yang akan dianjurkan oleh kerajaan untuk mewujudkan hospital HIV di setiap negeri supaya kita boleh memberi rawatan yang lebih sempurna dan lengkap kepada pesakit yang menderita penyakit HIV. Kalau ada, bila? Kalau tidak ada, mengapa tidak ada? Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dibangkitkan. Yang Berhormat, pihak kementerian masih belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan hospital yang melibatkan HIV, tetapi untuk menjawab persoalan Yang Berhormat, kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan program *Harm Reduction* iaitu pengkhususan ke atas penagih dadah suntikan. Sejak tahun 2006 di mana kita telah melaksanakan dua program di bawah program *Harm Reduction* ini Yang Berhormat iaitu:

(i) Program Terapi Gantian *Methadone*; dan

(ii) program pertukaran jarum dan alat suntikan.

Ia telah dilaksanakan bermula pada Oktober 2005 di semua *facility* kerajaan dan klinik swasta.

Sehingga Disember 2009 Yang Berhormat, terdapat sejumlah 162 buah perkhidmatan MMP yang terdiri daripada 35 buah hospital kerajaan, 77 buah klinik kesihatan kerajaan, 14 buah klinik swasta, 24 buah Pusat khidmat Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan 12 buah penjara yang telah melaksanakan program MMT ini. Seramai 10,730 orang pesakit yang telah mendapatkan rawatan terapi gantian dengan kadar pengekalan pesakit sebanyak 70 peratus.

Kedua Yang Berhormat, Program Pertukaran Jarum dan Alat Suntikan ataupun NACP yang telah dilaksanakan sejak Februari, 2006 dengan komitmen dan kerjasama kerajaan dan badan bukan kerajaan khususnya Majlis AIDS Malaysia dan sehingga Disember 2009, sebanyak 12 buah badan bukan kerajaan ataupun NGO di bawah naungan Majlis AIDS Malaysia telah melaksanakan aktiviti tersebut di 240 buah lokasi.

Sebanyak 22 buah klinik kesihatan kerajaan juga turut terlibat di dalam pelaksanaan aktiviti tersebut Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sehingga akhir Disember 2009, seramai 18,377 orang klien telah mengikuti program ini dengan pencapaian 66 peratus kadar pemulangan jarum dan alat suntikan. Ini jelas menunjukkan bahawa kita memberi perhatian yang serius kepada masalah HIV/AIDS di negara kita, walaupun kita belum mempunyai perancangan untuk membina hospital yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Namun usaha ini jelas menunjukkan bahawa kita amat serius untuk menangani HIV/AIDS ini, dan usaha-usaha in akan kita perbaiki dari semasa ke semasa dan *trend* pengurangan penyakit HIV/AIDS di negara kita menunjukkan bahawa kerajaan amat komited untuk membasmi permasalahan yang ditimbulkan oleh penyakit HIV/AIDS ini. Terima kasih.

6. Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, statistik PATI dan juga pekerja asing berpermit, mengikut negeri-negeri di Malaysia serta pendekatan yang dijalankan oleh kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, di samping mengatasi keperluan tenaga kerja di beberapa sektor khusus seperti restoran, dobi, pasar mini dan sebagainya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Ir Haji Zamri bin Haji Yusuf yang telah mengemukakan pertanyaan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini. Kerajaan tidak mempunyai satu data yang tepat berkenaan dengan bilangan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Malaysia kerana kemasukan golongan PATI ini adalah secara tidak sah dan tidak direkodkan oleh mana-mana agensi. Walau bagaimanapun, kerajaan menganggarkan pada masa ini terdapat seramai 1.9 juta orang PATI iaitu berdasarkan anggaran bagi setiap seorang pekerja asing yang sah terdapat seorang PATI. Bagi kategori pekerja asing yang sah, statistik daripada Jabatan Imigresen Malaysia hanya dapat dikemukakan mengikut warganegara dan bukannya mengikut negeri.

Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, jumlah pekerja asing yang dicatatkan pada 31 Disember 2009 adalah seramai 1,918,146 orang pekerja asing. Pecahan mengikut lima buah negara sumber dengan jumlah pekerja yang paling ramai adalah seperti berikut:

NEGARA	BILANGAN (Orang)
Indonesia	991,940
Bangladesh	319,020
Nepal	182,668
Myanmar	139,731
India	122,382

Bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing bagi sektor perkhidmatan, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memperketatkan kelulusan pengambilan pekerja asing seperti membenarkan pengambilan pekerja asing sektor perkhidmatan hanya untuk jawatan tukang masak restoran, pekerja pembersihan dan pencucian, pekerja pulau peranginan sahaja, yang lainnya tidak. Pekerja asing juga tidak dibenarkan bekerja di barisan hadapan atau *front line.* Sekian.

■1110

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan pekerja asing berpermit dan tanpa permit PATI. Kita telah mendengar sebelum ini tentang perancangan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan untuk pengurangan kebergantungan ini. Akan tetapi yang ingin kita tahu, melalui soalan tambahan saya ialah dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan ini khususnya yang berpermit, apakah sebenarnya yang menghalang ataupun menyukarkan usaha kebergantungan ini, dan kita ingin tahu sejauh mana perancangan bersepadu di antara Kementerian Dalam Negeri dengan Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan penyediaan untuk mengambil alih tugas yang ditinggalkan oleh pekerja-pekerja asing ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Dalam proses penyelarasan bahawa kerajaan telah mewujudkan satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jadi apa yang saya nyatakan tadi berkaitan dengan kebergantungan berkaitan dengan pekerja asing ini di mana berkaitan dengan perkhidmatan seperti mana yang telah saya nyatakan tadi bahawa kita memperketatkan dalam syarat untuk memasukkan pekerja asing ini. Itu sebab kita telah membekukan beberapa sektor dalam perkhidmatan ini yang hanya tinggal seperti mana yang saya sebutkan tadi tiga sektor sahaja yang lain itu semua kita bekukan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bukankah tercemar imej negara bila mana PATI atau pekerja asing dibenarkan bekerja di muka hadapan dalam pekerjaan negara seperti di kedai makan, stesen minyak, *supermarket*, pasar mini, *Mydin market* dan lain-lain, sedangkan bidang ini boleh diisi oleh rakyat tempatan. Tidakkah kementerian rasa berdosa, bersalah bila mana ribuan pekerja asing atau PATI bekerja di tempat-tempat tersebut. Menteri tadi jawab ia tidak benarkan tetapi rakyat kita boleh lihat ribuan PATI, pekerja asing bekerja sekarang. Jadi soalan saya, apakah tindakan yang benar-benar ideal, yang benar-benar berkesan? Kita tidak mahu jawapan sahaja, jawapan, jawapan tetapi PATI, pekerja asing terus menguasai bidang-bidang pekerjaan tersebut. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih sahabat saya Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar. Saya rasa Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar ini lebih mengetahui bahawa beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Menteri dalam Kementerian Sumber Manusia. Jadi saya percayalah bahawa apa yang kita laksanakan hari ini berkaitan dengan sektor perkhidmatan ini. Ini yang mana hari ini pekerja bagi *supermarket* kita telah berhentikan. Apa yang saya nyatakan tadi hanya tukang masak di restoran, pekerja pembersihan, pencucian dan juga pekerja di pulau peranginan. Jadi pekerja-pekerja ini tidak ada di *front line*. Macam tukang masak duduk di dapur.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua boleh saya celah?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Akan tetapi di *mini market* banyak lagi, *supermarket* banyak lagi. Menteri jawab tidak ada tidak betul, banyak lagi. *Check* sendirilah, semak sendiri.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada yang banyak lagi di mana dia punya permit masih belum luput. Jadi apa yang kita laksanakan di mana baru-baru ini kita membekukan dalam sektor-sektor selain daripada apa yang saya sebutkan tadi yang mana kita mengecualikan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Cukuplah setakat itu kita pergi ke pertanyaan yang ketujuh.

7. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed *[Di bawah P.M 23(2)]* minta Perdana Menteri menyatakan, apakah target untuk menjadi Malaysia sebuah negara maju tahun 2020 boleh dicapai dan berapa negerikah di Malaysia yang telah mencapai taraf negeri maju.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Yang Berhormat, soalan yang diajukan. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat sasaran untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020, masih tidak berubah dengan sasaran pendapatan per kapita antara USD15,000 hingga USD20,000.

Kerajaan yakin bahawa boleh dicapai walaupun negara masih berada dalam golongan ekonomi pendapatan sederhana tinggi sejak tahun 1992. Dalam mencapai matlamat ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, kerajaan akan membuat transformasi ekonomi dan sosial menerusi empat kerangka utama iaitu Gagasan 1Malaysia yang menjadi bumbungnya, Program Transformasi Kerajaan yang menjadi tiang seri satunya, Pelan Transformasi Ekonomi yang akan jadi tiang seri keduanya dan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang menjadi lantainya. Model Ekonomi Baru akan menjadi pemangkin bagi menghasilkan satu tolakan besar dengan izin, *big push.*

Untuk mencetuskan momentum bagi merangsang transformasi dan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan tinggi. Kerajaan berpandangan formula kejayaan pembangunan negara yang diguna pakai sebelum ini tidak mencukupi untuk membawa negara ke arah kecemerlangan ekonomi masa depan. Walau bagaimanapun kerjasama semua pihak terutamanya penglibatan sektor swasta yang lebih cergas sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi adalah amat penting.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini hanya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja yang telah melepasi negeri berpendapatan tinggi dengan pendapatan per kapita sebanyak USD14,350, dengan izin, RM49,336 pada tahun 2007. Mengikut Bank Dunia ukuran negeri berpendapatan tinggi adalah sebanyak USD11,456 untuk tahun 2007. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat negeri yang mempunyai pendapatan per kapita kedua tertinggi di Malaysia iaitu Pulau Pinang mempunyai pendapatan per kapita USD9,416 pada tahun 2007. Masih agak jauh daripada mencapai taraf negeri berpendapatan tinggi. Ini bermakna jurang pendapatan per kapita bagi negeri-negeri lain di Malaysia untuk mencapai taraf negeri berpendapatan tinggi masih ketara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Timbalan Menteri. Apakah tahap pencapaian negara sekarang dan apakah halangan terbesar yang dikenal pasti boleh menghalang pencapaian Wawasan 2020? Adakah kerajaan mempunyai perancangan kontingensi atau Pelan Kecemasan bagi mengatasinya? Terima kasih.

■1120

Dato' S. K. Devamany: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

Pertama, daripada *indicator-indicator* dengan izin, *key economic indicators,* dalam tempoh penggal pertama ini iaitu bulan Januari, Februari, Mac, kita nampak bahawa pertumbuhan ekonomi negara semakin pulih dan begitu sihat sekali berbanding dengan tahun-tahun 2008/2009. Seperti mana yang sedia maklum oleh semua Ahli Yang Berhormat, dua tahun itu merupakan satu tiupan ribut yang begitu menakutkan sekali kerana keadaan ekonomi global yang begitu mencemaskan tetapi, daripada *indicator-indicator* kita pada tahun 2009 kita telah mempunyai pertumbuhan GDP sebanyak -1.7 peratus.

Akan tetapi pada suku terakhir 2009 iaitu pada bulan Oktober, November, Disember 2009 kita telah menampakkan Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus dengan izin, positif dan ini menunjukkan landasan untuk pemangkinan pembangunan begitu terserlah. Pada tahun 2010 ini bagi bulan Januari, Februari, Mac begitu meyakinkan kita. Kita berharap bahawa kita akan mempunyai pertumbuhan sebanyak 6 peratus GDP sepanjang tahun ini. Inilah *indicator* yang digunakan oleh Bank Dunia untuk menjadikan negara sebuah negara maju. Sekarang pendapatan per kapita kita adalah lebih kurang USD8,000. Maka, kita perlu melonjakkan lagi kepada USD6,000 pada tahun 2020 iaitu USD14,800 sebagai *indicator* untuk meletakkan negara sebagai negara maju.

Kita tengok purata pembangunannya mesti 6 peratus setiap tahun dan kita sudah ke arah itu. Maka, dengan adanya program-program transformasi yang diletakkan seperti mana yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi apakah akan bakal dibuat. Ia ada beberapa perkara. Pertama, menjanakan sektor swasta, memperkaya, memperkasakan sektor swasta. Ini kerana dalam persaingan global, sektor swasta yang memainkan peranan yang begitu utama dalam membawa *capital accumulation* dan juga dari segi persaingan, dari segi *niche markets*. Maka kita perlu memperkasakan.

Kedua, kita perlu memperkasakan modal insan. Menyediakan rakyat Malaysia untuk bersaing di peringkat global. Itulah maka pendidikan dan juga asas-asas lain, tidak perlulah saya ceritakan satu persatu perlu diperkukuh. Maka, ada banyak perkara yang perlu diceritakan kerana tidak boleh disebut dalam serangkap, satu konsep yang begitu besar sekali. Apakah kita bersedia sekiranya ada ribut lagi sekali melanda kita? Memang kita bersedia. Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' S. K. Devamany. Saya ucapkan terima kasih atas jawapan itu tetapi, soalan mengatakan negara maju bukan berpendapatan tinggi.

Saya ingin menarik perhatian *World Bank* yang memberikan definisi itu hanyalah berpendapatan tinggi. Dia tidak semestinya ada *one-to-one relationship,* dengan izin, negara maju. Pada tahun 2008 *benchmark* ialah USD11,906.

Sebelum saya memberikan soalan, saya hendak menarik perhatian. Saudi Arabia adalah negara mengikut *World Bank* berpendapatan tinggi tetapi ia tidak diiktiraf sebagai negara maju. Saya hendak menarik perhatian itu.

Jadi, di sini berpendapatan tinggi adalah salah satu kriteria untuk menjadi negara maju dan empat tiang seri yang disebutkan itu adalah satu usaha secara bersepadu untuk menjayakan kita melonjak ke negara maju berpendapatan tinggi bukan negara maju. Jadi, di sini saya ingin menarik perhatian bahawa kita harus lihat dengan *benchmarks* yang lain yang diiktiraf oleh badan antarabangsa seperti OECD. Jadi, berdasarkan kedudukan itu, berdasarkan *basket of indicators* ini yang biasanya diguna pakai sebanyak 32 oleh OECD, di mana letaknya Malaysia *vis-a-vis* sebagai negara maju. Untuk makluman Dato', Melaka sudah pun diiktiraf...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukup. Tanya persoalan itu.

Datuk Akbar bin Ali: Jadi, berbalik kepada soalan nombor 7 tadi, berdasarkan *basket indicators* yang digunakan oleh OECD sebagai negara maju, di mana letaknya Malaysia? Melaka sudah pun diiktiraf. Terima kasih.

Dato' S. K. Devamany: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Melaka dan beliau ini dari Jabatan Perangkaan dahulu. Maka, saya ucapkan terima kasihlah. Sebabnya kita adakan model ekonomi baru adalah kerana kita belum mencapai ke peringkat itu. Itu sebabnya. Kita tidak mahu Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Melaka sahaja yang telah menikmati kekayaan negara dan pertumbuhan GDP individu per kapita.

Kita mahu supaya ianya tersebar dan diagihkan kepada semua termasuk Kelantan, Sabah, Sarawak kerana mereka masih merupakan warga negara Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, *indicato*nya begitu banyak sekali. Kita perlu lihat secara meluas model ekonomi baru bukan sahaja dari segi pendapatan. Saya setuju bukan sahaja dari segi pendapatan tetapi dari segi *quality of life,* nilai hidup yang semakin macam negara-negara maju. Keupayaan sebuah keluarga untuk membawa anak-anak untuk bercuti juga merupakan *indicator micro* dalam konteks mikro itu.

Dalam konteks itu, kita banyak Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *consumption, public private consumption, investment, export, import, production indicator, consumption indicators, investment indicators.* Banyak, begitu jauh sekali untuk dilihat. Kalau melihat untuk meletakkan Malaysia sebagai negara maju tetapi, saya rasa Yang Berhormat mesti bersetuju bahawa di negara kita cara hidup kita sudah meningkat, keupayaan kita sudah meningkat.

Cuma kita terperangkap dalam *middle income trap*. Kalau dua dekad dahulu gaji kita lebih kurang RM2,000 untuk graduan. Sekarang tidak ada banyak beza, ini yang bahaya. Sekarang kita perlu melonjak dari RM2,000 jadi RM5,000. Barulah dia boleh atau graduan itu berupaya membeli rumah, kereta dan mempunyai sebuah keluarga yang bahagia. Inilah *indicator-indicator* yang bakal akan digunakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Tan Sri Datuk Jins Shamsudin *[Di bawah P.M. 23(2)]* minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, sekiranya keghairahan untuk memperbaiki kedudukan dalam *'ranking syndrome'* itu tidak menjelaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di IPTA dan nyatakan kesannya terhadap moral pensyarah-pensyarah di IPTA.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah ini berasaskan satu premis bahawa sekarang ini berlaku semacam satu keghairahan untuk memperbaiki kedudukan dalam *ranking syndrome,* dengan izin. Kami tidak fikir premis itu wujud bahawa ada semacam satu keghairahan untuk memperbaiki kedudukan dalam *ranking syndrome* itu. Oleh yang demikian, saya ingin menyatakan bahawa oleh kerana premis itu tidak ada, maka tidak timbul soal keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di IPTA dan moral pensyarah-pensyarah kita merosot. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Apakah kesan projek APEX Universiti untuk menaikkan taraf universiti dan seterusnya menaikkan *ranking*, dengan izin universiti tempatan dibandingkan dengan universiti luar. Ini kerana sekarang nampaknya merosot kedudukannya?

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Universiti APEX di pilih di kalangan empat universiti penyelidikan adalah semata-mata untuk menjadi *catalyst* kepada perkembangan universiti, kemajuan universiti untuk dalam masa yang sama itu meningkat kedudukannya di dalam ranking dunia tetapi, ada beza meningkat dalam ranking dengan keghairahan dan *ranking syndrome* dalam jawapan saya yang asal. Kalau hendak di lihat dari segi *ranking* universiti, ini bergantung kepada jenis ranking mana yang kita gunakan.

■1130

Dalam dunia antarabangsa hari ini, ada beberapa sistem *ranking*. Misalnya satu ialah yang diadakan sejak tahun 2004. Dahulu dikenali sebagai THES, sekarang menjadi THE-QS, *World University Ranking* oleh syarikat swasta British yang bernama *Quacquarelli Symonds*. Yang kedua ialah *QS.com Asian University Ranking* bermula pada tahun 2009 dan yang ketiga ialah *The Academic Ranking of World Universities* oleh *Shanghai Jiao-Tung University.* Masing-masing itu ada kriteria penarafan yang berbeza. Misalnya THE-QS berdasarkan persepsi responden dan apabila ranking ini berdasarkan persepsi, maka ada kemungkinan sesebuah universiti itu boleh naik dengan begitu mendadak dan juga boleh turun dengan begitu mendadak.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Satu lagi ialah *The Academic Ranking of World Universities* yang dikeluarkan oleh Shanghai Jiao-Tung University, ia memberikan penekanan daripada aspek fundamental dari segi kecemerlangan penyelidikan, khususnya penyelidikan. Manakala kalau kita lihat dari segi naik turun Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali tanyakan tadi, kalau kita lihat ranking Universiti Asia, kita dapati bahawa misalnya pada tahun 2009, kali pertama ia diadakan Universiti Malaya berada di tangga 39, Universiti Kebangsaan Malaysia di tangga 51, Universiti Sains Malaysia di tangga 69, Universiti Teknologi Malaysia di tangga 82, dan Universiti Putra Malaysia di tangga 90. Dalam ranking dunia, menggunakan THE-QS ranking, Universiti Malaya pada tahun 2004 berada di tangga 89; kemudian merosot 169 pada tahun 2005; kemudian pada tahun 2006 – 185; tahun 2007 – 246; tahun 2008 – 230.

Jadi ada turun naik tetapi, seperti yang saya katakan tadi, *test ranking* ini berdasarkan kepada persepsi. Pada waktu yang sama, kalau kita lihat ada universiti misalnya universiti tempatan kita termasuk Universiti Malaya, Universiti Sains dan lain-lain. Walaupun dalam ranking yang mengelompokkan pelbagai kriteria itu, mereka berada di tahap yang agak rendah tetapi, dalam fakulti tertentu, atau dalam program yang tertentu, mereka sebenarnya berada di tempat yang agak tinggi.

Misalnya Universiti Sains Malaysia dalam bidang *chemistry*, walaupun tidak ada *ranking* seperti *test ranking* dan sebagainya, tetapi berdasarkan penulisan-penulisan dalam *referee journal* dengan izin, peringkat antarabangsa sama ada Scopus atau ISI, kedudukan itu agak membanggakan. Namun kesimpulannya, kita dalam *test ranking* atau dalam yang terbaru ini *THE-QS ranking,* masih universiti-universiti kita yang memasuki *ranking* ini berada di 400 universiti yang teratas di dunia. Bukanlah angka yang terlalu baik, kita berusaha untuk meningkatkannya dan kita mencuba ini terutamanya dari segi Pelan Tindakan Strategik Pengajian Tinggi yang cuba kita laksanakan sebaik-baiknya, terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berhubung dengan *ranking* yang telah pun disebutkan tadi. Antara aspek penting ialah pelajar-pelajar pintar. Peringkat SPM kita lihat ada kebanjiran pelajar-pelajar yang mendapat 9A dan 10A. Walau bagaimanapun untuk peringkat universiti kita rasa negara gagal untuk mengeluarkan pelajar-pelajar pintar yang mendapat 4.00 di universiti-universiti tempatan. Jadi adakah ini mengakibatkan *ranking* seluruh dunia kepada pencapaian pelajar di peringkat tinggi terjejas? Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soal meninggikan taraf universiti kita di peringkat antarabangsa ini melibatkan banyak perkara. Soal pelajar yang terbaik juga penting. Tuan Pengerusi ukuran pelajar yang terbaik di universiti ini tidak semestinya hanya dilihat kepada pencapaian 4.00 mereka. Kalau kita lihat universiti-universiti yang tersohor di peringkat antarabangsa, yang dalam ranking contoh yang berada di tangga 10 teratas, tidak semestinya pelajar-pelajar mereka itu yang dianggap yang begitu baik itu mempunyai keputusan akademiknya semata-mata. Yang kita tekankan ialah melahirkan pelajar yang dianggap sebagai *well rounded personality,* dengan izin, pelajar yang mempunyai keperibadian yang bersepadu, yang kuat dari segi prestasi akademiknya dan pada waktu yang sama mempunyai sahsiah yang baik.

Ujian terakhir pada saya ataupun ujian yang terpenting dari segi kemampuan pelajar ini ialah sejauh mana mereka akhirnya mereka berjaya dalam pasaran kerja. Sejauh mana mereka dapat pekerjaan yang *decent,* dengan izin, dengan kelulusan mereka di syarikat-syarikat bertaraf antarabangsa ataupun dalam kerajaan atau juga di sektor masyarakat *civil*. Yang lebih penting lagi saya fikir dan ini sukar untuk diukur ialah sejauh mana mereka berperanan sebagai seorang rakyat yang baik dan yang patriotik. Kalau dia beragama Islam yang beriman dan bertakwa dan sebagainya. Terima kasih.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* sebelum saya mengemukakan soalan saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada empat orang Ahli Senator yang baru dilantik sebentar tadi.

9. Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah statistik kes jenayah di negara ini yang melibatkan pelajar-pelajar antarabangsa dan apakah tindakan kerajaan ke atas pelajar yang terlibat dengan jenayah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin yang mengemukakan pertanyaan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dan Dewan yang mulia ini jumlah kes yang dilakukan oleh pelajar asing di negara ini pada tahun 2009 adalah sebanyak 17 kes yang melibatkan 43 tangkapan. Manakala bagi tempoh Januari hingga Mac 2010 terdapat 14 kes yang melibatkan 22 tangkapan. Sekiranya dibandingkan dengan jumlah keseluruhan indeks jenayah pada tahun 2009 yang berjumlah 209,417 kes yang melibat pelajar asing, hanyalah 0.008 peratus sahaja, manakala bagi tempoh yang sama tahun 2010 pula, jumlah indeks jenayah adalah sebanyak 45,805 kes iaitu 0.03 peratus melibatkan pelajar asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani isu ini pihak polis dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa membuat pemantauan ke atas pelajar-pelajar asing yang belajar di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara. Pihak institusi pengajian tinggi berkenaan juga diminta untuk memberi penerangan kepada pelajar-pelajar mereka khususnya pelajar asing mengenai peraturan dan undang-undang selama mereka mengikuti pengajian ini negara kita. Di samping mereka juga diberi penerangan mengenai tatasusila dan budaya yang perlu diamalkan. Tindakan ini dijalankan secara berterusan bagi memastikan mereka mematuhi dan menyesuaikan diri dengan sosiobudaya masyarakat Malaysia, sekian terima kasih.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah tidakkah kementerian bercadang untuk tidak menerima pelajar-pelajar asing yang telah terlibat di dalam gejala-gejala sosial dan jenayah. Dihantar balik, tidak dibenarkan lagi belajar di mana-mana institusi pengajian tinggi di negara kita kerana mereka boleh membawa keburukan kepada pelajar-pelajar yang lain, akan menjadi contoh yang tidak baik.

■1140

Saya difahamkan ada beberapa buah institusi pengajian tinggi telah mendapat maklumat bahawa pelajar-pelajar asing ini, waktu dia memohon untuk datang belajar ke negara kita kemudian pada waktu malam mereka membuat kerja-kerja yang tidak senonoh. Ada di antaranya yang menjadi GRO dan ada juga di antaranya yang menjadi pelacur. Jadi, kerana itulah kita tidak mahu nama institusi pengajian tinggi ini tercemar kerana pelajar asing melakukan kerja yang tidak baik. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan pelajar-pelajar yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah, biasanya kalau disabitkan kesalahan ianya akan dikenakan hukuman setimpal mengikut undang-undang kita dan selepas mereka tamat menjalani hukuman baru mereka akan diusir. Buat masa ini, kalau dalam aspek sosial yang dilakukan oleh pelajar asing ini, kita hanya mengawal daripada aspek memaklumkan kepada pihak universiti-universiti yang berkaitan untuk memberi perhatian yang lebih berkaitan dengan pelajar-pelajar mereka.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita amat sedar bahawa Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha-usaha mempromosikan Malaysia sebagai *education hub* telah menggalak atau menarik ramai pelajar daripada luar negara ke Malaysia. Jadi, dengan itu ramailah bilangan pelajar-pelajar yang datang tetapi malangnya, seperti mana yang disebutkan tadi terdapat berita-berita yang mereka ini terlibat di dalam kegiatan-kegiatan jenayah dan juga aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral.

Di samping itu, kedapatan juga kepupusan pelajar-pelajar tersebut. Apabila sesi pelajaran bermula, tidak berapa lama selepas itu mereka akan hilang sebegitu sahaja. Tidak lama dahulu, sebuah kolej swasta di Negeri Sembilan adalah salah satunya kolej yang dilaporkan mempunyai bilangan pelajar yang paling ramai hilang ataupun pupus semasa sesi pelajaran mereka dan hari ini kolej itu telah ditutup. Jadi soalan saya, tidak adakah satu sistem ataupun mekanisme di peringkat Kementerian Dalam Negeri bagi mengesan mereka ini setelah mereka melaporkan diri untuk belajar, bagi menentukan mereka ini benar-benar datang ke sini semata-mata untuk belajar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan pelajar-pelajar ini, masalah-masalah yang timbul seperti mana yang telah dinyatakan Yang Berhormat tadi, sepatutnya pihak universiti ataupun institusi-institusi pengajian yang tertentu memberi fokus untuk melihat keadaan untuk memastikan perkara ini tidak berlaku.

Berkaitan dengan pengawalan, bahawa ini adalah di bawah kawalan Kementerian Pengajian Tinggi. Kementerian Dalam Negeri sebagai kementerian yang menjaga keselamatan apabila berlakunya aktiviti-aktiviti jenayah dan lain-lain yang melanggar undang-undang, bahawa Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang untuk kita selesaikan menjawab sehingga soalan nombor 10 sahaja. Selepas itu, Majlis akan menyambung semula jawapan-jawapan daripada Menteri atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Silakan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

10. Tuan Ahmad bin Hussin minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan, adakah kementerian akan menggalakkan pengilang-pengilang padi komersial yang berskala besar seperti Bernas dan lain-lain supaya menggunakan sekam padi untuk menjana tenaga elektrik dan juga bagi menyahut seruan kerajaan supaya kilang-kilang menjana tenaga daripada sumber yang boleh diperbaharui.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy* (RE), dengan izin, bagi mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil.

Untuk tujuan ini Tuan Yang di-Pertua, Dasar Lima Bahan Api telah diperkenalkan pada tahun 2000 di mana RE telah dikenal pasti sebagai sumber tenaga alternatif selain daripada minyak, gas, arang batu dan hidro bagi penjanaan elektrik. Sumber RE yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan bagi tujuan ini adalah biogas, solar, sisa pepejal, mini-hidro dan *biomass* termasuklah *biomass* daripada sisa sawit, sekam padi dan sumber-sumber lain.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan lagi penjanaan elektrik daripada RE, kerajaan telah melaksanakan *Small Renewable Energy Power Programme* (SREP), dengan izin. Di bawah program ini, pemaju yang berminat untuk menjana elektrik daripada sumber RE boleh berbuat demikian dan menjual tenaga elektrik yang dijanakan kepada pihak utiliti di mana pihak-pihak seperti pengilang padi komersial yang berskala besar seperti Bernas dan lain-lain boleh menyertainya. Di bawah program ini, kementerian banyak menerima permohonan untuk melaksanakan projek-projek RE berasaskan *biomass* daripada sisa sawit. Walau bagaimanapun, permohonan bagi pelaksanaan projek RE daripada sisa padi masih kurang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian ini akan melaksanakan dasar dan pelan tindakan tenaga boleh diperbaharui yang baru di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi memacu pembangunan RE dengan lebih pesat. Di bawah pelaksanaan dasar ini, kementerian akan melaksanakan mekanisme *feed-in tariff* (FIT), dengan izin, bagi meningkatkan *viability* pelaksanaan projek-projek RE. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan bahawa penyertaan oleh pemaju-pemaju bebas dalam penjanaan elektrik seperti sumber RE termasuk sumber sekam padi akan meningkat secara *significant* dan akan melonjakkan lagi pembangunan RE di dalam negara. Terima kasih...

Tuan Ahmad bin Hussin: *[Bangun]*

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *[Bangun]*

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, apakah insentif-insentif kewangan dari segi pengecualian cukai ataupun geran kerajaan yang akan diberikan kepada pengilang-pengilang tersebut dan adakah sambutan oleh mereka? Terima kasih.

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sejak daripada tahun 2003 kerajaan telah memberikan atau mengambil inisiatif, memberikan galakan-galakan terhadap penjanaan tenaga elektrik daripada sumber RE ini dan insentif fiskal ini diberikan kepada syarikat yang menjana elektrik seperti yang saya sebutkan tadi, tetapi yang popularnya adalah daripada *biomass* iaitu daripada sisa sawit. Sejak daripada itu juga, antara insentif fiskal yang diberi adalah taraf perintis ataupun *pioneer status*, dengan izin, elaun cukai pelaburan dan juga pengecualian duti import serta cukai jualan ke atas peralatan-peralatan yang digunakan.

Selain daripada itu, yang terbaru juga seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ahli Yang Berhormat ya, adalah melalui *Green Technology Financing Scheme* Tuan Yang di-Pertua, dan juga tarif. Apabila dijana disambung kepada grid utiliti akan diberikan tarif bayaran oleh TNB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Saya ingin tahu, apakah sasaran kerajaan terhadap jumlah penghasilan tenaga diperbaharui *(renewable energy)* ini pada 2020, di mana yang boleh dihasilkan daripada sisa tanaman seperti sekam padi dan apakah sebabnya pembangunan tenaga boleh diperbaharui ini agak lembap walaupun telah mula diperkenalkan pada tahun 2001, dan bagaimanakah ia boleh dibangunkan dengan lebih baik? Terima kasih.

■1150

Puan Noriah Kasnon: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sasaran negara untuk menjana tenaga daripada sumber air ini menjelang tahun 2020 adalah sebanyak 11 peratus. Pada hari ini saya kira hanya sekitar 5 peratus ke 7 peratus sahaja. Buat masa ini yang dijana melalui sekam padi permohonan hanya satu sahaja terdapat di bawah Program SREP yang saya nyatakan tadi 28 permohonan. Akan tetapi semua nampaknya lebih kepada *biomass* dan juga mini hidro. Ada satu sahaja daripada sekam padi.

Secara keseluruhannya antara sebab-sebab kegagalan ataupun program-program RE ini, tenaga yang dijana melalui sumber RE ini nampak agak lembap ataupun bukan gagal sepenuhnya, Yang Berhormat tetapi, agak lembap saya kira kerana pasaran ataupun insentif yang masih tidak begitu menarik ataupun dilihat kurang menarik oleh penjana-penjana bebas ataupun oleh pemaju-pemaju dan individu ini. Kemudian pasaran dan teknologinya juga terhad. Terdapat kekangan ataupun kos penjanaan awal, *capital cost* yang agak tinggi kalau hendak dibandingkan dengan penjanaan daripada sumber bahan api fosil.

Setakat hari ni kita masih belum lagi ada kerangka perundangan di mana kalau kita ingin melaksanakan insentif seperti FIT, memberikan takrif yang lebih menarik ini, kita perlukan satu akta tenaga boleh diperbaharui. Hari ini akta itu masih sedang dalam penggubalan Tuan Yang di-Pertua dan saya kira *insya-Allah* dengan adanya kerangka institusi ataupun agensi pelaksana di bawah akta tersebut kelak, *insya-Allah* akan melonjakkan lagi pertumbuhan pembangunan RE ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

USUL

USUL MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

11.52 pg.

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

> Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;
>
> "Ampun Tuanku,
>
> Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kedua Belas." ***[29 April 2010]***

Timbalan Yang di-Pertua: Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyambung menjawab.

11.54 pg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Dato' Haji Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menggulung saya ingin mengalu-alukan pelantikan empat orang Senator baru di Dewan ini dan mengharapkannya kehadiran mereka akan dapat mencemerlangkan lagi status Dewan ini.

Terus kepada penggulungan ini, saya ingin menyambung jawapan sayalah terhadap isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Akbar Ali mengenai kepantasan penyampaian *decentralization of power* dan juga *empowerment.*

Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa semua projek yang dilaksanakan oleh KKLW telah ditetapkan skop yang spesifik selaras dengan pelan perancangan dan pelaksanaan program atau projek pembangunan luar bandar dan tidak dibuat secara *adhoc.*

Berdasarkan perancangan ini, semua permohonan untuk projek di luar bandar diberi pertimbangan dan kelulusan secara yang menyeluruh dan holistik, mengambil kira keperluan keseluruhan negara. Oleh itu, pertimbangan serta kelulusan dibuat di ibu pejabat manakala pejabat cawangan KKLW yang saya sebutkan dalam sidang minggu lepas, yang ada setakat ini sepuluh cawangan, diberi tanggungjawab untuk melaksana, memantau program dan projek yang telah dirancang dan diluluskan oleh kementerian itu sendiri dengan cekap.

Bagi memastikan pertimbangan bagi projek yang dipohon dibuat awal, maka seawal bulan Oktober setiap tahun pihak yang ingin mengemukakan permohonan diminta untuk mengemukakan senarai projek yang ingin diberi pertimbangan untuk tahun berikutnya. Ini secara langsung akan membolehkan KKLW membuat perancangan dan kelulusan awal program atau projek KKLW dan terus dilaksanakan dan dipantau oleh pejabat cawangan KKLW sebaik sahaja masuk tahun baru.

Berkenaan dengan isu merakyatkan teknologi hijau supaya rakyat miskin dapat merasakannya seperti penggunaan alat yang boleh mengurangkan kepanasan tanpa menggunakan penyaman udara dalam pembinaan rumah rakyat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sukacita saya mengucapkan terima kasihlah di atas prihatin Yang Berhormat berhubung dengan teknologi hijau supaya ia diaplikasikan kepada rakyat miskin.

Sebenarnya saya sudah sebut minggu lepas, perkara ini telah diambil perhatian dan berada di peringkat kajian pelaksanaan kementerian melalui pelaksanaan reka bentuk baru, Program Bantuan Rumah (PBR). Dahulu rumah ini dua bilik, bersifat kotak-kotak. Jadi, Yang Berhormat Menteri baru ini melihat ini perlu ditambah baik. Kita telah kemukakan satu pelan yang baru yang mengambil kira pandangan Yang Berhormat itu sendiri. Reka bentuk yang baru ini meletakkan bilik ia tiga buah dan sebagainya.

Untuk makluman Yang Berhormat, reka bentuk yang ini memberikan lebih keutamaan kepada fungsi dan ruang yang asas dan praktikal. Konsep bangunan direka bentuk secara *flexibility design* agar para penghuni boleh membuat penambahan ruang pada masa akan datang. Maknanya *extension.* Selain itu, konsep reka bentuk baru ini juga dapat mengaplikasikan sistem atau kaedah pembinaan berteknologi tinggi dan terkini iaitu *industrialized building system* dengan izin, (IBS) yang dapat meningkatkan jangka hayat dan ketahanan bangunan bagi mengurangkan keperluan penyelenggaraan bahan binaan atau kemudahan peralatan di masa hadapan. Reka bentuk ini juga menerapkan yang saya sebutkan yang baru ini.

Reka bentuk yang baru ini menerapkan juga konsep perancangan dan pembangunan terkini termasuk mengaplikasikan teknologi hijau seperti Yang Berhormat sarankan iaitu *sustainable design, environmental friendly* dan *energy efficiency,* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, demi mencapai tahap keselesaan, kesihatan dan keselamatan kepada keluarga miskin dan miskin tegar. Maknanya kita sudah ambil kira dan dilaksanakan di satu atau dua buah rumah sebagai percubaan kita. Kalau ini berjaya, ini akan kita teruskan. Malahan kalau ada ruang lagi hendak tambah baik, kita akan tambah baik.

Saya hendak beralih kepada tajuk yang lain Tuan Yang di-Pertua, Hal Ehwal Orang Asli dan yang lain-lain itu saya fikir bincang di luar lah Datuk...

Datuk Akhbar Ali: Tidak, ini...

Dato' Haji Hasan bin Malek: Ini kerana masa tidak mengizinkan Yang Berhormat Datuk. Saya minta maaflah.

Datuk Akhbar Ali: Okey.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Kita bincang di luarlah, ya. Ini kerana ada cerita pasal surat tidak balas itu, saya *check* sudah ada semuanya dan sudah balas. Tidak mengapalah, kita buat di luarlah. Sahabat kita. Okey, terima kasih.

Saya hendak berpindah kepada cerita Hal Ehwal Orang Asli Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah membangkitkan isu mengenai pemilikan tanah di kalangan masyarakat Orang Asli. Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) sentiasa memberi perhatian serius dalam menangani isu pemilikan dan pembangunan tanah Orang Asli. Justeru itu, kementerian telah mewujudkan satu dasar pemberi milikan dan pembangunan tanah kepada Orang-orang Asli yang mana ianya telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara pada 4 Disember 2009. Dasar ini diwujudkan bertujuan untuk memberi milik tanah secara individu ke arah peningkatan kualiti hidup dan pembasmian kemiskinan masyarakat Orang Asli.

Mengenai isu di kampung Orang Asli Sungai Jang, Kuala Kubu Hulu Selangor, tiada had milik rasmi tanah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah. Isu tanah di kampung Orang Asli Sungai Jang, Kuala Kubu Hulu Selangor, nasib baik pilihan raya sudah selesai. Jikalau tidak itu ia akan dibangkitkan sebagai isu besar. Pada asalnya tanah tersebut adalah berstatus tanah milik individu, *individual status*. Kawasan tersebut adalah seluas 1.7 hektar yang mempunyai 14 ketua isi rumah dengan jumlah penduduk 70 Orang Asli. Walau bagaimanapun, pada tahun 2006, JHEOA telah mengambil inisiatif dengan membuat pengambilan semula tanah kepada pihak berkuasa negeri melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) untuk diwartakan di bawah seksyen 62, Kanun Tanah Negara 1965. Tanah tersebut telah dibeli dengan kos RM243,894 termasuk kerja-kerja ukur.

Pada 11 Disember 2007, JKPTG telah mengangkat perkara tersebut ke Pejabat Daerah Hulu Selangor untuk tindakan pewartaan. Kementerian bercadang untuk menyediakan kawasan penempatan tersebut sebagai penempatan tersusun dengan memasukkan elemen pembangunan tanah secara komersial iaitu ladang, projek-projek ekonomi dan penyediaan kemudahan infrastruktur. Ke arah itu kementerian melalui JHEOA bercadang untuk membuat lagi pengambilan semula tanah di sekitar kawasan tersebut dalam masa terdekat. Ini kerana konsep yang ada ini nampaknya memberi keuntungan kepada rakyat di situ.

■1200

Berhubung dengan isu Orang Asli di Lojing, Gua Musang yang mana di satu kawasan tanah Orang Asli diberikan kepada sebuah syarikat oleh kerajaan negeri dan Orang Asli terpaksa tinggal di tebing-tebing seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, tanah tersebut telah diberikan kepada syarikat-syarikat oleh pihak kerajaan negeri tanpa merujuk kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mengenai penempatan yang didiami masyarakat Orang Asli di sekitar kawasan tersebut. Bagi menyelesaikan isu tersebut, JHEOA telah pun diluluskan untuk pewartaan oleh pihak kerajaan negeri seluas 837 ekar di Jerdip, Gua Musang bagi kawasan penempatan semula masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, penempatan tersebut terdahulunya akan didirikan projek-projek ekonomi seperti penyediaan kemudahan infrastruktur.

Buat masa ini, JHEOA sedang menjalankan kajian *Environmental Impact Assessment (EIA)* untuk pembangunan kawasan tersebut. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli juga telah melantik agensi pelaksana projek pembangunan tanah di kawasan tersebut. Pendeknya, kita berusaha sedapat mungkin yang baik asalkan masyarakat Orang Asli ini dibela dan mendapat nikmat rahmat daripada kerajaan kita...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Berbalik kepada saranan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrisnan a/l Suppiah supaya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli diketuai oleh Orang Asli serta cadangan penubuhan Suruhanjaya Diraja bagi mengkaji keberkesanan JHEOA.

Untuk makluman Yang Berhormat, jawatan kedua tertinggi di JHEOA iaitu Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan, En. Nisra Nisran bin Asra Ramlan adalah daripada kaum Orang Asli berasal dari Kelantan.

Mengenai penubuhan Suruhanjaya Diraja, buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan suruhanjaya tersebut memandangkan semua projek pembangunan JHEOA dipantau melalui Sistem Pemantauan Projek 2 (SPP 2) yang dikawal selia oleh Unit Perancang Ekonomi. Di samping itu juga kementerian telah menubuhkan *flying squad* bagi memantau projek-projek yang telah dibangunkan oleh agensi-agensi kementerian.

Berhubung dengan isu penyelidikan, ekonomi, kemudahan prasarana serta warisan tradisional Orang Asli seperti yang telah dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah, untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat kementerian melalui JHEOA ini untuk memastikan Orang Asli dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa. Sehubungan dengan itu, seperti yang saya sebutkan tadi, satu *focus group* telah ditubuhkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang merangkumi *focus group* untuk melihat hal-hal yang berhubung kait dengan:

(i) pendidikan;

(ii) prasarana;

(iii) ekonomi;

(iv) kesihatan; dan

(v) warisan tradisional Orang Asli.

Focus group ini berperanan mengkaji, mengenal pasti serta mencadangkan program-program yang bersesuaian untuk dilaksanakan oleh JHEOA untuk masyarakat Orang Asli. Keahlian *focus group* ini juga dianggotai oleh cendekiawan Orang Asli. Saya hendak sebutkan contohnya seperti Prof. Madya Dr. Juli Edoh. Kita letakkan tempat yang sesuai bagi mereka untuk mengkaji *focus group* yang saya sebutkan tadi untuk mereka mengkaji, mengenal pasti apa yang harus hendak diberikan, hendak ditambahbaikkan terhadap keadaan masyarakat Orang Asli ini.

Selain daripada cendekiawan Orang Asli, kita panggil juga wakil-wakil Persatuan Orang Asli Se-Malaysia. Kita panggil juga seperti biasa, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi dan lain-lain kementerian. Pendek kata Yang Berhormat, kita terus-menerus mencari jalan supaya taraf Orang Asli ini akan lebih baik dari satu masa ke satu masa.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh mencelah?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Hendak tanya juga, Yang Berhormat?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nampaknya JHEOA ada buat banyak kebajikan, banyak kerja untuk Orang Asli tetapi, adakah Orang Asli terima ataupun gembira dengan apa yang dibuat? Ini kerana baru-baru ini ada satu kumpulan, lebih 2,000 orang pergi ke Putrajaya menghantar memorandum. Jadi nampaknya kaum Orang Asli tidak terima ataupun tidak puas hati dengan peranan yang dimainkan oleh JHEOA, apakah pandangan?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat, saya akui memang berlaku peristiwa itu. Sebenarnya peristiwa itu saya anggap sebagai sesuatu isu yang dipolitikkan oleh orang-orang tertentu, membawa mereka ke Putrajaya, dijanjikan yang lain-lain tetapi yang sebenarnya tujuannya lain. Ini sebenarnya yang berlaku. Apabila kita kumpulkan mereka, kita beri mereka makan dan lain-lain, barulah mereka faham bahawa mereka telah disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu. *That is beside the point.* Akan tetapi, apa yang saya hendak tegaskan dalam perjumpaan seramai lebih kurang daripada 2,500 Orang Asli itu, kita terangkan apa yang telah kita buat. Kita buat sebelum itu *roadshows* daripada pihak-pihak pegawai tertinggi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk menerangkan tentang dasar-dasar pemilikan tanah ini pun.

Kita terangkan kepada mereka. Jadi apabila sudah ada mendapat penerangan dan penjelasan tersebut, mereka yakin bahawa keikhlasan kerajaan kita hendak membantu mereka.

Cuma masanya itu perlulah mengikut prosedur yang diputuskan, prosedur-prosedur yang terpaksa kita ikut. Kita perlu pergi ke Majlis Tanah Negara, perlu kelulusan Kabinet dan sebagainya, hendak diwartakan, *it takes time.* Akan tetapi yang pentingnya, jaminan untuk mereka itu sudah ada di bawah kepimpinan kerajaan hari ini. Jadi saya mengharapkan *insya-Allah* pandangan Yang Berhormat yang lain-lain yang menghubungkan untuk menambah baik, itu juga kita alu-alukan. Jadi...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Boleh?

Dato' Haji Hasan bin Malek: Hendak selesai di luar bolehkah Yang Berhormat?... *[Ketawa]* Ini kerana ramai kawan-kawan dari kementerian lain ada yang akan memberikan jawapan. Jadi sekali lagi saya mengucapkan atas keprihatinan Yang Berhormat nampaknya begitu minat dalam hal ini. Marilah kita sama-sama memberikan pandangan dan juga sumbangan kita ke arah penambahbaikan masyarakat Orang Asli itu.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih di atas keprihatinan, cadangan dan buah fikiran Yang Berhormat Senator-senator dalam perbahasan Titah Diraja yang menyentuh mengenai Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Menteri Pengajian Tinggi untuk menjawab.

12.07 tgh.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pengajian Tinggi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh soal-soal berkaitan dengan kementerian ini ketika perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali menimbulkan beberapa persoalan. Misalnya tentang proses pendemokrasian dalam bidang pendidikan di semua peringkat. Dalam konteks ini, beliau menyentuh soal Akta Universiti dan Kolej Universiti dan aku janji yang dianggap membelenggu kebebasan pelajar dan pensyarah, soal autonomi universiti dan soal galakan program membaca dan berfikir secara kritikal.

Dari segi autonomi universiti, sebenarnya di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), autonomi adalah satu daripada agenda kritikal yang sentiasa kita tekankan. Ia meliputi tujuh bidang utama iaitu:

(i) perundangan;

(ii) *governance*;

(iii) akademia;

(iv) kewangan;

(v) sumber manusia;

(vi) kemasukan pelajar; dan

(vii) penjanaan pendapatan.

Malahan, saya suka menyebutkan bahawa kita dalam proses untuk meningkatkan lagi autonomi universiti dari segi membolehkan mereka menjana pendapatan sendiri dan membelanjakan pendapatan yang mereka jana secara sendiri itu.

Kedua ialah soal Akta Universiti dan Kolej Universiti. Sebenarnya, pada bulan Februari tahun lepas, kita telah pun selesai meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti yang memberikan lebih ruang kebebasan baik untuk pensyarah mahupun pelajar, bukan sahaja dari sudut akademik tetapi juga daripada sudut-sudut yang lain.

Sebagai contohnya, lantikan Naib Canselor sekarang ini tidak lagi dilakukan semata-mata atas lantikan Menteri tetapi sebaliknya calon-calon itu mestilah ditapis, ditemu duga oleh satu dengan izin, *Search Committee.*

■1210

Begitu juga lantikan untuk Timbalan-timbalan Naib Canselor. Manakala lantikan Dekan-dekan tidak lagi dibuat secara mutlak oleh Naib Canselor seperti sebelum ini. Akan tetapi perlu ada perundingan antara Naib Canselor dengan fakulti untuk melantik Dekan. Malahan sebagai contoh, Universiti Malaya ada fakulti yang melakukan pengundian untuk memilih Dekan. Contohnya Profesor Dr. Redzuan Othman adalah Dekan pertama di Fakulti Sastera dan Sains Sosial yang terpilih secara undian rakan-rakan dalam fakulti. Begitu juga kalau dahulu timbul persoalan misalnya kita seolah-olah tidak mengiktiraf kedudukan Profesor, akan tetapi sekarang Profesor mempunyai wakil mereka sendiri di dalam Senat yang dipilih di kalangan Profesor.

Selain daripada itu, kita juga memberikan kebebasan yang sangat luas kepada universiti untuk melakukan kerja-kerja penyelidikan termasuk membenarkan mereka bahkan menggalakkan mereka untuk melakukan kolaborasi dengan pihak industri. Kita juga membantu dan menggalakkan mereka untuk mengkomersialkan hasil-hasil R&D. Dari segi penerbitan kita cuba menggalakkan para pensyarah untuk meningkatkan lagi penerbitan mereka. Bukan sahaja melalui penerbit-penerbit universiti akan tetapi juga dengan ada apa yang disebut sebagai Majlis Penerbit Ilmiah Malaysia (MAPIM) yang merupakan gabungan penerbit-penerbit universiti dan juga penerbit-penerbit ilmiah di luar universiti.

Dari segi kebebasan yang lebih yang sudah diberikan kepada mahasiswa. Seksyen 15 dalam AUKU yang lama, yakni AUKU pindaan 1975 itu telah ditiadakan lagi dan digantikan dengan seksyen yang baru yang memberikan mahasiswa lebih banyak kebebasan sehingga keadaan yang berlaku sekarang dalam AUKU 2009 itu hampir sama dengan AUKU yang asal, AUKU 1971. Yang tidak boleh dilakukan oleh mahasiswa sekarang sebenarnya cuma tiga perkara iaitu:

(i) dia masih belum dibenarkan menjadi ahli parti politik;

(ii) dia tidak dibenarkan menjadi ahli Ketua Kesatuan Sekerja; dan

(iii) dia tidak dibenarkan menjadi ahli mana-mana organisasi yang disenaraikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi sebagai tidak dibenarkan untuk mereka menjadi ahli.

Akan tetapi buat masa ini, Yang Berhormat Menteri belum ada hajat untuk menyenaraikan mana-mana organisasi yang sedemikian rupa. Jadi padang permainan yang lebih luas dari segi kebebasan akademik itu sudah dijamin oleh AUKU kalau pun tidak 100 peratus kalau mengikut persepsi-persepsi dan pandangan-pandangan yang berbeza. Dari segi aku janji, ini sebenarnya oleh kerana IPTA, saya tidak sentuh IPTS di sini. Oleh kerana IPTA itu adalah juga meliputi pegawai awam. Semua pegawai awam yang dilantik secara tetap sementara atau kontrak oleh sesebuah pihak berkuasa untuk berkhidmat di kementerian atau jabatan kerajaan sama ada di Persekutuan atau negeri dengan Pihak Berkuasa Berkanun sama ada di Persekutuan ataupun negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, ini termasuk kakitangan akademik di IPTA diwajibkan menandatangani surat aku janji seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.17 Tahun 2001.

Surat aku janji adalah seragam dan terpakai kepada semua penjawat awam. Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan surat aku janji kerana ia dapat menjamin kesejahteraan perkhidmatan awam, memelihara dan mempertahankan kedaulatan serta maruah negara. Ia juga bertujuan untuk menimbulkan kesedaran tentang bertapa pentingnya melaksanakan tugas dengan setia, jujur, bertanggungjawab, dedikasi dan profesional. Dalam soal, ini kami tidak fikir jika aku janji ini akan mengongkong baik mahasiswa mahupun – mahasiswa tidak terlibat ini. Pensyarah dari segi kebebasan akademik mereka.

Soal berfikir secara kritikal di kalangan mahasiswa. Ini kita cuba lakukan dengan beberapa cara. Pertama ialah soal pembangunan sahsiah. Misalnya dari segi kegiatan kokurikulum. Ada lapan teras kokurikulum. Satu daripadanya ialah pengucapan awam.

Satu daripada aktiviti utama pengucapan awam ialah debat dan ini sedang cuba kita budayakan di kalangan mahasiswa. Kita tidak melihat debat hanya semata-mata pertandingan antara dua pasukan. Walaupun itu merupakan kelaziman di fikiran warga universiti.

Akan tetapi kita cuba untuk membina suatu budaya ilmu sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua supaya debat itu dilihat lebih kepada sebagai satu proses penghujahan, yakni satu daripada inti pati penting dalam berfikir secara kritikal. Kita menggalakkan misalnya, universiti untuk menubuhkan persatuan ataupun kelab debat yang tidak mengehadkan hanya yang petah berucap sahaja yang menjadi ahlinya kerana debat itu dari segi penghujahannya bukan hanya termuncul dalam bentuk lisan. Kalau dalam bentuk lisan ia lahirlah sebagai debat, sebagai pidato, sebagai diskusi tetapi, debat dalam erti penghujahan dan pemikiran kritis juga lahir dalam bentuk tulisan. Apabila seseorang menulis rencana, menulis kertas kerja, menulis tesis. Dia sebenarnya berdebat, menghujah, berfikir secara kritis. Malahan dalam imejan dalam lukisan juga sebenarnya dia berdebat. Kenapa dia memilih sesuatu sudut untuk ditonjolkan dalam lukisan, dalam catan, dalam grafik misalnya? Itu adalah penghujahan idea yang berasaskan kepada berfikir secara kritikal.

Adakah kita puas hati? Tentu tidak. Sebagai contohnya dalam lapan teras kokurikulum itu. Pengucapan awam itu berada di tangga terbawah dari segi sambutan umum mahasiswa. Kita sedang berusaha sedaya upaya untuk meningkatkannya ke tangga yang lebih sesuai. Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali juga menyentuh soalan tentang apabila pelajar kita berdemonstrasi secara aman, mereka ditangkap dan dilayan seperti penjenayah. Sebenarnya yang ini mungkin lebih tepat jika dijawab oleh pihak berkuasa yang lain kerana mereka yang menggunakan kuasa mereka untuk menangkap mahasiswa yang didapati berdemonstrasi dan sebagainya tetapi, kita di Kementerian Pengajian Tinggi melihatnya dengan cara yang serius. Sekiranya ia berlaku di luar kuasa Akta Universiti ia dimasukkan di bawah seksyen 27 Akta Polis 1997 maka itu kita serahkan kepada budi bicara polis. Cuma kita akan memantau untuk memastikan mahasiswa yang ditangkap itu dilayan dengan sebaik-baiknya dan jika perlu, kita memberi bantuan dari segi kebajikan dan sebagainya...

Dr. Syed Husin Ali: Minta laluan?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang soal demonstrasi tadi, saya rasa perlu ditegaskan di sini bahawa hak untuk menunjuk perasaan secara aman adalah suatu perkara yang dijamin dalam Perlembagaan. Kita sentiasa mengatakan kita menghormati Perlembagaan dan sepatutnya kita tidak mengambil tindakan yang terlalu keras terhadap demonstrasi aman itu. Selain itu benarkan saya bertanya dan membuat ulasan sedikit tentang dua perkara yang lain yang telah disebut lebih awal.

Satu ialah mengenai aku janji. Tentang aku janji ini, yang pentingnya ialah bahawa ia memberikan *presumption,* dengan izin, bahawa universiti akademik adalah serupa dengan pegawai dan kakitangan kerajaan yang lain. Saya rasa harus dipisahkan perkara ini kerana tugas mereka pun adalah berlainan. Sehubungan ini kita dapati bahawa disebut dalam aku janji itu taat setia bukan kepada negara ataupun Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, akan tetapi lebih merupakan taat setia kepada kerajaan.

■1220

Ini adalah satu perkara yang saya tidak tepat dengan sebaiknya. Satu lagi ialah tentang penyelidikan, soal penyelidikan, pengajaran dan juga tulisan ertinya *academic writing* adalah tiga perkara yang sangat penting dilakukan oleh para akademik dan ini sebenarnya boleh menentukan nilai ranking universiti itu sendiri kalu misalnya ketiga-tiga ini menunjukkan kecemerlangan tetapi, malangnya kita dapati bahawa suasana universiti tidak menggalakkan ketiga-tiga ini. Suasana universiti ialah di mana kenaikan pangkat bukan ditentukan oleh tiga faktor ini tetapi Tuan Yang di-Pertua, selalunya ditentukan oleh hubungan-hubungan, peranan-peranan di luar daripada akademik.

Kadang-kadang melibatkan politik, jadi bukan sahaja itu dari segi akademik seperti yang saya cakap tetapi juga dari segi pentadbiran kita dapati bahawa kayu ukur bagi kenaikan pangkat yang boleh mempengaruhi prestasi dalam bidang akademik adalah tidak tepat. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Syed Husin, sahabat lama. Soal mahasiswa, hak untuk menunjukkan perasaan itu dijamin oleh Perlembagaan dan sebagainya, yang itu saya fikir kita tidak ada perbezaan. Cuma persoalannya ialah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, ialah bagaimana kita menangani sekiranya ini berlaku.

Seperti yang saya sebutkan dari awal tadi, seboleh-bolehnya universiti tidak akan campur tangan dalam pelajar yang berdemonstrasi di luar daripada kawasan kampus, kerana itu sudah masuk dalam bidang kuasa Akta Polis 1997. Namun demikian ada juga kes di mana pelajar yang berdemonstrasi apabila ditahan oleh polis untuk siasatan kebanyakannya itu dibebaskan dan tidak menjadi suatu kesalahan pada peringkat polis pun dan kebanyakan universiti tidak pula selepas itu mengenakan apa-apa tindakan ke atas mereka. Jadi saya fikir apabila AUKU telah dipinda dan ini baru setahun ia dilaksanakan, universiti juga sedang mendidik dirinya sendiri bagaimana untuk menggunakan AUKU yang baru yang tentunya berbeza daripada kaedah ataupun cara melihat penggunaan AUKU sebelum dipinda pada tahun 2009.

Soal aku janji, ia benar memang pensyarah mempunyai fungsi dan peranan yang berbeza, namun hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, mereka masih kakitangan kerajaan jadi itu persoalan yang timbul, kecuali jika kita ada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan yang melibatkan misalnya para pensyarah dan guru. Ini saya tahu merupakan sebahagian daripada debat dan cadangan yang sudah lama berlangsung di kalangan warga pendidik negara, yang mungkin boleh kita semak dan kita lihat untuk kebaikan dan penambahbaikan pada masa hadapan.

Soal tiga fungsi utama pensyarah mengajar, menyelidik, menulis dan menerbitkan, saya setuju dan itu memang dia tidak jadi pensyarah kalau dia tidak buat tiga perkara yang sedemikian rupa tetapi kerisauan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu sedang cuba kita tangani.

Misalnya sekarang ini kita menasihatkan universiti apabila seseorang pensyarah atau sekumpulan pensyarah mengemukakan *proposal* untuk mendapatkan dana penyelidikan, kita hendak supaya universiti pastikan bahawa pensyarah yang muda tidak, dengan izin, *subservient* pada pensyarah yang senior supaya bukan soal *seniority,* dengan izin, menjadi ukuran untuk mendapatkan dana penyelidikan tetapi kebaikan ataupun kepentingan projek penyelidikan itu yang mesti diutamakan.

Begitu juga apabila diumumkan baru-baru ini, walaupun *detail*nya sedang kita cerakinkan, yang membolehkan seorang profesor naik pangkat kepada gred yang lebih tinggi mungkin sama tinggi dengan Naib Canselor tanpa mengisi jawatan sebagai Naib Canselor ataupun sebagai Timbalan Naib Canselor. Ini adalah petanda-petanda adalah usaha-usaha dan langkah-langkah yang sedang kerajaan lakukan untuk memberikan peluang yang sebaik mungkin kepada semua pensyarah untuk mereka dapat menaiki tangga gaji yang lebih baik dan sebagainya.

Mengenai perkara yang ditimbulkan pula oleh Yang Berhormat Dr. Syed tadi, adalah soal pengaruh politik. Ini sebenarnya saya sudah jawab di awal tadi, apabila apa yang kita lakukan sekarang ini misalnya lantikan-lantikan kepada jawatan tertentu itu tidak lagi secara mutlak kuasanya kepada Menteri, tidak lagi secara mutlak kuasanya kepada Naib Canselor tetapi sudah mula ada *search committee*, sudah mula ada perundingan dengan fakulti. Saya fikir secara perlahan-lahan walaupun saya tahu Yang Berhormat tentu mahu secara lebih cepat tetapi percayalah bahawa kita sedang mencuba sedaya upaya untuk memastikan bahawa merit itu yang menjadi pertimbangan yang paling utama dalam hendak membuat pelantikan, dalam kita hendak menyediakan peluang dan sebagainya... *[YB Senator Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah bangun]* Nampak tadi Yang Berhormat Dr. Firdaus ada bangun.

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak mengemukakan satu soalan yang mudah sangat sebenarnya, iaitu adalah menggembirakan apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kerajaan atau kementerian menasihatkan atau mengarahkan supaya di dalam sebarang projek penyelidikan di universiti, pensyarah-pensyarah muda jangan sampai *subservient* atau jangan sampai tercicir dalam projek-projek yang dilakukan oleh pensyarah-pensyarah yang lebih senior.

Saya ingin tanyakan Tuan Yang di-Pertua, ialah sejauh manakah arahan itu disusuli dengan pemantauan bahawa apa yang diarahkan benar-benar telah dipatuhi. Ini adalah untuk memastikan supaya kecenderungan untuk menekankan terlalu banyak kepada kegiatan-kegiatan penyelidikan itu, jangan hanya memberi manfaat kepada pensyarah-pensyarah senior sehingga tugas-tugas mengajar diserahkan kepada pensyarah-pensyarah yang muda. Oleh sebab itu saya rasa langkah kementerian baik tetapi yang saya musykilkan ialah langkah-langkah pemantauan yang dibuat oleh kementerian terhadap pendidikan - kalau sudah ada.

Mungkin Yang Berhormat katakan kalau sudah ada, boleh tidak saya mendapatkan data-data dan angka-angka berapa orang yang telah tercicir, apa yang telah dibuat dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dr. Firdaus, saya tidak ada data itu pada ketika ini, tetapi saya boleh cuba cari dan bekalkan kemudian tetapi, kalaulah kejayaan pensyarah-pensyarah kita meraih pingat-pingat emas dalam pertandingan-pertandingan penyelidikan di peringkat antarabangsa itu boleh menjadi sandaran untuk memperlihatkan bagaimana pensyarah-pensyarah muda tidak dengan izin, *subservient* kepada pensyarah yang senior dari segi mendapatkan dana penyelidikan.

Maka saya sukacita mengatakan bahawa sejumlah besar daripada pensyarah-pensyarah yang mendapat anugerah-anugerah dalam pertandingan-pertandingan penyelidikan di peringkat antarabangsa itu adalah pensyarah-pensyarah yang muda. Jadi itu pada saya adalah satu perlumbaan yang sihat di kalangan para pensyarah kita.

Yang Berhormat Berhormat Dr. Syed Husin Ali juga menimbulkan tentang pintu universiti seharusnya terbuka dengan lebih luas kepada semua dengan tidak mengira perbezaan kaum,gender, taraf sosioekonomi dan seterusnya, seboleh-bolehnya mereka yang layak hendaklah diberikan peluang untuk mengikuti kursus yang mereka minati. Sebenarnya dasar kerajaan pada masa kini memang jelas, yang mana akses ke IPT adalah untuk semua pelajar dan kita memang mengamalkan meritokrasi sejak beberapa lama yang lepas.

■1230

Pada masa ini, pemilihan kemasukan ke IPTA adalah berdasarkan meritokrasi dan kita menggunakan dua kriteria; satu ialah kriteria akademik, pemberatannya adalah sebanyak 90 peratus dan yang kedua ialah kriteria kokurikulum dan pemberatannya adalah sebanyak 10 peratus. Pelajar-pelajar yang layak, mereka bebas memilih kursus dan bidang pengajian yang ditawarkan oleh IPTA dan lazimnya dalam proses mereka membuat pemilihan itu, mereka dibenarkan untuk mengemukakan sehingga lapan pilihan program pengajian berdasarkan kelayakan minat dan disusun mengikut keutamaan. Proses itu selanjutnya ialah pihak Unit Pusat Universiti akan melakukan tapisan serta keputusan akan diberikan kepada mereka.

Tentulah tidak mungkin jika ada 100 orang calon yang memohon kepada sesuatu kursus atau pengajian untuk kesemua 100 orang calon itu akan mendapat pilihan pertama mereka. Akan tetapi seboleh-bolehnya sistem yang ada pada hari ini ialah memberikan sebaik mungkin peluang supaya mereka dapat sekurang-kurangnya memasuki mana-mana IPTA yang ada. Ini termasuk memberikan ruang yang secukupnya kepada golongan Orang Asli, orang kurang upaya serta para atlit peringkat negeri dan kebangsaan. Matlamat kita ialah untuk memastikan soal peluang yang seadil dan sesaksamanya terbuka kepada semua pelajar yang mempunyai kelayakan yang bersesuaian.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bahawa kerajaan sekarang mengikut meritokrasi. Kalau begitu kenapa di IPTA, kebanyakannya adalah murid-murid Melayu dan sangat kurang murid-murid bukan Melayu? Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang Melayu yang sebenarnya menanya soalan yang terbalik iaitu kenapa di sesetengah fakulti tertentu, orang-orang Melayu sangat sedikit. Jadi ini persoalan yang boleh kita bincang dengan panjang lebar. Ya sila.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya terima kasih. Ini bukan soalan orang minta, ini soalan dari mengikut prosedur. Kalau prosedur itu adil dan cekap, soalan macam ini tidak akan *arise*lah, tidak bangkit. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya katakan tadi bahawa kita mengamalkan meritokrasi. Jadi sekiranya berlaku soalan Yang Berhormat atau sekiranya berlaku soalan yang saya timbulkan tadi, maka itu berlaku *not by design* dengan izin, ia berlaku dengan izin, *by default.*

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Pohon laluan.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Ya sila.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebenarnya saya baru hendak bangun bertanyakan soalan yang sebaiknya tetapi Yang Berhormat sendiri telah mengemukakannya. Isu meritokrasi ini semua orang faham tetapi bagi negara yang berbilang bangsa seperti Malaysia kita ini, kita masih ada lagi perkara-perkara yang tidak selesai. Umpamanya, isu orang Melayu atau kaum bumiputera tidak mendapat tempat yang selayaknya, yang sepatutnya dalam peluang belajar di IPTA berdasarkan komposisi kaum di negara kita ini. Selama ini, kita ada *affirmative action*, ada seperti apa yang disebut sebagai kuota bagi sesetengah fakulti yang kritikal berdasarkan bahawa pelajar-pelajar bumiputera atau orang Melayu yang tinggal di luar bandar masih tidak menikmati kemudahan-kemudahan pelajaran yang sama dengan pelajar-pelajar di bandar iaitu kualiti sekolah, kualiti guru dan sebagainya.

Maka apabila kita bersaing pada padang yang tidak sama rata tetapi apabila dikenalkan meritokrasi, maka pelajar-pelajar Melayu khususnya sudah tidak mendapat tempat yang sepatutnya di dalam fakulti-fakulti yang kritikal tadi. Jadi meritokrasi, kalau membawa pendekatan sama rata, ini pada saya sangat tidak adil kepada orang Melayu dan kaum bumiputera. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memahami apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat bin Yusop. Itu yang saya katakan tadi, apabila perkara ini berlaku, ia bukan berlaku dengan izin, secara *by design* tetapi dengan izin, secara *by default*. Tentu kita perlu menanganinya juga untuk memastikan bahawa maksud pendemokrasian pendidikan itu - ia ada dua perkara yang berbeza ini.

Dari satu segi kita ada satu falsafah yang muluk tetapi ia juga boleh meninggalkan kesan yang buruk. Jadi kita hendak memastikan falsafah yang muluk itu tidak meninggalkan kesan yang buruk. Saya fikir kesempatan yang ada ialah apabila kita merangka semula atau mahu merangka apa yang baru dalam Model Ekonomi Baru ini. Kita masih ada satu hingga dua bulan untuk melihat langkah *affirmative* yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memerlukan pendekatan-pendekatan yang baru untuk kita mengatur semula kehidupan rakyat Malaysia supaya semuanya yang dikatakan keterangkuman itu tidak akan menyebabkan ada yang merasa terpinggir atau merasa tercicir tetapi, seperti yang saya katakan tadi, memang ada dua persepsi yang berbeza tentang soal meritokrasi ini. Saya tidak mengatakan bahawa kita akan meninggalkan meritokrasi. Saya fikir meritokrasi penting tetapi pada waktu yang sama kita harus melihat soal langkah *affirmative,* pendekatan yang baru dan sebagainya untuk kita memastikan persoalan-persoalan yang ditimbulkan tadi ini tidak timbul pada masa yang akan datang...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan langkah-langkah *affirmative* yang akan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan saya juga tertarik dengan isu meritokrasi yang telahpun dibentangkan tadi. Jadi kalau tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan pemberat untuk kemasukan ke universiti 90 peratus berdasarkan kepada akademik dan 10 peratus adalah berdasarkan kepada kokurikulum. Ini bagi saya sebagai kejutan kerana tadi jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri juga berkenaan dengan keseimbangan pelajar itu kita lihat daripada dua sudut untuk kebolehpasaran mereka di peringkat kerja.

Kita lihat di negara-negara maju, kebanyakan mereka memberi pemberat yang saya rasa agak lebih tinggi tentang kokurikulum dan untuk semua pelajar universiti terlibat dengan kokurikulum mereka memerlukan pengorbanan yang lebih daripada pelajar yang hanya tumpu pada pelajaran. Jadi, untuk pendemokrasian, meritokrasi dan langkah-langkah *affirmative*, adakah pihak kerajaan bersedia untuk menukar pemberat tadi daripada 90 peratus kepada peningkatan ataupun kemampuan akademik pelajar diberikan sedikit ataupun kelonggaran. Saya rasa perkara ini perlu dipertimbangkan dengan serius oleh pihak kerajaan untuk memastikan kita akan menjadi negara maju dan dapat warganegara yang betul-betul kelas pertama daripada semua aspek. Saya pohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga amat tertarik dengan perkataan meritokrasi.

Izinkan saya membaca Perkara 153(8A): "Walau apa pun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, jika di dalam sesuatu universiti, maktab atau yayasan pelajaran lain yang memberi pelajaran selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya, bilangan tempat-tempat yang ditawarkan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab atas pengelolaan universiti, maktab atau yayasan pelajaran itu kepada calon-calon untuk sesuatu kursus pengajian adalah kurang dengan calon-calon yang kurang berkelayakan bagi tempat-tempat itu, maka sahlah bagi Yang di-Pertuan Agong menurut perkara ini memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang dikehendaki kepada pihak berkuasa bagi menentukan perizaban bagi sesuatu kadar daripada tempat-tempat itu bagi orang Melayu dan bumiputera mana-mana negeri Sabah dan Sarawak mengikut sebagai mana yang difikirkan munasabah oleh Yang di-Pertuan Agong dan pihak berkuasa itu hendaklah mematuhi arahan itu dengan sempurna".

■1240

Jadi saya sudah bangkit mengenai meritokrasi ini sejak tahun 2006. Bagi saya meritokrasi tidak ada dalam Perlembagaan Persekutuan. Tidak ada satu pun perkataan merit di dalam Perlembagaan Persekutuan. Tidak ada satu pun perkataan yang tertera ataupun tertulis perkataan merit, yang ada hanyalah kuota. Saya tidak tahu bagaimana Kabinet membuat keputusan untuk memasukkan perkataan merit, benda yang tidak ada. Ini saya rasa amat kesal, keputusan Kabinet saya amat kesal, pada hari ini dalam Dewan yang mulia ini meluluskan perkara-perkara yang tidak ada dalam Perlembagaan. Seluruh bangsa Melayu rasa amat kecewa kerana kita sujud kepada Perlembagaan. Apa sahaja yang tertera dalam Perlembagaan kita ikut Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Bukan soal *racial*, bukan soal bangsa dan sebagainya.

Oleh kerana perkara ini tidak ada. Bermakna kita boleh bersaing Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya selalu sebut kita bersaing antara bangsa. Melayu bersaing dengan orang Melayu, Cina dengan orang Cina, dan India dengan orang India. Masih merit, masih tepat sebab *playing field* adalah sama. Itu pun kita bagi, ini bermakna bangsa Melayu juga memberi kelonggaran kepada perkara yang tidak ada. Kalau negara lain saya ingat 100 peratus dia tidak akan bagi Tuan Yang di-Pertua. Dia akan ikut kuota, 70, 30, 10, habis cerita.

Kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mana kita hendak buang? Ini kuasa Agong. Kita sudah mencabar kuasa Agong, Kabinet sudah mencabar kuasa Agong. Saya rasa ini satu kesilapan yang harus ditarik balik. Sekian, apa pendapat Yang Berhormat ?

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz, soal pemberatan kokurikulum. Kita sudah mula berbincang bagaimana kita hendak melahirkan mahasiswa yang, pagi tadi pun saya sebut dengan izin, *well rounded* yang mempunyai keperibadian yang bersepadu. Pemberatan dari segi akademik dan kokurikulum, ini angka yang ada pada masa hari ini. Kita tahu ada universiti-universiti yang tersohor yang ulung di luar negara.

Walaupun mereka tidak secara rasmi ada berapa *percent* pemberatan untuk mana-mana bidang. Akan tetapi kita tahu kalau 90:10 itu tidak sampailah kepada mereka. Mereka mungkin 60:40 atau 70:30. Perbincangan itu sudah dimulakan walaupun belum ada kata sepakat. Yang ada kata sepakatnya ialah kita perlu memberikan pengiktirafan bukan sekadar kepada keputusan akademik semata-semata-mata. Oleh sebab itu di kebanyakan kalau tidak pun di semua IPTA, pada majlis-majlis konvokesyen selain daripada dipilih pelajar terbaik dari segi akademik, mereka juga sudah ada anugerah untuk pelajar terbaik dari segi keseluruhan kejayaan dan prestasi mereka termasuk dalam bidang kokurikulum.

Sebenarnya angka 90:10 lahir dari beberapa tahun yang lepas dari Kementerian Pendidikan dan kita di universiti menggunakan itu sebagai pemberatan untuk mereka masuk ke universiti tetapi, lain universiti terutamanya di kalangan IPTA, mereka ada cara mereka sendiri. Saya bagi contoh misalnya Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain daripada memberikan kredit untuk beberapa program kokurikulum mereka juga memberikan satu sijil khas kepada mahasiswa yang begitu cemerlang dalam pencapaian kokurikulum mereka. Jadi mereka boleh dapat antara enam hingga lapan kredit dalam bidang kokurikulum dan di samping itu juga mereka diberikan pengiktirafan dengan memberikan sijil tertentu untuk mereka dapat gunakan dalam mencari pekerjaan dan sebagainya.

Soalan yang lebih panas tadi ialah tentang bagaimana kita mentafsirkan Perkara 153 dalam konteks meritokrasi. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak lihat semua perkataan ada atau tiada dalam Perlembagaan, maka ada banyak sekali perkataan dan istilah yang menjadi dasar kerajaan yang juga tidak ada dalam Perlembagaan. Itu tidak terhad hanya kepada meritokrasi. Sebenarnya soal meritokrasi ini cuma satu daripada aspek, yakni aspek kemasukan pelajar ke IPTA. Saya percaya ia juga berlaku dalam IPTS.

Namun demikian kita harus meletakkan meritokrasi itu pada tempatnya. Saya memahami kerisauan Yang Berhormat tentang kedudukan dan prestasi pelajar-pelajar Melayu dan bumiputera. Akan tetapi kita tidak boleh menjadikan itu sebagai alasan, satu-satunya alasan untuk menolak meritokrasi. Meritokrasi itu adalah suatu falsafah yang muluk, cuma kita harus tahu bagaimana menggunakannya dengan cara yang terbaik seperti yang saya katakan tadi supaya tidak menimbulkan kesan yang buruk. Oleh sebab itu saya menganjurkan inilah masa yang paling baik untuk kita melihat soal kedudukan pelajar-pelajar semua kaum dalam universiti. Bukan hanya dari sudut pendidikan semata-mata tetapi melihatnya dari sudut yang lebih luas. Kedudukan pelajar-pelajar kita dalam universiti dengan izin, vis-à-vis Model Ekonomi Baru sebagai contohnya.

Jadi saya memahami kerisauan dan kebimbangan dan *passion* Yang Berhormat. Saya mengatakan bahawa buat masa ini, ini adalah dasar kerajaan dan kita akan teruskan. Langkah *affirmative* juga perlu diadakan tetapi langkah *affirmative* itu mestilah dengan pendekatan yang baru.

Dan kita harus meletakkan pusat pengajian tinggi kita, IPT-IPT kita itu dalam konteksnya yang lebih luas termasuk saya katakan tadi contohnya dalam Model Ekonomi Baru yang bakal kita ataupun yang sedang kita rangka...

Dr. Syed Husin Ali: *[Bangun]*

Dato' Saifuddin bin Abdullah: ...Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu, mencadangkan pengambilan pelajar ke IPTA bagi lepasan STPM tidak dibuat serentak dengan lepasan matrikulasi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, ada Ahli Yang Berhormat mohon laluan.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin melihat komponen 90:10 itu daripada segi yang lain. Saya rasa tidak cukup hanya dengan dua faktor itu. Ada satu faktor yang perlu dipertimbangkan iaitu yang melibatkan latar belakang pelajar itu. Dari mana dia datang; adakah kawasan pedalaman, kampung dan sebagainya; bagaimanakah suasana kekeluargaannya; bagaimana pendapatannya; dan bagaimana sekolah yang dia belajar?

Jadi faktor-faktor ini merupakan latar belakang dan saya memikirkan bahawa untuk mendapatkan keadilan yang boleh dan keseimbangan dari segi meritokrasi dan sebagainya. Kita perlu menimbangkan sama ada boleh atau tidak kita memasukkan faktor ini sehingga kita mempunyai keadaan di mana pembahagiannya umpamanyalah ialah 60 peratus akademik, 30 peratus latar belakang pelajar itu dan 10 peratus kokurikulum.

■1250

Jadi bererti di sini walaupun seseorang itu pencapaiannya dalam bidang akademik tidak begitu tinggi, tetapi kalau latar belakangnya meletakkannya dalam keadaan yang lebih rendah daripada mereka yang mempunyai misalnya suasana dan latar belakang yang baik maka ia harus dipertimbangkan. Itu satu.

Keduanya ialah disebutkan tadi tentang masalah misalannya kekurangan pelajar Melayu di fakulti tertentu. Sebenarnya keadaan ini sudah dapat diperbaiki sekarang ini, tetapi masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Saya ingin mencadangkan kalau boleh diperbanyakkan lagi fakulti seperti perubatan dan kejuruteraan dan misalnya *accountancy* supaya dapat menerima pelajar-pelajar terutama sekali mereka yang saya sebutkan tadi mempunyai latar belakang yang kurang daripada yang lain. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Syed Husin. Itu satu cadangan yang baik dan akan kita ambil kira. Sebenarnya kalau kemasukan pelajar ke sekolah berasrama penuh di peringkat Kementerian Pelajaran saya fikir soal latar belakang sosioekonomi sudah mula diambil kira. Begitu juga dengan kemasukan pelajar ke Maktab Rendah Sains MARA.

Saya tidak mengatakan bahawa IPTA langsung tidak mengambil latar belakang pelajar itu sebagai sebahagian daripada pemberatan, tetapi cadangan Yang Berhormat ialah seperti kita meletakkan soal latar belakang itu lebih diketengahkan supaya memastikan berlaku kesaksamaan. Itu saya fikir contoh yang baik dan kita akan ambil kira.

Sekadar untuk memberi contoh mungkin sedikit sebanyak memenuhi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat ialah UiTM sekarang ini mulai kemasukan bulan Julai 2010 ada satu program khusus untuk pelajar-pelajar miskin yang memang dari segi kelayakan masuknya itu sangat minimum dan mereka mungkin pun tidak boleh masuk terus ke tahun satu, tetapi mereka dibawa ke UiTM untuk program apa yang dipanggil sebagai program pra, yakni mereka itu diberikan sedikit masa untuk mereka mempunyai kelayakan yang sewajarnya untuk memasuki program yang selanjutnya.

Soal memperbanyakkan fakulti-fakulti, ya saya faham itu satu cadangan yang baik juga. Walau bagaimanapun, kita harus juga mengkajinya dari segi untuk mengelakkan berlaku *mismatch* ataupun kita mengeluarkan terlalu ramai pula pelajar daripada bidang-bidang tertentu dan tidak ada pasaran pekerjaan untuk mereka. Namun kita akan melihat perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing tadi soal kemasukan pelajar ke IPTA bagi lepasan STPM supaya tidak serentak dengan lepasan matrikulasi. Pada masa ini KPT dan Kementerian Pelajaran Malaysia sedang menyelaras sesi kemasukan pelajar ke IPT dan kita jangka kita akan dapat laksanakan perkara ini pada sesi akademik 2011/2012.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali juga ada menanyakan tentang perlunya dipastikan penyelidikan dan penulisan akademik dilakukan secara komited oleh para pensyarah.

Sumbangan mereka dalam bidang-bidang tersebut hendaklah digunakan untuk kenaikan pangkat dan sebagainya. Ini sebahagiannya telah saya jawab tadi. Soal penyelidikan dan penulisan memang menjadi kriteria utama untuk pertimbangan kenaikan pangkat. Pada masa ini kenaikan pangkat staf akademik di IPTA dibuat berdasarkan kepada meritokrasi dan di antara kriteria yang digunakan ialah soal pengajaran dan penyeliaan, soal penyelidikan dan penerbitan, soal rundingan dan kepakaran, soal penglibatan mereka dalam persidangan-persidangan akademik dan juga soal khidmat sanjungan dan kepimpinan akademik di peringkat universiti, di peringkat masyarakat, di peringkat negara dan di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin mencadangkan agar matlamat penubuhan UiTM untuk melahirkan teknokrat Melayu dikekalkan dan mencadangkan supaya ditingkatkan bilangan kemasukan pelajar ke UiTM untuk menampung 10,000 pelajar pada tahun ini bagi meneruskan agenda Melayu. Tujuan penubuhan UiTM Tuan Yang di-Pertua ialah untuk mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang. Matlamat ini akan terus dikekalkan. Dengan tidak membuka kemasukan bagi bukan bumiputera kerana UiTM ditubuhkan di bawah Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan.

Dalam konteks ini, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan Canselor kepada UiTM yang bertanggungjawab memelihara hak keistimewaan orang Melayu dan bumiputera. Bagi meningkatkan bilangan enrolmen pelajar bumiputera di UiTM antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil ialah seperti berikut:

(i) menubuhkan cawangan-cawangan baru UiTM;

(ii) menetapkan sasaran enrolmen 200,000 pelajar UiTM menjelang tahun 2015;

(iii) mewujudkan Kolej Bersekutu UiTM yang menawarkan program-program diploma UiTM; dan

(iv) menawarkan pembiayaan pengajian melalui PTPTN agar pelajar bumiputera mampu belajar bukan sahaja di UiTM tetapi juga di universiti yang lain.

Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat bertanya, apakah kayu pengukur yang digunakan oleh KPT dalam menilai tahap pencapaian kemahiran insaniah para graduan dan mencadangkan agar IPT terus menjalankan kajian mengenai hubungan pembangunan kemahiran insaniah dengan kebolehpasaran dan keberkesanan latihan industri yang diikuti oleh graduan. Sebenarnya ada tujuh kemahiran insaniah yang cuba kita terapkan secara merentas kurikulum di IPTA dan kita ada satu sistem yang telah pun dibangunkan untuk mengukurnya. Satu instrumen untuk mengukur tahap penguasaan pelajar IPT dalam ketujuh-tujuh elemen kemahiran insaniah. Instrumen itu dipanggil skala kemahiran insaniah Malaysia atau *My3S*, dengan izin *Malaysian Soft Skills Scale*. Ini perkara yang baru dibangunkan dan sedang mula dilaksanakan dan kita yakin apabila ia dilakukan secara sepenuhnya sedikit-sebanyak kita boleh mengukur sejauh mana pertama, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan dan yang kedua yang lebih penting ialah sejauh mana pelajar dapat menerapkan kemahiran-kemahiran insaniah itu dalam diri mereka.

Soal hubungan pembangunan kemahiran insaniah dengan kebolehpasaran, kita sudah mula sejak beberapa tahun yang lepas mempunyai dengan izin, *traces study* untuk melihat di manakah graduan kita berada enam bulan selepas mereka keluar universiti, setahun selepas mereka keluar universiti, dua tahun selepas mereka meninggalkan universiti dan sekiranya Yang Berhormat berminat kita boleh memberikan laporan secara bertulis setakat ini apa yang telah kita lakukan dalam *traces study*.

Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok mencadangkan supaya kita mengkaji semula kurikulum bagi memastikan kebolehpasaran graduan yang lebih baik. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua kurikulum pengajian di IPTA sentiasa dinilai dari semasa ke semasa, umumnya ia dinilai setiap tiga hingga lima tahun bergantung kepada program pengajian.

Dan ada setengah-setengah kurikulum itu bukan sahaja dikaji oleh universiti dan KPT, malahan dikaji oleh agensi-agensi profesional yang memberikan akreditasi dan pengiktirafan kepada program-program tersebut contohnya bidang kejuruteraan, bidang *architecture*, perubatan, guaman dan sebagainya.

Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini juga ada menyebut soal perlunya kita meningkatkan mutu Bahasa Inggeris di kalangan graduan. Sebenarnya ini kita lakukan secara dengan izin, *embedded* dalam program...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung jawapan pada jam 2.30 petang nanti. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat akan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

■1430

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mempersilakan Kementerian Pengajian Tinggi sambung. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, agaknya kalau *you try to timed yourself* supaya..., kita ada bil 25. Kerjasama Yang Berhormat amat saya hargai. Terima kasih.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya pun hendak minta izin kalau boleh cepat.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram menimbulkan tentang langkah untuk meningkatkan mutu bahasa Inggeris di kalangan mahasiswa. Ini kita lakukan melalui pelbagai cara. Dalam kurikulum dan juga dalam kokurikulum. Misalnya, dalam aspek kemahiran insaniah khusus merujuk kepada kemahiran berkomunikasi. Jadi ada langkah-langkah yang kita lakukan untuk memastikan bahawa graduan kita juga mempunyai penguasaan bahasa Inggeris yang baik.

Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat dan Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok menyentuh soal keberkesanan latihan industri yang diberikan kepada graduan dalam meningkatkan kemahiran masing-masing. Sebenarnya sukacita saya maklumkan bahawa kita baru sahaja melancarkan dasar latihan industri IPT yang merangkumi pelbagai perkara termasuklah misalnya, hubungan antara ketiga-tiga pihak yang terlibat di dalam latihan industri. Pertama ialah universiti; kedua ialah industri yang menerima mahasiswa itu dan yang ketiga mahasiswa itu sendiri.

Ini untuk mengatasi persoalan-persoalan ataupun rungutan-rungutan yang pernah timbul misalnya, mahasiswa itu tidak diberikan tugasan yang bersesuaian sehingga seolah-olah latihan industri itu tidak lebih daripada meletakkan sekumpulan mahasiswa menjadi dengan izin, "buruh kasar" dalam industri. Kita cuba mengelakkan perkara itu dan kerana itu kita sudah pun mempunyai sebuah dasar latihan industri untuk mendedahkan pelajar kepada alam pekerjaan yang sebenar, teknologi terkini, pengetahuan yang terbaru dalam pasaran dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok juga menyentuh soal bantuan sara hidup. Dicadangkan agar bantuan sara hidup diberikan kepada pelajar yang menjalani latihan industri. Sebenarnya, pihak industri dan organisasi yang menjadi hos kepada pelajar yang menjalankan latihan industri memang digalakkan tetapi tidaklah diwajibkan untuk memberi elaun kepada pelajar-pelajar dan memang ada di kalangan industri dan organisasi yang menjadi hos itu yang memberikan elaun kepada pelajar-pelajar tersebut.

Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat bertanya tentang strategi yang diambil bagi meningkatkan R&D dan inovasi di IPTA dan mencadangkan agar hubungan IPT dengan industri dipertingkatkan agar R&D dapat dikomersialkan. Memang kita dari setahun ke setahun dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan juga mempunyai pelbagai dana yang disediakan untuk pembangunan R&D di IPTA. Sebagai contohnya, kita ada apa yang dipanggil sebagai *ScienceFund, TechnoFund, Fundamental Research Grant Scheme* dan *Research University Grant Scheme*.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah memperuntukkan sebagai contohnya, untuk *Fundamental Research Grant Scheme* sejumlah RM200 juta. Memang angka ini tidak mencukupi dan kita berharap dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, jumlah ini dapat kita tingkatkan. Malahan kita juga akan memperkenalkan beberapa dana baru seperti *Long Term Research Grant Scheme, Exploratory Research Grant Scheme* dan *Commercialization Research Grant Scheme.*

Tuan Yang di-Pertua, dari segi R&D yang dikomersialkan, kita memang menggalakkan universiti-universiti kita untuk mengkomersialkannya dan kita meletakkan *target* sekurang-kurangnya 10 peratus daripada R&D itu dapat dikomersialkan dalam jangka masa yang terdekat ini dan ada universiti-universiti yang telah mencapai tahap tersebut. Misalnya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Malaya.

Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat juga bertanya tentang adakah KPT bercadang untuk memperkenalkan program dwi pengkhususan di IPT khususnya di IPTA. Sebenarnya beberapa universiti sudah pun mengambil inisiatif untuk menawarkan program ijazah sarjana muda dwi pengkhususan. Pada masa ini kementerian tidak bercadang mewajibkan semua universiti awam menawarkan program tersebut kerana masing-masing mempunyai inisiatif dan kaedah mereka sendiri untuk menawarkan kursus-kursus di universiti masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat juga mencadangkan agar IPTA dan IPTS diberi penarafan mengikut kekuatan masing-masing supaya setiap IPT bertanggungjawab mempertahankan kualiti atau meningkatkan kualiti pendidikan masing-masing. Dalam proses menjamin kualiti yang dijalankan oleh MQA, IPT diwajibkan mempunyai sistem jaminan kualiti masing-masing. Melalui sistem ini, IPT perlu melaksanakan penambahbaikan kualiti secara berterusan agar kualiti program yang ditawarkan sentiasa terjamin dan memenuhi piawaian yang telah ditetapkan. Proses penilaian jaminan kualiti MQA berdasarkan beberapa tahap pengendalian penilaian jaminan kualiti. Ia juga dilaksanakan oleh panel penilai dalam bidang masing-masing berdasarkan piawaian yang dibangunkan dengan permuafakatan bersama antara komiti pengajian tinggi dan juga industri di tempat-tempat yang berkaitan. Fokus utama dalam sistem penarafan institusi pengajian tinggi Malaysia atau setara adalah terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran sesebuah IPT dan juga penilaian terhadap *domain* yang telah ditetapkan dalam sistem tersebut.

Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat juga menggesa untuk memperkasa Majlis Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta memastikan ia mampu meningkat dan melestarikan sistem jaminan kualiti pendidikan negara.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, MQA telah mengambil beberapa langkah untuk memperkasakan fungsinya dalam meningkatkan jaminan kualiti pendidikan tinggi negara. Misalnya:

(i) menerbitkan kod amalan, garis panduan amalan bijak dan standard bidang yang berkaitan dengan program pengajian yang ditawarkan oleh IPT;

(ii) memperkenalkan audit institusi yang lebih menyeluruh;

(iii) membangunkan garis panduan baru bagi aspek yang berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi seperti *online and distance learning,* dan juga *accreditation of prior experiential learning;* dan

(iv) memperkenalkan kerangka kelayakan Malaysia yakni *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) dan pelaksanaannya dijangka akan mengharmonikan pelbagai kelayakan yang diselia oleh pelbagai pihak di Malaysia dan beberapa pendekatan serta tindakan yang lain.

Akhirnya, Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawi bertanyakan mengapakah pelajar diploma tiga tahun dari Darul Quran di bawah JAKIM tidak diberikan pindahan kredit apabila melanjutkan pelajaran di dalam bidang agama di universiti tempatan?

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, soal pemindahan kredit dari satu program ke satu program dan dari satu institusi ke satu institusi itu terserah sepenuhnya kepada senat universiti. Sekiranya ia diterima, maka tentulah ia telah memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh senat universiti tersebut dan begitulah juga sebaliknya.

Jika ia tidak diterima maka kemungkinan besarnya ialah kerana ia tidak memenuhi syarat-syarat ataupun kriteria-kriteria yang ditentukan oleh senat universiti yang berkaitan. Saya bagi pihak KPT mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh soal berkaitan dengan kementerian ini dan kami sangat berterima kasih atas segala cadangan dan pandangan yang telah diberikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang begitu lengkap dan begitu informatif. Sekarang saya persilakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Dipersilakan.

2.43 ptg.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu mengenai dasar program dan strategi yang telah dilaksanakan oleh kementerian.

Saya mengambil peluang ini untuk memberikan penjelasan berkaitan isu-isu yang dibangkitkan serta peranan kementerian dalam menjadikan Malaysia sebuah negara yang bukan sahaja memperoleh pendapatan yang lebih tinggi tetapi juga turut menikmati kehidupan yang lebih sempurna khususnya melalui sains, teknologi dan inovasi.

Bagi tujuan ini, kementerian akan mengambil kira perkembangan terkini dalam konteks berikut, iaitu Gagasan 1Malaysia, Model Ekonomi Baru, Pelan Transformasi Kerajaan, Model Inovasi Negara dan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah diberi tanggungjawab untuk menerajui Agenda Inovasi Negara bagi melonjak Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, selaras dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober yang lalu. Pendekatan yang digunakan oleh MOSTI ialah pelaksanaan inovasi yang menyeluruh dengan izin, *total innovation*.

Inovasi menyeluruh mencakupi dan merentasi semua bidang iaitu merangkumi inovasi tadbir urus dalam sektor awam dan swasta, kemasyarakatan bandar dan desa, korporat, industri, penyelidikan, penjagaan kesihatan, pengangkutan, jaringan keselamatan sosial dan penjenamaan serta Model Ekonomi Baru seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Inovasi dan kreativiti merupakan tunjang kepada proses transformasi ekonomi negara dari *high medium income,* dengan izin kepada *high income*. Daripada tujuh pendekatan baru dan lapan teras strategik yang diumumkan, peranan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan tertumpu kepada tiga pendekatan utama seperti berikut, iaitu berdasarkan tiga prinsip yang diutarakan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC) iaitu berpendapatan tinggi, kemapanan dan keterangkuman ataupun *inclusive.*

Pertamanya, peranan melalui produktiviti yang menekankan inovasi dan teknologi tinggi bagi menambah nilai produk, proses dan perkhidmatan. MOSTI akan memberi tumpuan kepada bidang berikut:

(i) menjadikan kreativiti dan inovasi sebagai budaya masyarakat dan pekerja Malaysia sekali gus melahirkan dengan izin, *innovative nations*. Program Malaysia Inovatif 2010 sedang pesat dilaksanakan yang melibatkan semua kementerian, kerajaan negeri dan rakan inovatif;

(ii) merangka dasar inovasi negara;

(iii) merangka dasar industri kreatif bersama Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bagi melonjak industri kreatif negara ke persada antarabangsa;

(iv) memantapkan dasar pengkomersialan harta intelek;

(v) penubuhan pusat inovasi negara bertujuan mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi memacu aktiviti pengkomersialan;

(vi) membangunkan piawaian dan mengukuhkan penjenamaan; dan

(vii) meningkatkan kecekapan sistem penyampaian dengan menggunakan pengurusan ataupun talian secara meluas.

Kedua, penekanan kepada industri dan syarikat yang berasaskan teknologi melalui pemberian insentif bagi menyokong inovasi dan mitigasi risiko. MOSTI akan memberi penekanan kepada bidang-bidang berikut:

(i) menstruktur semula, merasionalisasi dan memperbaiki koordinasi dana-dana *research, development, commercialization* dan *entrepreneurship* sebagai insentif bagi menyokong inovasi serta memitigasikan risiko dalam memacu industri berasaskan teknologi tinggi dan inovasi;

(ii) mengukuhkan infrastruktur inkubator bertujuan membimbing dan membangunkan *techno* usahawan;

(iii) memperhebatkan pemberian status Bionexus kepada syarikat-syarikat bio teknologi yang melayakkan syarikat mendapatkan pelbagai insentif termasuklah *bill of guarantees* dan insentif cukai;

(iv) memperkukuhkan kualiti produk-produk yang dihasilkan oleh industri tempatan dalam bidang keselamatan siber mengikut piawaian ISO;

(v) memudah cara dan memberi insentif penyelidikan dan pembangunan bernilai tinggi kepada SME's dalam membangunkan produk teknologi tinggi kepada syarikat-syarikat besar;

(vi) membantu pihak industri dalam memperkasakan penyelidikan dan *indigenous technology,* dengan izin, yang memenuhi kehendak pasaran;

(vii) meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat akar umbi dan komuniti melalui bimbingan, insentif pembiayaan, dana inovasi serta aplikasi teknologi MOSTI; dan

(viii) pemberian status MSC kepada syarikat-syarikat ICT yang layak berdasarkan MSC *Malaysia bill of guarantee* yang melayakkan syarikat mendapat insentif cukai dan jaminan lain termasuklah jaminan infrastruktur bertaraf dunia.

Ketiganya, pendekatan kita ialah menarik dan mengekalkan bakat-bakat tempatan mahupun asing bagi memacu ekonomi berasaskan inovasi dan nilai tambah. Bagi tujuan ini, MOSTI akan mengintensifikasikan pembangunan modal insan yang berteraskan inovasi dan kreativiti seperti berikut:

(i) merealisasikan dan menstrukturkan semula Program Pembangunan Insan (HCD) dalam bidang STI supaya memfokuskan kepada pengeluaran lebih ramai *knowledge and innovative workers,* dengan izin; dan

(ii) mewujudkan pusat sehenti secara atas talian ataupun *virtual* bagi menarik lebih ramai *knowledge workers* dari luar negara sama ada rakyat Malaysia mahupun asing.

Bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi akan meneruskan usaha-usaha untuk memperkukuhkan lagi bidang *research, development* dan *commercialization* dengan memberi penekanan kepada keusahawanan yang berorientasikan pasaran bagi menghasilkan *output* ataupun *outcome* yang mempunyai nilai komersial tinggi. Menyedari kadar pengkomersialan hasil-hasil RDC pada masa ini adalah rendah iaitu sekitar 3 peratus ke 4 peratus, kementerian akan terus menyediakan dana seperti dana penyelidikan, dana pra pengkomersialan serta meningkatkan kolaborasi antara institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi dengan pihak industri. Bidang-bidang keutamaan STI yang akan diberi tumpuan adalah seperti berikut:

(i) bioteknologi;

(ii) teknologi maklumat dan komunikasi (ICT);

(iii) tenaga boleh diperbaharui (RE);

(iv) teknologi pembuatan termaju yang merangkumi industri makanan alternatif dan elektronik;

(v) teknologi bahan termaju;

(vi) nano teknologi;

(vii) *bioinformatics*;

(viii) perubahan iklim ataupun dengan izin *climate changes.*

■1450

Selain daripada itu seperti mana yang telah saya sentuh tadi MOSTI akan terus memberi penekanan dalam pembangunan modal insan yang berteraskan *innovation–led economic* serta tekno-keusahawanan. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) program yang dikenali sebagai Latihan Pembangunan Modal Insan berasaskan ilmu pengetahuan dengan izin, *knowledge workers* telah dilaksanakan bersama-sama dengan pusat penyelidikan dan pembangunan swasta yang bertaraf antarabangsa seperti *Intel, Agilent, Agilent Techologies, Altera, Motorola dan Huawei Technologies* untuk mempertingkatkan daya saing dan kemahiran. Setakat ini 141 *knowledge workers* dalam penyelidikan dan pembangunan yang berlandaskan permintaan pasaran dan nilai komersial;

(ii) *Multimedia Development Cooperation* (MDEC) dan *Technology Park Malaysia* (TPM) telah menandatangani MoU empat hala untuk bekerjasama dengan swasta bagi Program Modal Insan dalam bidang telekomunikasi untuk menghasilkan bilangan jurutera kritikal supaya Malaysia boleh dijadikan pusat perkhidmatan dan sokongan teknikal serantau...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah kalau dibenarkan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Sila.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Di peringkat awal tadi Yang Berhormat ada menerangkan proses berhubung hendak mengupayakan negara dari segi teknologi hijau dan termasuklah mewujudkan usahawan dalam bidang itu. Saya mengucapkan tahniah terhadap usaha-usaha yang akan dibuat berhubung dengan proses ini. Akan tetapi yang lebih penting Yang Berhormat ialah kami ingin tahu apakah *outcome*nya pada tahun 2020 nanti? Ini sebab kita mesti berdasarkan *outcome-based* mengikut Bajet 2010 khususnya dan mewujudkan usahawan bumiputera MPPB dalam bidang berkenaan. Saya ingin tahu berapa ramai mereka sekarang ini dan berdasarkan proses yang disebut tadi berapa ramaikah mereka nanti pada tahun 2020? Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat boleh mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu dahulu. Beri peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan dahulu. Selepas itu *you have other question, you*...

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat Senator Datuk Akbar, memang kita menyedari bahawa dalam pembangunan untuk kita menjadi sebuah negara yang termaju kita kena merangkumi bukan sahaja modal insan. Akan tetapi, keupayaan kita dari segi teknologi iaitu aplikasi teknologi serta *research* di peringkat *basic* dan juga *applied*. Ini yang kita gabungkan dan salah satu kriteria ataupun kelemahan yang telah kita kenal pasti adalah *the knowledge workers*.

Di sinilah kita memberi tumpuan di mana di peringkat universiti, kita mencari pakar-pakar malahan di peringkat industri sekali pun mereka yang keluar tetapi belum mampu untuk memenuhi kehendak industri akan kita buat *attachment programme* dengan syarikat-syarikat yang saya nyatakan tadi misalnya *Intel Technologies* dalam *board development*. Jadi kita *attach*kan mereka untuk membuat *research* dan memahami apakah kehendak industri dan mereka akan balik ke universiti. Inilah tumpuan *research* mereka dan akhirnya mereka akan dapat hubung jalinkan di antara *researchers* dengan pihak industri dan harap-harap nanti kita akan dapat melahirkan pula teknologi yang dapat dilahirkan di negara kita.

Gabungan inilah akhirnya kita mengharapkan apabila 2020 kita akan mempunyai sumber manusia yang mencukupi, kita akan dapat membangunkan teknologi kita sendiri dan bukan sahaja kita akan menjadi pengimport malah kita akan dapat mengeksport teknologi kita sendiri ke luar negara. Itulah matlamat kita akhirnya 2020 kita akan dapat mencapai hasrat ini.

Jaringan hubungan yang kita lakukan ialah misalnya dengan *Huawei Technologies*. *Huawei Techonogies* dari China ialah pakar yang telah membangunkan teknologi telekomunikasi dan untuk itu mereka telah bersetuju dengan MoU kita tandatangani bukan sahaja untuk *train* ataupun melatih sumber manusia tempatan kita dari segi teknologi tertentu tetapi bagaimana mereka akan *develop* untuk menjadikan tekno-usahawan yang akhirnya akan dapat mengembangkan teknologi ini untuk dibawa ke negara-negara yang berhubung rapat dengan negara kita, OIC *countries* misalnya di mana itulah kepakaran dan kehendak yang mereka hendak kembangkan negara kita di peringkat tersebut. Ya, terima kasih.

Jadi seterusnya dengan izin Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini di surat khabar dinyatakan bahawa ramai orang yang berpendidikan tinggi dan pakar mahir telah berhijrah ke negara lain berjumlah lebih kurang 300 ribu orang. Ini ialah satu kerugian bagi negara kita. Apakah akan kerajaan lakukan untuk membawa mereka balik ke negara dan bekerja di institusi-institusi di negara kita sendiri? Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Untuk menjawab Senator Dr. Ramakrishnan banyak kementerian yang menjalankan program dan saya akan menumpukan jawapan saya kepada program yang dilaksanakan oleh MOSTI iaitu *Brain Gain* di bawah *Science, Technology and Innovation* (STI). Apabila kita melakukan program ini kita tidak membawa orang balik ke Malaysia.

Apa yang kita lakukan ialah untuk mengenal pasti siapakah di kalangan rakyat Malaysia yang berada di luar negara sama ada mereka di dalam institut pengajian tinggi mahupun swasta di luar negara. Mereka akan mohon *online* dan cara kita bekerja ialah untuk *employ* mereka atau untuk balik pada waktu-waktu diperlukan bukannya untuk *base* mereka balik ke Malaysia sebab kita tahu ini tidak akan *attractive*. Satunya banyak persoalan yang harus kita lihat dari *economic factor, financial*, hendak membawa *family* pulang dan sebagainya.

Apa yang kita perlukan ialah *knowledge* dan *expertise* mereka dan mereka boleh bekerja di mana-mana tempat di dunia tetapi apa yang penting mereka membuat penyelidikan yang sesuai dengan kehendak negara kita. Itu yang kita lakukan dan tidak semestinya *Malaysian* tetapi kita juga *employ* ataupun mengambil pakar-pakar daripada luar negara yang boleh menyumbang kepada *focused area* yang penting untuk negara kita. Itu kita lakukan dan yang pentingnya akhirnya *research* yang mereka lakukan akan dipatenkan di Malaysia dan kajian keseluruhannya akan dilakukan di Malaysia dan *output* dan *outcome* pun akan dihasilkan di Malaysia. Itu yang kita lakukan dan mereka boleh berada di mana-mana tempat. Itu yang kita katakan program di bawah kementerian yang kita anjurkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk meneruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *MSC Knowledge Workers Development Initiatives* dengan izin yang dijalankan oleh MDeC menyediakan Program Kemahiran Siswazah, Program Latihan Graduan, Program Kem Kerjaya, Program Kerjasama antara Industri dan Akademia dan *ICT Career of Choice*. Antara kepakaran-kepakaran yang dilatih termasuk dalam bidang teknologi maklumat, *Shared Services and Outsourcing* (SSO), Kejuruteraan Elektronik dan Multimedia Kreatif, MDEC menyasarkan untuk melatih seramai 28,936 graduan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Sehingga Disember 2009, MDEC berjaya melatih seramai 21,802 graduan iaitu 75 peratus daripada jumlah sasaran. Daripada jumlah ini 90 peratus telah berjaya mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menjalani latihan.

Keempat, Biotech Corp telah melaksanakan *Biotechnology Entrepreneurship Special Training* (BeST) yang bertujuan meningkatkan keupayaan modal insan dalam industri bio-teknologi. Program ini melengkapkan graduan yang berpotensi dengan kemahiran teknikal dan perniagaan bio-teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman telah menyarankan supaya kerajaan mempercepatkan penyediaan Dasar Inovasi Negara dan penubuhan Pusat Inovasi Negara. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian ini sedang menyediakan Dasar Inovasi Negara berkonsepkan inovasi menyeluruh seperti yang diamanahkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dasar ini akan memacu pelaksanaan program-program dan aktiviti berpaksikan inovasi oleh semua kementerian dan dengan izin, *stakeholders* termasuklah pihak industri dan peringkat akar umbi.

Penubuhan Pusat Inovasi Negara – ekosistem yang kondusif kepada percambahan idea dan peningkatan nilai serta pasaran merupakan kunci kepada kejayaan sesebuah negara yang ingin maju berpaksikan inovasi dengan izin, *innovation-led economic.* Menyedari hakikat ini dan beberapa kelemahan yang mengekang negara untuk memacu ekonomi berlandaskan inovasi, kementerian telah mengambil tindakan menyediakan kertas kerja mengenai penubuhan Pusat Inovasi Negara.

Pusat ini bertujuan menyediakan pakar, jaringan kerja serta kemudahan-kemudahan bagi satu ekosistem yang kondusif untuk menjana ilmu pengetahuan melalui idea-idea yang bernas dan memudah cara kegiatan-kegiatan penyelidikan dan membantu agar hasil penyelidikan dapat dikomersialkan. Pusat Inovasi Negara akan merangsang inovasi melalui komponen-komponen berikut:

■1500

(i) jaringan dengan pusat-pusat kecemerlangan yang akan ditubuhkan, terutamanya terletak di peringkat universiti dan juga *research institute*...

Dato' Azian bin Osman: Mohon laluan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Boleh saya habiskan dahulu?

Dato' Azian bin Osman: Sila.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Peringkat ini...

(ii) modal insan yang kreatif dan inovatif;

(iii) inkubator yang berkesan dan berimpak tinggi;

(iv) dana inovasi yang mencukupi;

(v) *enterprise* yang aktif dan kompetitif;

(vi) rangkaian antarabangsa yang kukuh;

(vii) dasar dan peraturan yang memudah cara;

(viii) persekitaran yang kondusif dan mesra pelanggan;

(ix) teknologi yang canggih; dan

(x) kemudahan infrastruktur.

Ekosistem yang kondusif ini akan memantapkan rangkaian di antara institusi-institusi penyelidikan, hasil-hasil penyelidikan dan industri, baik di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa, pengkomersialan dan produk-produk baru serta menambah bilangan harta intelek. Cara ini akan membantu negara menjana pendapatan yang lebih tinggi dan mencapai status negara berpendapatan tinggi. Silakan, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat telah mengulas dengan menyebut banyak pengisian tentang Pusat Inovasi Negara tadi. Apa saya ingin bangkit ialah masa, Yang Berhormat. Bilakah agaknya akan diwujudkan dasar dan juga Pusat Inovasi Negara?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, tahun ini lebih kepada untuk kita merangka dasar dan juga memperincikan penubuhan. Penubuhan maknanya dari segi infrastruktur.

Setakat ini kita sudah diluluskan dengan peruntukan untuk tahun ini sebanyak RM10 juta, lebih kepada untuk mencari tempat, ruang pejabat dan mengambil orang yang pakar dalam bidang tertentu. Akhirnya kita memerlukan juga apa yang dikatakan *engagement* dengan *stakeholders*. Kita sudah menyelesaikan dengan para akademia, *research institute* sama ada kerajaan mahupun swasta dan sekarang ini kita baru menyelesaikan sesi perbincangan dan dialog bersama dengan pihak industri.

Daripada maklumat ini, kita akan memperincikan dan *insya-Allah* selewat-lewatnya bulan depan kita akan bentangkan *findings* ini kepada Kabinet untuk mendapat kelulusan dan diharapkan ianya akan dapat dilaksanakan, berjalan pada tahun ini dan seterusnya akan dapat dikembangkan untuk apa yang dihasratkan itu akan dapat dicapai. Okey, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz binti Md. Nawi telah membangkitkan isu berkenaan peranan MDEC dalam sekolah bestari dan peranan syarikat-syarikat berstatus MSC dalam pembestarian sekolah. Peranan MDEC dalam sekolah bestari adalah sebagai penyelaras khususnya dalam membangunkan inisiatif MSC Malaysia. Antara peranan yang dimainkan oleh MDEC dalam pelaksanaan sekolah bestari adalah:

(i) membangunkan pelan-pelan strategik dan model untuk transformasi sekolah bestari yang bertaraf global;

(ii) mengenal pasti dan melaksanakan program-program antarabangsa untuk penanda aras. Amalan-amalan terbaik bagi pengajaran dan pembelajaran ataupun P&P, kreatif dan inovatif, pengurusan dan pentadbiran sekolah;

(iii) memantau pencapaian program-program pembestarian yang dilaksanakan;

(iv) mempromosi dan menjadikan konsep sekolah bestari diterima di peringkat antarabangsa dan dalam negara;

(v) membangunkan modul-modul mengenai kesedaran tentang hasil sekolah bestari untuk pentadbir sekolah;

(vi) menilai keberkesanan dan kesesuaian teknologi-teknologi pendidikan;

(vii) membangunkan modul-modul latihan tambah nilai pengintegrasian ICT dalam bahan P&P;

(viii) menjalankan kajian-kajian impak untuk program-program pembestarian sekolah; dan

(ix) melaporkan status pelaksanaan aplikasi perdana sekolah bestari kepada *Flagship Coordination Committee* ataupun FCC yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan *Implementation Council Meeting* ataupun ICM yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam inisiatif pembestarian sekolah, terdapat 60 syarikat berstatus MSC Malaysia yang terlibat dari segi pembekalan perkhidmatan dan produk-produk untuk penyelesaian M2M antara syarikat tersebut adalah *TM Smart School,* menyediakan perkhidmatan projek *monitoring office* yang memantau penggunaan ICT dan pelaksanaan strategi berasaskan sekolah. *Multimedia Synergy Corporation* menyediakan perkhidmatan *e-learning portal* untuk kegunaan murid-murid peringkat prasekolah dan rendah. Portal ini membantu murid-murid meningkatkan pemahaman melalui penggunaan ICT.

'*Fifth WM World'* menyediakan perkhidmatan buku kerja interaktif untuk latih tubi bagi murid-murid yang mengambil UPSR. Penggunaan portal ini dapat mendedahkan kepada murid-murid pelbagai jenis dan bentuk soalan yang bakal dihadapi di dalam peperiksaan, meningkatkan kefahaman pelajar dalam proses pembelajaran di sekolah dan mengesan kelemahan pelajar dalam sesuatu topik. Educational Trend Sdn. Bhd. menyediakan perisian kursus bahasa Inggeris untuk murid-murid dari peringkat prasekolah hingga menengah. Perisian kursus ini dapat membantu murid-murid meningkatkan lagi pemahaman dan komunikasi melalui pembelajaran yang beranimasi dan interaktif.

Customedia Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatan sistem pengurusan sekolah. Sistem pengurusan sekolah membantu dalam pentadbiran sekolah yang lebih efektif dengan menggunakan ICT. Integrated Technology Haus Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatan sistem sokongan berpusat. Sistem ini menyediakan sokongan teknikal secara *online* bagi membantu sekolah-sekolah yang mempunyai masalah teknikal berkenaan infrastruktur ICT. KDEB Anzagain Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatan perisian khusus prasekolah hingga peringkat rendah. Perisian khusus ini dapat membantu murid-murid meningkatkan lagi pemahaman melalui pembelajaran yang beranimasi dan interaktif.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Kamarudin bin Ambok telah membangkitkan isu berkenan langkah kerajaan dalam membangunkan industri kreatif di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MDEC memainkan peranan penting dalam membangunkan industri kreatif negara, khususnya dalam membangunkan syarikat berstatus MSC Malaysia dalam *cluster* kreatif multimedia. Sehingga Disember 2009, terdapat 275 syarikat berstatus MSC Malaysia daripada jumlah keseluruhan 2,520 syarikat berstatus MSC Malaysia di bawah *cluster* kreatif multimedia.

Pada tahun 2008, syarikat berstatus MSC Malaysia di bawah *cluster* kreatif multimedia mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3.23 bilion dengan nilai eksport sebanyak RM130 juta. Manakala nilai perbelanjaan untuk penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D yang dicatatkan pada tahun 2008 adalah sebanyak RM120 juta. Dua program pembangunan industri kreatif utama yang dilaksanakan oleh MDEC di bawah MSC Malaysia iaitu pertama, MSC Malaysia Creative Multimedia and Content Initiative (MCMCi).

Di bawah program *MSC Malaysia Creative Multimedia and Content Initiative* ini, MDEC menyediakan beberapa program kepada syarikat-syarikat berstatus MSC Malaysia seperti akses kepada pasaran, dana untuk IP, insentif untuk latihan, pembangunan kemahiran dan program kerjasama pintar di antara syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa.

Untuk menggalakkan penciptaan IP, MDEC juga telah bekerjasama dengan MOSTI dan memastikan pelaksanaan dana *e-Content* adalah sejajar dengan objektif pembangunan industri animasi dan kreatif multimedia. Di samping itu, MDEC juga menyediakan dana *proof of concept*, dengan izin, melalui program *IP Creators Challenge Series*. Kedua, *Malaysia Animation and Creative Content Center* ataupun MAC3. Program MAC3 telah dilaksanakan untuk menggalakkan pertumbuhan industri kandungan kreatif negara. MAC3 menyediakan kemudahan infrastruktur untuk kelompok *content accelerator* dan *games development lab* di Cyberjaya.

Di bawah inisiatif MAC3 ini juga, MSC Malaysia menawarkan dana produksi bersama atau *co-production fund* kepada syarikat MSC Malaysia untuk menggalakkan penghasilan dan pembangunan hasil kandungan kreatif, khususnya untuk segmen kandungan animasi dan *games* di bawah *cluster creative.* Sehingga kini tujuh syarikat telah diberikan kelulusan dengan jumlah kelulusan dana sebanyak RM33.9 juta.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai dasar, strategi dan program yang telah dilaksanakan oleh kementerian ini. Saya juga turut menghargai ucapan daripada Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati yang telah menyentuh kejayaan MOSTI dan MDEC atas usaha memasarkan dan membangunkan program-program produksi tempatan ke luar negara termasuk produksi bersama dengan negara-negara luar.

■1510

Seterusnya saya berharap dengan kerjasama dan keprihatinan berterusan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, dapat membantu kementerian dalam mencapai matlamat demi kesejahteraan selaras dengan Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi. Sekarang kita pergi ke kementerian yang kesebelas, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Dipersilakan.

3.10 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia Brodie telah membangkitkan masalah jerebu yang berlaku di daerah Miri, Sarawak akibat pembakaran secara terbuka oleh ladang-ladang kelapa sawit. Beliau menyarankan supaya *Natural Resources and Environment Board* (NREB) Sarawak mengambil kira pandangan penduduk dan badan berkanun tempatan lain dan kedua-dua masyarakat sebelum sesuatu lesen dikeluarkan atau dilulus untuk pembakaran terbuka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu permit pembakaran terbuka yang dikeluarkan oleh NREB Sarawak adalah di bawah bidang kuasa pihak NREB di negeri Sarawak sendiri. Penyiasatan oleh Jabatan Alam Sekitar mendapati bahawa pembakaran terbuka adalah terkawal dan kualiti udara di daerah Miri pada keseluruhannya adalah masih terkawal iaitu di paras antara baik dan sederhana.

Pada bulan Ogos 2009, kawasan ini telah mencatatkan sedikit kemerosotan kualiti udara. Keadaan ini adalah disebabkan terdapat kejadian pembakaran terbuka di beberapa kawasan tanah gambut di Kuala Baram Miri, Sarawak yang berhampiran sempadan negara Brunei Darussalam. Sehubungan itu, pihak kementerian dan Jabatan Alam sekitar telah dan sedang melaksanakan program pengurusan tanah gambut yang mudah terbakar, sebagai langkah pencegahan dan kawalan kebakaran. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan termasuklah membina sebuah menara tinjau kebakaran, dua buah telaga air tanah untuk membekalkan air melawan kebakaran dan menaikkan paras air bawah tanah supaya dapat mengurangkan api daripada merebak dan tiga buah *check dam* untuk mengumpul air dan menaikkan paras air di kawasan mudah terbakar di Miri Sarawak.

Selain itu, bagi mengawal punca-punca pencemaran udara dalam negara, Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga telah menggerakkan dan mempertingkatkan lagi tindakan penguatkuasaan bagi mencegah dan mengawal aktiviti pembakaran terbuka, terutama di kawasan yang mudah terbakar atau dengan izin, *the fire prone areas*. Bagi pemantauan yang lebih berkesan, pihak JAS telah memasang sebanyak 52 stesen pemantauan kualiti udara automatik di seluruh negara. Daripada jumlah sebanyak 10 buah stesen telah dipasang di negeri Sarawak, di mana dua buah stesen telah ditempatkan di Miri Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat seterusnya, Pengerusi Jawatankuasa Bencana Negeri itu, iaitu Timbalan Ketua Menteri Sarawak sebenarnya telah mengarahkan NREB supaya menarik balik permit-permit yang telah dikeluarkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik membangkitkan isu kemusnahan di kawasan tadahan air akibat daripada aktiviti penerokaan dan pencerobohan terutama berdekatan empangan seperti Empangan Batu, Langat dan Klang Gate di negeri Selangor. Beliau menyarankan supaya jauh penampanan 10 kilometer daripada kawasan tadahan air sentiasa dilindungi daripada pencerobohan dan penerokaan. Selain itu beliau juga menyarankan supaya kajian EIA dijalankan sebelum aktiviti pembalakan dan penerokaan berhampiran kawasan tadahan air ini dijalankan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Akta Perhutanan Negara 1984, Akta 313, hutan tadahan air dikategorikan sebagai perlindungan dan tidak boleh dibalak. Melalui siasatan awal yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, mendapati bahawa tidak berlaku sebarang kegiatan pembalakan dan penerokaan di kawasan hutan tadahan air berdekatan Empangan Batu Langat dan Klang Gate...

Dr. Syed Husin Ali: Minta laluan..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Saya habiskan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Biar lepaskan Yang Berhormat Timbalan Menteri habiskan dahulu. Silakan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Namun begitu kementerian ini akan menjalankan pemantauan dan pemeriksaan di kawasan berkenaan bagi memastikan tiada sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang berlaku. Ya silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Ada dua perkara. Perkara pertama ialah tentang pemantauan kawasan-kawasan tadahan air yang dicemari. Nampaknya terutama sekali di Sarawak, kita dapati bukan sahaja Bakun, tetapi 12 lagi khabarnya empangan akan didirikan seolah-olah ia tidak ada pengawalan.

Adakah ini akan mengakibatkan lebih teruk lagi kemusnahan kawasan tadahan air. Keduanya, tiap-tiap tahun pada waktu yang tertentu, kita dapati *Air Pollution Index* (API) naik tinggi oleh kerana pencemaran udara katanya akibat daripada pembakaran terbuka di negara tetangga. Adakah apa-apa harapan masalah ini akan dapat diselesaikan dan tidak akan berulang kali berlaku. Saya rasa pemantauan sahaja dengan mengadakan tempat-tempat meninjau pencemaran ini tidak mencukupi, tetapi usaha yang lebih konkrit harus dilakukan dengan negara tetangga itu untuk memastikan pembakaran terbuka tidak berlaku dan pencemaran tidak berlaku. Kalaulah pencemaran itu disebabkan oleh pembakaran terbuka di negara tetangga tersebut. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat, sebentar tadi soalan pertama itu tidak ada diungkit, apa yang saya huraikan berkaitan dengan tadahan air di Klang Gate dan juga satu tempat lagi yang saya sentuhkan sebentar tadi. Ini adalah berhubung kait dengan Bakun di negeri Sarawak. Jadi walau bagaimanapun, saya percaya kerajaan negeri pun mengambil tindakan tertentu untuk mengawal kesemua ini tetapi saya tidak mempunyai butir-butir apakah langkah-langkah yang mereka buat untuk mencegah pencemaran tadahan air itu tetapi kalau boleh nanti saya bekalkan kemudian.

Berkaitan soalan kedua itu, saya harap Ahli Yang Berhormat bersabar oleh kerana *I will touch on the subject later on*...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana, hendak beri laluan kepada Yang Berhormat?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Sila, sila.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas keterangan yang telah diberi di bawah ucapan saya.

■1520

Saya yang membangkitkan tentang di Selangor itu tadi. Saya yakin bahawa Kerajaan Persekutuan akan memantau di bawah kajian-kajian yang dibuat oleh EIA. Hanya dari segi Perlembagaan pula tanah serta pembalakan terletak khusus di bawah kerajaan negeri dan dikuasai ataupun mempunyai kuasa penuh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan ataupun Ketua Menteri. Bagaimanakah ianya boleh dicantumkan oleh kerana satu pihak ianya mempunyai satu kuasa yang berlainan. Di negerinya akan mengeluarkan lesen-lesen membalak, di peringkat pusat ini, EIA di bawah kawalan Kerajaan Persekutuan.

Nampaknya tidak ada percantuman khususnya kepada negeri-negeri yang dikuasai oleh lain daripada parti yang berlainan. Dalam erti kata ianya akan merugikan negeri kita, negara kita pada umumnya pada masa-masa yang akan datang. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya apa yang kita buat di peringkat kementerian ini ialah melalui Majlis Tanah Negara. Di mana kita hanya boleh mengikut garis panduan dan kemudian itu kita mengharapkan supaya ia akan dapat dipatuhi oleh kerajaan-kerajaan negeri. Dalam Perlembagaan kita, kita berhak untuk memanggil Mesyuarat Majlis Tanah Negara, di mana di tempat itu sepatutnya semua negeri kita terikat untuk mematuhi apa yang kita buat.

Apa yang saya huraikan sebentar tadi berkaitan dengan memantau dan sebagainya, maka itu hanya satu garis panduan tetapi, kita sebenarnya mengharap supaya ianya dapat dipatuhi oleh kerana kesemua itu adalah untuk kebaikan rakyat jelata kita. Jadi berkaitan dengan cantum penguatkuasaan ini kita boleh membantu juga kalau ada apa-apa yang menyalahi dari segi undang-undang. Kita pun juga membantu kalau sekiranya ada terdapat kelemahan-kelemahan tertentu yang berlaku di pihak kerajaan negeri. Kita boleh membantu. Saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Menteri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Selain itu di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 pembalakan atau pengubahan tanah hutan kepada kegunaan tanah lain di kawasan tadahan memerlukan kelulusan Laporan EIA *(Environmental Impact Assessment).* Sekiranya Laporan EIA tidak diluluskan, pemaju perlu juga mengemukakan laporan pengurusan alam sekitar kemudian dan menghuraikan langkah-langkah kawalan, program pengawasan dan keperluan pelaporan dengan lebih spesifik.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Tuan Yang di-Pertua saya mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Pihak pemaju juga diminta mengemukakan Laporan Pengawasan Berkala kepada Jabatan Alam Sekitar.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Ini berkenaan dengan isu yang pertama tadi iaitu isu tempatan di bandar Miri. Tadi saya terdengar Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kemudahan seperti menara tinjau, tiga buah *check dam* dan sebagainya akan dibuat. Saya ingin tahu bilakah kemudahan ini akan dilaksanakan? Sebab musim kemarau selalunya bulan Julai, bulan Ogos, bulan September dan bulan Oktober. Kalau ini tidak diusahakan dengan cepat saya risau musim kemarau ini nanti dengan wujudnya kebakaran terbuka, permasalahan jerebu akan berulang lagi. Saya duduk di kawasan Senandin di Miri berdekatan dengan Kuala Beram. Jadi kalau ini tidak dipercepatkan ia mungkin menggugat kesihatan penduduk di bandar Miri. Terima kasih Menteri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Kemudahan itu sebenarnya sudah ada. Pegawai-pegawai tertentu sudah ada. Stesen-stesen di mana kita sudah wujudkan itu sememangnya sudah ada untuk memantau pertamanya titik panas. Apabila sahaja kita dapat mengenal pasti bahawa *hot spot* itu melebihi panas, di mana mungkin kebakaran terbuka. Maka pegawai-pegawai kita *go to the ground*. *They go to the ground* untuk melihat supaya kebakaran tidak berlaku tetapi, Yang Berhormat kebakaran ini kadang-kadang ialah melalui perbuatan manusia. Kebakaran tidak berlaku kalau sekiranya manusia tidak membuat. Itulah sebenarnya kerjasama yang kita minta daripada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali membangkitkan isu kemusnahan hutan, kawasan paya, *wetland* dan alam sekitar akibat kerja-kerja pembalakan dan pembangunan yang tidak terkawal. Beliau menyarankan supaya pihak kerajaan mengadakan peraturan-peraturan supaya pencemaran tidak berlaku. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat aktiviti pengusaha penghasilan hutan pembalakan di negara ini terdiri daripada pembalakan di kawasan hutan simpan kekal (HSK) dan di luar kawasan HSK.

Aktiviti ini sememangnya dilaksanakan dengan mengikuti dan mematuhi peraturan-peraturan dan garis panduan yang sedang dikuatkuasakan. Di bawah kawasan Hutan Simpan Kekal, pengurusan hutan yang berdasarkan ciri-ciri pengurusan hutan secara berkekalan atau *sustainable forest management* dilaksanakan sepenuhnya. Kawasan hutan tersebut diurus mengikut peruntukan dan peraturan yang terkandung dalam Akta Perhutanan Negara 1984 dan Kaedah-kaedah Hutan 1985. Di samping itu hutan juga diurus mengikut pengelasan fungsi kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK), di bawah seksyen 10(1), Akta Perhutanan Negara 1984.

Sementara itu aktiviti pembalakan di luar kawasan HSK iaitu di kawasan tanah kerajaan dan tanah bermilik. Beberapa langkah pencegahan alam sekitar dilaksanakan, yang menggariskan satu peraturan dalam pengusaha hasilan di kawasan tanah kerajaan dan tanah bermilik bagi mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar.

Di samping itu kerajaan juga menguatkuasakan undang-undang seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Akta Perhutanan Negara 1984 dan Akta Pembangunan Mineral 1994 serta peraturan-peraturan di akta-akta tersebut. Jabatan Alam Sekitar sebagai agensi bertanggungjawab ke atas pengawalan pencemaran dari kenderaan bermotor dan premis-premis perindustrian menguatkuasakan Akta Alam Sekitar Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Pencemaran udara seperti asap hitam dan juga bahan bendasing lain yang berpunca daripada aktiviti industri kilang adalah di kawalan, di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn memberi cadangan kepada pihak kerajaan supaya mewujudkan satu pangkalan data alam sekitar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Alam Sekitar sememangnya telah membangun pangkalan delta yang dipanggil Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar atau e-KAS. Sistem ini mengandungi maklumat tentang punca-punca pencemaran alam sekitar.

■1530

Aktiviti penguatkuasaan seperti siasatan aduan dan lawatan penguatkuasaan berserta tindakan penguatkuasaan yang diambil dalam bentuk pengeluaran kompaun dan pengeluaran notis arahan lagi bagi tujuan pelaporan dan pengurusan. Selain itu, pihak JAS juga telah membangunkan sistem maklumat geografi, *geographical information system* atau GIS bagi menyediakan inventori punca-punca pencemaran dalam bentuk peta.

Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram bertanya tentang usaha untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan murid-murid sekolah. Pihak kementerian telah dan sedang berusaha untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan murid-murid sekolah melalui program yang dirancang bagi memenuhi strategi hijau Dasar Alam Sekitar Negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 2 Oktober 2002.

Sehubungan itu, pihak kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar menganjurkan dan menyelaraskan program kesedaran dan penyelidikan alam sekitar secara terancang di kalangan murid-murid sekolah. Semua aktiviti yang dirancang mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

(i) penerapan nilai-nilai murni alam sekitar melalui pendidikan formal dan informal seperti penganjuran program-program kesihatan dan pendidikan alam sekitar serta mengintegrasikannya dalam pelbagai disiplin pembelajaran;

(ii) pengukuhan peranan pihak-pihak tertentu seperti belia, wanita, pertubuhan bukan kerajaan atau NGO, komuniti persatuan pihak swasta, golongan pendidik dan pihak-pihak lain yang berkaitan dengan murid-murid sekolah; dan

(iii) penggunaan sepenuhnya kemudahan media komunikasi dan penyebaran maklumat melalui bahan-bahan pencetakan dan teknologi maklumat.

Antara program untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan murid-murid sekolah dari peringkat prasekolah hingga peringkat sekolah menengah termasuklah seperti berikut:

(i) sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar;

(ii) penganjuran kem kesedaran alam sekitar;

(iii) modul prasekolah;

(iv) projek kesedaran di sekolah seperti Program Wira Alam dan Program 3K atau kebersihan, keceriaan dan keselamatan;

(v) pengiraan dan penerbitan bahan-bahan berkaitan alam sekitar; dan

(vi) kemudahan perpustakaan alam sekitar atau *enviro…*

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim membangkitkan isu kedudukan tanah-tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau PTP. PTP yang masih belum digunakan termasuk tanah yang sudah tidak lagi sesuai dan yang dirasai tidak lagi diperlukan oleh jabatan yang memohon sebelum daripada ini.

Beliau mencadangkan supaya kerajaan mengkaji semula perkara ini supaya tanah-tanah ini dapat diserahkan balik pada pihak kerajaan negeri untuk penggunaan secara lebih ekonomik ataupun diberikan kepada pihak swasta untuk memajukan tanah berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi tanah-tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) yang tidak dibangunkan oleh kementerian atau Jabatan Pengguna KJP, pihak berkuasa negeri atau PBN jika perlu, boleh memohon perlepasan penyerahan balik tanah *reserve* milik PTP itu. Ini adalah selaras dengan Perkara 85(3), Perlembagaan Persekutuan. Dalam hubungan ini, Kerajaan Persekutuan kini dalam tindakan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah-tanah PTP yang sedia ada, yang tidak dibangunkan untuk ditukar guna antara KJP-KJP bagi projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Selain proses tukar guna tanah-tanah yang tidak dibangunkan ini turut disewa kepada pihak-pihak yang berminat bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun.

Di samping proses tukar guna dan penyewaan tanah-tanah PTP yang tidak dibangunkan oleh KJP juga boleh dipajak kepada pihak swasta untuk suatu jangka masa tertentu melebihi tiga tahun dan tidak melebihi 99 tahun sebelum ia dibangunkan. Ini adalah tertakluk kepada kelulusan Jemaah Menteri bagi mengoptimumkan penggunaan tanah ini. Di samping menjana hasil kepada Kerajaan Persekutuan, pajakan ini boleh dibatalkan sekiranya pihak KJP ini melaksanakan projek di atas tanah berkenaan.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga membangkitkan isu *green house effect* ekoran pengeluaran karbon dioksida dan karbon yang menimbulkan masalah-masalah seperti banjir, kemarau, hujan, kenaikan suhu dunia yang berpunca daripada gas dan asap-asap yang dikeluarkan oleh kereta dan kilang-kilang. Perkara ini menyebabkan berlakunya krisis pemanasan global yang sedang melanda dunia sekarang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu pemanasan global dan perubahan iklim, kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa tindakan termasuk menyediakan dasar perubahan iklim negara. Dasar ini digubal bagi mengarusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai kementerian dan agensi dalam menangani isu perubahan iklim.

Di samping itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa di Copenhagen pada Disember 2009 telah mengumumkan pengurangan perlepasan gas rumah hijau, *green house gases* sehingga 40 peratus intensiti karbon menjelang tahun 2020 berbanding tahun 2005. Ini adalah sebagai sumbangan negara di peringkat global dalam menangani isu perubahan iklim.

Sebagai strategi permulaan, untuk mengurangkan 40 peratus intensiti karbon tersebut, kerajaan telah menyediakan *route net* yang meliputi tiga program utama iaitu seperti berikut:

(i) kecekapan penggunaan tenaga, *energy eficiency;*

(ii) tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy;* dan

(iii) pengurusan sisa pepejal.

Pelaksanaan ketiga-tiga program ini dijangka akan dapat mengurangkan 45 juta tan karbon dioksida. Bagi menangani perubahan iklim dalam jangka masa panjang, kerajaan akan menyediakan satu *route net* yang komprehensif dan terperinci. Ini akan melibatkan sektor seperti pengangkutan, proses industri, pertanian dan perhutanan. Untuk makluman Yang Berhormat juga yang terbaru kementerian telah melancarkan kempen menanam 26 juta pokok kayu dengan tema 'Hijaukan Bumi. Satu Warga, Satu Pokok' di seluruh negara mengenai pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Dengan adanya usaha-usaha sebegini pihak kementerian percaya kita berada di landasan yang betul dalam menangani isu perubahan iklim di negara ini...

■1540

Dr. Syed Husin Ali: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Saya setuju bahawa banyak dasar, banyak *road map*, iaitu undang-undang yang ada di negara ini tetapi soalnya, bagaimanakah penguatkuasaannya dan bagaimanakah proses *monitoring* dalam soal-soal seperti itu.

Saya ambil contoh yang kecil sahaja, misalnya ada peraturan mengenai dengan *emission* ataupun pengeluaran gas yang kotor dari kereta atau dari kilang tetapi, kalau kita lihat di Petaling Jaya sendiri misalannya, didapati bahawa begitu banyak kilang yang mengeluarkan asap-asap hitam dan begitu banyak bas dan kereta yang mengeluarkan asap-asap hitam tetapi tidak ada nampaknya pemantauan ataupun pelaksanaan untuk menegahnya ataupun mengurangkannya.

Soal seperti ini, pemantauan dan pelaksanaan ini, akan menjejaskan umpamanya apa yang dijanjikan oleh Perdana Menteri di Copenhagen itu. Perkara yang kedua ialah balik kepada soal penarahan bukit, penebangan hutan dan sebagainya. Ada penguatkuasaan misalannya.

Akan tetapi kita lihat penebangan hutan di kawasan-kawasan yang sudah ditetapkan untuk penebangan balak tetapi pada hakikatnya kita dapati bahawa ada kawasan-kawasan yang diberikan oleh pengusaha tetapi pengusaha menebang balak bukan sahaja di kawasan yang diberikan itu tetapi juga di kawasan-kawasan yang luar daripadanya, yang berdekatan atau berhampiran dengan kawasan tersebut sehingga misalnya, merosakkan hutan di kawasan-kawasan yang tidak diberikan kebenaran seperti itu. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Boleh tambah satu lagi soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bagi Menteri menjawab dahulu. Juga saya hendak menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, kerana kita hanya ada satu hari ini sahaja untuk menyelesaikan semua kementerian yang ada sekarang ini. Kita ada semua 25 kementerian. Kita hanya masih yang ke-11. Saya fikir kalau boleh bagi peluang kepada Menteri-menteri yang berkenaan itu menjawab, melainkanlah kalau betul-betul mustahak. Sekian terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih. Saya ingin menjawab dahulu soalan pertama. Berkaitan dengan pemantauan penguatkuasaan. Selepas kita menggubal *road mapping* ini, sememangnya kita membuat perancangan tentang penguatkuasaan undang-undang kita dan juga pemantauan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kita sentiasa prihatin terhadap alam sekitar kita, memantau, mengambil tindakan dan sebagainya. *I can support that the facts and figures* yang saya ada sekarang ini. Kes-kes pelanggaran Akta Kualiti Alam Sekitar. Ini berkaitan dengan pemantauan. Kalau sekiranya ada orang membuat pencemaran dan sebagainya, kita mengambil tindakan. *We make sure,* dengan izin, *that we enforce the law*.

Kalau ada orang yang melanggari, menyalahi undang-undang. Pertama, dalam tahun 2009 misalannya, kita telah mengambil tindakan mahkamah, 555 kes yang melibatkan pelepasan asap hitam di kenderaan diesel, 173 kes melibatkan pelepasan *effluent* melebihi piawaian, 135 tidak mematuhi syarat-syarat lesen yang dikenakan walaupun diberikan lesen tetapi tidak mematuhi, maka kita ambil tindakan undang-undang. Kemudian 17 kes tidak mematuhi notis arahan. Kita memberi arahan, kalau tidak mematuhi notis arahan itu, kita juga mengambil tindakan. Ada 16 kes melibatkan pembakaran terbuka. Ada 14 kes yang ada hubung kait dengan melanggar syarat-syarat EIA atau tidak mendapat EIA daripada pihak-pihak yang berkuasa. Ada 13 kes melibatkan buangan berjadual, 17 kes melibatkan premis yang ditetapkan beroperasi tanpa lesen JAS.

Selain daripada itu, kita juga dalam undang-undang kita ada peruntukkan di mana kita boleh mengkompaun, kita boleh menawarkan supaya mereka dikompaun tentang kesalahan itu. Di bawah kategori ini, maka 3,409 kes pelepasan asap hitam di kenderaan di kompaun, 838 kes berkaitan buangan terjadual, 617 kes berkaitan pencemaran udara, 397 kes berkaitan pembakaran terbuka dan 166 kes pelepasan hidrokarbon dari kenderaan petrol. Ini menunjukkan bahawa *we do our job,* Tuan Yang di-Pertua.

Kalau kita membuat *road map* untuk mengurangkan intensif pengeluaran karbon, *we want to make sure we have achieved that*. Inilah komitmen kerajaan kita sekarang.

Berkaitan dengan soal kedua iaitu berkaitan dengan pembalakan, sama ada pembalakan yang telah dilesenkan atau pembalakan haram. Pembalakan haram ini yang boleh mencemarkan alam sekitar kita. Pembalakan haram ini, *there is no compromise* daripada kerajaan. *We have to take action*.

Keduanya, walaupun mereka diberi lesen untuk membalak seperti mana yang saya katakan awal-awal sebentar tadi, terkena bagi mereka untuk mematuhi syarat-syarat melalui sistem *sustainable forest management*. EIA diperlukan, pengeluaran kayu, cara dia untuk mengeluarkan kayu, menebang dan sebagainya. Itu akan semua *regulate*. Kita akan pastikan supaya peraturan-peraturan itu dipastikan dan kalau mereka tidak pastikan, syarat-syarat, lesen-lesen yang diberikan kepada mereka, maka hendaklah mereka berhadapan dengan pegawai-pegawai berkenaan supaya mereka diberi amaran, kalau tidak tindakan mesti kita ambilkan...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mohon maaflah kerana masa kita ini - kita masih ada 14 kementerian yang masih hendak jawab. Saya kalau boleh saya biarkan Menteri menjawab secepat mungkin. Supaya boleh kita sudahkan. Kerana kita terpaksa selesaikan ini semua pada hari ini. Saya minta maaf Yang Berhormat. Silakan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih, terima kasih. Sebenarnya saya sudah habis. Saya ingin menggulung sekarang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kira semua isu, saranan dan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja 2010 terutamanya menyentuh bidang kuasa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah saya jawab. Pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua isu yang dibangkitkan dalam perbahasan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih. Saya ingin mengambil perhatian semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita ada lagi 14 termasuk Kementerian Jabatan Perdana Menteri, yang ada empat menteri akan memberi jawapan. Oleh itu saya mohon kerjasama, kalau boleh kalau masa kementerian itu menjawab, melainkanlah kalau betul-betul perlu barulah minta penjelasan dan sebagainya. Kalau tidak susah kita hendak mengawal masa yang telah dihadkan. Maka, tanpa membuang masa saya mempersilakan Kementerian Pengangkutan.

3.49 ptg.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkanlah saya ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil Bahagian dalam perbahasan atas Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa dan bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Sesungguhnya Kementerian Pengangkutan menghargai semua pandangan, teguran dan cadangan dari kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan mengambil maklum dan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad atas pandangan dan teguran yang diberi berkaitan dengan Terminal Feri Langkawi. Jabatan Laut bertanggungjawab menetapkan jadual perjalanan feri-feri yang beroperasi di Terminal Feri Langkawi. Walau bagaimanapun, kelewatan feri-feri ini masih berlaku disebabkan beberapa faktor seperti berikut:

■1550

(i) situasi pasang surut laut yang berubah dan di luar kawalan yang memberi kesan atas jadual perjalanan feri;

(ii) kesesakan luar biasa di Terminal Feri Langkawi pada musim-musim tertentu iaitu pada musim perayaan dan cuti sekolah; dan

(iii) kerosakan feri yang mengganggu kekerapan perkhidmatan feri yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, terminal penumpang berkenaan telah menjalani kerja-kerja pembaikan dan naik taraf dengan menggunakan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Kerja-kerja tersebut telah bermula pada 25 Jun 2008 dan telah siap pada 21 Mei 2009. Pembaikan dalam tempoh kecacatan juga telah dilakukan dalam bulan ini. Jabatan Laut sentiasa memantau tahap fizikal jeti di Kuah dan akan mengambil tindakan pembaikan jika perlu.

Berkaitan dengan tahap keselamatan perkhidmatan feri, Jabatan Laut sentiasa mengadakan pemeriksaan ke atas setiap feri penumpang termasuklah usaha untuk memastikan *life jacket,* dengan izin, dibekalkan dan mencukupi sama ada untuk orang dewasa ataupun kanak-kanak sebelum feri berkenaan dibenarkan untuk belayar. Keperluan ini juga dipertanggungjawabkan kepada semua kapten feri. Jabatan Laut juga pada setiap tahun mengadakan pemeriksaan berkala ke atas feri-feri penumpang sebelum memperbaharui lesen operasi feri yang berkenaan. Oleh yang demikian, sekiranya didapati *life jacket* yang disediakan adalah usang dan tidak selamat untuk digunakan, maka pihak Jabatan Laut akan mengarahkan kapten feri yang berkenaan untuk menukarkan *life jacket* kepada yang baru.

Berhubung dengan pemerhatian mengenai keadaan feri yang usang, ingin saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Jabatan Laut sesungguhnya sedang menjalankan pemeriksaan berkala terhadap semua feri dari aspek keselamatan. Selain daripada itu juga, penekanan turut diberikan kepada tahap fizikal dan keselesaan feri. Pemeriksaan-pemeriksaan sebegini akan terus menjadi keutamaan kepada Jabatan Laut.

Manakala bagi perkara berkaitan dengan bunyi enjin feri yang menyebabkan pencemaran bunyi, Jabatan Laut telah mensyaratkan agar setiap enjin kapal mesti dibalut dengan bahan isolasi yang boleh menyerap bunyi bagi memenuhi peraturan yang terpakai. Peraturan tersebut mensyaratkan tahap bunyi enjin dikawal pada kadar 75 desibel. Secara amnya, bunyi enjin adalah masih di tahap yang boleh diterima seperti mana yang dikehendaki mengikut peraturan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan dari Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar mengenai perkara yang berkaitan dengan landasan kereta api berkembar elektrik di Pantai Timur dan kemudahan untuk OKU, turut diambil perhatian oleh Kementerian Pengangkutan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan pada dasarnya bersetuju dengan cadangan untuk mewujudkan laluan landasan kereta api berkembar elektrik di Pantai Timur.

Pada masa ini, kerajaan melalui kerjasama *East Coast Economic Region Development Corridor* sedang mengadakan kajian kemungkinan laluan rel Pantai Timur yang dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun ini. Kajian tersebut meliputi kajian kemungkinan sambungan rel di antara Lembah Klang, Mentakab, Kuantan, Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Hasil kajian ini kelak akan membolehkan kerajaan menentukan larasan landasan serta bentuk perkhidmatan kereta api yang akan dilaksanakan di Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa melaksanakan projek menaik taraf kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) secara berperingkat. Antara tindakan yang sedang dan telah diambil oleh kementerian ini adalah seperti berikut:

(i) usaha meningkatkan pemantauan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam bagi menaikkan taraf kemudahan yang lebih mesra OKU;

(ii) memastikan projek-projek pengangkutan awam yang akan dan sedang dibangunkan seperti Projek Terminal Bersepadu Selatan di Bandar Tasik Selatan yang sedang dilangsungkan, Projek

Terminal Bersepadu Timur di Gombak dan Projek Sambungan LRT Ampang dan Kelana Jaya yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan mesra OKU;

(iii) usaha menjalankan sesi audit dan demonstrasi ke atas kemudahan OKU bagi pengangkutan awam;

(iv) menjalankan sesi dialog dengan agensi-agensi dan persatuan-persatuan OKU dari semasa ke semasa khasnya mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kemudahan mesra OKU;

(v) menaik taraf stesen-stesen LRT Aliran Ampang supaya mesra OKU yang mana merupakan salah satu inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) pengangkutan awam bandar di Lembah Klang; dan

(vi) usaha menambahbaikkan dan menyediakan kemudahan OKU di stesen-stesen KTM Komuter.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, suka juga dimaklumkan bahawa di antara projek-projek penaiktarafan kemudahan OKU yang telah dilaksanakan di stesen-stesen KTM Komuter di Lembah Klang adalah termasuk pemasangan kemudahan *ramp*, kanopi, tempat letak kereta, bilik air, lif dan jubin *tactile* OKU.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM15 juta telah diperuntukkan untuk projek-projek penambahbaikan kemudahan-kemudahan OKU. Di antara stesen-stesen KTM Komuter yang telah dilengkapi dengan kemudahan OKU termasuk Stesen KTM Kepong Sentral, Kuala Kubu Bharu, Rasah, Batang Kali, Serendah, MidValley, Kajang dan Serdang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kamarudin bin Ambok memberikan pandangan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan status Projek Landasan Berkembar Elektrik dan perkhidmatan kereta api. Kementerian Pengangkutan sememangnya ada menjalankan kajian dengan izin, *ridership* penumpang dan *freight* bagi perkhidmatan rel. Kajian ini dilakukan setiap masa bagi mengkaji dan memantau trend peningkatan serta penurunan perkhidmatan rel dari semasa ke semasa. Kajian yang dimaksudkan meliputi:

(i) perbandingan data *ridership* antara semua jenis mod perkhidmatan rel seperti LRT, KTM Komuter, KTM antara bandar, kedua-dua perkhidmatan ERL iaitu ERL Ekspres dan ERL Transit dan Monorel;

(ii) perbandingan peningkatan dan penurunan data *ridership rail* dan *freight* berdasarkan perbandingan pencapaian harian, bulanan dan tahunan; dan

(iii) perbandingan prestasi *ridership* penumpang dari segi peratusan berdasarkan perbandingan harian, bulanan dan tahunan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kajian *ridership* penumpang yang dilakukan setakat ini adalah penting bagi membolehkan pihak Kementerian Pengangkutan membuat analisa-analisa seperti berikut:

(i) analisa atas keperluan meningkatkan kapasiti perkhidmatan rel dari semasa ke semasa;

(ii) analisa untuk mengetahui keperluan bagi meningkatkan pelaksanaan program-program atau kempen sebagai usaha menggalakkan penggunaan perkhidmatan rel;

■1600

(iii) bagi mengukur serta mengenal pasti keberkesanan usaha-usaha penambahbaikan atau program-program yang dilaksanakan*;*

(iv) bagi mengenal pasti tahap peningkatan modal *share* pengguna rel berbanding kenderaan persendirian*;*

(v) bagi menentu ukur prestasi pencapaian atau penurunan perkhidmatan rel*;* dan

(vi) bagi menetapkan sasaran atau KPI bagi perkhidmatan rel*.*

Tuan Yang di-Pertua, antara rancangan pembangunan jajaran perkhidmatan rel pada masa depan dijangka akan meliputi, pertama penyambungan jajaran LRT bagi aliran Kelana Jaya dan aliran Ampang.

Projek ini melibatkan sambungan LRT aliran Kelana Jaya dan aliran Ampang yang sedia ada sehingga ke Putra Heights dengan jumlah jarak tambahan sepanjang 35 kilometer. Cadangan laluan LRT baru dari Kota Damansara ke Cheras. Ini merupakan satu cadangan pembinaan laluan baru yang akan menghubungkan Kota Damansara dengan Cheras melalui pusat bandar Kuala Lumpur. Setakat ini projek ini masih lagi dalam peringkat kajian teknikal.

Berikutnya cadangan Projek Landasan Berkembar Gemas-Johor Bahru. Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru dijangka akan meningkatkan kapasiti landasan kepada sepuluh kali ganda berbanding dengan kapasiti yang sedia ada. Di samping itu juga tempoh perjalanan tren ekspres di antara Kuala Lumpur-Johor Bahru dijangka akan dapat disingkatkan daripada 6 jam 20 minit kepada 2 jam 48 minit.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Pada masa yang sama status projek landasan kereta api berkembar elektrik yang lain termasuk Landasan Berkembar Ipoh-Padang Besar yang sepanjang 329 kilometer. Kontrak pembinaan ini telah ditawarkan kepada MMC-Gamuda JV Sdn. Bhd. dengan nilai sebanyak RM12.485 bilion bermula pada 8 Januari 2008 dan dijangka siap pada 7 Disember 2013. Sehingga 31 Mac tahun ini, tahap kemajuan keseluruhan projek adalah 42.06 peratus berbanding dengan 45.7 peratus seperti mana yang dirancang. Kerja-kerja yang sedang dijalankan adalah meliputi kerja tanah, pengukuhan tanah, kerja cerucuk, pembinaan jambatan, jejambat, *land viaduct, marine viaduct* di Bukit Merah, pembinaan terowong Larut dan Bukit Berapit serta pengalihan kabel dan utiliti.

Selain daripada itu, Projek Landasan Berkembar Seremban-Gemas yang sepanjang 94 kilometer juga perlu saya maklumkan Dewan yang mulia ini. Kontrak pembinaan ini telah ditawarkan kepada Syarikat Ircon International Limited*,* India berasaskan konsep reka dan bina yang merangkumi kerja-kerja landasan bangunan *station*, kuarters kakitangan, persemboyanan atau pun *signaling,* dengan izin, komunikasi, elektrifikasi, dan kerja-kerja lain yang berkaitan. Kontrak yang bernilai RM3.45 bilion ini telah bermula pada 18 Januari 2008 dan dijangka siapa pada 16 Ogos 2012. Sehingga 31 Mac tahun ini tahap kemajuannya adalah sebanyak 44.72 peratus berbanding dengan 45.27 peratus sebagai mana yang dirancang.

Pada peringkat ini, aktiviti pembinaan di tapak yang berkenaan yang melibatkan kerja-kerja kejuruteraan awam seperti kerja tanah khasnya potong dan tambah, *cut and fill,* dengan izin, pengukuhan tanah, penanaman cerucuk untuk struktur jambatan, pembinaan pembetung ke kotak, dan jambatan serta lain-lain kerja pembinaan di sepanjang sektor berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Landasan Berkembar Gemas-Johor Bahru. Projek ini belum lagi dilaksanakan tetapi, setakat ini kontraktor dari Republik Rakyat China telah pun dikenal pasti untuk melaksanakannya. Walau pun demikian, pelantikan rasmi syarikat dari Republik Rakyat China belum lagi diputuskan.

Buat masa ini, kerajaan telah melantik juru perunding bagi mengkaji dan menyiapkan dokumen keperluan kerajaan atau pun *statement of needs,* dengan izin, dalam

tempoh empat bulan. Selepas dokumen tersebut disiapkan barulah surat niat dikeluarkan kepada syarikat dari Republik Rakyat China yang berkenaan bagi membolehkan mereka menyediakan cadangan teknikal dan kewangan bagi pelaksanaan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada gangguan teknikal yang dialami oleh tren aliran Kelana Jaya. Sukacita saya hendak maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa dalam tempoh sejak awal tahun 2009 hingga tahun 2010 ini, sebanyak dua kali gangguan telah pun berlaku dengan butir-butir ini seperti berikut. Pada 21 Januari 2009, perkhidmatan LRT telah pun terganggu selama 20 minit pada kira-kira jam 8.05 minit pagi akibat masalah teknikal. Gangguan ini berlaku semasa sebuah tren yang menghala ke arah Gombak mengalami masalah ketika ianya berada di antara stesen LRT yang belum dibuka di Seri Rampai dan Stesen Wangsa Maju. Tren yang rosak itu mengakibatkan gangguan terhadap keseluruhan sistem. Tiada mangsa yang tercedera dan perkhidmatan tren telah kembali beroperasi seperti biasa pada jam 8.25 pagi.

Satu lagi peristiwa berlaku pada 23 Mac tahun ini. Bangunan berlaku pada sistem kuasa dalaman yang menyebabkan perkhidmatan Transit Aliran Ringan Aliran Kelana Jaya tergendala di Stesen Damai pada jam 8.45 minit pagi. Peristiwa itu melibatkan laluan dari Stesen Damai ke Stesen Gombak dan masalah tersebut dapat ditangani empat jam kemudian. Tiada sebarang kemalangan yang meragut nyawa dilaporkan dan keseluruhan sistem tren kembali pulih sepenuhnya pada jam 5.10 petang. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pihak *Rapid* KL, LRT sedang berusaha meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan trennya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri. Minta Yang Berhormat Menteri berhenti seketika, ya bagi membolehkan usul dibawa oleh Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.09 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Wira Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai penggulungan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja dibahas dan diputuskan dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 4 Mei 2010."

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■1610

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Minta Yang Berhormat Menteri Pengangkutan menyambung semula.

4.11 ptg.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini, seperti mana yang kita sedia maklum bahawa pihak RapidKL LRT sedang berusaha untuk meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan trennya.

Antara daya usaha yang telah pun dirancang dan dilaksanakan termasuk inisiatif untuk menambah kapasiti tren dengan menerusi perolehan 35 set tren yang mempunyai

empat gerabak. Penyerahan tren-tren baru ini sedang berlangsung secara berperingkat dan dijangka menjelang tahun 2011 dengan adanya kesemua 35 set tren empat gerabak ini, masa menunggu LRT akan dapat kita pendekkan pada dua minit. Ini khas untuk aliran Kelana Jaya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan turut mengambil maklum akan pertanyaan dan saranan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik yang meminta penjelasan mengenai bangunan KTMB yang bersejarah yang kononnya akan dijadikan hotel. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini pihak kementerian tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menjadikan bangunan KTMB sebagai sebuah hotel. Kadang kala ini sebagai satu khabar angin.

Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir telah meminta penjelasan mengenai Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2010 yang telah ditarik balik. Adalah dimaklumkan bahawa di bawah Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2010, kuasa pegawai pengangkutan jalan bagi mengkompaun kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 120. Pada masa kini kadar kompaun sesuatu kesalahan adalah tidak melebihi RM300 dan ini adalah kadar yang ditetapkan dan diguna pakai sejak tahun 1987. Kadar yang diguna pakai sebelum tahun 1987, tidak melebihi RM100 sahaja.

Penentuan jenis kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun adalah di bawah Kaedah Pengangkutan Jalan (Pengkompaunan Kesalahan) 2003. Penentuan sebenar jumlah kompaun bagi setiap kesalahan adalah berdasarkan kepada jenis-jenis kesalahan seperti berikut:

(i) kesalahan-kesalahan yang menyumbang secara langsung pada kemalangan jalan raya;

(ii) kesalahan yang secara tidak langsung menyumbang pada kemalangan jalan raya; dan

(iii) kesalahan-kesalahan yang lain.

Berdasarkan pada kadar kompaun yang sedia ada, hanya jenis kesalahan yang berada dalam kumpulan pertama sahaja iaitu kesalahan yang menyumbang secara langsung kepada kemalangan jalan raya ditetapkan RM300 iaitu nilai kompaun yang maksimum. Bagi tujuan pindaan Akta Pengangkutan Jalan 2010 yang dicadangkan, kadar kompaun maksimum adalah RM1,000 seperti mana yang dicadangkan. Daripada segi pelaksanaan pindaan yang dicadangkan, kesalahan yang boleh di kompaun akan disenaraikan dalam kaedahnya.

Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya tujuan kadar kompaun dinaikkan dengan tujuan untuk menjadikannya satu *deterrent,* dengan izin, *deterrent* terhadap pemandu-pemandu yang melanggar undang-undang jalan raya. Ia juga diharapkan dapat membantu usaha-usaha kerajaan untuk melahirkan pemandu yang sentiasa menghormati undang-undang jalan raya dan takut pada penguatkuasaannya. Walaupun demikian, kementerian tetap peka kepada rintihan dan suara rakyat khasnya terhadap had maksimum saman yang dimaksudkan. Oleh yang demikian, apabila rang undang-undang itu ditarik balik untuk diperhalusi selanjutnya, ianya bermakna bahawa terdapat ruang untuk membolehkan orang ramai memberi pandangan dan juga teguran yang lebih meluas kepada pihak kementerian untuk menambah baiknya.

Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir juga meminta penjelasan mengenai *Automated Enforcement System* (AES). Berkaitan perkara ini, Jemaah Menteri telah pun bersetuju supaya AES dilaksanakan di bawah kaedah *outsourcing,* dengan izin, melalui dua buah syarikat tempatan iaitu Commercial Circle Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd. Lanjutan daripada itu, Kementerian Pengangkutan telah mengeluarkan *Letter of Intent* ataupun LOI pada 5 Februari tahun ini kepada kedua-dua buah syarikat tersebut.

Tindakan seterusnya, seperti yang diputuskan oleh Jemaah Menteri adalah supaya pihak kementerian mengeluarkan LOA ataupun *letter of award,* dengan izin, kepada syarikat-syarikat yang berkenaan.

Seterusnya rundingan akan dibuat bagi menyediakan perjanjian dengan kedua-dua syarikat yang akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk semakan sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri bagi pertimbangan selanjutnya. Syarikat-syarikat ini akan memulakan kerja pembangunan sistem sebaik sahaja menerima tawaran kerajaan iaitu melalui LOA dengan tempoh penyiapan kerja bagi keseluruhan sistem selama 18 bulan. Sistem ini juga akan dapat membantu usaha JPJ dan PDRM dalam usaha mengurangkan kemalangan jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Menteri telah pun bersetuju supaya pemilihan syarikat untuk melaksanakan Projek Sistem AES dipelawa kepada sembilan buah syarikat bagi menyertai tender yang berkaitan seawal tahun 2006. Walau bagaimanapun, hanya tujuh buah syarikat telah mengemukakan dokumen cadangan teknikal dan menyertai ujian *live demonstration* ataupun *live demo,* dengan izin. Berdasarkan hasil penilaian dokumen cadangan teknikal dan ujian *live demo* yang berlangsung pada tahun 2007.

Hanya dua buah syarikat tempatan sahaja iaitu Commercial Circle Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd. yang didapati berkelayakan secara teknikal ataupun *technically qualified,* dengan izin, bagi melaksanakan Projek AES.

Sehubungan ini, pihak kementerian telah bersetuju supaya kedua-dua buah syarikat dipilih dan dipelawa untuk mengemukakan cadangan kewangan kepada kerajaan. Suka saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pelaksanaan Sistem AES dibuat secara *out sourcing* di bawah konsep *built, operate, own and transfer,* dengan izin, ataupun BOOT. Syarikat yang dipilih akan membangunkan Sistem AES, mengoperasi dan menyelenggarakan sistem bagi tempoh lima tahun sebelum keseluruhan sistem dipindah milik kepada kerajaan.

■1620

Sebagai balasan kepada syarikat, kerajaan akan membuat bayaran perkhidmatan berkala kepada syarikat. Bayaran kepada kedua-dua syarikat ini dibuat berdasarkan formula tiga langkah seperti mana yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri antara kerajaan dan kedua-dua syarikat daripada jumlah hasil yang dipungut daripada saman-saman yang dikeluarkan oleh sistem AES. Bagi tujuan menjamin kepentingan kerajaan Tuan Yang di-Pertua, juruperunding kewangan dari institusi tempatan telah pun dilantik bagi menghasilkan mekanisme bayaran perkhidmatan bagi sistem AES.

Mekanisme bayaran ini adalah berdasarkan kepada prinsip bahawa syarikat yang telah dipilih untuk mengendalikan projek tersebut tidak mendapat keuntungan yang berlebihan. Sementara dalam masa yang sama kerajaan juga tidak ingin melihat syarikat tersebut mengalami kerugian sehingga tidak dapat meneruskan pelaksanaan sistem AES. Dalam konteks pelaksanaan pula, sistem AES hanya akan dilaksanakan di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan yang sering berlaku kemalangan ataupun *black spot,* dengan izin.

Ia bertujuan untuk merawat kawasan sering berlaku kemalangan tersebut secara berterusan memandangkan sistem penguatkuasaan ini beroperasi 24 jam sehari. Setakat ini sebanyak 831 lokasi *black spot* telah dikenal pasti merangkumi 566 lokasi pelanggaran had laju dan 265 lokasi persimpangan lampu isyarat. Lokasi pemasangan sistem AES juga akan dilengkapi dengan tanda amaran kepada pengguna jalan raya sebelum memasuki kawasan di mana sistem ini dipasang.

Ini bertujuan untuk memberi amaran awal kepada pengguna jalan raya supaya mereka ini berwaspada dan mempunyai pilihan sama ada hendak elakkan diri daripada melanggar undang-undang lalu lintas ataupun sebaliknya. Adalah dijangka pelaksanaan sistem AES ini akan secara drastik mengubah sikap pemanduan dan akan dilaksanakan secara berperingkat selepas Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2010 diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kelak.

Program advokasi oleh JKJR bagi pelaksanaan sistem ini adalah penting bagi memastikan pemahaman dan penerimaan rakyat terhadap AES. Program advokasi ini akan dijalankan berterusan sebelum dan sepanjang tempoh AES dilaksanakan.

Ia bertujuan untuk mendidik pengguna jalan raya mengenai sistem AES, pematuhan undang-undang dan menggalakkan penyelesaian saman. Objektif program advokasi ini adalah akhirnya meletakkan pilihan untuk tidak melanggar undang-undang lalu lintas di tangan pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek AES juga sewajarnya tidak dilihat dari perspektif kewangan atau sesuatu yang membebankan rakyat kerana objektif utamanya adalah untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya melalui pengubahan tingkah laku pemandu. Pada ketika ini, kadar kemalangan jalan raya adalah pada indeks 3.6 bagi setiap 10,000 kenderaan dan 23.5 bagi setiap 100,000 orang penduduk. Melalui pelaksanaan AES adalah dijangka kadar *perception of being caught* (POBC) akan meningkat daripada 25 peratus kepada sekurang-kurangnya 85 peratus. Berdasarkan kepada kajian Institusi Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), peningkatan POBC kepada 75 peratus sudah memadai untuk mengubah tingkah laku 80 peratus pemandu.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pertanyaan mengenai perkara plat pendaftaran kenderaan yang turut terkandung dalam pindaan Akta Pengangkutan Jalan. Pada masa sekarang pengeluaran plat nombor pendaftaran kenderaan dibuat di kedai-kedai aksesori dan kedai-kedai membuat iklan tanpa sebarang kawalan. Ini telah menyebabkan berlakunya pengeluaran plat nombor pendaftaran kenderaan yang tidak seragam dan tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959. Plat nombor pendaftaran yang dikeluarkan tanpa kawalan ini juga menyebabkan berlakunya pemalsuan dan pemindahan plat ke kenderaan lain terutama untuk tujuan jenayah. Kualiti plat yang tidak dikawal juga menyebabkan ianya mudah patah, rosak atau tertanggal daripada badan kenderaan. Sehubungan itu, kerajaan bercadang untuk melaksanakan penyeragaman plat nombor pendaftaran kenderaan seperti mana yang diamalkan oleh sesetengah negara maju di Eropah dan Australia.

Oleh yang demikian, plat nombor pendaftaran ini akan dijadikan sebagai barangan kawalan di mana pengeluarannya akan dikawal sepenuhnya oleh kerajaan. Kawalan pengeluaran plat nombor pendaftaran adalah juga selaras dengan teras mengurangkan kadar jenayah seperti mana yang telah digariskan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara di mana kawalan ini akan membanteras penggunaan plat nombor pendaftaran palsu sepenuhnya dan secara tidak langsung membantu pihak polis menjalankan siasatan dan penguatkuasaan dalam usaha membanteras jenayah. Adalah dimaklumkan bahawa kerajaan belum lagi menetapkan kaedah pelantikan pembekal bagi perolehan pelaksanaan plat nombor pendaftaran seragam ini.

Cadangan-cadangan yang berkaitan dijangka akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk keputusan sebelum cadangan itu dapat dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah pun...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya minta laluan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta pada Yang Berhormat Menteri sendiri tentang pendaftaran ataupun *number plate.* Kita takut syarikat yang dilantik oleh JPJ ini ataupun Kementerian Pengangkutan tentulah plat nombor itu kalau dibandingkan dengan sekarang yang kita buat di kedai ini akan mahal. Jadi ini akan membebankan rakyat. Kalau kita bandingkan sekarang ini mungkin plat nombor harga RM30 hingga RM40. Akan tetapi kalau dilantik syarikat oleh JPJ sendiri sudah tentu plat nombor ini akan meningkat. Ini juga akan membebankan rakyat.

Jadi saya mintalah kepada Yang Berhormat Menteri, supaya sebelum akta ini dibawa ia dikaji supaya jangan kosnya ataupun harga plat nombor itu begitu tinggi sekali. Ini akan membebankan rakyat. Yang kedua Yang Berhormat Menteri, adakah benar syarikat yang dilantik untuk memasang sistem AES ini dibayar daripada RM0 hingga RM5 juta tiap-tiap saman sebanyak RM16. Kalau lebih daripada RM5 juta tiap-tiap saman dikenakan 45 peratus oleh syarikat tersebut? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Untuk menjawab soalan tadi suka saya sekali lagi menegaskan bahawa pelaksanaan e-Plate ini bukanlah satu-satunya untuk membebankan rakyat. Apa

yang diambil kira sebelum pelaksanaannya adalah mencakupi pertimbangan kos. Ini yang paling mustahak sekali supaya ia tidak membebankan rakyat. Saya sudah sebutkan tadi.

Yang keduanya, ianya terpaksa dikawal kerana kita hendak membendung daripada terus berlakunya pemalsuan plat-plat nombor pendaftaran kenderaan khasnya yang berkaitan dengan kejadian jenayah. Ini cukup jelas dan itu pun merupakan satu-satunya dimensi yang dikenal pasti di dalam makmal NKRA kita ataupun Bidang Keberhasilan Utama Negara kita.

Beralih kepada soalan Yang Berhormat Senator yang kedua tadi, Yang Berhormat menyoal tentang peratusan pungutan hasil saman yang dijangka akan dikongsi dengan syarikat konsesi yang saya sebutkan tadi.

■1630

Suka saya maklumkan Yang Berhormat bahawa mengikut kaedah BOOT tadi. Kerajaan memang perlu membayar kepada pihak konsesi pada kadar yang ditetapkan, dengan mengambil kira ia tidak memberikan pihak konsesi satu *blank check,* dengan izin, untuk mengaut keuntungan.

Sebenarnya ia telah pun ditetapkan satu had maksimum yang memperlihatkan IRR, kadar IRR syarikat yang berkenaan kepada tahap yang paling minimum dan bukannya seperti mana yang dijangka. Ini saya hendak sekali lagi ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat atas keprihatinan beliau. Apa yang kita buat sekarang ini bukanlah kita hendak bantu individu ataupun syarikat yang tertentu sahaja. Apa yang penting adalah setakat mana kita dapat menangani permasalahan-permasalahan yang terus berlaku sekian lama, khasnya dalam bidang pemalsuan plat-plat nombor pendaftaran kenderaan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya telah pun menjawab panjang lebar tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam hal-hal yang berkaitan dengan bidang kuasa kementerian saya. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, saya mohon agar ia dapat dicatatkan dan diberikan jawapan dalam bentuk bertulis nanti. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menjawab.

4.32 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Titah Diraja yang menyentuh pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sesungguhnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menghargai segala pandangan, teguran dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali ada menyentuh tentang input pertanian iaitu baja. Memandangkan baja adalah satu input penting dalam pertanian maka kerajaan telah memberikan bantuan input ini kepada petani-petani bagi pelbagai komoditi. Komoditi yang utama diberikan bantuan adalah yang paling kritikal dari segi jaminan makanan iaitu padi. Bagi komoditi ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah membekalkan baja melalui tiga skim dengan jumlah peruntukan pada tahun 2009 sebanyak kira-kira RM584.05 juta. Pecahan perbelanjaan mengikut skim terlibat adalah seperti berikut:

(i) Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan iaitu RM207.36 juta;

(ii) Skim Intensif Pengeluaran Padi iaitu RM92.85 juta; dan

(iii) Skim Dasar Jaminan Bekalan Makanan iaitu RM283.84 juta.

Sebagai sebuah negara yang kecil dengan tanah yang terhad, saya sangat bersetuju dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada saranan Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali bahawa kita perlu memberikan fokus untuk meningkatkan produktiviti satu unit kawasan melalui apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebagai *vertical farming versus horizontal farming.*

Perkara ini sentiasa diberikan penekanan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan antara pendekatan yang diambil ke arah ini adalah melalui pertama, peningkatan intensiti penanaman. Dari segi ini kerajaan sentiasa berusaha mengadakan infrastruktur baru atau menaik taraf infrastruktur yang sedia ada. Sebagai contoh bagi sektor padi, hasil daripada usaha yang berterusan ini, intensiti penanaman di kebanyakan jelapang padi sekarang telah mencapai antara 163 peratus sehingga 200 peratus.

Kedua, mempelbagaikan tanaman, kerajaan sentiasa menggalakkan petani-petani mempelbagaikan tanaman di sesuatu kawasan sama ada melalui tanaman selingan, *intercropping* atau tanaman giliran *crop rotation.* Bagi kawasan yang ditanam dengan kelapa misanya kementerian melalui Jabatan pertanian telah menyalurkan pelbagai bantuan bukan sahaja kepada tanaman kelapa, tetapi juga tanaman selingan bersama kelapa tersebut.

Manakala ketiga adalah menggunakan perladangan campuran atau dengan izin, *mix farming.* Perladangan campuran ini iaitu gabungan aktiviti tanaman, ternakan dalam sekeping tanah. Konsep ini bukan sahaja telah banyak dikaji oleh MARDI tetapi dilaksanakan oleh jabatan-jabatan di bawah kementerian termasuk pihak LPP dan juga Jabatan Pertanian.

Sebagai contoh perladangan campuran antara kelapa sawit dan ternakan lembu yang telah dilaksanakan oleh Pertubuhan Peladang kawasan Kota Tinggi Timur di Johor dan di beberapa kawasan lain. Dengan kaedah ini kita mendapati bukan sahaja sumber-sumber dapat digunakan dengan cekap tetapi pendapatan petani telah meningkat dengan begitu ketara sekali. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon mencelah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih di atas jawapan yang diberikan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita merakamkan jutaan terima kasih kepada kementerian Yang Berhormat menolong petani khasnya dan akhirnya *consumer* juga mendapat faedahnya. Sebenarnya memang daripada RM24.5 bilion subsidi dan intensif sebahagian besar adalah dari bawah kementerian Timbalan Menteri.

Soalan saya ialah saya tidak bertanyakan tentang pengagihan baja, soalan yang saya timbulkan ialah apakah tindakan Kementerian Pertanian, memandangkan *phosphate* yang merupakan input baja yang utama. Dari segi pengeluaran dunia akan dengan izin, *depleted* akan habis. Jadi apakah tindakan kementerian untuk mengatasi kurangnya bekalan baja *phosphate* ini suatu masa akan datang? Tindakan proaktif dipihak kementerian.

Yang kedua tentang *vertical farming* tadi, sekali lagi tahniah di atas inovasi yang diperkenalkan untuk memperbaiki sistem *farming* dengan izin, yang dilakukan tetapi saya juga menekankan dengan izin, *vertical farming versus horizontal farming, literally speaking* dengan izin. Di mana kajian pernah dibuat iaitu kita membangunkan bangunan seperi *flat* ataupun kondo tetapi untuk tujuan *farming* dan juga untuk tujuan *tourism* di mana di situ juga ada restoran dan sebagainya. Ini dari segi *futuristic,* akan timbul keperluan terutama seperti di wilayah, di Melaka dan di Pulau Pinang di mana berlaku kekurangan tanah. Apakah *scenario planning* kementerian dari segi keperluan masa depan khususnya berhubungan *food security.* Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, minta maaflah Yang Berhormat terlepas bahawa di dalam ucapan Yang Berhormat itu sebenarnya menyentuh kandungan-kandungan daripada baja, bukan *distribution* baja,

dengan izin. Okey terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat kita juga menjurus kepada organik, kepada menggunakan baja-baja jenis natural dengan izin. Sebenarnya Yang Berhormat, sekarang ini memang banyak tetapi kita juga hendak mengawal supaya dikatakan penggunaan organik ini adalah organik yang sebenarnya dan sebenarnya untuk kita menyuburkan semula tanah memang kita perlu kepada bahan-bahan yang berbentuk organik. Jadi terima kasih Yang Berhormat, jadi mungkin saya hendak... Dalam skim-skim tadi Yang Berhormat, yang saya sebutkan tadi, saya tidak huraikan.

■1640

Sebenarnya petani-petani mendapat bantuan baja dalam pelbagai bentuk iaitu termasuk baja kimia, *urea* dan sebatian, baja organik dan juga kapur, kita masuk sekali. Pada keseluruhannya jumlah kuantiti baja yang dibantu oleh kerajaan adalah sebanyak 103-104 kilogram satu hektar iaitu nitrogen, 42-53 kilogram sehektar *potassium*, dan 54-54 kilogram sehektar kalium. Jadi sebenarnya ini juga memadai untuk pengeluaran hasil yang memuaskan sungguhpun bagi jenis tanah tertentu, jumlah juga perlu ditambah untuk mendapatkan hasil yang lebih tinggi.

Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat dari segi penerangan, itulah saya katakan sebenarnya Yang Berhormat, saya tadi memberitahu kepada pegawai-pegawai saya, dengan adanya cadangan macam ini kita boleh mencetuskan lagi banyak idea baru. Betul Yang Berhormat apabila Yang Berhormat mengatakan tadi *vertical versus horizontal* itu adalah untuk kita memberi satu lagi anjakan supaya kita memikirkan sesuatu khasnya negeri-negeri yang kadang-kadang sekarang ini memang susah untuk kita mendapatkan tanah dan lebih-lebih lagi ada persaingan pula untuk menggunakan bahan yang terhad serta sumber yang terhad. Kadang-kadang untuk bangunan dan ada pula Yang Berhormat, sawah-sawah padi yang sepatutnya digazet sebagai sawah padi, sekarang ini sudah tidak sawah padi. Jadi Terima kasih Yang Berhormat.

Satu daripada pendekatan adalah untuk menggunakan kawasan tanah yang terhad tetapi dapat lagi meningkatkan produktiviti. Jadi Yang Berhormat terima kasih, sebenarnya kita menggunakan mengaplikasikan, sebab itulah gunanya kita sentiasa mencari penemuan-penemuan yang baru dalam era globalisasi yang begitu pantas. Jadi sebenarnya kita mengaplikasikan seperti saranan Yang Berhormat iaitu teknologi dan inovasi yang terkini. Satu daripadanya, khasnya dalam industri padi Yang Berhormat, boleh kongsi di sini, kita menggunakan satu kaedah *farming* dinamakan *precision farming*. *Precision farming* ini di dalam tanah yang terhad tetapi kita dapat meningkatkan produktiviti melalui kaedah di mana padi itu, sebab ini industri padi hanya mendapat secukup-cukup yang diperlukan.

Kita tidak perlu ada banyak pembaziran, kita ingat baja berlebihan, padi itu akan lebih elok tetapi tidak, kadang-kadang ia lagi mati.

Jadi *precision farming* kita aplikasikan selepas itu Yang Berhormat, sekarang ini macam di tanah tinggi Cameron Highlands Yang Berhormat saya ingin berkongsi, sekarang ini kita ada satu kaedah di mana di atasnya ditanam dengan strawberi dengan sayur-sayur tetapi di bawah tanaman itu adalah diternakkan dengan ikan. Jadi ini Yang Berhormat ada, tetapi kadang-kadang kita hendak menurunkan teknologi ini kerana kaedah ini memakan masa sedikit, tetapi petani ini yang mana begitu komited, yang maknanya terbuka serta proaktif, mereka cepat mendapat idea ini bahkan ada petani-petani ini Yang Berhormat, mereka eksperimentalkan banyak kaedah sebab *very limited resources,* dengan izin khasnya tanah tinggi Cameron Highlands sekarang ini seinci tanah itu memang bernilai begitu tinggi.

Jadi mereka dengan keadaan tersebut, dengan banyak bahan yang mereka baca dan sebagainya, mereka boleh pula memberitahu kepada pegawai-pegawai pertanian kami bahawa mereka ada penemuan-penemuan yang lebih baik.

Jadi apabila Yang Berhormat kata provokasi itu, bukan kita mahu provokasi, hendak memberitahu bahawa mereka ini tidak berbuat baik, tetapi ini kita hendak *push* dan ini adalah *push factor* yang begitu penting Yang Berhormat sebab itu saya katakan tadi terima kasih banyak-banyak sebab kita perlukan *push factor* ini, sehingga bukan sahaja dari segi kaedah penanaman tetapi kita boleh juga menambahkan itu sebagai pakej

pelancongan. Pelancong pun boleh datang melihat kaedah-kaedah yang digunakan dan meningkatkan lagi nama Malaysia. *Insya-Allah,* terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin banyak mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani khasnya isu beras ST15 dan ST10. Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut senarai e-Kasih, sehingga 30 Mac 2010, jumlah penduduk miskin adalah seramai 219,606 orang dengan pecahan miskin tegar – 39,553 orang, miskin - 69,896 orang dan mudah miskin – 110,157 orang. Penggunaan beras per kapita bagi rakyat di Malaysia adalah 79.6 kilogram seorang setahun. Kita makan *consumption*lah, 79.6 kilogram seorang setahun.

Oleh yang demikian pengeluaran beras ST 15 peratus dengan kuota sebanyak 40 ribu tan metrik sebulan adalah memang mencukupi bagi menampung hanya 1/3 dari keperluan penduduk miskin dan golongan yang memerlukan, bermakna dengan singkatannya kementerian ingin memaklumkan bahawa 40 ribu metrik tan itu lebih daripada mencukupi untuk kumpulan ini. Cadangan untuk memansuhkan ST 10 peratus dalam pasaran akan dikaji oleh pihak kerajaan berdasarkan kepada kesesuaian dan keperluan rakyat negara ini. Kami ambil maklum akan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dan kita mengkaji untuk kita tidak ada lagi ST 10 peratus bermakna daripada 15 peratus jadi *the next is* 5 peratus.

Keduanya ialah isu harga siling padi, ada disebut oleh Yang Berhormat. Untuk makluman tidak ada harga siling padi, sebaliknya hanya harga lantai padi yang dikenali sebagai harga minimum terjamin atau GMP yang berfungsi menjamin pesawah menerima hasil jualan padi yang berpatutan.

Ini bermakna harga lantai yang kami tetapkan, kami tidak pernah menyekat dari segi berapa tinggi harga padi itu, *but* kami mesti ada harga lantai, bermakna tidak boleh kurang tetapi boleh pergi ke mana-mana harga yang lebih tinggi. Itu adalah tertakluk kepada *market forces* sebenarnya. GMP ini merupakan tanda aras di mana pengilang tidak dibenarkan membeli padi lebih rendah daripada harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Pada masa ini GMP adalah RM750 satu tan manakala harga pasaran adalah di sekitar RM1,000 setiap metrik tan, yang berlaku sekarang ini sebenarnya. Pengilang boleh menawarkan sebarang harga kepada petani selama mana ianya tidak kurang daripada GMP tadi, tinggi boleh jangan rendah. Walau bagaimanapun, harga padi yang terlalu tinggi, boleh mengganggu kestabilan harga beras tempatan yang akhirnya akan menjadi beban kepada pengguna. Jadi kita perlu berhati-hati, kalau harga padi itu terlalu tinggi, kesannya pula kepada harga beras. Itu harga beras kami kawal, harga beras adalah dalam kawalan.

Kerajaan telah memberikan pelbagai jenis bantuan kepada petani yang mengusahakan penanaman padi. Bantuan yang diberi adalah melalui bentuk pemberian subsidi dan insentif, mengikut pengiraan setiap petani yang menanam padi menerima subsidi sebanyak RM2,200 satu hektar berbanding dengan kos pengeluaran purata padi satu hektar adalah RM2,800. Ini bermakna kerajaan telah memberikan subsidi sebanyak 78 peratus daripada kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh petani sebab ini *food security* ya. *Under security* makanan ini, kita perlu bantu lebih kepada golongan ini.

Di antara insentif-insentif yang telah diberikan oleh kerajaan adalah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan, Skim Subsidi Harga Padi, Insentif Pengeluaran Padi dan Insentif Peningkatan Hasil Padi. Kerajaan melalui Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang telah diluluskan pada tahun 2008 telah memberi bantuan tambahan kepada penanam-penanam padi seperti kita bantu dengan baja tambahan NPK, bantuan kawalan makhluk perosak, kita bantu pekapuran dan juga kita bantu mekanisasi ladang untuk meningkatkan produktiviti.

■1650

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Bernas tidak pernah mengimport padi sebaliknya hanya mengimport beras sahaja. Padi tidak pernah, hanya beras di bawah perjanjian penswastaan Bernas pada tahun 1996 artikel 3.1.1 telah menyebut bahawa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *"In consideration of the duties and obligations to be*

undertaken or performed by Bernas pursuant to this agreement for the benefit of consumers, paddy farmers and rice millers. The government hereby agrees that Bernas shall subject to article 3.2 be granted the right to import rice into Malaysia for the period of 15 years from the date of this agreement." Itu terkandung di dalam *that article*. Pihak Unit Perancang Ekonomi, di bawah Jabatan Perdana Menteri telah melantik juru perunding bagi membuat kajian terma penswastaan Padi Beras Nasional (Bernas) dan membangunkan *key performance indicators* pada tahun 2008.

Hasil kajian tersebut menyatakan bahawa Bernas secara keseluruhannya telah melaksanakan semua obligasi yang terkandung di dalam perjanjian kontrak sedia ada. Jawatankuasa PEMANDU di Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri telah mencadangkan supaya perjanjian konsesi dengan Bernas dilanjutkan selama lima tahun lagi dengan penambahbaikan perjanjian sedia ada seperti berikut:

(i) mengemas kini terma perjanjian;

(ii) memasukkan terma-terma mengenai KPI; dan

(iii) memasukkan peruntukan bagi membolehkan kerajaan melantik syarikat lain untuk mengimport beras sekiranya didapati perlu.

Walau bagaimanapun hak mengimport beras ini tidak bersifat mutlak. Sekiranya Bernas gagal menjalankan tanggungjawab dan peranannya sebagaimana yang telah termaktub di dalam perjanjian penswastaan tersebut, kerajaan boleh pada bila-bila masa menarik balik hak pengimportan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim memperkatakan tentang isu tahap pengeluaran makanan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya terdapat tiga komoditi agro makanan yang telah mencapai tahap sara diri (SSL) melebihi 100 peratus, iaitu daging ayam sebanyak 122.2 peratus, telur sebanyak 114.7 peratus dan ikan 100.1 peratus. Walaupun tahap SSL bagi beberapa komoditi yang lain belum mencapai 100 peratus, namun terdapat beberapa jenis komoditi yang telah dieksport. Sebagai contoh, ingin dikongsikan di sini, bagi buah belimbing Malaysia merupakan pengeksport terbesar ke EU. Buah betik Malaysia pengeksport terbesar ke Hong Kong dan kedua terbesar dunia. Bagi buah tembikai Malaysia merupakan pengeksport terbesar ke Hong Kong dan ke-12 dunia.

Manakala nanas pengeksport ke 17 dunia dan mangga ke 18 dunia. *Not bad* jugalah itu, *alhamdulillah*. Dari segi kuantiti, jumlah eksport belimbing adalah 3,649 tan metrik, betik 30,383 tan metrik. Tembikai 57,732 tan metrik, nanas segar 16,913 tan metrik dan nanas yang diproses 12,765 tan metrik. Ini berdasarkan kepada catatan tahun 2008. Kementerian memang memberi fokus untuk membangunkan tanah terbiar dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, seluas 4,572 hektar tanah terbiar telah dibangunkan sehingga tahun 2009 untuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan. Bagi tahun 2010 seluas 2,613 hektar lagi akan dibangunkan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat pun sedia maklum yang tanah terbiar ini sebab dia di bawah mungkin Jabatan Pertanian dan jabatan-jabatan yang ada di bawah kementerian. Akan tetapi tanah-tanah yang lain di bawah bidang kuasa negeri. Jadi kadang-kadang kita pun hendak mendapat kerjasama daripada semua kerajaan negeri kalau mana-mana ada yang tanah-tanah terbiar itu bolehlah kita selaraskan bersama, *insya-Allah.*

Dalam pengeluaran beras pula di Malaysia pada masa ini masih di tahap 70 peratus dan negara mengimport 30 peratus keperluan beras bagi menampung ketidakcukupan tersebut.

Tahap SSL ini dijangka akan meningkat sehingga 72 peratus menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan nanti. Kerajaan telah mengambil langkah untuk meningkatkan produktiviti pengeluaran padi.

Di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan yang dijalankan pada tahun 2008, kerajaan menjangkakan pengeluaran padi akan meningkat dan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan jumlah import beras negara, *insya-Allah.* Khasnya kalau rancangan jelapang di Sabah dan Sarawak itu *take off the grant, insya-Allah* dalam beberapa tahun

akan datang mungkin kita juga akan dapat menjadi pengeksport pula kepada negara-negara lain, *insya-Allah.*

Bagi menjamin projek ini dapat dilaksanakan secara berkesan, pemilihan peserta juga sangat penting. Sekarang ini kementerian kami juga melihat kepada pemilihan-pemilihan peserta yang mesti dilakukan dengan begitu teliti. Jadi sebab itulah pemohon-pemohon untuk menyertai di dalam apa-apa program di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, memang kami beri satu kursus pakej iaitu untuk memberi latihan, pendedahan dan juga latihan *hands on* dengan izin, dan dimasukkan di dalam inkubator-inkubator yang ada di pelbagai jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya memastikan bahawa tanah-tanah terbiar ini dapat kita usahakan dengan lebih baik dan kita juga mengadakan perjanjian-perjanjian rasmi dengan pemilik tanah sekiranya tanah itu bukan tanah milik sendiri. Bermakna *win-win* secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, demikian sahajalah segala penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai beberapa isu yang telah bangkitkan sepanjang tempoh perbahasan menjunjung kasih Titah Diraja di dalam Dewan yang mulia ini. Saya berharap daripada penjelasan tersebut ianya dapat menjawab beberapa soalan-soalan dan juga cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan.

Sekali lagi saya ingin merakam di sini betapa kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana Yang Berhormat-Yang Berhormat sentiasa mengambil perhatian dan juga memberi pandangan cadangan yang dapat diutarakan supaya ianya lebih memungkinkan lagi pembangunan pertanian di dalam negara kita dan juga menambahkan lagi agro makanan di dalam negara. Jadi sekian, terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Minta Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk menjawab soalan.

4.58 ptg.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: *Assalaamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan ingin menyatakan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam lontaran perkara-perkara yang dibahukan ke atas Kementerian Pertahanan.

Isu pertama sebagai mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali mengenai rancangan perolehan kelengkapan pertahanan yang bernilai tidak kurang RM10 bilion, yang mana beliau inginkan supaya perkara-perkara berikut tidak berlaku iaitu *rent-seeking* dan korupsi. Keduanya, perlumbaan senjata yang akan menjejaskan keselamatan serantau. Ketiga, pertambahan kewangan yang besar akan ditanggung oleh kerajaan pada masa ekonomi sekarang.

■1700

Dewan yang mulia ini perlu dimaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan sentiasa mengambil kepedulian jika berlaku penyalahgunaan kuasa dan rasuah dalam proses perolehan kerajaan. Setiap pembelian kelengkapan Angkatan Tentera Malaysia dibuat mengikut tatacara pelaksanaan kontrak-kontrak perolehan peralatan pertahanan negara. Ia melibatkan pelbagai peringkat kelulusan termasuk Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Rundingan Harga setelah penilaian yang teliti dibuat demi memastikan perolehan tersebut menepati keperluan Angkatan Tentera Malaysia. Setiap kontrak hanya akan ditandatangani selepas kelulusan Kementerian Kewangan dan dilaksanakan mengikut tatacara perolehan kerajaan. Pemodenan Angkatan Tentera Malaysia melalui perolehan kelengkapan pertahanan amat penting bagi menjamin Angkatan Tentera Malaysia kekal sebagai sebuah angkatan yang *credible* untuk mencegah sebarang bentuk ancaman dari luar.

Pelan pemodenan ATM masa kini tidak lagi berasaskan kepada ancaman dari mana-mana pihak yang tertentu dengan izin, *threat based,* tetapi ia berasaskan kepada

peningkatan keupayaan dengan izin, *capability based,* seperti yang digariskan dalam dasar pertahanan negara.

Justeru, proses pemodenan dan pembangunan yang berterusan ini bukanlah merupakan saingan atau perlumbaan senjata, dengan izin, *arm race* dengan mana-mana pihak, malah ia adalah sebagai salah satu langkah yang wajar bagi menjamin keadaan keselamatan negara kita dan juga jaminan keselamatan bersama dirantau ini. Perlu dihadamkan di Dewan yang mulia ini bahawa maklumat yang menyatakan bahawa bajet pertahanan merupakan satu bentuk yang membazir, saya fikir ianya perlu disanggah kerana perolehan persenjataan dan peralatan pertahanan merupakan satu pelaburan serta insurans ke arah menjamin keselamatan dan kemakmuran negara. Ia tidak boleh diukur melalui wang ringgit semata-mata kerana nilai dan manfaat lebih besar lagi yang harus diteliti terutama oleh wakil-wakil pembangkang yang ada di Dewan yang mulia ini.

Untuk maklumat mereka dan kita semua, bajet pertahanan bagi negara kita sebenarnya agak kecil dan peratusannya kurang daripada 4 peratus dari KDNK. Angkatan Tentera Malaysia akan sentiasa berhati-hati dalam merancang pembangunan dan keupayaannya agar ia dilaksanakan dengan berkesan dan secara berhemah serta menepati aspirasi rakyat dan negara.

Isu kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali mengenai saranahan beliau – ini menyeranah ini dan sangkaan jahat beliau dengan membalingkan tuduhan bahawa Angkatan Tentera Malaysia akan memberikan bantuan persenjataan kepada pejuang Palestin bagi meredakan kemarahan pejuang Palestin ekoran perjumpaan saya dengan Menteri Pertahanan Israel. Harus dimaklumkan di Dewan yang mulia ini walaupun saya telah menyatakan di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Tuduhan Yang Berhormat tidak berasas. Kerajaan tidak pernah menjanjikan apa-apa bantuan persenjataan kepada Palestin. Perlu dinyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan Malaysia amat komited berhubung dengan status negara Palestin yang bebas dan berdaulat tanpa penindasan pihak Israel. Kerajaan sering menyuarakan bahawa pihak Israel perlu menghentikan segala bentuk penindasan yang dilakukan. Kerajaan dan rakyat Malaysia tidak boleh menerima dan melihat keganasan dilakukan oleh tentera Israel ke atas rakyat Palestin terutamanya. Kerajaan Malaysia sentiasa menyokong untuk mewujudkan negara Palestin yang aman dan berdaulat.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar...

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila, sila.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dr. Syed Husin Ali: ...Dan Yang Berhormat Menteri terima kasih banyak atas jawapan. Saya hanya hendak menjelaskan bahawa dalam ucapan saya dan ini boleh disemak dalam *Hansard*, saya tidak pernah menuduh apa yang dikatakan tadi. Saya hanya mengatakan bahawa saya menerima maklumat tentang ini dan saya minta Yang Berhormat Menteri sendiri datang untuk menjelaskannya. Saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri datang untuk memberikan maklumat, memberikan keterangan tetapi saya hendak tegaskan lagi bahawa dalam ucapan saya, saya tidak pernah menuduh dan ini boleh dilihat dalam *Hansard* yang drafnya ada pada tangan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Mungkin di dalam *Hansard* itu tidak menyebut tuduhan tetapi apa yang dilontarkan itu berbentuk tuduhan. Saya ingin jelaskan kepada Yang Berhormat bahawa perjumpaan itu dilakukan sewaktu pameran yang dipanggil sebagai *Paris Air Show*. Saya ingin memaklumkan supaya wakil-wakil pembangkang di Dewan ini mengetahui dan jangan memanipulasikan apa yang telah saya nyatakan di Dewan Rakyat. Saya ingin jelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa ketika perjumpaan itu dilakukan bukan saya jumpa seorang.

Saya ingin jelaskan, saya bukan jumpa seorang. Ketika itu saya telah didekati oleh *Defense Attache* daripada negara berkenaan melalui *Defense Attache* di Paris yang menyatakan sama ada saya boleh berjumpa atau tidak dengan bekas Perdana Menteri atau mantan Perdana Menteri Israel, Ehud Barak yang kini menjadi Menteri Pertahanan.

Saya ingin sebutkan di Dewan yang mulia ini bahawa perjumpaan itu telah dilakukan pada 16 Jun 2009 jam 5.30 petang. Lokasinya di perkarangan Kementerian Pertahanan Perancis semasa resepsi *Cocktail Paris Air Show* yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pertahanan Perancis. *Paris Air Show* ini melibatkan semua Menteri Pertahanan seluruh dunia serta wakil negara-negara luar yang menyertai pameran ini. Apabila saya didekati oleh *Defense Attache* itu, saya menyatakan bahawa kalau dia hendak bertemu dengan saya dan ketika itu beliau berada di bangunan Kementerian Pertahanan Perancis, saya minta syaratnya dia kena turun ke bawah bertemu dengan saya di laman hadapan Kementerian Pertahanan Perancis. Kedua, saya tidak mahu ada *bodyguard*. Beliau jangan bawa *bodyguard*. Kalau beliau berani, turun tanpa *bodyguard*. Syarat ketiga, kalau berani turun jangan bawa wartawan dan jangan bawa *cameraman*.

Oleh kerana beliau ini adalah orang Yahudi keturunan Morocco dan beliau tahu saya boleh berbahasa Arab, beliau memberikan salam. Saya tidak jawab salam itu dan saya menyatakan bahawa apabila beliau menyebutkan dengan izin... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Saudara, kita semua anak Adam. *We are the same,* dengan izin. Kita semua sama tetapi saya kata "*Yes, we are the Son of Adam but you are doing which is unacceptable to any Son of Adam"*. Saya ingin terjemahkan bahawa beliau telah melakukan *double standard*. Saya nyatakan beliau melakukan *double standard*. Saya kata, di tangan kanan menghulurkan seolah-olah mahu berkawan dengan kita tetapi di tangan kiri menembak orang-orang Palestin, menghancurkan rakyat Palestin dan beliau menjawab bahawa dengan izin *"Oh, that was when I was the Prime Minister of Israel". Yes, you were the Prime Minister of Israel,* dengan izin, *but the history is telling the truth. You have been killing my sisters and my brothers. Remember, when you were killing these people in Shatila and Sabra.*

Saya ingin tanya wakil pembangkang yang ada di Dewan yang mulia ini, siapa yang berani menyatakan pada orang Israel sendiri, bagaimana pendirian Kerajaan Malaysia, sanggup berani berjumpa berdepan, bukan hanya resolusi dan memorandum sahaja dihantar tetapi menyanggah di hadapan. Sepatutnya pembangkang berterima kasih dengan saya sebab saya menyatakan pendirian Kerajaan Malaysia, rakyat Malaysia termasuk pembangkang terhadap pendirian tegas Kerajaan Malaysia... *[Tepuk]*

■1710

Bukan dimanipulasikan dalam pilihan raya-pilihan raya kecil dan menyatakan bahawa saya bertemu dengan Israel. Seolah-olah saya bersekongkol. Tidak. Saya tidak akan berkompromi dari segi persekongkolan sebab saya tahu dan pihak pembangkang pun tidak bersetuju dengan Israel. Semua agama pun tidak bersetuju dengan Israel. Namun ingin saya tegaskan Kerajaan Malaysia memang tegas dalam perkara ini. Tidak ada kompromi dengan soal Palestin terutamanya dengan Menteri Pertahanan Israel.

Kedua, saya menyatakan bahawa saudara menggunakan perisikan-perisikan dan agen-agen Mossad untuk merosakkan banyak negara Islam, banyak negara-negara membangun. Melakukan pencerobohan terhadap negara-negara berkenaan dengan menggunakan perisik-perisikan – sumber-sumber perisikan yang digunakan. Saya suka menyatakan juga bahawa beliau telah melakukan sesuatu yang di luar garis-garis kemanusiaan. Saya menyatakan beliau bukanlah orangnya yang patut bertemu dengan saya, ingin menyatakan bahawa mahu berbaik-baik dengan Kerajaan Malaysia atau rakyat Malaysia.

Adakah itu perlu di*spin* oleh pihak pembangkang di dalam blog, di dalam akhbar berkala, di dalam buletin, di dalam media maya? Pendirian saya daripada zaman saya pemimpin kerajaan hingga sekarang tidak berubah dalam isu Palestin. Ini harus diketahui. Apatah lagi Kerajaan Malaysia memang mempunyai pendirian sedemikian begitu. Saya ingin menyatakan bahawa saya juga bertemu dengan wakil-wakil Palestin sama ada pihak Fatah atau pihak-pihak lain dan saya menyatakan orang-orang Palestin harus bersatu.

Bukan menuding jari antara satu sama lain, bukan berbalah antara satu sama lain. Mengekalkan kepaduan rakyat Palestin demi pendirian untuk mahu mempertahankan negara atas musuh Israel...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya komited menghantar pasukan Malaysia...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta laluan.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Yang Berhormat, bagi saya jelaskan kepada Dewan yang mulia ini. Bahawa Angkatan Tentera Malaysia hampir satu batalion yang berada di Lebanon Selatan ini, atas panji-panji UNIFIL untuk mahu menjaga supaya Israel yang melakukan pencerobohan di Lebanon Selatan. Adakah ini dianggap sebagai pendirian yang tidak telus oleh Kerajaan Malaysia? Komitmen kita di banyak rantau yang lain jelas dan Angkatan Tentera Malaysia profesional di dalam mempertahankan kedaulatan dunia keseluruhannya dan dalam soal ini, saya minta pihak pembangkang, jangan pernah lagi memanipulasikan soal pertemuan saya dengan Ehud Barak. Yang saya lakukan ialah menentukan bahawa pendirian kerajaan dan rakyat Malaysia terhadap isu Israel kekal mempertahankan kedaulatan Palestin dan rakyat Palestin tetap kekal...

Dr. Syed Husin Ali: *[Bnagun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Sila, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa pembangkang suka putar alam?

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya. Boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Soalnya kenapa pembangkang suka putar alam? Memang itulah pembangkang yang suka memutar alam. Soalnya, soalnya kerana mereka tidak mahu menerima hakikat kebenaran.

Saya telah jelaskan bukan sahaja di Dewan yang mulia, di Dewan Rakyat, saya jelaskan di dalam banyak media tetapi pembangkang ditutup mata, ditutup hati dan dibutakan perasaan terhadap menerima hakikat yang sebenarnya daripada apa yang saya jelaskan... *[Tepuk]*

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya tidak sangka satu ayat dalam ucapan saya boleh menarik jawapan yang sebegitu panjang dan sebegitu beremosi. Terima kasih kerana jawapan yang panjang itu.

Saya tidak hendak mempertikaikan kerana bagi saya, Yang Berhormat Menteri tahu, Allah tahu apa yang diperkatakan di antara mereka berdua. Yang jelas, dia minta berjumpa, kita setuju hendak berjumpa walaupun ada syaratnya. Itu pertama. Yang kedua ialah perkara yang masih belum jelas dijawab. Saya kata saya mendapat maklumat bahawa oleh kerana kemarahan sesetengah pihak Palestin, ini datang dari punca Palestin sendiri. Oleh kerana kemarahan mereka atas perjumpaan itu, maka ada usaha hendak menenangkan mereka dengan menawarkan senjata. Namun dengan syarat juga. Syaratnya telah saya sebutkan dalam ucapan juga. Jadi saya minta pula kalau boleh dengan se*detail* yang tadi, jawapan kepada soalan maklumat ini. Bukan tuduhan tetapi maklumat. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Maklumat itu salah. Maklumat itu tidak betul, maklumat itu adalah fitnah.

Seorang Ahli: Palsu!

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Palsu.

Seorang Ahli: Putar alam!

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya tidak pasti. Yang menyaksikannya Yang Berhormat, ada tiga orang lain iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, ada di situ. Panglima Tentera Udara yang sekarang ini menjadi Panglima Angkatan Tentera Malaysia dan seorang lagi Penasihat Pertahanan Malaysia di Paris. Bila masa saya bertemu dengan orang Palestin, saya menawarkan senjata kepada orang Palestin? Bukan pendirian Malaysia menawarkan senjata. Maklumat Yang Berhormat salah, fitnah... *[Tepuk]*

Saya harap perkara ini dibetulkan di dalam Suara Keadilan, di dalam Harakah, di dalam blog dan di dalam perkara-perkara yang lain. Soal kebenaran, kalau Allah bersaksi apa Yang Berhormat kata, Allah wakil. Tidak apa. Kalau tidak dapat berjumpa sekarang soal kebenaran, jumpa di akhirat. Kita berbahas di depan Allah SWT...

Dr. Syed Husin Ali: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tunggu, tunggu sebentar! Saya harap, saya kenal Yang Berhormat ini daripada zaman saya *student leader* di universiti, dan saya tahu pendirian beliau terhadap rakyat Palestin ini, memang kekal sehingga sekarang. Saya tahu. Saya ingin jelaskan bahawa dalam soal ini, jangan berlaku manipulasi dengan memberikan maklumat yang tidak benar di Dewan yang mulia ini. Jangan memetik sumber yang tidak pasti. Jangan menggunakan sumber..., "Yang saya dimaklumkan" tetapi tidak menyebut sumber yang mana.

Saya bertemu sendiri dengan pemimpin-pemimpin rakyat Palestin dan mereka datang ke Malaysia. Semua kumpulan. Tujuannya ialah untuk memberitahu bahawa mereka harus berbaik-baik di antara satu sama lain. Mengiktiraf pilihan oleh rakyat dan pihak pembangkang jangan *spin* dengan izin isu-isu seperti ini. Saya ingat cukup itu. Setakat itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Syed Husin Ali: Saya dibagi laluan, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin simpulkan tentang...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin simpulkan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua: Beri laluankah tidak? Terserah kepada Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: Tidak payahlah. Tidak payah.

Seorang Ahli: Buang masa sajalah.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Saya ingin menyimpulkan. Pertama, Ehud Barak telah melakukan *double standard*. Kedua, sebagai orang Islam, sebagai rakyat Malaysia, semua bangsa, semua agama tidak boleh menerima dan melihat keganasan yang dilakukan oleh tentera Israel ke atas rakyat Palestin.

Yang ketiga, walaupun kita adalah Bani Adam, pendirian Ehud Barak tidak boleh diterima oleh mana-mana individu, organisasi dan masyakat dunia yang melihat kezaliman dilakukan oleh Israel terutama dalam keadaan sekarang. Apabila Baitulmuqaddis mahu diranapkan dan mahu dirampas oleh pihak Israel.

Keempat, saya ingin menyatakan bahawa pendirian Malaysia, bahawa komitmen Kerajaan Malaysia berhubung dengan negara Palestin yang bebas dan berdaulat tanpa penindasan oleh pihak Israel tidak pernah goyah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung kepada beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di mana Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman Bakar mengesyorkan supaya Angkatan Tentera Malaysia dilengkapkan dengan peralatan yang lebih moden dan canggih dan seterusnya beliau ingin mengetahui rancangan Kementerian Pertahanan dalam menentukan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dalam negara ini supaya terpelihara.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman Bakar di atas sokongan beliau bagi menjamin kedaulatan negara ini.

■1720

Dewan yang mulia ini tentu maklum bahawa matlamat pewujudan Angkatan Tentera Malaysia ditubuhkan berhasrat untuk membentuk sebuah organisasi yang distrukturkan untuk melawan *insurgency* ketika itu.

Selanjutnya Angkatan Tentera Malaysia telah melalui transformasi sebagai sebuah angkatan bersenjata yang memiliki keupayaan konvensional yang *credible* dimanifestasikan melalui *Fourth Dimension Malaysian Armed Forces* (4D MAF) dan ke arah ini Angkatan Tentera Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan dari segi *hardware* dan *software,* dengan izin.

Kedua-dua perkara ini telah disinergikan melalui latihan termasuklah latihan bilateral dan multi-lateral dan di samping itu untuk menentukan kedaulatan negara tidak di cemar atau digugat. Fokus latihan Angkatan Tentera Malaysia juga dijuruskan untuk melaksanakan rancangan kontingensi bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Buat masa ini, operasi yang berterusan dilakukan oleh semua perkhidmatan. Hasil yang diperoleh adalah nyata di mana negara dapat membangun mengikut acuan atau rancangan yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan anggota tentera kita mempunyai semangat yang tinggi serta mempunyai peralatan yang moden dan terkini dalam melaksanakan pertanggungjawaban mereka, Kementerian Pertahanan telah mengambil pelbagai langkah yang perlu bagi mencapai matlamat seperti yang saya nyatakan tadi. Secara khusus, kementerian ini sedang dalam proses meningkatkan keupayaan ATM secara berterusan agar ia berupaya untuk beroperasi secara bersepadu dalam empat domain utama peperangan iaitu daratan, maritim, ruang udara dan dunia maklumat. Rancangan pembangunan dan pemodenan ATM juga dilengkapkan dengan ciri-ciri *network centric* yang akan menjadikan ATM sebagai sebuah angkatan konvensional yang moden dan *credible.* Di samping itu, rancangan pemodenan ATM juga memberi tumpuan dalam aspek pembangunan infrastruktur dan kualiti hidup agar moral dan semangat daya juang warga ATM sentiasa dapat dikekalkan. Ini adalah asas dan *ingredient,* dengan izin, yang dirumuskan bagi menentukan keselamatan kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terpelihara di masa hadapan.

Persoalan akhir sekali dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohamad Yusof bin Husin yang mempersoalkan mengapakah timbul pelbagai isu di dalam pentadbiran Kementerian Pertahanan sejak kebelakangan ini seperti kemalangan pesawat udara, kes kehilangan enjin, isu kapal selam, isu kebocoran maklumat negara dan kes remaja menyamar di PLKN. Kementerian Pertahanan melihat dengan berlapang dada dan hati yang terbuka terhadap kes-kes ini. Memang wujud kes-kes itu tetapi kita memantau dengan teliti semua kes berkenaan dan kita tidak akan berkompromi dalam sebarang penyelewengan jika berlaku di dalam sebarang kemalangan jika ia berlaku di dalam soal-soal yang melibatkan keselamatan dan pertahanan negara.

Saya ingin memberikan jaminan bahawa Kementerian Pertahanan akan sentiasa mengambil tindakan pembetulan terhadap perkara-perkara berkenaan dan membetulkan persepsi yang negatif terhadap isu-isu yang ditimbulkan tadi.

Saya berharap Kementerian Pertahanan akan mendapat sokongan daripada semua pihak - pihak kerajaan, pihak pembangkang kerana soal keselamatan negara, soal pertahanan negara adalah soal bersama, bukan soal yang harus dipolitikkan. Kita harus mengetahui bahawa ini pertanggungjawaban bersama dan sebagai rakyat yang taat kepada negara kita, rakyat yang taat kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kita haruslah tidak menyanggah perkara-perkara pertahanan dan keselamatan...

Tuan Ahmad bin Hussin: *[Bangun]*

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya amat berterima kasih dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri. Cuma saya hendak sebutkan satu iaitu kerana Yang Berhormat Menteri Pertahanan pernah mengeluarkan kenyataan bahawa pembocoran maklumat ini melibatkan orang dalam dan warga ATM. Ini sungguh menyedihkan saya dan semua Yang Berhormat Ahli Dewan. Jadi saya minta penjelasan, apakah tindakan seterusnya terhadap orang-orang berkenaan yang mengkhianati negara kita? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi: Tindakan telah kami lakukan secara rasmi. Yang Berhormat kena faham bahawa espionaj telah dilakukan dan kita telah dengan izin, *turnover*. Orang yang sepatutnya dijadikan sebagai ejen perisikan itu untuk memihak kepada kerajaan, memihak kepada Kementerian Pertahanan. Akhirnya kita telah memperoleh bukti-bukti dan tindakan-tindakan diplomatik telah dilakukan dan saya tidak perlu menjelaskan secara terbuka kerana ia melibatkan negara luar dan tindakan-tindakan telah dilakukan.

Saya berharap berilah kepercayaan kepada Kementerian Pertahanan bahawa rahsia pertahanan negara tidak ada harga yang boleh kita bayar. Tidak ada kompromi kepada individu yang melakukan pembocoran kepada rahsia negara serta berilah kepercayaan kepada saya secara peribadi dan secara rasmi untuk mempertahankan bahawa tidak akan berlaku sebarang kebocoran lagi kepada maklumat-maklumat dan kerahsiaan pertahanan keselamatan negara, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kenyataan itu berakhirlah penggulungan saya dan saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad bin Hussin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Dewan Negara mengucapkan tahniah atas keberanian Yang Berhormat Menteri Pertahanan memperjuangkan kedaulatan negara Malaysia yang dicintai ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri... *[Tepuk]*

Minta Kementerian Kerja Raya untuk menjawab.

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang sudi berkongsi pandangan dan cadangan.

Ini menyentuh bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja di Dewan Negara. Mereka ialah Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui, Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung dan Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui meminta supaya membaik pulih lebuh raya di negeri Sarawak yang berada dalam keadaan yang tidak memuaskan di mana tapak tanahnya yang berpaya dan lembut terutamanya di lebuh raya pesisir pantai dari Sebangan ke Sebuyau di negeri Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian mengambil maklum terdapat sebahagian lebuh raya di negeri Sarawak di mana melalui kawasan berpaya dan lembut yang mengalami masalah jalan yang tidak rata atau beralun. Keadaan ini disebabkan oleh masalah dengan izin, *post construction settlement* yang berlaku setelah jalan siap dibina. Jalan-jalan yang mengalami masalah beralun serius akan dirawat menggunakan kaedah *road surfacing* atau *cold in place recycling* (CIPR). Lebuh raya pesisir pantai dari Sebangan ke Sebuyau sepanjang 22 kilometer juga tidak dikecualikan mengalami masalah yang sama terutamanya di laluan dari Sebangan ke Sebuyau. Jalan ini adalah merupakan jalan negeri iaitu di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung meminta agar kementerian menyiapkan baki kerja-kerja penurapan semula sebahagian Jalan Kidurong dalam masa terdekat dan menyarankan kerja-kerja penyelenggaraan dijalankan secara konsisten.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan persekutuan sentiasa diselenggarakan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh kerajaan. Kerja-kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi tersebut merupakan kerja penyelenggaraan rutin seperti kerja penyelenggaraan permukaan jalan, kerja penyelenggaraan bahu jalan, kerja memotong rumput, kerja menyelenggarakan perabot jalan, kerja penyelenggaraan longkang serta kerja penyelenggaraan pembetung dan jambatan.

■1730

Bagi kerja-kerja yang tiada dalam skop penyelenggaraan syarikat konsesi seperti turapan semula, kerajaan perlu menyediakan peruntukan tambahan untuk melaksanakannya. Untuk Jalan Kidurong pihak kementerian telah membelanjakan sebanyak RM3.4 juta pada tahun 2009 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua untuk memperbaiki laluan dari Jalan Bintulu, Tatau *junction* ke Bintulu Port. Bagi jalan yang belum dibaiki kementerian telah memohon peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Untuk makluman Yang Berhormat, satu lagi punca kerosakan jalan-jalan di negeri Sarawak adalah disebabkan penggunaan jalan oleh lori-lori lebih muatan seperti lori balak di kawasan jalan ke Empangan Bakun, lori membawa muatan arang batu di Jalan Maetedeng ke Selangau dan lori-lori membawa kelapa sawit. Tuan Yang di-Pertua, mengenai permohonan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung supaya kementerian mempertimbangkan sebahagian peruntukan yang diluluskan oleh Jemaah Menteri sebanyak RM513 juta bagi menaik taraf 325 kilometer jalan raya di Sabah dan Sarawak untuk membaiki keadaan jalan di Bintulu -Tatau yang teruk sekali pada masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan sebanyak RM513 juta telah diluluskan bagi cadangan menaik taraf jalan raya di sepanjang laluan dari Miri ke Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun skop kerjanya adalah tidak melibatkan jalan-jalan di Bahagian Bintulu. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh kementerian telah memohon peruntukan untuk membaiki dan menurap jalan-jalan di negeri Sarawak terutamanya di Bahagian Bintulu. Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung juga untuk menaik taraf jalan dari Bintulu ke *Samalaju Industrial Park* kepada jalan dua hala tiga lorong selaras dengan usaha kerajaan melalui SCORE untuk menjadikan Kidurong sebagai satu pusat pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sememangnya amat prihatin dengan keperluan menaik taraf jalan raya dari Bintulu ke perindustrian Samalaju memandangkan kawasan tersebut menjadi kawasan pembangunan di bawah Program SCORE negeri Sarawak yang akan mempertingkatkan taraf ekonomi negara. Bagi mencapai maksud tersebut, kementerian akan berbincang dengan Unit Perancangan Ekonomi dan SCORE akan keperluan untuk menaik taraf jalan ini termasuk mengenal pasti skop kerja dan kos. Sekiranya dipersetujui cadangan menaik taraf jalan ini akan dimasukkan di dalam *rolling plans* yang kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok meminta kementerian bekerjasama dengan institusi keselamatan jalan raya bagi mengenal pasti lokasi kerap berlaku kemalangan atau *black spot* yang membahayakan pengguna jalan raya dan lebuh raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Kerja Raya sememangnya peka terhadap isu keselamatan jalan raya dan lebuh raya serta sentiasa berusaha bagi memastikan jalan raya adalah selamat dan selesa untuk pengguna. Sehubungan ini kementerian sentiasa bekerjasama dengan institusi keselamatan jalan raya negara ini seperti Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia atau dikenali dengan MIROS dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) melalui aspek kejuruteraan, aspek penyelidikan dan aspek penguatkuasaan selaras dengan Konsep 3E iaitu dengan izin, *engineering, education and enforcement* yang memainkan peranan penting untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dan lebuh raya.

Kementerian Kerja Raya telah mengenal pasti lokasi kerap berlaku kemalangan atau *black spot* di jalan persekutuan dan lebuh raya dengan mengenakan kaedah penilaian mata pemberat atau *weightage point*. Sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM125.5 juta diperuntukkan untuk Program Keselamatan Jalan sebagai usaha menambahbaikkan kepada sistem infrastruktur jalan raya sedia ada dengan cara meningkatkan ciri-ciri keselamatan setiap elemen yang berkaitan dengan jalan. Antara langkah penambahbaikan kepada infrastruktur jalan raya sedia ada melalui program ini adalah:

(i) pembinaan lorong motosikal;

(ii) pembinaan jejantas atau landasan pejalan kaki;

(iii) memasang pengadang jalan;

(iv) memasang *crash cushion*;

(v) mengecat semula garisan jalan;

(vi) membaiki dan memasang papan tanda jalan; dan

(vii) menambahbaikkan persimpangan jalan.

Bagi kawasan yang kerap berlaku kemalangan program membasmi kawasan kemalangan secara rawatan kos rendah dengan kos antara RM20,000 sehingga RM100,000 juga telah dilaksanakan. Dari tahun 2004 sehingga tahun 2008 sebayak 856 lokasi telah dibaiki melalui program ini dengan kos sebanyak RM33.3 juta. Sebagai menunjukkan komitmen kementerian terhadap usaha meningkatkan tahap keselamatan jalan di jalan persekutuan, salah satu daripada indeks petunjuk prestasi atau KPI Menteri Kerja Raya bagi tahun 2009 adalah melaksanakan rawatan pembasmian sepuluh kawasan kemalangan yang mencatatkan bilangan mangsa tertinggi dalam tahun 2008 dan tahun 2009. Dengan peruntukan sebanyak RM4.25 juta tiada lagi kemalangan dicatatkan di lokasi yang telah dibaik pulih ini sejak berjaya disiapkan pada Disember 2009. Pada tahun 2010 penetapan sasaran KPI Menteri Kerja Raya ini ditingkatkan kepada 30 lokasi kemalangan yang perlu dibasmi dengan peruntukan sebanyak RM15 juta.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih ke atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Kerja Raya. Saya berjanji bahawa kementerian ini akan sentiasa mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Maka saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya. Di samping itu saya juga mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat kerana masa kita sudah tambah, jangan pula agaknya tidak mahu bercakap langsung. Ada juga kalau yang hendak bertanya itu elok bertanya kerana kita sekarang ini ada masa.

Tanya yang mana relevan dan difikirkan penting untuk memanfaatkan Dewan ini. Seterusnya saya mempersilakan Kementerian Kesihatan. Dipersilakan Yang Berhormat.

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Diraja menyentuh mengenai Kementerian Kesihatan Malaysia.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. M. Malasingam mengenai langkah-langkah kementerian untuk mengurangkan kadar penyakit mental.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, data daripada *National Health and Mobility Survey* seperti yang dikatakan adalah merujuk kepada masalah kesihatan mental dan bukannya penyakit mental. *National Health and Mobility Survey* atau Kajian Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan dilaksanakan setiap sepuluh tahun dan yang terkini adalah pada tahun 2006.

Dalam konteks *survey*, istilah *mobility psychiatry* yang digunakan bermaksud mereka yang mengalami masalah kesihatan mental dan kajian yang dijalankan bukanlah *diagnostic* bagi penyakit mental. Dalam masa sepuluh tahun yang lepas, Kajian Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan telah menunjukkan peningkatan masalah kesihatan mental di kalangan orang dewasa dari 10.6 peratus pada tahun 1996, kepada 11.2 peratus pada tahun 2006 dan dari 13 peratus pada tahun 1996, kepada 20.3 peratus di kalangan remaja. Jumlah yang saya sebutkan lebih awal, Yang Berhormat, iaitu 10.6 peratus kepada 11.2 peratus adalah kesihatan mental di kalangan orang dewasa.

Bagi peratusan masalah kesihatan mental bagi perempuan adalah 12.1 peratus, Yang Berhormat dan bukan 21.0 peratus seperti yang dinyatakan. Kementerian Kesihatan telah dan sedang melaksanakan, pelbagai langkah pencegahan dan kawalan bagi menangani masalah kesihatan mental ini. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian adalah seperti berikut:

(i) kementerian melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental melalui Kempen Cara Hidup Sihat di seluruh negara semenjak tahun 2000 dengan memfokuskan kepada pupuk minda sihat dengan menangani stres. Aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan mental dan penyakit mental yang telah dilaksanakan adalah kempen kesihatan, pameran, ceramah, dialog, forum dan bengkel latihan kemahiran menangani stres. Promosi kesihatan mental turut dilaksanakan melalui maklumat-maklumat disalurkan melalui media cetak dan media elektronik;

(ii) kementerian menerbitkan bahan-bahan pendidikan tentang kesihatan mental, stres dan cara-cara menanganinya. Pencegahan penyakit mental seperti *anxiety* dan kemurungan serta pencegahan bunuh diri dalam bentuk risalah dan poster. Maklumat mengenai kesihatan mental dan penyakit mental turut disalurkan melalui media massa;

(iii) Rangka Kesihatan Mental ataupun *Blueprint of Mental Health Framework,* dengan izin, telah dibentuk pada tahun 2002 menggariskan strategi-strategi promosi kesihatan mental, pengesanan awal penyakit mental, rawatan dan susulan kepada penyakit mental serta pemulihan psikososial;

(iv) kementerian menyediakan perkhidmatan saringan tahap kesihatan mental bagi stres, keresahan dan kemurungan yang dilaksanakan di klinik-klinik kesihatan secara integrasi bagi mengesan awal masalah kesihatan mental di kalangan masyarakat;

(v) Kementerian Kesihatan menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental di empat institusi kesihatan dan 37 hospital kerajaan dengan 109 pakar psikiatri, dua orang pegawai psikologi klinikal, 20 orang kaunselor bertauliah dan 57 pegawai psikologi yang menjalankan tugas-tugas kaunseling;

(vi) di peringkat kesihatan primer, sejumlah 671 ataupun 83 peratus klinik kesihatan disediakan untuk memberikan perkhidmatan rawatan susulan bagi pesakit mental yang telah stabil dengan sejumlah 174 pakar perubatan keluarga yang ditempatkan untuk mengesan dan memberi rawatan awal kepada pesakit yang dikenal pasti berpenyakit mental;

(vii) perkhidmatan pemulihan psikososial kepada pesakit mental juga diberikan melalui 26 klinik kesihatan bagi memulihkan pesakit mental agar dapat mempertingkatkan fungsian psikososial mereka dalam masyarakat;

(viii) Garis Panduan Amalan Klinikal Bagi Pengendalian Kemurungan ataupun *Clinical Practice Guideline on Management Of Depression*, dengan izin, dan skizofrenia telah pun dihasilkan pada tahun 2008 untuk melatih anggota kesihatan dari pelbagai kategori seperti pakar perubatan keluarga, pembantu perubatan dan jururawat bagi mengesan penyakit mental secara awal; dan

(ix) bagi meningkatkan kemahiran anggota kesihatan mengesan dan memberi rawatan secara efektif, latihan pengendalian masalah kesihatan mental dan penyakit mental akan dilaksanakan secara berterusan kepada anggota kesihatan pelbagai kategori seperti pakar psikiatri, pakar perubahan keluarga, penolong pegawai perubatan dan jururawat kesihatan. Latihan ini termasuklah latihan minda sihat dan kesihatan mental, latihan kesihatan mental kanak-kanak dan remaja serta latihan pengendalian kemurungan dan skizofrenia.

Langkah-langkah promosi sedia ada lebih tertumpu kepada pelaksanaan kempen dan penyaluran maklumat melalui media cetak dan media elektronik dan kementerian berpendapat kaedah ini masih sesuai digunakan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati Tan Sri Dato' Seri Onn dan Yang Berhormat Senator Dato' Daljit Singh Dalliwal pula membangkitkan isu mengenai situasi semasa jangkitan Influenza AH1N1 dan langkah mengatasi jangkitan tersebut serta pemberian vaksin H1N1.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kejadian pandemik Influenza AH1N1 2009, dilaporkan sehingga 2 Mei 2010, sebanyak 13,744 kes dilaporkan dengan 81 kematian melibatkan semua negeri di Malaysia. Negeri-negeri yang melaporkan kes tertinggi adalah negeri Selangor dengan 3,053 kes, diikuti dengan negeri Johor – 1,308 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur – 1,283 kes, Perak – 1,173 kes dan Sabah – 1,050 kes. Bagi mengawal penularan jangkitan Influenza AH1N1 ini, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

(i) memperkukuhkan sistem arahan wabak melalui bilik gerakan harian Influenza AH1N1 dan *National Crisis Preparedness and Response Center* atau CPRC;

(ii) memperkukuhkan aktiviti *surveillance* bagi mengenal pasti perubahan di dalam corak jangkitan Influenza AH1N1 serta kes-kes dan *cluster Influenza Like Illness* atau ILI sebagai *proxy indicator,* kebarangkalian kejadian wabak Influenza A H1N1;

(iii) mempertingkatkan kemudahan Unit Rawatan Rapi atau ICU di hospital-hospital kerajaan dan mempertingkatkan pengetahuan dan keupayaan semua anggota kesihatan bagi memastikan pengurusan kes secara menyeluruh;

(iv) memperkukuhkan kerjasama dengan pengamal perubatan swasta;

(v) memastikan bekalan *antiviral* kebangsaan yang mencukupi pada setiap masa. Pada masa ini, jumlah *stockpile antiviral* yang ada dalam simpanan adalah boleh bertahan untuk 18 bulan;

(vi) semua Pengarah Kesihatan Negeri telah diarahkan untuk mengaktifkan H1N1 *Champion Team*, dengan izin, yang telah sedia dikenal pasti untuk memantau sebarang kejadian luar biasa mengenai kemasukan pesakit ILI di hospital dan Unit Rawatan Rapi atau ICU ataupun kematian pesakit ILI;

(vii) kementerian juga memperkukuhkan aktiviti komunikasi risiko termasuk memastikan program kesedaran Influenza A H1N1 di dalam komuniti terus diperkemas dan diperkukuhkan terutama sekali mengenai amalan basuh tangan, adat batuk, penggunaan penutup mulut dan hidung bagi mereka yang bergejala; dan

(viii) menyegerakan aktiviti pelalian termasuklah terhadap petugas barisan hadapan dan kumpulan sasar keutamaan.

■1750

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Kementerian Kesihatan telah mendapat sebanyak 400 ribu dos bekalan vaksin H1N1. Vaksin ini diberikan secara percuma kepada kumpulan barisan hadapan yang telah dikenal pasti termasuklah kakitangan Kementerian Kesihatan sendiri, yang lainnya adalah terdiri daripada polis, Pasukan Bomba dan Penyelamat serta imigresen dan lain-lain, sejak Disember 2009. Kementerian juga memberikan vaksin H1N1 ini kepada orang awam, kumpulan sasar berkeutamaan sejak Februari 2010, sehingga 29 April 2010 Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 163,438 orang telah diberikan vaksin H1N1 ini dan masih terdapat baki sebanyak 104,420 dos vaksin yang masih boleh digunakan. Kementerian berpendapat ia mencukupi untuk diberikan kepada kumpulan sasar berkeutamaan tersebut. Kumpulan sasar berkeutamaan boleh mendapatkan vaksin H1N1 ini di 104 klinik kesihatan dan Jabatan Pesakit Luar hospital kerajaan di seluruh negara. Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat mengenai nama-nama klinik ini daripada laman sesawang di H1N1.moh.gov.my, atau talian hotline 03-88810200 dan 03-88810300.

Kementerian Kesihatan tidak membekalkan vaksin H1N1 kepada klinik swasta. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa klinik swasta yang telah mendapat bekalan vaksin *trivalent influenza* bermusim ataupun *seasonal* yang mengandungi *strength virus pandemic* H1N1. Buat masa ini, vaksin H1N1 tidak disediakan di Klinik Parlimen. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kesihatan boleh mengatur pemberian vaksin H1N1 ini kepada semua Ahli Yang Berhormat... *[Tepuk]*

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon untuk mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang hendak bertanya. Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya sebenarnya berminat dengan isu yang pertama tadi berkenaan dengan *schizophrenia* iaitu penyakit mental yang telah dikatakan dengan panjang lebar oleh Timbalan Menteri tadi berkenaan dengan penyakit yang sedang melanda negara kita.

Mungkin bilangannya tidak begitu ramai, tetapi kita lihat dengan jelas dalam banyak kes jenayah yang dilaporkan, kebanyakan alasan yang diberikan oleh tertuduh, mereka terlibat dengan kes *schizophrenia*. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah buat masa ini kita mempunyai sebarang cara untuk kita memastikan penghidap-penghidap *schizophrenia* ini mendapatkan rawatan secara sukarela di klinik-klinik kerajaan kerana sekiranya kita tidak membuat sebarang saringan kepada mereka ini. Ini akan mendatangkan kes-kes jenayah yang tidak dapat terkawal terutamanya dalam keluarga sendiri. Pertama.

Keduanya berkaitan dengan H1N1, setakat ini kita lihat di semua pintu masuk negara diletakkan alat-alat untuk mengesan suhu badan untuk H1N1 dan saya mohon supaya pihak kementerian memberikan maklumat sekiranya kita mendapatkan maklumat, berapa ramai pelancong luar negara ataupun warga tempatan yang telah mendapat jangkitan H1N1 daripada sejak mula pemantauan dilakukan terhadap virus ini. Terima kasih.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Mohon laluan juga Tuan Yang di-Pertua, sekali dijawab kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat. Silakan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Tentang H1N1. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya berapakah nilai kerugian kepada negara bila H1N1 melanda negara kita, dari segi kos selain daripada nyawa yang telah hilang dan kesakitan yang menimpa manusia. Itu satunya.

Kedua, apakah vaksin yang digunakan itu telah betul-betul dikaji tentang keselamatan penggunaannya dan juga berapakah kos yang ditanggung oleh kerajaan untuk mendapatkan vaksin ini? Satu lagi tentang H1N1 juga, kita dengar ada pemain badminton negara atau bekas pemain badminton negara kena H1N1. Adakah ini akan melibatkan risiko kepada yang lain tentang *Thomas Cup* yang kita hendak tuntut balik, apa peluang kita? Bagaimana pihak kementerian dapat membantu tentang ini untuk menjaga semua pemain negara kita selamat, dalam *top form* dengan izin. Seterusnya yang akhir...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus.

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Mengenai H1N1 Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi bahawa suntikan akan diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen. Boleh atau tidak saya hendak tahu, bila akan dibuat perkara itu, mungkin sebelum hari Khamis nanti?

Tuan Yang di-Pertua: Okey, silakan Yang Berhormat jawab.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Okey, untuk menjawab persoalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi, sebenarnya untuk pesakit *schizophrenia*, kita sebenarnya menggalakkan pesakit ini datang secara sukarela di semua *facility* kesihatan kita.

Sudah tentu dari segi penyebaran maklumat oleh Kementerian Kesihatan itu, kita memang sentiasa melakukan penyebaran maklumat ini dan sentiasa menyatakan kepada *public* khususnya orang ramai mengenai bahayanya penyakit-penyakit yang berkaitan dengan masalah mental termasuklah penyakit *schizophrenia* yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Untuk menjawab persoalan mengenai isu nilai selain daripada jenis saringan H1N1 di pintu masuk utama, sebenarnya kes yang melibatkan kes-kes import adalah sebanyak 572 orang, termasuk pelancong dan rakyat Malaysia sendiri.

Manakala kes akibat jangkitan H1N1 sehingga kini tiada kajian yang dijalankan untuk mengetahui mengenai kes ataupun kos akibat jangkitan H1N1. Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat sama ada kita akan mengadakan rawatan ataupun proses memberikan vaksin kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan mengatur pelaksanaan ini sebelum hari Khamis, atau hari Khamis *insya-Allah*, kita akan usahakan. Saya secara peribadi akan memastikan perkara ini dilakukan sebelum Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian pergi untuk bercuti, *insya-Allah.*

Menyentuh mengenai kes vaksin sama ada ianya selamat digunakan. Sudah tentu pihak kementerian memastikan dan amat yakin dengan keselamatan dan penggunaan vaksin ini. Secara dasarnya Yang Berhormat, vaksin ini adalah selamat dan ianya boleh dilaksanakan atau diberikan kepada individu yang berumur di antara 18 tahun hingga 65 tahun. Sudah tentu Yang Berhormat, setiap vaksin yang baru, ia akan mengutarakan beberapa kesan sampingan tapi kesan-kesan sampingan itu tidaklah membahayakan kerana kesan sampingan yang kita dapat makluman daripada orang ramai adalah dari segi – kadang-kadang orang yang mendapat vaksin tersebut dia demam dan seterusnya mempunyai kesakitan pada tempat yang mendapat vaksin tersebut.

Setakat ini Yang Berhormat, hanya kesan-kesan sampingan yang menjurus ke perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dan tidak ada lagi kes-kes berat yang disebabkan oleh pemberian vaksin H1N1.

Menyentuh mengenai bantuan kepada mereka yang dijangkiti, ini persoalan daripada Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang sendiri iaitu bagi mereka yang dijangkiti, mereka akan diberikan ubat *antiviral*.

■1800

Mengenai kos yang terlibat, saya akan maklumkan Yang Berhormat secara bertulis. Menyentuh mengenai pemain badminton yang direhatkan, kita telah mendapat tahu salah seorang bekas pemain badminton negara kita telah positif H1N1 tetapi, beliau telah direhatkan dan saya dimaklumkan keadaan beliau tidak menyebabkan risiko kepada mereka yang dilatih di bawah penyelenggaraan atau penyeliaan beliau. Sudah pasti kita akan memastikan kesihatan khususnya pemain-pemain badminton kita berada dalam tahap yang terbaik. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah habiskah?

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Tidak habis lagi, *sorry* Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa, teruskan.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Daljit Singh Dalliwal juga membangkitkan isu berkaitan mengenai kejadian penyakit denggi dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan penularan jangkitan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, terdapat trend penurunan kejadian penyakit denggi dalam tempoh lima tahun yang lepas. Sehingga 1 Mei 2010 terdapat 16,455 kes demam denggi yang dilaporkan di seluruh negara. Iaitu terdapat penurunan sebanyak 11 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2009 iaitu 18,401 kes. Negeri-negeri yang melaporkan peratusan kes tertinggi pada tahun ini adalah:

Negeri	Jumlah Kes	Peratusan (%)
Selangor	7,769	47
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	1,896	12
Sarawak	1,852	11

Sehingga 1 Mei 2010 kes kematian denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 56 kematian berbanding dengan 43 kematian pada tempoh yang sama pada tahun 2009. Iaitu peningkatan sebanyak 13 kematian Tuan Yang di-Pertua, iaitu 30 peratus pada tahun ini. Negeri yang menyumbang kematian tertinggi adalah negeri Selangor dengan 27 kematian; Sarawak 6 kematian; Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 4 kematian; dan negeri-negeri lain melaporkan 3 atau kurang daripada jumlah tersebut dari segi kematian. Manakala Perlis, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan tiada melaporkan kematian denggi.

Pada tahun 2009 jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 41,486 kes iaitu 2,737 kes iaitu bersamaan dengan 19 peratus kes. Ini merupakan kes-kes demam denggi berdarah dan 38,749 iaitu 81 peratus adalah kes demam denggi. Negeri-negeri yang melaporkan peratusan tertinggi adalah negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu sebanyak 54 peratus bersamaan dengan 22,422 kes dan diikuti oleh negeri Sarawak 11 peratus dengan 4,490 kes. Bagi bilangan kematian denggi yang dilaporkan pada tahun 2009 pada keseluruhannya adalah sebanyak 88 kematian dan penyumbang utama kematian ini ialah demam denggi berdarah sebanyak 82 kes bersamaan dengan 92 peratus kematian.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pada keseluruhannya kes denggi sudah menunjukkan trend yang menurun, hasil usaha yang berterusan. Namun Kementerian Kesihatan masih mengambil langkah-langkah proaktif memandangkan bilangan kes yang masih tinggi.

Oleh itu Kementerian Kesihatan telah melaksanakan pelbagai usaha memerangi denggi di seluruh negara dengan langkah-langkah seperti berikut:

(i) mengisytiharkan kempen perang habis-habisan terhadap denggi pada Januari 2010 dengan mempertingkatkan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi. Termasuk penguatkuasaan di semua peringkat negeri dan daerah bagi memusnahkan tempat pembiakan aedes di seluruh negara;

(ii) melaksanakan Pelan Strategik Kawalan Denggi Kebangsaan yang bermula April 2009 bagi tujuan memperkukuhkan dan mempertingkatkan aktiviti kawalan denggi. Dengan matlamat mengurangkan bilangan kes sebanyak 10 peratus setiap tahun. Pelaksanaannya telah menunjukkan kesan positif di mana bilangan kes berjaya dikurangkan sebanyak 16 peratus pada tahun 2009 berbanding pada tahun 2008;

(iii) mempertingkatkan kerjasama dengan pihak kerajaan tempatan dan pihak berkuasa tempatan dalam aktiviti kawalan demam denggi di mana sehingga 24 April 2010 sebanyak 8,636,469 premis telah disembur dengan kabus ataupun *fogging*. Sementara 272,148 premis telah dibubuh racun pembunuh jentik-jentik di seluruh Malaysia. Di samping itu kerajaan telah mengedarkan racun pembunuh jentik-jentik secara percuma kepada orang ramai untuk mengawal pembiakan aedes di sekitar rumah mereka; dan

(iv) tindakan penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan) 2000 telah dipertingkatkan terhadap premis yang mempunyai pembiakan aedes. Sehingga bulan Februari 2010 sejumlah 2,972 tuan punya premis telah dikenakan kompaun dengan nilai keseluruhan berjumlah RM548,010. Sejumlah 87 daripada 173 kes yang telah dirujuk ke mahkamah telah diselesaikan dengan jumlah denda dikenakan berjumlah RM17,160.

Kementerian Kesihatan akan meneruskan Kempen 10 Minit dan Kempen Media dngan tujuan mempertingkatkan kesedaran masyarakat tentang bahayanya demam denggi. Menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti pencegahan dan kawalan denggi dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes. Melalui kempen-kempen ini masyarakat juga diingatkan untuk melaksanakan aktiviti gotong-royong bagi kawasan yang mempunyai kadar pembiakan aedes yang tinggi dan tidak bersih. Khususnya di kawasan-kawasan panas ataupun *hotspot* di mana wabak telah berlarutan lebih daripada sebulan.

Kerajaan juga berusaha untuk mempertingkatkan penglibatan ketua masyarakat dan masyarakat setempat dalam melaksanakan aktiviti pengurangan sumber pembiakan nyamuk atau *source reduction* dengan izin. Melalui pelaksanaan Program COMBI atau lebih dikenali sebagai *Communication For Behavioral Impact* dan aktiviti gotong-royong atau aktiviti yang serupa dengannya. Sehingga kini terdapat 661 bilangan *locality* yang bermasalah denggi telah melaksanakan Program COMBI dengan penyertaan seramai 16,563 sukarelawan. Lebih memberangsangkan 62 peratus daripada *locality* ini berjaya menghalang kejadian atau peningkatan kes denggi di kawasan masing-masing.

Seperti yang kita sedia maklum, usaha untuk mencegah jangkitan demam denggi adalah tanggungjawab semua pihak dan masyarakat. Program-program dan aktiviti pencegahan yang dilaksanakan oleh kerajaan akan berjaya dengan penglibatan masyarakat dan agensi kerajaan serta bukan kerajaan dalam aktiviti ini. Oleh itu dengan memastikan persekitaran yang bersih, tidak membuang sampah merata-rata dan tiada tempat-tempat pembiakan aedes. Penyakit demam denggi dapat dicegah dan kematian akibat demam denggi juga boleh dikurangkan.

Ketua masyarakat dan Ahli Parlimen mempunyai peranan dan tanggungjawab yang sangat penting dalam aktiviti mencegah dan mengawal demam denggi. Terutama memastikan tiada tempat-tempat pembiakan aedes di persekitaran ataupun kawasan masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi mencadangkan pihak kementerian mewujudkan skuad promosi ke sekolah-sekolah untuk memberi...

Dr. M. Malasingam: Minta laluan!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, ada hendak bertanya, silakan.

■1810

Tuan M. Malasingam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bilakah vaksin penyakit denggi akan siap? Ini kerana baru-baru ini kita baca di surat khabar bahawa vaksin akan disiapkan. *So* kalau ada satu rancangan, bila ia akan siap dan apakah jenis vaksin yang akan siap? Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas persoalan yang dikemukakan. Sebenarnya Yang Berhormat, untuk menjawab soalan ini, sebenarnya belum ada lagi vaksin untuk merawat penyakit denggi. Walau bagaimanapun, kajian telah dibuat Yang Berhormat. Namun, kajian tersebut masih melalui proses klinikal yang belum dapat dijelaskan. Yang Berhormat juga pengamal perubatan, saya pasti Yang Berhormat akan faham ujian klinikal ini kadang-kadang akan mengambil masa yang panjang sebelum kita mendapat keputusan ataupun hasil daripada ujian tersebut. Jadi Yang Berhormat, sama-samalah kita bersabar. Saya faham perasaan berkobar-kobar kita untuk menanti munculnya vaksin yang bakal membantu kita dalam menangani masalah denggi di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi telah mencadangkan pihak kementerian mewujudkan skuad-skuad promosi ke sekolah-sekolah untuk memberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar bagi menangani masalah-masalah seperti kes-kes kelahiran bayi tanpa nikah dan perzinaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberi perhatian kepada kesihatan remaja khususnya golongan pelajar. Kementerian juga sentiasa berusaha meningkatkan kesedaran mereka supaya tidak terjebak dengan gejala yang tidak sihat seperti aktiviti seks ataupun zina yang menjadi punca kepada kes-kes kelahiran bayi luar nikah. Bagi menangani isu tersebut, Kementerian Kesihatan mengambil langkah-langkah pro aktif dengan melaksanakan pelbagai intervensi pendidikan. Antara intervensi pendidikan itu ialah pelaksanaan program sihat untuk remaja atau lebih dikenali sebagai Prostar. Program ini memberi penekanan terhadap meningkatkan pengetahuan dan membina kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh para pelajar dalam menangani masalah seksual dan reproduktif.

Dalam konteks kesihatan seksual dan reproduktif, pelajar-pelajar yang menyertai program ini didedahkan kepada Modul Remaja Faham Kesihatan Seksual dan Reproduktif oleh mereka yang terlatih. Melalui proses pembelajaran dan pengajaran modul tersebut, pelajar-pelajar dibimbing supaya memahami dan seterusnya menghayati aspek-aspek seperti berikut:

(i) definisi kesihatan, reproduktif dan seksual;

(ii) kepentingan *Sexual Health Repro*ductive (SHR);

(iii) seksualiti remaja;

(iv) hubungan sihat; dan

(v) masalah *Sexual Health Reproductive* (SHR).

Di samping itu, isu-isu berikut juga turut diberikan penekanan Yang Berhormat, iaitu:

(i) mengenali perubahan diri;

(ii) perubahan akil baligh;

(iii) sistem reproduktif;

(iv) hubungan seks sebelum berkahwin;

(v) kehamilan remaja;

(vi) pembuangan bayi; dan

(vii) pengguguran.

Buat masa ini Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai sebanyak 287 pasukan kesihatan sekolah yang beroperasi di 131 buah daerah. Pasukan-pasukan ini terdiri daripada jururawat kesihatan, jururawat masyarakat dan juga pembantu perawatan kesihatan di mana mereka bertanggungjawab untuk menjalankan saringan pemeriksaan kesihatan, rawatan ringan kepada murid-murid di semua sekolah rendah dan menengah kerajaan di Malaysia.

Setiap tahun Yang Berhormat, dianggarkan seramai 1.8 juta murid sekolah mendapatkan perkhidmatan daripada pasukan kesihatan sekolah ini. Pendidikan kesihatan yang diberi oleh pasukan sekolah ini juga meliputi pemakanan sihat, pencegahan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit dan amalan gaya hidup sihat serta kesedaran dari aspek kebersihan diri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon laluan.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Di samping itu Yang Berhormat, agaknya saya minta bentara untuk dapatkan air sedikit kerana saya ingat Yang Berhormat perlukan air itu. Lama bercakap itu. Okey, tidak apa. Okey silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan pakej pasukan kesihatan sekolah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi berhubung dengan langkah Prostar tadi, adakah rutin ini dibuat ke seluruh sekolah dan dalam jangka masa tertentu? Sebagaimana kita lihat hari ini, kalau anak-anak kita belajar di sekolah rendah, semestinya setahun sekali mereka akan dapat rawatan untuk pergigian. Adakah Prostar ini juga turun ke semua sekolah dalam keadaan berkala seperti ini?

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih di atas soalan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz yang juga merupakan kawan universiti saya dahulu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Prostar dan juga pasukan kesihatan sekolah adalah dua perkara yang berbeza. Prostar Yang Berhormat, adalah mempunyai maksud pelaksanaan program sihat untuk remaja. Setakat ini Yang Berhormat, kita mempunyai sebanyak 1,644 kelab dan program Prostar yang diwujudkan di sekolah-sekolah dan sebanyak 106 yang berada di luar sekolah yang didaftarkan di bawah ROS. Prostar ini Yang Berhormat, telah banyak melaksanakan program intervensi pendidikan, manakala pasukan kesihatan sekolah yang saya sebutkan lebih awal – memang benar Yang Berhormat salah satu kapasiti yang dijalankan oleh pasukan kesihatan sekolah termasuklah memberikan rawatan kepada pergigian terutama sekali di sekolah-sekolah rendah. Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Cuma satu isu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Perlu air tidak? Itu ada air itu. Minum sedikit.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Ini Hulu Selangor punya lah ini, kesannya...

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Tidak apa Tuan Yang di-Pertua, cuma satu isu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Silakan.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti saya katakan tadi, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung telah membangkitkan isu berkenaan atau berkaitan dengan perkhidmatan kesihatan di Bintulu dan Sri Aman.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, Hospital Bintulu pada masa kini tidak mempunyai unit khusus untuk menempatkan dan merawat pesakit-pesakit bagi kes-kes melecur yang serius yang disebabkan kemalangan semasa bekerja, terutamanya di kilang-kilang serta zon perindustrian berdekatan dengan hospital ini perlu mewujudkan unit kebakaran sebagai persediaan untuk menghadapi kes-kes yang berkaitan.

Ini memandangkan kawasan lingkungan perkhidmatan yang diliputi oleh Hospital Bintulu adalah berdekatan dengan zon perindustrian di bawah *Sarawak Corridor of Renewable Energy* (SCORE) yang menempatkan kilang-kilang pembuatan bahan kimia, kilang baja dan lain-lain serta gas asli.

Dalam hubungan ini, pihak Kementerian Kesihatan telah melaksanakan penambahan unit kebakaran di Hospital Bintulu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dengan syiling sebanyak RM3 juta dan kos keseluruhan yang diperlukan adalah sebanyak RM6 juta. Projek ini telah dimasukkan dalam senarai projek sambungan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan pada masa kini sedang dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi. Lokasi projek adalah terletak di wad pembedahan di mana ruang bagi tujuh katil kebakaran akan diwujudkan apabila ianya siap nanti. Kemudahan ini akan mempunyai tiga katil yang dilengkapi dengan kemudahan rawatan rapi dan selebihnya iaitu empat katil adalah terdiri daripada *high dependency bed,* dengan izin. Kemudahan ini juga akan dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang berteknologi tinggi bagi menjamin rawatan perubatan yang berkualiti tinggi.

■1820

Dengan kemudahan rawatan rapi *out come* pesakit-pesakit yang mengalami kebakaran akan dapat dipertingkatkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator juga, kementerian sememangnya sedar akan masalah kekurangan Pegawai Perubatan di Sarawak. Bagi mengatasi masalah kekurangan Pegawai Perubatan di negara Sarawak, kementerian telah mengambil langkah untuk mendapatkan khidmat Pegawai Perubatan kontrak. Sehingga 6 April 2010, terdapat seramai 102 orang Pegawai Perubatan kontrak warga negara asing berkhidmat di negeri Sarawak. Daripada jumlah tersebut, seramai 10 orang telah ditempatkan di Hospital Bintulu.

Selain daripada itu Yang Berhormat, khidmat Pegawai Perubatan pakar secara lawatan berkala ataupun *visiting officer* ataupun *visiting* pakar ke Hospital Bintulu juga diperolehi daripada Hospital Umum Sarawak. Ini dapat membantu mengurangkan masalah kekurangan pegawai perubatan di negeri Sarawak.

Bagi menampung keperluan rakyat di Sri Aman, kerja-kerja menaik taraf Hospital Sri Aman sedang dijalankan dengan menggunakan peruntukan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua dan kos sebanyak RM165 telah diberikan. Antara projek yang telah dilaksanakan adalah membaiki pulih bumbung unit psikiatri bagi menggantikan bumbung sedia ada yang kerap bocor dan pemasangan bumbung kanopi atau *semi transparent skyroof,* dengan izin, dan pembelian peralatan perubatan telah siap pada tahun 2009.

Pada tahun ini, projek yang akan dilaksanakan adalah mengubah suai Unit Hemodialisis Hospital Sri Aman yang dijangka siap menjelang tahun akhir tahun 2010. Kos projek adalah berjumlah RM146,390. Kementerian Kesihatan memang ada perancangan untuk membina sebuah hospital baru bagi menggantikan Hospital Sri Aman yang ada sekarang. Pada masa ini Kementerian Kesihatan sedang dalam proses mengenal pasti tapak yang sesuai untuk mengganti tapak yang sedia ada.

Perolehan tapak baru akan dilaksanakan dalam penggal pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh atau *First Rolling Plan,* dengan izin. Manakala pembinaan hospital baru dirancang untuk dilaksanakan pada penggal kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh setelah selesainya perolehan tanah dan tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan yang menyentuh tentang bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Sesungguhnya segala cadangan, teguran dan pandangan tersebut akan diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia demi memberikan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat di negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah bunyinya jawapan yang begitu bagus, komprehensif hinggakan hendak minum pun, suara pun sudah serak. Tidak apa Yang Berhormat, bagus. Kita teruskan kepada Kementerian Belia dan Sukan, dipersilakan.

6.23 ptg.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di atas segala pertanyaan dan cadangan terhadap kementerian Belia dan Sukan (KBS) sepanjang perbahasan Titah Diraja dalam sesi sidang Parlimen, Dewan Negara pada kali ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas dan jawapan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai kementerian saya.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn telah mencadangkan agar diwujudkan saluran televisyen untuk program-program berkaitan sukan di Malaysia.

Untuk makluman, promosi ke atas program-program berkaitan Kementerian Belia dan Sukan sememangnya dilaksanakan secara berterusan melalui pelbagai medium dan media berdasarkan perancangan pelaksanaan program yang disusun dengan menggunakan sumber kewangan yang telah diperuntukkan.

Pada masa yang sama usaha mendekati pengamal media sama ada media cetak atau media elektronik turut dijalankan bagi merapatkan hubungan kementerian dengan pihak media, sekali gus dapat membantu dalam mempromosikan program-program kendalian kementerian. Sebagai maklumat, baru-baru ini sebuah badan penyiaran swasta tempatan telah melancarkan saluran khas iaitu *Astro Arena* untuk menyiarkan program dan aktiviti berkaitan sukan di negara ini. Inisiatif tersebut dilihat sebagai salah satu usaha menyokong aspirasi kerajaan dalam memupuk kecemerlangan sukan tanah air.

Mengenai tahap kepenggunaan kemudahan sukan yang terdapat di Kompleks Sukan Bukit Jalil, dimaklumkan bahawa kemudahan-kemudahan yang ada telah digunakan dengan sepenuhnya untuk pelbagai penganjuran aktiviti sukan dan acara sosial yang lain. Kerosakan peralatan sukan yang terdapat di Kompleks Sukan Bukit Jalil seperti *scoreboard* bukanlah disebabkan kurang penggunaan, tetapi ia berlaku atas faktor usia di mana kebanyakannya telah pun menjangkau usia 11 tahun dan melebihi tempoh jaminan. Biarpun penyelenggaraan serta pembaikan dibuat, namun papan markah dan peralatan sistem catatan masa elektronik berkenaan masih mengalami kerosakan dan tidak berfungsi dengan baik. Walau bagaimanapun, kementerian telah membuat permohonan untuk mendapatkan peruntukan khas daripada Kementerian Kewangan bagi menggantikan *scoreboard* yang rosak dan kini sedang menunggu maklum balas berhubung permohonan tersebut.

Berhubung cadangan supaya peruntukan terhadap program-program pembangunan belia ini ditambah, kementerian menyambut baik saranan tersebut dan sememangnya menjadi hasrat Kementerian untuk meningkatkan peruntukkan bagi membolehkan pelaksanaan program-program pembangunan belia dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh. Namun begitu, pada masa ini peruntukan bagi pelaksanaan program adalah berdasarkan kepada jumlah bajet yang disalurkan oleh kerajaan kepada Kementerian. Seperti mana sedia maklum bahawa peruntukan pada tahun ini adalah berkurangan berbanding dengan tahun lepas dan ini menyebabkan cadangan tersebut sukar dilaksanakan. Walau bagaimanapun, kementerian pada masa ini sedang menyiapkan kertas cadangan mengenai pembangunan belia yang menyeluruh bagi memohon peruntukan tambahan untuk menjayakan program-program pembangunan belia, termasuklah Program Pembangunan Bina Insan.

Menjawab pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram iaitu mengenai rancangan atau program yang telah dilaksanakan oleh kementerian dalam usaha memartabatkan sukan rakyat atau sukan tradisional.

Untuk makluman, Kementerian Belia dan Sukan telah mengadakan pelbagai aktiviti dan program seperti Bengkel Pembangunan dan Teknikal Sukan Tradisional, bantuan aktiviti Sukan Tradisional Negeri, Pertandingan Sukan Tradisional Peringkat Negeri dan Karnival Sukan Tradisional Peringkat Kebangsaan. Dengan terlaksananya program-program tersebut diharap akan dapat memartabatkan lagi sukan rakyat atau sukan tradisional di kalangan masyarakat negara ini.

Yang Berhormat Senator Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf membangkitkan mengenai promosi Piala Thomas dan Piala Uber yang dikatakan masih kurang dan ramai yang tidak mengetahui mengenainya. Untuk makluman Yang Berhormat, program promosi bagi Kejohanan Piala Thomas dan Uber telah pun dirancang oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dengan program pertamanya iaitu program mengumpul 1 juta tandatangan rakyat Malaysia yang diuruskan oleh syarikat yang dilantik oleh BAM iaitu *100PLUS*.

Promosi ini telah bermula pada Malam Anugerah pada 27 April 2010 baru-baru ini di mana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan orang pertama menandatangani kempen berkenaan. Kempen ini juga akan disebarkan di pasar raya Giant seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Selain itu, pihak Radio Televisyen Malaysia (RTM) juga ada menyiarkan rancangan bertajuk *Mengapai Harapan* yang ke udara pada setiap hari Khamis, jam 4.30 petang di RTM1 sebanyak 14 episod mulai bulan Februari 2010 lalu. Rancangan ini khusus untuk menyemarakkan lagi sokongan rakyat Malaysia menjelang Piala Thomas yang akan berlangsung pada 9 hingga 16 Mei 2010. Promosi Piala Thomas turut disiarkan semasa Info Sukan jam 1.30 petang, *Berita Nasional*, jam 8.30 malam dan *Edisi Sukan*, jam 12.30 tengah malam. Selain saluran RTM, saluran berbayar *Astro Arena* 801 juga turut membuat promosi yang sama semasa siaran berita sukan mereka.

■1830

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di *Astro Arena* jam 8 malam ini akan disiarkan bual bicara selama satu jam bersama Presiden BAM, jurulatih Rexy Maniaky dan pemain Fairuzizuan Tazari yang akan membincangkan khusus mengenai persiapan pasukan negara menjelang Piala Thomas & Uber 2010. Dimaklumkan juga bahawa siaran langsung Kejohanan Piala Thomas & Uber 2010 akan disiarkan di RTM1 serta saluran TV berbayar Astro menerusi saluran *Astro Arena* 801. Kementerian juga difahamkan bahawa jualan tiket bagi perlawanan separuh akhir dan perlawanan akhir kini hampir habis dijual. Ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia sedar akan kejohanan bakal berlangsung ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang saya dapat jawab...

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: *[Bangun]*

Datuk Wee Jeck Seng: ...Ke atas perkara-perkara yang telah dibangkit...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat hendak bertanya. Silakan.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan tahniah di atas inisiatif untuk mempromosikan program sukan ini. Saya bangkitkan ini kerana sebagai satu contoh Tuan Yang di-Pertua, kerana melihatkan kepada pelan strategik Kementerian Belia dan Sukan tahun 2010 hingga tahun 2015 itu, banyak aktiviti pembangunan, banyak aktiviti belia dan sukan malah juga kemahiran yang dianjurkan seperti Program Belia Mahir 1Malaysia dan sebagainya.

Saya bangkitkan sebagai contoh kerana kita lihat banyak program ini tetapi tidak mendapat sambutan yang baik. Kita bimbang disebabkan promosi tidak mendapat sambutan yang baik daripada belia. Memandangkan gejala sosial hari ini berlaku yang melibatkan kelompok remaja inilah. Oleh sebab itu saya cadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan supaya mengambil inisiatif sebagaimana yang telah dilakukan ke atas promosi Piala Thomas ini juga dilakukan untuk promosi aktiviti-aktiviti lain yang dianjurkan oleh KBS khususnya yang dirancang dalam Pelan Strategik KBS tahun 2010 hingga tahun 2015. Sekian, terima kasih.

Datuk Wee Jeck Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Memang itu satu tujuan atau harapan kementerian untuk mempromosikan segala aktiviti mahupun apa perancangan pun untuk pengetahuan belia-belia kita.

Jadi untuk maklumat Yang Berhormat, untuk mengatasi masalah gejala sosial ini terutama pada remaja kita memang satu perkara yang perlu adanya kerjasama antara kita semua. Oleh sebab itulah saya rasa satu tindakan ataupun satu usaha kementerian terutama baru-baru ini, kerajaan telah mengumumkan tertubuhnya satu Jawatankuasa Pembangunan Belia akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang merangkumi lebih kurang 12 kementerian. Ini salah satu usaha untuk membolehkan ataupun membantu kita supaya dapat mengatasi, mengurangkan masalah-masalah remaja yang kita hadapi pada masa akan datang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja dapat saya jawab ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Minta Kemnterian Sumber Manusia untuk menjawab.

6.34 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh isu-isu Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar telah meminta tabung pemberhentian ditubuhkan bagi menjaga kebajikan pekerja yang hilang pekerjaan apabila syarikat gulung tikar.

Bagi maklumat Dewan yang mulia ini, kajian berkenaan dengan penubuhan tabung berhenti kerja sementara atau yang dipanggil *relief fund for loss of employment* bagi membantu pekerja yang kehilangan pekerjaan akibat syarikat gulung tikar telah selesai pada bulan Februari tahun ini. Kajian ini telah dilakukan oleh perunding yang telah dilantik oleh ILO. Pada masa sekarang, kita sedang membawa laporan tersebut untuk pandangan Jemaah Menteri dan keputusan muktamad sebelum dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Kamarudin bin Ambok dan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah telah menyentuh pelaksanaan gaji minimum kebangsaan bagi pekerja sektor swasta termasuk pekerja ladang. Kerajaan sedang secara terbuka membuat satu kajian yang mendalam dan menyeluruh mengenai cadangan gaji minimum untuk sektor swasta.

Untuk itu, kementerian telah mewujudkan satu *blog* gaji minimum di laman web kementerian untuk memberi peluang kepada semua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan pandangan dan cadangan mengenai pelaksanaan ini, boleh melayari web dan memberi pandangan di blog.mohr.com.my dan pandangan-pandangan yang diberi akan diambil kira untuk menentukan suatu dasar yang sesuai untuk negara kita.

Bagi pekerja di dalam sektor perladangan, gaji ditetapkan melalui perjanjian kolektif di antara MAPA dan NUPW. Pada masa sekarang, satu jaminan pendapatan minimum sebulan atau apa yang dipanggil *guaranteed minimum monthly basic earning* pekerja ladang yang ditetapkan adalah RM350. Walau demikian, pada keseluruhannya mereka menikmati pendapatan di antara RM800 sehingga RM1,200 sebulan menerusi pelbagai elaun galakan yang diberi seperti elaun kedatangan, insentif berkaitan produktiviti, bonus harga berikutan kenaikan harga komoditi dan elaun kesukaran. Mereka juga diberi kemudahan perumahan, bekalan air...

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. S. Subramaniam: ...Elektrik, pusat asuhan kanak-kanak, rawatan perubatan serta kemudahan hartanah...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. S. Subramaniam: ...Ya. Nanti saya beri. Kemudahan menternak dan bercucuk tanam. Okey.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri beritahu bahawa pekerja ladang dapat minimum RM800 hingga RM1,000 tetapi, keadaan sebenar di luar sangat berbeza daripada apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri.

Baru-baru di Hulu Selangor, saya ada pergi ke beberapa ladang yang dapat gaji RM300 hingga RM400. Jadi, ini jauh berbeza dari apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri. Apakah penjelasan?

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Jumlah RM350 tadi apa yang dicakapkan adalah *guaranteed minimum* iaitu kalau ada lima hari hujan, enam hari hujan, mereka tidak pergi kerja. Itu yang telah ditetapkan oleh pihak ladang tetapi, gaji mereka gaji yang dikira secara harian iaitu satu hari RM13.50 termasuk elaun-elaun yang ada. Kalau mereka hadir 30 hari atau 26 hari kerja atau kerja lebih daripada masa yang ditetapkan, ada pekerja-pekerja ladang yang boleh dapat sampai RM1,000, RM1,200, RM1,500, ada. Kalau mereka tidak hadir sepenuhnya, cuma kerja 25 hari atau 24 hari, maka pendapatan mereka akan kurang dan ini akan – itu yang kita nampak di dalam beberapa orang di mana gaji mereka kadang-kadang RM400, RM450, RM500 dan sebagainya. Ini ditetapkan melalui perbincangan dan persetujuan di antara majikan dan kesatuan yang mewakili mereka.

Oleh itu di dalam hal itu, kalau gaji itu tidak patut atau dinaikkan, masa mereka buat perjanjian bersama iaitu dua tahun sekali, isu itu akan dibangkit oleh pihak NUPW mewakili pekerja supaya ia lebih sesuai dengan apa yang ada pada masa sekarang. Pada masa sekarang pun contohnya, perjanjian bersama untuk mereka yang potong buah, menuai buah di dalam kilang kelapa sawit ada di dalam perbincangan.

■1840

Di dalam perbincangan itu tidak ada keputusan yang dicapai oleh kedua-dua pihak kerana apa yang dimohon oleh NUPW tidak disetujui oleh MAFA dan isu ini sudah di bawa kepada peringkat Mahkamah Perusahaan di dalam kementerian saya. Mahkamah akan memutuskan kadar yang sesuai dengan mengambil kira apa yang telah dibincangkan. Oleh itu, sistem ada di dalam kerajaan kita untuk memastikan perbincangan dan selepas itu membuat keputusan ke atas isu ini tetapi, pada suatu ketika kalau kerajaan membuat satu keputusan supaya satu gaji minimum ditetapkan untuk semua sektor di dalam negara kita termasuk sektor ladang, maka terpulanglah - itu akan memastikan bahawa semua sektor termasuk perladangan kena mengikut gaji minimum itu.

Pada masa sekarang untuk sektor perladangan gaji ditetapkan oleh apa yang telah disetujui di antara NUPW dan MAFA. Kita berharap semasa perbincangan mereka boleh mendapat dan mencapai satu kaedah untuk memberi gaji yang lebih tinggi untuk pekerja-pekerja di bidang perladangan. Okey.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: *[Bangun]*

Datuk Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram ingin tahu sama ada Kementerian Sumber Manusia akan meneruskan program-program latihan seperti *Train and Place* dan *Graduates Training Scheme.* Kementerian akan melaksanakan program...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Ahli Yang Berhormat minta laluan... *[Ketawa]*

Datuk Dr. S. Subramaniam: Okey.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perkara perladangan Yang Berhormat Menteri adalah satu perkara yang hampir lima puluh tahun perkara ini dibincangkan dan hingga sekarang satu generasi telah habis tetapi masih lagi perkara ini belum habis dan belum buat keputusan. Baru-baru ini saya dengar *maid* dari Indonesia kita bincang *minimum wages, security guard,* dengan izin, kita bincang *minimum wages* tetapi kaum ladang sudah lima puluh tahun isu *minimum wages,* dengan izin, belum lagi selesai. Saya sangat sedih perkara ini masih lagi berlanjutan dan sehingga ke hari ini belum lagi ada keputusan. Sempena ini, adakah bantuan-bantuan lain yang diberi kepada mereka? Ini kerana RM300 ke RM400 adalah *below hardcore poverty.* Jadi, adakah apa-apa bantuan lain yang diberi kepada mereka? Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau dibandingkan dengan sektor-sektor lain yang disebut itu, mereka semua tidak mempunyai kesatuan sekerja iaitu mereka tidak ada satu pertubuhan yang mewakili mereka sebagai pekerja. Oleh itu, institusi kesatuan pekerja perlu bincang dengan majikan untuk menetapkan gaji tidak ada di sektor-sektor yang lain yang disebut itu. Di sini kesatuan sekerja yang mewakili pekerja ladang ialah salah satu daripada yang paling bertuah di dalam negara kita. Sektor ini mewakili pekerja-pekerja dan sewajarnya apa yang telah ditetapkan oleh mereka mesti mewakili apa yang diharapkan oleh pekerja-pekerja kerana mereka menjadi wakil pekerja. Dalam isu ini oleh kerana mereka sudah menetapkan gaji, kerajaan pun menerima ini kerana ini adalah persetujuan di antara dua pihak iaitu majikan dan pekerja bahawa ini adalah gaji...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: *[Bangun]*

Datuk Dr. S. Subramaniam: Saya terima pandangan bahawa walaupun mereka sudah membuat persetujuan tetapi kadar yang telah disetujui itu boleh dikatakan masih rendah. Jikalau gaji mereka sebenarnya iaitu gaji selepas mendapat elaun dan semua itu masih di bawah lingkungan kemiskinan seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan, mereka layak untuk mendapat bantuan-bantuan lain di dalam sistem kerajaan kita. Saya tahu ada keluarga di mana mereka mempunyai pendapatan memang kurang. Kalau diambil semua itu, mereka layak untuk mendapat bantuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. *So,* bantuan ini memang disediakan.

Apa yang saya telah tegaskan tadi itu kita berharap bahawa pihak kesatuan mereka akan memainkan peranan yang lebih aktif untuk memastikan bahawa mereka mendapat gaji yang lebih munasabah sampai satu masa jikalau kerajaan menetapkan gaji untuk semua sektor pada masa itu memang mereka pun akan dipengaruhi apa yang telah ditetapkan oleh kerajaan tetapi, kalau dibandingkan kepada sektor-sektor yang lain di mana gaji cuma ditetapkan oleh harga pasaran bukan melalui perjanjian.

Dan perbincangan di bidang perladangan adalah lebih ruang dan peluang supaya gaji boleh dinaikkan. Akan tetapi ini terpulang kepada peranan yang di main oleh kesatuan sekerja untuk memastikan bahawa mereka diberi gaji yang lebih.

Apabila mereka tidak boleh setuju masa itulah kerajaan masuk sebagai orang tengah melalui Mahkamah Perusahaan untuk membuat satu ketetapan. Itu sistem yang ada tetapi semasa apa yang kita buat iaitu kajian untuk membuat keputusan adakah kita sedia untuk meletakkan satu gaji minimum untuk semua sektor? Kalau itu sudah berjaya, maka itu akan terpakai oleh semua sektor termasuk kawasan perladangan...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Akbar Ali: Ya, Datuk. Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Ini Yang Berhormat orang Melaka senegeri dengan saya. Soalan saya mudah sahaja Datuk. Ada dua berkaitan dengan ini. Saya memang setuju apa pandangan Datuk tadi bahawa apabila kita mengambil kira semua jenis bayaran, maka gaji yang minimum lebih kurang RM380 boleh meningkat sampai RM700 lebih *above poverty line,* dengan izin.

Cuma saya hendak menarik perhatian datuk sama ada Datuk *aware* atau tidak. Kalau mahukan nama syarikat saya boleh berikan. Tempoh bekerja mengikut *Trade Union Act* ialah lapan jam sehari. Akan tetapi ada syarikat yang seolah-olah memaksa mengambil lebih masa. Ia bukan suatu yang *voluntary.* Jadi, lebih masa ini sampai setiap hari mesti ambil empat jam maka jadilah dua belas jam. Kalau tidak buat lebih masa, maka pekerja ini akan jadi masalah. Itu satu, sama ada Datuk *aware* atau tidak. Jadi, ia bukan satu yang *voluntary* buat masa ini.

Keduanya, syarikat ini menyuruh pekerja bekerja dua belas jam sehari. Selama empat hari baru dapat dua hari cuti. Selepas itu, hari ketujuh sudah habis kerja. Ini bermakna bagi syarikat ini dia adalah enam hari seminggu bukan tujuh hari seminggu. Apa patut dibuat ke atas syarikat seperti ini? Terima kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya minta laluan sama Yang Berhormat. Sekali Yang Berhormat menjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

Soalan saya adalah suka atau tidak suka kita tahu pihak yang bekerja di estet-estet ini memang terlalu daif gaji mereka dan pada masa-masa yang tertentu mereka ini dimanipulasikan oleh majikan di estet. Sebentar tadi Yang Berhormat menjawab kepada soalan yang dibangkitkan oleh rakan saya di sebelah sana berkenaan dengan kesatuan sekerja. Kalau gaji yang dia dapat pada sebulan RM300 lebih dan hendak bayar duit menjadi ahli kesatuan pun dia perlu fikir lima belas kali oleh kerana lebih penting lagi kalau dia dapat membeli susu atau pun makanan kepada anak-anak dia, maka orang-orang ini adakah teraniaya dan tidak dibela kehidupan mereka, dan adakah pihak kementerian ada satu mekanisme untuk menyelaraskan keseluruhan tangga gaji pekerja-pekerja estet ini? Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Saya jawab yang berkenaan pihak ladang dahulu. Kalau di dalam sebuah ladang, ladang ini menjadi ahli MAFA.

Apa-apa keputusan yang dibuat di antara MAFA dan NUPW terpakai untuk semua pekerja mereka sama ada mereka menjadi ahli atau tidak menjadi ahli. Semua pekerja akan mendapat gaji yang sudah disetujukan. Cuma isu berbangkit di kebun-kebun kecil. Di kebun-kebun kecil kebanyakan mereka tidak jatuh di dalam apa yang telah diiktiraf sebagai satu ladang. Oleh itu, kebun-kebun kecil mereka mempunyai sistem penggajian berbeza. Ada sistem-sistem yang berlainan seperti kongsi keuntungan, ada yang dikira hasil daripada buah atau susu, dan sistem-sistem yang berlainan.

■1850

So, mereka tidak dipengaruhi apa yang telah ditetapkan di dalam perjanjian bersama. Saya memang menerima pandangan dan berkongsi pandangan bahawa di dalam bidang perladangan masih ada yang gaji mereka memang tidak memuaskan. Ada pelbagai sebab yang ada boleh menyumbangkan pada perkara ini, kerana sistem mereka ialah sistem yang diasaskan pada produktiviti iaitu kerja lebih kuat, mendapat pendapatan yang lebih banyak.

Oleh itu ada pekerja-pekerja asing yang di dalam ladang yang sama, mereka boleh mendapat sehingga RM1,800 atau RM1,900 kerana mereka sudi untuk bekerja selama 12 jam, 14 jam dan 15 jam.

Sistem itu memberikan peluang supaya kalau *you* sudi untuk bekerja lebih kuat, *you* dapat gaji yang lebih. Akan tetapi kalau mereka cuma bekerja untuk masa yang ditetapkan dan memang gaji mereka akan menjadi gaji yang rendah. *So,* itu isu yang ada di dalamnya. *So,* kalau kita mahu menaikkan gaji untuk memastikan semua pekerja khasnya mereka yang bekerja untuk cuma masa yang ditetapkan dan buat kerja yang minimum sahaja, boleh dapat satu pendapatan yang cukup untuk membiayai kehidupannya memang apa yang dibayar pada masa sekarang mesti naik.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi tentang syarikat yang membezakan masa dari 8 jam sehingga 12 jam. Gaji yang diberikan yang ditetapkan iaitu *basic salary* itu di dalam akta akan dikira gaji untuk lapan jam sehari sahaja. Walaupun demikian, kita membenarkan syarikat-syarikat untuk menentukan di dalam keadaan,kerana satu *shift* boleh ada 12 jam. Itu dibenarkan di dalam akta. *So,* mereka boleh bekerja untuk 12 jam di dalam satu *shift.* Akan tetapi tambahan masa empat jam itu mereka mesti dibayar sebagai *overtime. So,* mereka perlu dibayar *overtime.* Contohnya, pekerja-pekerja di dalam industri keselamatan. Mereka semua *shift* 12 jam. Ia dua *shift* sahaja. Satu pagi dan satu lagi malam, dua *shift.* Akan tetapi, lapan jam dikira sebagai *basic salary* dan lagi empat jam ialah *overtime.*

Itu sistem yang sepatutnya dipakai di dalam semua industri. Kalau ada mereka yang tidak memberikan *overtime,* dikira seperti itu, kes-kes ini boleh dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja dan kita boleh buat lawatan dan memastikan tindakan diambil ke atas syarikat-syarikat yang tidak mematuhi apa yang telah ditetapkan oleh akta. Oleh itu, tempoh 12 jam bekerja itu adalah satu perkara yang sudah... Akan tetapi mereka memohon kepada kementerian, kementerian beri kelulusan supaya mereka boleh mengadakan *shift* bekerja untuk 12 jam.

Meneruskan jawapan tentang latihan ini, kementerian akan melaksanakan program *train and place* pada masa akan datang sekiranya diberikan peruntukan kerana didapati program ini amat berkesan bagi menangani masalah pekerja yang diberhentikan, siswazah dan belia yang menganggur. Pada tahun 2009, kementerian telah melatih semula pekerja yang diberhentikan kerja, siswazah dan belia yang menganggur seramai 39,035 orang peserta. Mereka telah mengikuti kursus dalam 82 bidang dan 17 sektor. Daripada mereka ini lebih daripada 21,577 orang telah berjaya dibuat penempatan dan jumlah ini akan bertambah apabila program ini selesai dengan sepenuhnya.

Mengenai *Graduate Training Scheme,* pihak kementerian telah melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad atau pun PSMB melaksanakan program latihan graduan bagi melatih 1,500 orang graduan dengan peruntukan yang diberikan Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM15 juta. Program ini bertujuan meningkatkan kebolehan bekerja graduan dengan pelbagai kemahiran, nilai tambah seperti latihan ICT, kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan lain-lain *soft skills* seperti keterampilan diri dan sebagainya yang diperlukan dalam *high-end services*. Satu daripada syarat yang telah ditetapkan untuk latihan di dalam program ini ialah selesai sahaja latihan, mereka mesti diberikan jaminan untuk mendapat satu kerja yang akan memberikan pendapatan yang lebih munasabah kepada graduan-graduan di dalam negara kita. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop ingin tahu sama ada kementerian ada menjalankan kajian *brain drain* dan langkah mengatasinya bagi mencapai Model Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era globalisasi dan sebagai sebuah negara yang mengamalkan prinsip-prinsip kebebasan dan demokrasi rakyat diberikan kebebasan untuk memilih pekerjaan di dalam mahupun di luar negara. Kerajaan tidak menghalang mereka, isu berhijrah ke luar negara bukan hanya dihadapi oleh Malaysia bahkan oleh negara-negara maju yang lain. Kalau kita lihat nisbah pekerja-pekerja dari Malaysia yang keluar ke negara lain, dibandingkan dengan penduduk negara kita kerana keadaan di negara kita masih memuaskan kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain seperti New Zealand, United Kingdom, Singapura, Laos, Brunei, Kanada dan Filipina.

Kementerian tidak mempunyai data atau maklumat tepat mengenai bilangan rakyat Malaysia daripada golongan profesional yang berada di luar negara. Walau bagaimanapun, satu kajian oleh EPU sebagaimana yang dilaporkan oleh Lucas mendapati pada tahun 2000 sejumlah 785,000 orang yang berasal dari Malaysia telah menetap di luar negara iaitu daripada jumlah tersebut, 40 peratus menetap di Singapura, 32 peratus di negara-negara yang lain seperti Australia, Amerika Syarikat, UK, Kanada dan New Zealand dan 20 peratus di negara-negara di ASEAN. Dianggarkan sejumlah 350,000 orang daripada jumlah tersebut bekerja di luar negara. Kebanyakan mereka adalah pekerja mahir termasuk 30,000 orang sehingga 40,000 orang yang bekerja di Singapura.

Jumlah mereka yang menetap di lain-lain negeri berbeza. Beberapa langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini ialah:

(i) mewujudkan Model Ekonomi Baru seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang mana dengan pendapatan tinggi di Malaysia diharapkan akan menghalang rakyat Malaysia yang berkepakaran daripada bekerja di luar negara;

(ii) mewujudkan zon pembangunan wilayah seperti di Iskandar, di kawasan Utara, di Timur, di Sabah dan Sarawak bagi mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan kepada golongan pakar dan profesional tempatan di kawasan-kawasan mereka; dan

(iii) menggalakkan kebajikan tempatan memberikan pengiktirafan dan membayar gaji yang berpatutan dengan kelayakan, kepakaran mereka agar setanding dengan pakar luar negara...

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: *[Bangun]*

Datuk Dr. S. Subramaniam: Kementerian juga ingin menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab pelbagai pihak termasuk sektor swasta untuk mengurus dan menyediakan persekitaran yang kondusif. Ini bagi menarik dan mengekalkan orang yang cerdik pandai Malaysia yang berkemahiran supaya terus kekal menyumbang pada pembangunan negara.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Mohon mencelah Yang Berhormat Menteri?

Datuk Dr. S. Subramaniam: Kementerian juga sedang mengkaji semula inisiatif... Nanti Yang Berhormat. Yang lebih menarik untuk menarik semula rakyat Malaysia yang berkepakaran yang menetap di luar negara supaya kembali ke Malaysia.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu yang saya timbulkan mengenai *brain drain* ini, angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi agak besar, bilangan profesional kita yang keluar negara. Bagi saya ada dua kategori, pertama seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, golongan pertama tadi dia terus *migrate* ke Australia atau Kanada untuk terus menetap dan bekerja di sana. Sesetengahnya itu telah melepaskan taraf kewarganegaraan Malaysia dan mendapat PR.

Seterusnya golongan kedua ini ialah mereka yang memang keluar negara itu untuk bekerja, untuk mendapatkan gaji yang lebih. Akan tetapi, golongan ini pada pengamatan sayalah, pada akhirnya dia akan kembali semula. Dia akan kembali semula. Ada ramai pelajar-pelajar kita yang belajar di luar negara dan selepas belajar dia terus bekerja di UK dan sebagainya. Akan tetapi, kemudiannya selepas beberapa lama, setelah menimba pengalaman dan sebagainya, dia akan kembali juga ke negara kita.

■1900

Jadi yang saya ingin mencadangkan ialah golongan yang kedua tadi. Kementerian perlulah menarik mereka ini, menggalak mereka ini dengan cara yang sebaik mungkin.

Tadi telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dengan adanya peluang-peluang baru dalam Koridor Wilayah Iskandar dan sebagainya kemungkinan mereka ini akan kembali. Saya menaruh harapan dengan kementerian ini mempunyai data-datalah. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan tidak mempunyai data yang lengkap. Data-data yang boleh menarik mereka ini dengan lebih berkesan. Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Satu sebab contohnya kita ambil Singapura, di mana pekerja yang kebanyakan daripada Malaysia khasnya di Johor yang pilih kerja di Singapura ialah isu gaji. Isu gaji, di mana kalau mereka pergi ke Singapura mereka boleh dapat gaji lebih kurang tiga kali ganda daripada apa yang mereka akan dapat kalau mereka kerja di Malaysia. Isu ini ialah apa yang kita harap akan dapat satu penyelesaian melalui apa yang ditetapkan dalam Model Ekonomi Baru, iaitu dengan mewujudkan bidang-bidang yang diasaskan kepada pengetahuan dan kemahiran.

Kita boleh menambahkan lagi peluang-peluang pekerjaan yang akan memberi gaji yang lebih lumayan. Kalau kita boleh sampai ke tahap itu saya ingat kebanyakan yang pergi ke Singapura tidak akan pergi kerana itu ialah isu pokok mengapa mereka mencari kerja di situ seperti – bukan sahaja di Singapura, tetapi mereka pergi ke negara-negara di Asia Tenggara semua diasaskan oleh gaji. Kerajaan mempunyai beberapa langkah untuk menarik balik mereka yang sudah kerja lebih kurang 10 hingga 15 tahun di negara-negara luar supaya datang balik dengan memberi mereka peluang, contohnya membawa balik barang-barang mereka termasuk kereta tanpa di cukai.

Kalau mereka ada isteri daripada luar negara mereka akan diberi penduduk tetap selepas masuk sahaja. Begitu juga beberapa langkah diberi supaya mereka diberi galakan supaya datang balik. Proses ini akan berterusan dengan tujuan yang sama untuk memastikan seperti:

(i) bilangan mereka yang akan berhijrah ke negeri-negeri yang lain untuk mendapat kerja ini akan kurang; dan

(ii) kita akan menarik balik dengan satu pembangunan yang lebih mesra dan lebih sesuai dengan harapan mereka di dalam negara kita supaya mereka yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang tinggi boleh datang balik ke Malaysia dan dapat kerja yang diharapkan oleh mereka dengan gaji yang mereka harap.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kamarudin bin Ambok, Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui, Yang Berhormat Senator Puan Usha Nandini a/p S. Jayaram dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat, pada keseluruhannya menyentuh tentang keperluan latihan bagi menghasilkan sumber tenaga kerja yang berkualiti bagi pasaran tempatan dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah mewujudkan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 dan Pelan Induk Latihan dan Pembangunan Kemahiran Pekerja Malaysia 2008 hingga tahun 2020 bagi menentukan hala tuju dan membangunkan tenaga kerja yang berkualiti, mencukupi serta berdaya saing menjelang tahun 2020. Pelan induk ini telah menggariskan beberapa strategi bagi memaksimumkan pembangunan modal insan seperti memperluaskan pelaksanaan program latihan kemahiran, membangunkan program latihan tahap tinggi bagi memenuhi keperluan semua sektor industri melalui pembangunan *National Occupation Skills Standard* serta memperluaskan akses dan peluang individu bagi mendapatkan latihan dan kelayakan kemahiran.

Pusat-pusat latihan kini dikehendaki beralih ke pendekatan latihan berasaskan industri atau *industry base* atau *industry driven training* dan melibatkan komponen praktikal industri supaya dapat memenuhi keperluan sebenar pasaran pekerjaan. Di samping itu bagi memastikan tenaga mahir yang dikeluarkan oleh institut latihan, memiliki sijil yang setanding dengan kelayakan di luar negara. Kementerian sedang menanda aras NOSH dan sistem Persijilan Kemahiran Malaysia dengan standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran memainkan...

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Pohon penjelasan.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Okey.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri apakah benar sesetengah kursus kemahiran JPK tidak mendapat pembiayaan dalam bentuk pinjaman pendidikan dan terdapat keluhan di kalangan penyelia latihan bahawa mengikut Tabung Pembangunan Kemahiran, tiada kuota bagi bulan April dan Jun. Ini bukan sahaja bagi pengambilan pelajar-pelajar yang baru akan tetapi juga pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang selanjutnya. Terima kasih.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Tabung Pembangunan Kemahiran telah memberi pinjaman yang banyak tetapi, pada masa sekarang tunggakan bayaran. Ini ialah pinjaman. Tunggakan bayaran lebih kurang RM450 juta tidak dibayar balik. Ini adalah masalah yang dihadapi oleh kerajaan di dalam beberapa jenis pinjaman yang telah diwujudkan oleh kerajaan dengan tujuan dan niat yang baik untuk memberi satu bantuan di dalam satu-satu bidang termasuk PTPTN dan sebagainya.

Kalau ada budaya bayar balik di dalam kalangan mereka yang pinjam duit ini, senang untuk memberi bantuan kepada mereka bila diperlukan. *So*, apa yang sudah jadi pada masa sekarang khususnya kepada tabung peminjam-peminjam kemahiran sudah jadi *one way track,* iaitu keluar sahaja tanpa dapat balik. Itu sebab untuk menjayakannya sebagai satu tabung pusingan ini, tiap-tiap tahun kerajaan kena memberi peruntukan tambahan.

Memang kerana isu krisis ekonomi pada tahun yang lalu, pada tahun ini kita tidak mendapat peruntukan yang mencukupi untuk dibayar walaupun kita sedang berusaha untuk pungut balik lebih daripada apa yang masih tunggakan supaya boleh bantu agensi-agensi atau penyedia-penyedia latihan untuk terus dengan program mereka. Baru-baru ini saya telah minta supaya penyedia-penyedia latihan memainkan peranan yang lebih aktif, untuk bantu kementerian untuk pungut balik apa yang diberi. Masa mereka minta kuota mereka pun mempunyai tanggungjawab untuk memastikan mereka yang dapat bantuan daripada kerajaan ini akan memberi tanggungjawab supaya ini dibayar balik.

Ada institusi-institusi yang tidak bertanggungjawab. Kadang-kadang buat iklan bahawa ada kursus percuma yang dibuat oleh mereka. Manakala mereka sebenarnya menggunakan pinjaman. *So*, ini memberi pandangan yang berbeza kepada pelatih-pelatih mereka dan pelatih-pelatih selepas habis latihan sahaja mereka tidak mempunyai satu sikap untuk bayar balik apa yang ada. Oleh itu, kalau institusi-institusi lebih bertanggungjawab, dan pelatih-pelatih pun lebih bertanggungjawab memang tabung ini akan berjaya untuk mencapai apa yang telah ditetapkan itu. Kita telah mohon untuk peruntukan tambahan. Kalau diberi oleh Kementerian Kewangan pada bila-bila masa tahun ini, kita akan teruskan dengan program yang telah ditetapkan pada masa dahulu. Dan...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat Menteri izinkan saya mencelah.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Ya, ya.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih. Terima kasih di atas jawapan kepada perbahasan saya tempoh hari. Saya merasakan bahawa *labour force,* dengan izin, yang ada di dalam negara kita ini betul-betul berkelayakan untuk memberi perkhidmatan yang baik ataupun tidak. Ini kerana macam yang saya membahaskan dalam ucapan saya itu di merata-rata tempatlah kita lihat pekerja-pekerja asing ini ada. Kalau kita pergi untuk membeli perabot dikuasai oleh pekerja-pekerja asing. Kalau kita pergi ke restoran-restoran kita berjumpa dengan, *first approach* kita dengan pekerja-pekerja asing. Sebagai contoh tengah hari tadi saya pergi ke satu hotel, Dynasty Hotel. Jumpa hendak minta *order* pekerja datang dari Indonesia, perempuan. Kita pergi hendak beli perabot jumpa dengan orang-orang Bangladesh, kita pergi *order* di restoran kita jumpa dengan orang-orang Bangladesh.

Yang membimbangkan saya kita punya *labor force* ini adakah betul-betul mahir ataupun sengaja majikan-majikan ini tidak mahu mengambil pekerja-pekerja seperti ini.

Ataupun, di manakah silapnya yang saya katakan tadi mungkin daripada asal, daripada sekolah lagi kita sudah menghadapi masalah-masalah pendidikan kita yang tidak betul sehingga tidak ada yang mahu bekerja di dalam industri-industri kita ini. Saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

■1910

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat, saya ingat kesilapan berlaku di dalam semua peringkat. Di dalam kalangan pekerja-pekerja negara kita khasnya kategori yang di bawah iaitu yang memerlukan kerja-kerja kasar, kerja-kerja di bidang-bidang tertentu seperti pembinaan dan perladangan, memang ada isu. Kita tidak berjaya menarik secukupnya pekerja-pekerja tempatan untuk bekerja di dalam bidang-bidang tersebut. Oleh itu di dalam bidang-bidang itu, sememangnya kerajaan tidak mempunyai pilihan lain tetapi untuk memberi kelulusan bagi mereka yang memohon untuk membawa pekerja-pekerja daripada negara-negara yang lain.

Terdapat isu sikap yang kita diberitahu oleh majikan di Malaysia tentang pekerja-pekerja di mana ada yang datang untuk dua hari, selepas itu tidak datang, kemudian datang tiga hari dan selepas itu tidak datang dan ini mewujudkan pelbagai jenis masalah kepada mereka, kerana seseorang majikan mereka sudah ada satu perniagaan, mereka harap pekerja mereka akan datang pada masa yang ditetapkan, kerja untuk masa yang ditetapkan. Kalau secara berterusan mereka menghadapi oleh masalah-masalah seperti yang diberikan oleh pekerja-pekerja memang mencari jalan yang lain, tetapi di sebaliknya pada pihak majikan pun ada kesilapan juga kerana kadang-kadang apa yang diharapkan oleh majikan daripada pekerja ialah satu perkara yang luar biasa.

Contohnya mereka berharap majikan ada di dalam kawasan mereka untuk tempoh 12 jam, ada yang berharap mereka akan tidur di tempat majikan, tidak boleh mengambil cuti dan sebagainya. Ini kerana mereka tidak membuat perbezaan di antara pekerja asing dan pekerja tempatan, kerana pekerja tempatan mereka mempunyai keluarga, mereka mempunyai satu kehidupan sosial dan mereka memerlukan satu kehidupan yang biasa. Manakala bagi pekerja asing, dia boleh duduk di satu tempat, 12 jam pun boleh kerana mereka tidak mempunyai apa-apa keperluan atau tanggungjawab di luar pekerjaan mereka di dalam negara ini.

Oleh itu majikan sudah anggap itu yang sepatutnya dibuat oleh pekerja tempatan seperti mereka mengharapkan itu daripada pekerja tempatan, memang itu tidak berlaku. Jadi ini pun ada sikap mesti kita memerlukan pemindaan sikap di dalam semua pihak khasnya majikan kena mengubah sikap agar dapat menyesuaikan prasarana dan keadaan pekerjaan itu dengan harapan pekerja-pekerja tempatan dan pada masa yang sama pekerja-pekerja di dalam negara kita kena lebih jadi bertanggungjawab, mempunyai budaya kerja dan etika kerja yang lebih baik dan mereka menghormati satu peluang pekerjaan akan membuat kerja seperi yang diharapkan. Kalau pemindahan ini boleh...

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Minta laluan...

Datuk Dr. S. Subramaniam: Pemindahan ini boleh berlaku, di dalam kedua-dua pihak maka kita mungkin boleh selesaikan masalah yang dihadapi pada masa sekarang.

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai perkara pindaan sikap, anjakan perubahan sikap seperti Yang Berhormat Menteri sebutkan itu. Boleh kah Dewan ini dimaklumkan, rancangan yang teratur, komprehensif dan sistematik yang dirangka oleh kementerian dalam usaha merubah sikap semua Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi itu.

Datuk Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Pada masa sekarang, kita di dalam program-program latihan yang disediakan oleh kerajaan atau kerajaan iaitu oleh kementerian yang diselaraskan oleh kementerian iaitu semua latihan kemahiran yang dibuat bukan sahaja oleh Kementerian Sumber Manusia tetapi semua agensi kerajaan yang lain dan mereka yang membuat latihan di dalam sekotor swasta.

Kita telah memberi penegasan bahawa di dalam kurikulum, iaitu kokurikulum mereka selain daripada memberi latihan di dalam tahap *skills* yang berkenaan dengan kemahiran yang telah dibuat, mereka mesti mempunyai skop supaya mereka diberi latihan dalam dengan izin, *soft skills* dan isu-isu berkenaan bagaimana mereka boleh mempunyai budaya yang lebih positif tentang pekerjaan itu.

Itu kita sedang merangka supaya ini menjadi sebahagian daripada latihan yang diberikan dan kita juga telah berbincang dengan Kementerian Pelajaran, di dalam kurikulum dalam Kementerian Pelajaran isu ini dibangkitkan dan menjadi satu daripada kurikulum di dalam Kementerian Pelajaran supaya budaya bertanggungjawab di dalam bidang pekerjaan boleh diberi sebagai satu pelajaran di dalam kurikulum pekerjaan kita sahaja.

Dengan langkah-langkah ini, saya berharap memberi satu kesan untuk memindahkan pandangan pekerja-pekerja. Manakala bagi majikan kita sedang berbincang dengan pihak majikan semasa mereka memohon untuk mendapatkan pekerja-pekerja asing, keperluan mereka untuk membuat pemindaan kepada persekitaran prasarana dan cara mereka menggunakan tenaga kerja. Manakala tentang jumlah jam untuk mereka bekerja, keperluan-keperluan yang diberikan kepada mereka dan isu-isu telah menegaskan semasa mereka datang untuk memohon untuk pekerja asing supaya perubahan boleh dilakukan di kalangan majikan.

Kita berharap melalui langkah-langkah ini, kedua-dua pihak akan menghadapi satu perubahan yang diharapkan oleh kerajaan dan kita boleh mendapatkan penyelesaian daripada isu ini. Saya juga mempunyai pandangan bahawa kalau gaji yang diberikan kepada mereka akan dinaikkan, ini pun akan menyumbangkan kepada satu perubahan di dalam sikap pekerja-pekerja kerana apabila gaji lebih baik, mungkin mereka tidak akan cari kerja-kerja di beberapa tempat dan tidak akan kekal pada satu kerja sahaja dan tidak melompat daripada satu tempat ke satu tempat yang lain.

Oleh sebab itu ada pelbagai cara untuk menghadapi isu ini yang *complicated*, yang memerlukan sokongan dan kerjasama di antara pelbagai jenis agensi, tetapi kita berharap melalui kerjasama yang dibuat pada masa sekarang kita dapat menyelesaikannya dalam jangka masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta kerajaan meneliti semula dasar pengambilan pekerja asing bagi memastikan sumber tenaga kerja tempatan dapat menggantikan pekerja asing terutamanya di pasar raya dan stesen minyak, dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan juga membangkitkan *ASEAN agreement for save services* dan meminta supaya perlindungan diberikan kepada pekerja tempatan untuk mendapatkan pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan mengutamakan pekerja tempatan dan di mana pekerja tempatan tidak dapat memenuhinya untuk masa tertentu, kerajaan membenarkan kemasukan pekerja asing. Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengehadkan pekerja asing dalam sektor-sektor tertentu dan bagi jawatan-jawatan yang tidak diminati oleh rakyat tempatan. Bagi sektor perkhidmatan ia dibekukan kecuali bagi subsektor restoran iaitu untuk tukang masak sahaja, pembersihan dan pencucian di samping memberi kebenaran pengambilan pekerja asing untuk bekerja di pulau-pulau peranginan. Kerajaan tidak membenarkan pekerja asing untuk bekerja sebagai barisan hadapan atau *front liners* sekali gus memberi ruang kepada rakyat tempatan untuk mengisi jawatan tersebut.

Sehubungan dengan itu, pekerja asing tidak dibenarkan untuk bekerja di stesen minyak dan pasar raya selaras dengan keputusan kerajaan tersebut. Walau bagaimanapun pada masa ini masih terdapat pekerja asing yang bekerja di tempat-tempat itu disebabkan kelulusan kemasukan mereka adalah sebelum dasar tidak membenarkan kemasukan pekerja asing di subsektor tersebut dikuatkuasakan mulai Julai 2008.

Perjanjian rangka kerja ASEAN mengenai perkhidmatan atau AFAS bertujuan untuk membangunkan sektor perkhidmatan dan memberi peluang kepada penyedia-penyedia perkhidmatan tempatan mengembangkan perniagaan di negara-negara ASEAN.

Ini adalah selaras dengan pembentukan *ASEAN Economic Committee* menjelang 2015 di mana-mana negara ASEAN perlu membuka pasaran pekerjaan di bawah *movement of natural person* profesional dan bukan profesional.

Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaan, golongan para profesional dari kalangan anggota ASEAN yang ingin bekerja di Malaysia perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh badan-badan profesional di Malaysia. Bagi pekerja-pekerja bukan profesional, kemahiran dan separa kemahiran ASEAN sedang membangunkan *Mutual Recognition Arrangement* (MRA) yang boleh diterima pakai oleh semua negara ASEAN.

■1920

Bagi Malaysia, kementerian telah mensyaratkan supaya standard kemahiran mestilah berasaskan kepada *National Occupation Skill Standards* (NOSS) bagi memastikan hanya pekerja ASEAN betul-betul mahir dan memahami sistem kerja di negara dibenarkan bekerja di negara ini. Pelaksanaan akan dibuat secara berperingkat bergantung pada kesediaan setiap negara ASEAN untuk memberikan komitmen masing-masing.

Pada kesimpulannya, untuk meneliti semua dasar pengambilan pekerja asing, kerajaan baru-baru ini telah mewujudkan satu makmal atau *lab* untuk membincangkan secara terperinci pendekatan holistik kerajaan dalam menangani keperluan guna tenaga di negara ini. Hasil daripada perbincangan tersebut, kerajaan mengharap akan dapat menentukan keperluan sebenar guna tenaga asing dan mengenal pasti sektor-sektor yang memerlukan pekerja asing dan memperbaiki lagi sistem pengurusan penggajian pekerja asing di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini dan tidak sempat saya menjawabnya dalam masa yang singkat ini, saya amat menghargai pandangan, cadangan, komen dan teguran yang membina tersebut dan kementerian saya akan menyusuli perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Diminta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk menjawab.

7.22 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada enam orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa perbahasan Titah Diraja pada 26 hingga 28 April 2010. Sebanyak lima isu utama mengenai kementerian ini telah disentuh iaitu industri halal, daya saing, IKS, DDI dan FTA ASEAN-China.

Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed telah membangkitkan beberapa perkara mengenai industri halal negara dan peranan HDC. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha kerajaan untuk memperkembangkan industri halal negara, 11 strategi khusus mengenai industri halal telah dikenal pasti seperti yang dihuraikan dalam Pelan Induk Perindustrian 3 (NIP3) iaitu:

(i) mempromosi Malaysia sebagai Pusat Produk dan Perkhidmatan Halal;

(ii) pembangunan Taman Halal yang Bersepadu;

(iii) mengukuhkan keupayaan dan meningkatkan penyelarasan di antara agensi yang terlibat dalam pembangunan dan promosi industri;

(iv) meningkatkan R&D dalam pembangunan produk dan proses halal serta menggunakan kelebihan pembangunan teknologi terkini bagi meningkatkan kepelbagaian produk halal;

(v) mengukuhkan keupayaan institusi organisasi yang terlibat dalam pembangunan dan promosi produk dan perkhidmatan halal;

(vi) mengguna dan memanfaatkan standard halal Malaysia untuk membezakan produk halal Malaysia;

(vii) membangunkan perkhidmatan yang mematuhi standard halal; dan

(viii) mengharmonikan proses pensijilan halal.

Kerajaan tidak mempunyai sasaran yang khusus bagi melahirkan usahawan bumiputera dalam industri halal. Walau bagaimanapun, kerajaan ada mempunyai sasaran untuk mewujudkan seramai 800 usahawan bumiputera yang baru serta 120 usahawan sedia ada yang dipertingkatkan keupayaan setahun. Sasaran ini merangkumi usahawan yang melibatkan diri dalam pengeluaran produk halal.

Kerajaan telah mewujudkan Pelan Induk Industri Halal untuk tempoh 2008 hingga 2020 dengan menggariskan arah tuju pembangunan industri halal Malaysia. Pelan ini telah diluluskan oleh kerajaan pada Mei 2008. Pelaksanaan pelan induk ini masih di peringkat fasa satu iaitu bagi tempoh 2008 hingga 2010 iaitu menjadikan Malaysia sebagai pusat global dalam integriti halal dan menyediakan pertumbuhan industri.

Dalam usaha untuk membangunkan industri makanan serta produk halal tempatan untuk bersaing di pasaran global, HDC bekerjasama dan menyertai program-program anjuran MITI dan agensinya seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Antara program-program yang akan dijalankan dan disertai oleh HDC bagi mempromosi dan memajukan industri halal negara termasuklah penganjuran Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) oleh MATRADE pada 23 hingga 27 Jun 2010 di *MATRADE Exhibition and Convention C*entre (MACC) Kuala Lumpur dan Persidangan Penyelidikan Halal Dunia atau *World Halal Research Summit,* dengan izin, pada 23 hingga 25 Jun 2010 oleh HDC di *Kuala Lumpur Convention Center*, Kuala Lumpur sebagai acara tahunan. Penyertaan di pameran perdagangan di luar negara di antaranya:

(i) pameran Makanan Gulf, Dubai;

(ii) pameran FOODEX, Japan;

(iii) pameran *Wuzhong (Ningxia) International Halal Food/Muslim Comodities Festival dan Ningxia Investment and Trade Fair di China;*

(iv) pameran *Anuga Cologne, Germany*; dan

(v) *the 2009 First China Yiwu Halal Product Exhibition* di China.

Selain itu, menerbitkan bahan-bahan penerbitan seperti direktori pengeluar produk-produk halal Malaysia dan direktori pengeksport produk halal Malaysia dan menyediakan program intensif halal yang komprehensif iaitu:

(i) latihan kesedaran halal;

(ii) latihan industri halal; dan

(iii) latihan profesional halal untuk usahawan IKS.

Buat masa ini HDC memiliki pangkalan data atau *database* senarai pengeluar produk halal yang telah diberikan sijil halal oleh JAKIM. Pencarian maklumat boleh dibuat melalui laman web direktori halal HDC dan juga JAKIM. HDC telah mewujudkan pusat rujukan halal global untuk mengumpul dan bertukar maklumat berkaitan halal secara *online*.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed juga telah membangkitkan mengenai peruntukan sebanyak RM15.05 juta yang diberikan kepada SME Corp. bagi membantu pembangunan usahawan IKS halal yang mana jumlah tersebut adalah terlalu kecil.

Untuk makluman Yang Berhormat, SME Corp. Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM19.18 juta bagi melaksanakan Skim Geran Bersamaan untuk pembangunan dan promosi produk halal. Skim ini menyediakan bantuan dalam bentuk geran bersamaan 50 peratus bagi membantu PKS membiayai pembangunan produk halal dan menjalankan aktiviti promosi untuk produk halal.

Sehingga kini, sejumlah RM19.2 juta telah pun diluluskan oleh SME Corp. di bawah skim ini di mana 342 IKS telah dibantu untuk membangun dan mempromosikan produk halal serta 438 pekerja IKS juga telah diberi latihan yang berkaitan dalam industri ini. Bagi meneruskan kesinambungan bantuan ini, SME Corp. melalui MITI sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan bagi program ini dan permohonan peruntukan ini telah dibuat di bawah RMK10.

Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali telah menyatakan bahawa Malaysia masih tidak cukup maju untuk bersaing dengan negara-negara lain dan masih bergantung kepada buruh asing serta berada di tahap *middle income economy* dengan memberikan maklumat berikut:

(i) jurang di antara pelaburan awam dan pelaburan swasta yang besar;

(ii) pelaburan yang keluar dari Malaysia adalah lebih tinggi daripada pelaburan yang masuk ke dalam negara;

(iii) pelaburan dalam sektor pembuatan dan perkilangan yang semakin menurun; dan

(iv) kadar nilai simpanan dan perbelanjaan yang tidak seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa melaksanakan strategi-strategi bagi menarik pelaburan dan kini melipat gandakan usaha untuk memastikan pelaburan berkualiti terus mengalir masuk ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Dasar kerajaan sekarang adalah tidak lagi menggalakkan pelaburan yang berintensif kan buruh tetapi memfokuskan kepada pelaburan berteknologi tinggi, berintensif modal, dan bernilai tambah tinggi.

■1930

Sehubungan itu kementerian ini telah memperkenalkan pendekatan berfokus ataupun *targeted approach,* dengan izin, bagi menggalakkan kemasukan pelaburan bagi menarik syarikat-syarikat terkemuka khususnya dalam sektor-sektor berteknologi tinggi untuk melabur di Malaysia. Fokus baru dalam menarik pelaburan ini adalah selaras dengan Model Ekonomi Baru yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berteraskan kepada inovasi, kreativiti dan sumber-sumber pertumbuhan yang bernilai tinggi atau *high value source of growth,* dengan izin.

Model ini bertujuan mengalihkan kebergantungan negara daripada sektor perkilangan yang mengambil tenaga buruh tidak mahir dan separuh mahir kepada tenaga buruh mahir dan berpendapatan tinggi di sektor perkilangan berteknologi tinggi dan sektor perkhidmatan yang moden. MEB ini akan menumpukan kepada penjanaan pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh pelaburan swasta tempatan, peningkatan aktiviti penyelidikan dan memperkasa perusahaan *enterprise* kecil dan sederhana.

Bagi mengurangkan jurang perbezaan di antara pelaburan awam dan swasta, beberapa inisiatif-inisiatif tambahan yang akan dilaksanakan untuk meningkatkan penyertaan pelaburan swasta tempatan di dalam ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, pelaburan langsung Malaysia ke luar negara pada tahun 2007 adalah sebanyak RM38.2 bilion dan telah meningkat kepada RM50.2 bilion pada tahun 2008.

Walau bagaimanapun bermula pada bulan Januari sehingga September 2009, pelaburan langsung Malaysia ke luar negara telah menurun dengan jumlah pelaburan sebanyak RM21.8 bilion disebabkan oleh krisis ekonomi dunia. Pelaburan langsung Malaysia ke luar negara melibatkan sektor perlombongan dan galian, *intermediacy* kewangan, perkhidmatan dan pertanian.

Kerajaan terus melaksanakan beberapa langkah dan inisiatif baru bagi menggalakkan kemasukan pelaburan serta meningkatkan imej Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang terpilih seperti berikut:

(i) menganjurkan misi pasukan promosi khas atau *strike force* dengan izin ke negara-negara terpilih bagi berunding dan membuat tawaran insentif istimewa kepada syarikat-syarikat sasaran yang bercadang untuk melabur di Malaysia;

(ii) meliberalisasikan 27 sub-sektor di bawah sektor perkhidmatan mulai April 2009;

(iii) memansuhkan Garis Panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing pada 30 Jun 2009 untuk mewujudkan pelaburan yang kondusif bagi menarik lebih banyak pelaburan ke Malaysia;

(iv) menganjurkan promosi perdagangan di Malaysia iaitu Pameran Perdagangan Antarabangsa (Intrade), 9 hingga 11 November 2010 dan MIHAS;

(v) menganjurkan beberapa persidangan antarabangsa seperti *World Chambers Congress 2009*, dan *Forbes Global CEO Conference 2009* dan 2011 yang telah dan akan memberikan pendedahan kepada syarikat MNC asing yang menghadiri persidangan tentang iklim pelaburan di Malaysia;

(vi) menggalakkan CEO asing untuk melawat Malaysia bagi menghadiri acara antarabangsa dan terus membiasakan mereka dengan persekitaran dan potensi pelaburan yang terdapat di Malaysia;

(vii) beberapa CEO yang berpotensi dari India, China, dan Asia Barat telah menghadiri *Formula One Grand Prix 2010* yang berlangsung dari 2 hingga 4 April 2010, di mana beberapa program berkaitan pelaburan dan pelancongan telah diatur semasa lawatan CEO tersebut ke Malaysia; dan

(viii) menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dengan meningkatkan lagi kecekapan jentera kerajaan di semua peringkat supaya para pelabur boleh mendapatkan kelulusan-kelulusan berkaitan dalam tempoh yang singkat.

Selain itu Yang Berhormat Menteri MITI juga telah menyertai misi perdagangan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke India pada bulan Januari 2010, di mana jumlah jangkaan FDI yang akan dilabur kementerian adalah sebanyak RM3.5 bilion dalam dua fasa iaitu RM1.1 bilion dari 2010 hingga 2012 dan RM2.4 dari 2015 hingga 2017.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam a/l Muthukumaru memohon kerajaan menganalisa punca penurunan pelaburan langsung domestik atau DDI...

Datuk Akbar Ali: Mohon mencelah Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Akbar Ali: Tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas kejayaan MITI khusus MIDA di dalam menarik pelaburan. Cuma untuk orang kata menaikkan lagi nama MITI dan nama MIDA, mungkin Yang Berhormat boleh maklumkan kepada Dewan yang mulia ini berdasarkan pelaburan yang telah diluluskan itu yang dikatakan *targeted approach* hari itu dengan izin, agak-agak berapakah sumbangannya nanti kepada GDP negara apabila ia sudah – dari segi potensinya? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Akbar Ali atas soalan tersebut.

Antara *targeted approach* yang kita laksanakan melalui MIDA ialah contohnya seperti industri pembuatan panel solar di mana selain daripada *First Solar* di *Kulim High Tech*, kemudiannya Q-Cells di *Selangor Science Park 2*, dan juga *Sun Power* di Melaka. Kita memberi galakan kepada mereka untuk membuat pelaburan tambahan sejak mereka mulai beroperasi di dalam negara dengan contoh *First Solar*, pelaburan tambahannya bernilai lebih RM1 bilion dan kita tahu bahawa ianya sudah tentu akan menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan GDP kita.

Saya tidak mempunyai angka-angka yang lebih terperinci lebih daripada itu tetapi contoh itu adalah supaya memberi gambaran bahawa *targeted approach* yang telah dilaksanakan oleh MIDA dan MITI ini benar-benar memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi negara kita.

Yang Berhormat Senator Malasingam a/l Muthukamaru memohon kerajaan menganalisa punca Penurunan Pelaburan Langsung Domestik (DDI). Untuk makluman Yang Berhormat Pelaburan Langsung Domestik atau DDI yang diluluskan dalam sektor perkilangan perkhidmatan perkilangan pada tahun 2008 adalah RM16.7 bilion. Bagi tahun 2009 pula, DDI yang diluluskan adalah bernilai RM10.5 bilion. Bagi tahun 2010 kerajaan telah mengambil pendekatan bagi memantapkan lagi strategi untuk meningkatkan pelaburan domestik di Malaysia.

Antara langkah-langkah yang diambil adalah, mengadakan perbincangan yang lebih kerap dengan syarikat-syarikat tempatan yang disasarkan ataupun *targeted companies* dengan izin, serta syarikat-syarikat yang berpotensi. Satu pertemuan telah diadakan pada bulan Disember 2009 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dengan pelaburan tempatan. Sebagai tindakan susulan pula Yang Berhormat Menteri MITI juga telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan ahli-ahli korporat tempatan pada Disember 2009.

Manakala pertemuan dan perbincangan dengan syarikat milik kerajaan atau GLC dan syarikat tempatan pula telah diadakan baru-baru ini pada 28 hari bulan April 2010, bersama dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Kewangan. MITI telah menjalinkan usaha sama dengan pihak Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti bagi mengenal pasti syarikat tempatan yang layak untuk disenaraikan di papan Bursa sekali gus menjadikan syarikat tempatan berdaya saing serta berdaya maju.

Menjalankan aktiviti turun padang di mana Yang Berhormat Menteri sendiri melawat syarikat-syarikat yang telah membuat pelaburan di Malaysia bagi menggalakkan pelaburan tambahan dibuat di Malaysia. Bantuan kewangan sebanyak RM350 juta bagi menggalakkan pertumbuhan PKS seperti diumumkan dalam Bajet 2010.

Memastikan ketelusan dasar-dasar kerajaan, peraturan dan prosedur pentadbiran yang berhubung kait dengan keputusan membuat pelaburan dan memastikan sistem penyampaian yang efisien termasuk kualiti perkhidmatan yang ditawarkan yang bersifat memudah cara dan pantas.

■1940

Dengan usaha-usaha ini kerajaan menjangka akan dapat mencapai sasaran nisbah pelaburan domestik berbanding FDI sebanyak pada nisbah 50. Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor membangkitkan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan kemasukan pelaburan asing bagi meningkatkan daya saing IKS terutamanya IKS luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan terus melaksanakan beberapa langkah dan inisiatif baru bagi menggalakkan kemasukan pelaburan asing serta membantu menjadikan pihak IKS tempatan berdaya saing seperti berikut:

(i) menggalakkan syarikat IKS menjalinkan usaha sama dengan syarikat luar negara dengan memperkukuhkan program rangkaian perindustrian atau *industrial linkage program,* dengan izin; dan

(ii) menyediakan insentif bagi meningkatkan keupayaan dan daya saing PKS contohnya, dengan meluluskan bantuan kewangan sebanyak RM350 juta dalam Bajet 2010.

Program-program keusahawanan yang dijalankan oleh MITI adalah terbuka untuk para IKS di luar bandar seperti program pameran 'Satu Daerah, Satu Industri' (SDSI), kursus-kursus keusahawanan di bawah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Program Peningkatan Kualiti Produk atau *Groom Big* serta program promosi dan pemasaran seperti pusat pengumpulan dan pemasaran produk usahawan (4PU).

Bagi tahun 2010, pelbagai program telah dirancang untuk dilaksanakan oleh beberapa kementerian dan agensi bagi tujuan mempertingkatkan pembangunan PKS di luar bandar. Ini termasuk Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Kewangan, Kementerian Pelancongan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah dan Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak serta FELDA. Sebanyak 95 program dirancang khusus bagi tujuan ini dengan komitmen kewangan sebanyak RM500 juta. Sebanyak 78 peratus daripada program yang dirancang adalah bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan PKS. Manakala 12 peratus adalah untuk mengukuhkan infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS manakala selebihnya bertujuan untuk meningkatkan pembiayaan kepada PKS.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim menyuarakan kebimbangan beliau terhadap lambakan barangan dari negara China yang lebih murah yang disebabkan oleh pengecualian duti import melalui Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China. Beliau juga menekankan bahawa situasi ini boleh membantutkan perkembangan PKS negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa terdapat industri tempatan di negara-negara terbabit merasai impak ACFTA ataupun Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China.

Namun demikian, bagi Malaysia perdagangan dua hala di antara Malaysia dan China menunjukkan keuntungan bagi Malaysia dari segi eksport ke China. Pada tahun 2009, perdagangan dua hala Malaysia dan China telah mencatatkan jumlah dagangan sebanyak USD36.3 bilion dengan lebihan dagangan sebanyak USD1.9 bilion dari segi eksport Malaysia ke China. China merupakan rakan dagangan utama Malaysia, destinasi eksport kedua terbesar serta sumber import terbesar bagi Malaysia. Tidak boleh dinafikan bahawa negara China merupakan sebuah negara yang penting dalam menjalinkan hubungan perdagangan.

Kerajaan sentiasa prihatin terhadap segala kebimbangan yang telah disuarakan oleh persatuan-persatuan, dewan-dewan perniagaan serta pelbagai pihak mengenai impak ACFTA. Pemantauan terhadap impak FTA dan pengambilan langkah-langkah yang bersesuaian untuk memastikan industri tempatan dapat bersaing dengan China turut sentiasa dikaji oleh kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan. Pada masa yang sama kerajaan juga memastikan produk-produk yang diimport mematuhi aspek standard kesihatan, keselamatan, *sanitary* dan *phytosanitary* (SPS).

Di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China produk-produk yang diimport ke Malaysia harus memenuhi elemen-elemen di atas seperti yang termaktub di dalam perjanjian tersebut dan juga peraturan syarat tempat asal ataupun *rules of origin,* dengan izin. Bagi produk-produk yang tidak mematuhi elemen-elemen keselamatan, kesihatan standard dan SPS, barang-barang tersebut tidak akan dibenarkan masuk ke Malaysia. Jika barang-barang tersebut dibawa masuk secara haram barang-barang tersebut akan dirampas dan tindakan undang-undang akan dikenakan ke atas penjual.

Sekiranya terbukti ada elemen *dumping,* dengan izin, daripada produk-produk China kerajaan boleh menanganinya seperti yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ACFTA. Buat masa ini Malaysia tidak bercadang menghalang kemasukan barang-barang dari mana-mana negara yang Malaysia mempunyai hubungan perdagangan.

Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok telah membangkitkan kaedah meningkatkan pelaksanaan latihan industri kepada graduan sebelum menempuh alam pekerjaan yang dikaitkan MITI.

Untuk makluman Yang Berhormat, SME Corp Malaysia melaksanakan SME *University Internship Program,* dengan izin, yang menggabungkan beberapa universiti awam, pelajar dan pihak PKS bagi menerapkan nilai keusahawanan di kalangan pelajar universiti di samping penambahbaikan dalam amalan perniagaan oleh syarikat IKS seperti proses perniagaan, produktiviti dan pengurusan kewangan. Melalui program ini sejumlah pelajar yang terpilih akan menjalankan perundingan bagi membantu mengenal pasti kelemahan dan seterusnya mencadangkan langkah penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh PKS. Program ini dijalankan bermula pada tahun 2008 dan kini telah disertai oleh enam universiti awam tempatan dengan melibatkan seramai 182 pelajar tahun akhir dan 43 PKS.

Selain pelajar yang menyertai program ini akan diberikan elaun berjumlah RM600 setiap bulan sepanjang tempoh tiga bulan program ini dijalankan. Program ini secara tidak langsung berkaitan dengan latihan industri kepada bakal graduan kerana para pelajar yang menyertai program *SME University Internship* berperanan untuk membantu PKS menambah baik operasi syarikat melalui perundingan. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja...

Datuk Akbar bin Ali: Mohon soalan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Ya.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih. Saya hendak tanya pendek sahaja. Ini berkenaan dengan *job creation* tadi, latihan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sedar bahawa mewujudkan *employment* ini bukanlah tugas MITI semata-mata. Namun demikian peranan MITI tetap ada. Cuma dua soalan saya, usaha yang dibuat oleh SME Corp itu dari segi *output* nya agak berapa ramai dapat dilatih dalam setahun kerana kalau menyentuh graduan sahaja, setiap tahun lebih 200,000 graduan akan memasuki pasaran buruh. Itu satu soalan.

Yang keduanya, tadi yang ditumpukan oleh MIDA dan MITI dari segi *investment* ialah untuk menyumbang kepada GDP. Saya sedar itu penting tetapi bagaimana hendak diseimbangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, menyumbang kepada pertumbuhan GDP tapi dalam masa yang sama juga kita kena menjana pekerjaan kerana ini juga penting dan kalau sekadar hendak menjana pertumbuhan GDP menggunakan *high tech* tidak ada masalah tetapi kadang-kadang *high tech* menggunakan pekerja yang kurang, yang sedikit. Jadi bagaimanakah usaha untuk menyeimbangkan tadi sumbangan kepada pertumbuhan kepada GDP tetapi dalam masa yang sama boleh membantu menjana pekerjaan kerana setiap tahun kira-kira 400,000 pekerja baru akan memasuki pasaran dan yang menanti menganggur sekarang ada 480,000. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat di atas dua soalan tersebut. SME Corp dan MITI secara keseluruhannya sudah tentu memainkan peranan yang penting di dalam menjayakan Model Ekonomi Baru.

■1950

Seperti Yang Berhormat sedia maklum di dalam model ekonomi baru yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau telah menyatakan peri pentingnya kita meningkatkan keupayaan kita dengan menggunakan inovasi, kreativiti dan nilai tambah yang tinggi. Oleh kerana itu, industri-industri yang mempunyai kemahiran yang rendah sebenarnya tidak lagi digalakkan kerana pelaburan yang berasaskan kepada teknologi yang rendah itu semakin banyak yang akan pindah ke negara-negara lain seperti China, India, Indonesia, Vietnam dan sebagainya.

Oleh kerana itu, kita perlu pastikan bahawa graduan-graduan kita ini dapat memenuhi pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang tinggi. Ini antara cabaran yang paling besar yang kita hadapi buat masa ini.

Sambil kita faham bahawa kita menarik pelaburan-pelaburan yang berintensifkan modal, yang berteknologi tinggi, yang mungkin juga hanya mewujudkan peluang pekerjaan yang agak terhad berbanding dengan yang berintensifkan buruh.

Namun, tujuan kita ialah untuk menggalakkan lebih banyak lagi industri seperti ini masuk ke dalam Malaysia dan yang mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang memberi gaji yang lumayan. Namun yang pentingnya ialah supaya graduan-graduan yang keluar daripada universiti kita ini benar-benar menepati kehendak industri berteknologi tinggi. Ini cabaran yang kita hadapi buat masa ini. Sambil itu, suka saya nyatakan di sini bahawa bagi industri-industri yang berteknologi sekalipun, mereka masih memerlukan pekerja-pekerja yang berkemahiran rendah. Walaupun ia berteknologi tinggi tetapi masih ada lagi peluang pekerjaan. Contohnya pekerja yang membuat kerja pembersihan ataupun kerja menyediakan minuman dan makanan, kantin dan sebagainya.

Jadi walaupun kita menarik minat pelabur-pelabur dalam industri teknologi tinggi, ia tidak bermaksud bahawa semua pekerjanya hanya di dalam teknologi tinggi tetapi ada juga keperluan untuk pekerja berkemahiran rendah. Kita memang sedia maklum bahawa begitu ramai sekali pekerja ataupun rakyat kita yang akan mencari peluang pekerjaan setiap tahun. Menyedari akan hakikat ini, menjadilah tanggungjawab kerajaan untuk sentiasa memberi tumpuan dalam soal ini untuk menarik minat lebih banyak pelaburan menyediakan peluang-peluang pekerjaan ini.

Sambil itu, dengan program-program yang dilaksanakan oleh MITI melalui agensi-agensinya, kita juga cuba untuk mendedahkan graduan-graduan ini kepada peluang untuk menjadi usahawan kalau mereka tidak berjaya di dalam usaha untuk mendapatkan pekerjaan di dalam industri pihak swasta ataupun pihak kerajaan. Maka satu lagi opsyen ataupun pilihannya ialah untuk mereka sendiri menjadi usahawan. Itu sebabnya kita memberi penekanan yang begitu serius untuk mendedahkan mereka kepada pelbagai peluang di dalam aspek keusahawanan ini. Daripada membudayakan keusahawanan sampailah mereka dapat mengeluarkan produk dan perkhidmatan, kita bantu juga dari segi penjenamaan, pembungkusan, promosi produk dan sebagainya dan juga selepas itu sampai ke tahap mereka boleh mengeksport ke luar negara.

Saya harap itu sedikit sebanyak menjawab soalan Yang Berhormat...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Tuan Yang di-Pertua... Ada lagi? Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sedar bahawa untuk memperkembangkan PKS, kerajaan memberi banyak pertolongan dan juga peruntukan. Dasar kerajaan ini amatlah disanjung tinggi tetapi dalam pengalaman saya, penyelenggaraan dan *administrative work,* dengan izin, lambat sikit pelaksanaannya.

Saya suka memberi satu contoh bahawa satu syarikat PKS telah diberi peruntukan sebanyak RM40,000 dan peruntukkannya telah diluluskan pada 31 Julai 2008. Malangnya peruntukan itu keseluruhannya hanya dapat diterima pada bulan Mac 2010 iaitu hampir tiga tahun selepas kelulusan dibuat. Saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya dasar yang kerajaan buat ini, yang kita sanjung tinggi ini dapat dilaksanakan ataupun pelaksanaannya sejajar dengan dasar yang murni.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim di atas soalan dan komen tersebut. Memang kita sedia maklum mengenai isu ini. Sebenarnya saya sendiri pun telah menerima banyak rungutan daripada beberapa pihak mengenai kelambatan. Satunya dari segi kelambatan untuk mendapat kelulusan dan yang keduanya, apabila diluluskan lambat dari segi *disbursement* nya, dengan izin.

Buat masa ini, kita memang memberi perhatian kepada perkara ini dan sedang menyelaraskan dan juga *streamline* dengan izin, proses pembayaran kepada pemohon-pemohon yang telah diluluskan permohonan mereka.

Pada waktu yang sama, kita akui bahawa pada awal 2010 kita mempunyai sedikit kekangan dari segi bajet yang berkurangan. Malah, bajet tambahan yang telah kita terima baru-baru ini adalah semata-mata untuk menampung keperluan bagi permohonan yang telah diluluskan pada tahun 2009. Jadi sekarang ini tumpuan kita ialah untuk bajet yang baru dan *insya-Allah* dalam usaha kita untuk mendapat bajet tambahan dalam RMKe-10 ini, kita harap perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi. Dalam masa yang sama, kita dapati bahawa dengan berjayanya promosi yang telah dijalankan oleh agensi kerajaan di bawah MITI mengenai dana-dana bantuan berbentuk geran dan pinjaman mudah, maka bilangan permohonan yang masuk berlipat kali ganda banyaknya dan sambil itu jumlah pegawai yang memprosesnya tidak bertambah. Tambahan pegawai cuma telah kita dapat baru-baru ini dan sekarang ini semua tunggakan yang berlaku sebelum ini telah sempurna diselesaikan.

Jadi dengan itu saya yakin perkara seperti itu tidak akan berlaku lagi. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku lagi dan dimaklumkan kepada Yang Berhormat, sila beritahu kepada kami dan *insya-Allah* akan kami selesaikan secepat yang mungkin. Terima kasih di atas komen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi ingin saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang prihatin di atas isu-isu yang berkait dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan saya harap selepas ini pun akan lebih banyak lagi cadangan malah kritikan membina yang akan dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat supaya sama-sama dapat kita menambah baik pencapaian kementerian ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk menjawab.

7.59 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberikan pandangan dan teguran serta mengutarakan isu-isu berkaitan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Pandangan-pandangan dan isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat banyak membantu kementerian ini dalam usaha memperkukuhkan serta memperbaiki sistem dan prosedur kerajaan sedia ada demi kebaikan rakyat bersama.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah mengenai isu RON 95 yang mengandungi benzin yang tinggi dan berbeza dengan yang digunakan di negara-negara lain.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

■2000

Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan penggunaan petrol RON 95 sebagai produk utama mulai 1 September 2009. Pada masa yang sama petrol RON 92 telah pun dikeluarkan daripada pasaran memandangkan sambutan pengguna terhadap petrol RON 92 tidak menggalakkan iaitu sekitar 5 peratus sahaja daripada keseluruhan jualan petrol di negara ini. RON 95 adalah bahan bakar yang mematuhi spesifikasi Euro 2M di mana ia dapat mengurangkan pencemaran yang berpunca daripada pengeluaran asap kenderaan. Ia juga merupakan salah satu usaha kerajaan dalam mengurus sumber tenaga negara bagi menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang cekap dan mengurangkan tanggungan subsidi kerajaan ke atas produk petrol.

Kebanyakan enjin kenderaan ketika ini menggunakan teknologi yang direka bentuk sesuai dengan penggunaan petrol RON 95. Negara-negara pengeluar utama dunia seperti Jepun, Eropah dan Amerika Syarikat juga menggunakan petrol RON 95. Di Eropah, penggunaan petrol RON 95 adalah lebih 80 peratus daripada keseluruhan penggunaan petrol yang merupakan bahan bakar utama kenderaan. Sebelum keputusan untuk memperkenalkan RON 95 dilaksanakan, beberapa siri perbincangan dengan pelbagai pihak seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengangkutan Jalan dan beberapa agensi lain yang terlibat telah diadakan untuk mendapatkan maklum balas dari setiap aspek penggunaan petrol RON 95.

Semua agensi tersebut bersetuju dengan pelaksanaan RON 95 memandangkan ia boleh menyumbang kepada alam sekitar yang bersih dan sesuai bagi kebanyakan enjin kenderaan di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, dakwaan bahawa RON 95 menjadi punca berlakunya kebakaran kereta kerana kandungan benzin yang tinggi adalah tidak tepat dan tidak berasas. Seperti yang telah saya katakan tadi, petrol RON 95 adalah bahan bakar yang mematuhi spesifikasi Euro 2M di mana ia dapat mengurangkan pencemaran udara akibat pelepasan sulfur.

Benzene yang terkandung di dalam RON 95 berfungsi sebagai *octane booster* dengan izin, bahan penggalak pembakar sebelum penggunaan plumbum. Di bawah spesifikasi Euro 2M ini, maksimum 5 peratus *benzene* sahaja yang dibenarkan. Tuan Yang di-Pertua, Euro 2M dengan Euro 2. Huruf 'M' di dalam Euro 2M bermaksud 'Malaysia'. Spesifikasi Euro 2M untuk petrol dan diesel di Malaysia adalah tidak sama dengan spesifikasi Euro II.

Sesetengah ciri-ciri di dalam Euro II telah diubahsuai untuk Euro 2M bagi memenuhi keperluan dan persekitaran di Malaysia. Petrol RON 95 di Malaysia adalah mematuhi keperluan *Malaysian Standard M118-2* tahun 2009 yang telah dibangunkan bersama oleh pihak SIRIM, pakar-pakar teknikal dan kualiti syarikat minyak serta beberapa agensi kerajaan yang berkaitan. Di Eropah, Euro II adalah piawaian pelepasan asap bukannya spesifikasi bahan bakar. Untuk memenuhi piawaian ini, ciri-ciri bahan bakar diubah dan diwartakan sebagai *"enabler"* dengan izin. Untuk makluman, kandungan petrol dan diesel dikawal oleh Jabatan Alam Sekitar berdasarkan spesifikasi Euro 2M di kawal selia di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Kawalan Kandungan Petrol dan Diesel) 2007.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas kepada isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohamed Najeeb. Ia adalah mengenai kajian untuk meminda Akta Sewa Beli dengan mengambil kira kewangan Islam. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan yang dibuat ke atas Akta Sewa Beli 1967 baru-baru ini hanya melibatkan pindaan bagi isu penarikan kereta apabila berlaku kegagalan pembayaran ansuran oleh pihak pembeli.

Pada asalnya, kementerian bercadang untuk membuat beberapa pindaan ke atas Akta Sewa Beli 1967 sedia ada, termasuk mewujudkan satu bahagian baru iaitu sewa beli Islam. Walau bagaimanapun, memandangkan ketidaksesuaian ciri-ciri sewa beli konvensional dan Islam itu digabungkan di dalam satu akta, maka kementerian telah memutuskan untuk mewujudkan satu akta sewa beli baru yang mengambil kira ciri-ciri kewangan Islam yang dicadang untuk dikenali sebagai Akta Sewa Beli Islam.

Cadangan akta baru tersebut sedang dalam proses penyediaan draf dan beberapa siri konsultasi bersama pihak institusi kewangan dan Majlis Penasihat Syariah telah diadakan bagi membantu di dalam proses penyediaan draf tersebut. Akta baru tersebut dicadangkan untuk dibawakan ke Parlimen bagi kelulusan sebelum akhir tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengambil pelbagai langkah dalam memastikan kepentingan rakyat terpelihara dan sentiasa mengambil pendekatan untuk membantu memudahkan peniaga menjalankan perniagaan di Malaysia untuk menjana ekonomi negara dan pada masa yang sama memastikan pengguna dilengkapi dengan pengetahuan ke arah mewujudkan masyarakat pengguna yang bijak.

Akhirnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah banyak menyumbangkan pandangan dan saranan mereka terhadap tugas dan peranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan secara amnya dan dalam pembangunan ekonomi negara khususnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya itu *straight forward* dengan izin. Maka saya seterusnya menjemput Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dipersilakan.

8.06 mlm.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Kong Cho Ha]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedia maklum akan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung berhubung masalah dengan perumahan kos rendah termasuk isu keselamatan, kebersihan, kemudahan yang mencukupi dan persekitaran yang tidak kondusif, serta isu Program Perumahan Rakyat atau Program Perumahan Awam yang disediakan oleh kerajaan. Untuk kaedah baru, projek PPR juga akan disediakan dengan surau, tadika, dewan orang ramai, tanah lapang, ruang untuk kedai runcit dan sebagainya.

Untuk makluman, pelaksanaan Program Perumahan Rakyat bertujuan untuk menyediakan kemudahan perumahan yang selesa kepada golongan yang berpendapatan rendah dan golongan setinggan. Berhubung dengan negeri Sarawak, sehingga kini sebanyak lima projek PPR yang merangkumi 3,016 unit rumah sedang dilaksanakan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sehingga 15 April 2010, projek PPR Sri Wangi, Kuching sebanyak 200 unit dan projek PPR Batu 5, Kuching sebanyak 816 unit telah siap dibina. Manakala projek PPR Kampung Batu Gong, Siburan sebanyak 500 unit, projek PPR Seduan sebanyak 1,500 unit dan PPR Kemena, Bintulu sebanyak 1,000 unit sedang dalam pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian KPKT mengambil maklum akan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim agar kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melaksanakan Program Perumahan Awam bagi memenuhi matlamat satu keluarga, satu rumah.

Untuk makluman, sehingga 15 April 2010, sebanyak 110 projek yang merangkumi 79,454 unit rumah PPR akan dilaksanakan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara. Di mana 75,902 unit adalah PPR disewa dan 3,552 unit adalah PPR dimiliki yang setakat ini hanya dilaksanakan di negeri Pahang.

■2010

Bagi PPR disewa 56 unit yang merangkumi 55,688 unit rumah telah disiapkan. 24 projek yang merangkumi 18,024 unit dalam pembinaan dan empat projek yang merangkumi 2,190 unit dalam perancangan. Bagi PPR dimiliki pula 18 projek yang merangkumi 2,768 unit telah siap dan lapan projek yang merangkumi 784 unit dalam pembinaan.

Untuk makluman sehingga 15 April, 2010 sebanyak 52,580 unit PPR disewa telah diserahkan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk disewakan. Sebanyak 45,454 unit telah disewakan kepada golongan setinggan dan golongan berpendapatan rendah selaku penyewa-penyewa yang layak. Manakala daripada 2,968 unit PPR dimiliki yang telah ditawarkan sebanyak 2,650 unit telah dijual kepada pembeli-pembeli yang layak.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Khalid bin Ahmad ada membangkitkan isu mengenai banyak rumah yang dibina oleh kerajaan masih tidak terisi. Sehingga 15 April, 2010 sejumlah 7,126 unit daripada 52,580 unit PPR disewa yang telah diserahkan kepada kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan masih tidak diisi.

Kelewatan kerajaan negeri membuat pengisian unit-unit PPR disewa antaranya disebabkan oleh faktor-faktor utama seperti kelewatan membuat keputusan pemilihan penghuni dan keengganan setinggan untuk berpindah. Kelewatan proses pengisian tersebut bukan sahaja melibatkan kerajaan kehilangan hasil secara langsung dari hasil kutipan sewa malah mendedahkan unit-unit kosong tersebut kepada gejala aktiviti jenayah dan vandalisme.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar telah membangkitkan isu supaya pihak berkuasa tempatan mempertimbangkan lebih ramai wanita dipilih untuk menjawat jawatan Yang Di-Pertua Majlis. Untuk makluman sejumlah 380 orang ahli majlis yang bersamaan dengan 11.9 peratus daripada 3,210 jumlah keseluruhan Ahli Majlis PBT seluruh negara bagi tahun 2008 adalah terdiri daripada kaum wanita. Selain daripada itu Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang terdapat dua PBT yang diterajui oleh wanita iaitu Majlis Perbandaran Sungai Petani dan Majlis Daerah Kubang Pasu. Manakala empat PBT mempunyai setiausaha wanita iaitu Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Majlis Daerah Lubok Antu dan Majlis Daerah Simunjan.

Selain itu pelantikan ahli majlis dan datuk bandar atau Yang Di-Pertua suatu PBT adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana diperuntukkan dalam seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171). Seksyen 10, *Local Government Ordinance 1961 Sabah* dan seksyen 13, *Local Authorities Ordinance 1996 Sarawak (Chapter 20).* Kerajaan negeri boleh melantik sesiapa sahaja yang difikirkan layak mengikut kriteria pelantikan. Oleh yang demikian isu jantina tidak timbul dalam pelantikan Yang di-Pertua dan Ahli Majlis PBT kerana faktor utama yang diambil kira adalah kebolehan dan kemahiran individu tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Zainun binti A. Bakar juga telah membangkitkan status pelaksanaan prasarana dan kemudahan OKU dalam kawasan PBT yang tidak memuaskan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan dua garis panduan bertajuk *Guidelines on Buildings Requirements for Disable Persons* pada tahun 1999 dan Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kemudahan Golongan Kurang Upaya tahun 2000 kepada semua pihak berkuasa tempatan untuk memastikan peruntukan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 ataupun *Uniform Buildings By-Laws* dilaksanakan oleh pemaju-pemaju perumahan untuk menyediakan kemudahan yang lebih mesra OKU. Untuk memastikan semua premis bangunan menyediakan prasarana untuk OKU, pengawasan yang lebih ketat perlu dilaksanakan oleh PBT dalam dua peringkat. Peringkat pertama adalah semasa kelulusan pelan bangunan di mana pelan bangunan yang tidak mematuhi perlu ditolak. Di peringkat kedua adalah semasa pemeriksaan permohonan sijil siap dan pematuhan iaitu *Certificate of Completion and Compliance* ataupun CFO.

Isu mengenai masalah tempat letak kereta yang sangat kurang di kawasan-kawasan perumahan telah dibangkitkan oleh Senator Tuan Mohd Khalid bin Ahmad. Untuk makluman bagi mengatasi masalah ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah menggubal garis panduan dan piawaian khusus berkaitan dengan penyediaan tempat letak kereta termasuk bagi kawasan perumahan. Piawaian bagi kawasan perumahan bertingkat rumah pangsa kos rendah ialah satu petak letak kereta bagi satu unit rumah berserta dengan tambahan 10 peratus tempat letak kereta untuk pelawat.

Piawaian untuk pangsapuri kos sederhana dua petak kereta bagi satu unit rumah berserta dengan tambahan 20 peratus tempat letak kereta untuk pelawat. Bagi pelawat rumah kondo atau pangsapuri mewah 2.5 petak kereta bagi satu unit rumah berserta dengan tambahan 10 peratus tempat letak kereta untuk pelawat. Selain itu piawaian tersebut turut memperuntukkan dua petak letak kereta bagi satu unit rumah bagi perumahan jenis teres, 2.5 petak letak kereta bagi satu unit rumah jenis semi-D dan 2.5 petak letak kereta bagi satu unit rumah jenis banglo. Garis panduan dan piawaian yang disediakan ini merupakan rujukan kepada PBT dalam meluluskan pembangunan perumahan di kawasan pentadbiran masing-masing. Namun begitu sejauh mana pematuhannya adalah bergantung kepada tahap penguatkuasaan oleh setiap PBT.

Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn telah mengemukakan soalan berhubung dengan tindakan dan polisi kerajaan bagi mendapatkan *renewable energy* dari bahan sisa pepejal.

■2020

Untuk makluman, kerajaan sememangnya mempunyai dasar untuk menggalakkan penjanaan sumber tenaga yang diperbaharui termasuklah daripada sumber sisa pepejal.

Selain berpotensi menjana tenaga, ia dapat mengurangkan kesan pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada pelepasan gas metana, pencemaran air larut resap ataupun *leachate* dan sebagainya. Sumber tenaga yang diperbaharui daripada sisa pepejal boleh diperolehi melalui pelbagai teknologi yang ada di pasaran seperti *incinerator, refuse-derived fuel* atau RDF dan rawatan mekanikal dan *biological*.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati berhubung bilakah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 akan dikuatkuasakan iaitu Akta 672. Ini akan dikuatkuasakan secepat mungkin setelah isu-isu berkaitan kewangan dan teknikal dapat dimuktamadkan di antara kerajaan dan syarikat-syarikat konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui telah menyatakan keprihatinan supaya kemudahan dan peralatan yang dibekalkan kepada pasukan bomba sukarela berada dalam keadaan baik dan berkesan. Untuk makluman, sehingga Mac 2010 terdapat 353 pasukan bomba sukarela di seluruh negara dengan keahlian 13,749 orang di seluruh negara. Menyedari kepentingan dan sumbangan yang diberikan oleh pasukan bomba sukarela, maka kerajaan telah membekalkan peralatan kebombaan seperti jentera bomba, pam, jaket api, kasut api dan lain-lain keperluan kepada pasukan bomba sukarela yang aktif dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan peralatan tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik dan berkesan, kementerian ini melalui pemantauan yang sistematik dan berterusan dibuat supaya pasukan bomba sukarela melakukan penyelenggaraan dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui juga ada mengemukakan isu berkenaan dengan kawasan luar bandar di Sarawak seperti Sibuyau, Enkelili, Niah dan lain-lain telah diperuntukkan kereta bomba bersaiz kecil serta kursus latihan penyelamat kepada anggota bomba sukarela serta mengharapkan agar kerja-kerja bomba dan penyelamat di kawasan tersebut berada pada tahap yang baik dan berkesan. Untuk makluman, sehingga 30 April 2010 terdapat 26 buah balai bomba sedang beroperasi di seluruh negeri Sarawak dengan 931 anggota bomba yang berkhidmat di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Segala teguran, cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan jawapan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dipersilakan, Yang Berhormat. Menterinya sendiri ada ini. Terima kasih.

8.25 mlm.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahitaala wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pelbagai perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja. Kementerian amat menghargai segala pandangan, saranan, cadangan serta teguran Ahli-ahli Yang Berhormat serta mengambil perhatian serius terhadap perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Zainun telah memohon penjelasan mengenai pencapaian terkini dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan di sektor kerajaan dan seterusnya langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan di sektor kerajaan tercapai dan Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati pula mencadangkan agar bilangan wanita di peringkat membuat keputusan ditambah.

Berhubungan dengan perkara ini, kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam semua peringkat pembuat keputusan terutama di sektor awam dan swasta. Atas kesedaran peri pentingnya penglibatan wanita dalam peringkat membuat keputusan dan penghargaan kepada wanita yang telah menyumbang kepada pembangunan negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masa itu mengumumkan dasar sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan wanita di peringkat membuat keputusan di sektor awam pada bulan Ogos 2004. Hasil daripada pelaksanaan dasar tersebut, beberapa kemajuan khususnya dalam jangka masa Rancangan Malaysia Kesembilan telah dapat dilihat di mana bilangan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam atau JUSA meningkat daripada 18.8 peratus pada tahun 2004 kepada 30.5 peratus pada tahun 2009.

Trend yang pasti ini juga dapat dilihat di sektor swasta di mana peratusan wanita di peringkat membuat keputusan seperti presiden, naib presiden, ketua pegawai eksekutif dan pengurus besar kanan telah meningkat daripada 13.5 peratus pada tahun 2004 kepada 26.2 peratus pada tahun 2008. Dalam pada itu, peratusan wanita yang dilantik sebagai Hakim Mahkamah Sivil juga meningkat daripada 22.3 peratus pada tahun 2008 kepada 25.5 peratus pada tahun 2009. Manakala peratusan wanita sebagai ahli majlis pihak berkuasa tempatan meningkat daripada 10.4 peratus pada tahun 2004 kepada 12.2 peratus pada tahun 2008.

Peratusan ketua pengarah wanita di peringkat Persekutuan juga meningkat daripada 11.8 peratus pada tahun 2007 kepada 17.1 peratus pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, terdapat kemajuan dalam usaha meningkatkan penyertaan wanita di peringkat membuat keputusan, namun di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau GLC, dengan izin, dan sektor swasta, penyertaan wanita masih jauh rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi membangkitkan mengenai Jabatan Pembangunan Wanita yang telah mengendalikan satu program untuk meningkatkan kemahiran wanita yang melibatkan 3,000 wanita baru-baru ini dan sejauh manakah keberkesanan program tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Pembangunan Wanita menyediakan program-program peningkatan kapasiti bagi membantu wanita yang terdiri daripada ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk menjana pendapatan dan berdikari secara ekonomi.

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah menjalankan program kemahiran dan keusahawanan khusus untuk wanita iaitu Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal atau IKIT dan Inkubator Keusahawanan Wanita atau I-KEUNITA. Program IKIT dan I-KEUNITA merupakan sebuah program latihan kemahiran dan keusahawanan khusus untuk golongan wanita dan ibu tunggal bagi mencapai objektif berikut:

(i) menyediakan latihan untuk para peserta dalam bidang kemahiran yang boleh dikomersialkan seperti dalam bidang kecantikan, jahitan, masakan, asuhan kanak-kanak, kraf tangan, pelancongan dan peruncitan;

■2030

(ii) membantu peserta meningkatkan potensi untuk berdikari secara ekonomi setelah memperoleh kemahiran iaitu dengan menceburi bidang keusahawanan; dan

(iii) membuka minda para peserta yang terdiri daripada wanita berpendapatan rendah, suri rumah dan ibu tunggal ke arah meningkatkan keyakinan diri serta memberikan motivasi supaya mereka terdorong untuk memajukan diri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah binti Hamat meminta penjelasan berhubung langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak, serta adakah terdapat tempat-tempat perlindungan bagi wanita yang hamil luar nikah. Penjelasan yang panjang lebar tentang langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan telah pun saya jawab semasa sesi soal jawab lisan.

Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa bagi menjawab soalan, adakah ada tempat-tempat perlindungan bagi wanita yang lahir luar nikah dan anak-anak dilahirkan dengan selamat, jawapannya Yang Berhormat adalah, ya. Kerajaan terutama melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat ada menyediakan tempat-tempat perlindungan tersebut. Institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menyediakan perlindungan untuk golongan tersebut ialah di Taman Seri Puteri, sebanyak empat buah dan sebuah Pusat Jagaan Sinar Kasih. Taman Seri Puteri menyediakan kemudahan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil atau melahirkan bayi luar nikah.

Pusat Jagaan Sinar Kasih pula diwujudkan bagi wanita yang hamil luar nikah berusia 18 tahun ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera. Kementerian juga mempunyai 55 buah lagi institusi kebajikan, 104 buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan 53 buah Klinik Nur Sejahtera di bawah LPPKN yang bersedia menerima bayi-bayi yang memerlukan perlindungan dengan selamat. Selain daripada itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menjalin kerjasama dengan pertubuhan sukarelawan kebajikan bagi membantu membendung masalah ini. Terdapat lapan pertubuhan sukarelawan kebajikan yang menerima geran dari JKM menyediakan pusat perlindungan bagi ibu-ibu muda ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman membangkitkan mengenai keberkesanan kaunseling di negara ini dalam menangani kes-kes gejala sosial. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes-kes gejala sosial banyak berpunca daripada isu dalaman persekitaran sosial seperti kegagalan fungsi institusi keluarga, masalah interaksi sosial di kalangan rakan sebaya, komuniti, sekolah dan cengkaman masalah sosioekonomi. Isu-isu ini akan cenderung mewujudkan ahli komuniti yang bermasalah. Sekiranya faktor-faktor pelindung tidak berada dalam komuniti tersebut, mereka akan menghadapi risiko ke arah permasalahan tingkah laku yang lebih serius.

Perkhidmatan kaunseling dilihat sebagai satu pendekatan yang berkesan dalam menangani isu gejala sosial yang berpunca dari isu-isu dalam persekitaran sosial. Ini adalah kerana perkhidmatan kaunseling menyediakan satu siri tindakan yang lebih proaktif dengan menjalankan intervensi pencegahan secara sistematik. Melalui perkhidmatan kaunseling, ciri-ciri luaran dan dalaman iaitu sosial dan *psychological,* dengan izin, untuk individu bermasalah akan dapat dikesan melalui kepelbagaian kaedah dan pengukuran psikologi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah, kempen Kami Prihatin merupakan kerjasama pintar di antara kementerian, Astro, *Utusan Melayu*, dan Persatuan Karyawan Malaysia. Ia merupakan satu kempen untuk memberi kesedaran kepada masyarakat supaya memberi keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi termasuklah pembuangan bayi. Kempen Kami Prihatin telah dilancar pada 8 April 2010. Berikutan pelancaran tersebut, perkhidmatan talian NUR 15999 telah dipergiatkan secara agresif untuk menerima sebarang aduan, laporan, pertanyaan, mendapatkan khidmat kaunseling dan sebagainya daripada masyarakat umum berkaitan isu-isu sosial dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Nor Hayati juga mencadangkan supaya kerajaan menyediakan program pengukuhan institusi perkahwinan kepada pasangan muda. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian telah pun melaksanakan program pra perkahwinan *Smart Start* kepada pasangan yang akan berkahwin dan baru berkahwin dalam tempoh kurang lima tahun usia perkahwinan.

Program ini dilaksanakan dengan kerjasama NGO dan badan-badan agama untuk mendidik pasangan mengenai keperluan dalam hubungan termasuklah kasih sayang antara pasangan dan ahli-ahli keluarga.

Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah binti Hamat bertanya tentang adakah kerajaan bercadang untuk memberi subsidi bagi rawatan reproduktif terutama kepada penduduk yang tidak mampu dalam percubaan untuk mendapatkan anak. Buat masa ini, kementerian belum ada cadangan untuk memberi subsidi bagi rawatan reproduktif terutama kepada pasangan suami isteri berpendapatan rendah yang mempunyai masalah untuk mendapatkan cahaya mata. Walau bagaimanapun, kementerian melalui LPPKN ada menyediakan perkhidmatan kesuburan yang boleh dianggap sebagai satu subsidi kerana kosnya jauh lebih rendah berbanding bayaran yang dikenakan oleh hospital atau klinik swasta. Sebagai contoh, kos bagi rawatan IVF iaitu *in vitro fertilization,* dengan izin, di klinik LPPKN adalah di antara RM8,000 hingga RM10,000, jauh lebih murah berbanding kos yang dikenakan oleh hospital atau pusat perubatan swasta iaitu di antara RM15,000 hingga RM30,000.

Bagi pasangan suami isteri yang berpendapatan rendah dan bekerja di sektor kerajaan, kemudahan perkhidmatan kesuburan diberi secara percuma seperti diperuntukkan dalam Pekeliling Bil. 4, Tahun 2001 (Pelaksanaan Kemudahan Perubatan) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun, kemudahan ini adalah khas untuk rawatan *primary infertility,* dengan izin, sahaja, iaitu mereka yang tidak pernah hamil selepas setahun berkahwin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi menyentuh mengenai fungsi Jabatan Kebajikan Masyarakat mengenai bantuan kepada mangsa kemalangan jalan raya terutama bagi kereta yang tiada insurans. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian melalui JKM menyediakan pelbagai perkhidmatan bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar seperti keluarga miskin, warga emas, OKU, ibu tunggal dan kanak-kanak yang berkeperluan bagi membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh mereka buat sementara waktu sehingga suatu masa mereka dapat berdikari semula. JKM tidak mempunyai skim khas bagi membantu mangsa yang terlibat dalam kemalangan jalan raya bagi kereta yang tidak mempunyai insurans. Walau bagaimanapun, bantuan boleh dipertimbangkan kepada mangsa atau keluarga tersebut sekiranya mereka memenuhi syarat-syarat dan kriteria permohonan bantuan yang ditetapkan seperti berikut:

(i) pemohon mestilah warganegara Malaysia; dan

(ii) pendapatan keluarga tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan seperti RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM830 sebulan bagi Sarawak dan RM960 sebulan bagi negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan...

Datuk Akbar bin Ali: Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Datuk Akbar bin Ali: Saya memang tunggu Yang Berhormat Menteri tentang dua perkara yang saya bangkitkan tetapi nampaknya tertinggal, mungkin ada pegawai yang *overlook*. Namun demikian, saya mahu ulangi. Salah satu bidang di bawah NKRA ialah kemiskinan, dan itu di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri. Saya ada menyarankan supaya isu kemiskinan ditangani secara holistik.

Saya ada beri contoh, Jabatan Kebajikan menjaga ibu tunggal, orang tua dan sebagainya bukan dari segi pendidikan, pendidikan di bawah jabatan pendidikan, rumah di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Jadi kerana ia tidak diurus secara holistik oleh semua agensi dalam satu pendekatan yang menyeluruh, maka ia pada pandangan saya mungkin tidak dapat menyelesaikan masalah ini secara berkesan. Maka saya sarankan supaya isu ini dilihat secara menyeluruh kerana nampak susah hendak menolong orang susah pada masa ini.

Kedua saya ada sarankan isu sosial ini bukan sekadar buang bayi dan sebagainya tetapi ia cukup banyak – HIV, *crime* dan sebagainya. Jadi saya ada cadangkan juga supaya isu ini dilihat secara holistik atau menyeluruh dan kalau boleh saya ada sebut Majlis Sosial Negara ini bergerak lebih aktif lagi. Sebab saya tengok dalam web tidak nampak dinamisme Majlis Sosial Negara ini. Jadi kalau ia dapat digerakkan isu ini dapat dilihat secara menyeluruh. Apa pandangan Dato' Seri? Terima kasih.

■2040

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua saya minta maaf pada Yang Berhormat jikalau soalan itu tidak dijawab. Saya mengucapkan terima kasih dan saya memang minat hendak jawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pertamanya, isu sosial memang saya setuju Yang Berhormat. Ia perlu pendekatan bersama, tanggungjawab kita bersama. Majlis Sosial Negara ditubuhkan sebenarnya untuk menentukan isu sosial ini diterapkan di dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri. Akan tetapi kami di kementerian dapati bahawa isu sosial ini memang susah untuk diperdanakan atau dengan izin di arus perdanakan *main stream* ke dalam pentadbiran mana-mana jua.

Mungkin kerana di banyak-banyak negara isu ekonomi selalu diberi penekanan. Kalau kita cakap tentang pembangunan ekonomi, ramai yang minat dan akan bertungkus-lumus untuk memberi idea, mentadbir, macam-macamlah boleh berlaku. Akan tetapi kalau kita cakap fasal isu pembangunan sosial memang saya nampak bahawa banyak yang tidak begitu minat Namun begitu itu menjadi satu cabaran kepada kementerian. Strukturnya sudah sedia ada, struktur untuk Majlis Sosial Negara di peringkat Persekutuan, di peringkat negeri malah di peringkat daerah pun sudah sedia ada. Cuma saya difahamkan terutama di peringkat negeri tidak banyak dibahaskan dan tidak diberi penekanan yang sewajarnya.

Saya harap bahawa ramai lagi pemimpin dan pentadbir di semua peringkatlah, Persekutuan dan juga peringkat negeri akan memberi penekanan. Saya setuju dengan saranan Yang Berhormat untuk sama-sama kita meningkatkanlah Majlis Sosial Negara ini. Untuk makluman semua, Majlis Sosial Negara di peringkat Persekutuan sekian lama telah pun dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Bagi menjawab soalan dan isu kedua. Yang Berhormat, saya hendak maklumkan bahawa untuk NKRA ini memang betul kalau kita hendak bantu untuk mengeluarkan kumpulan miskin tegar dan miskin ini daripada kepompong kemiskinan, pendekatan kita mesti secara holistik.

Sebenarnya pelan strategik kita begitu holistik sekali. Cuma mungkin publisiti tidak meluas diberikan ataupun mungkin tindakan perlu diambil oleh NKRA ini di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menyebarkan apa yang sedang berlaku. Namun begitu kita *insya-Allah* minggu depan kalau bajet untuk NKRA itu diluluskan oleh Dewan Negara nanti dan program-program untuk kita turun ke padang secara holistik membantu kumpulan sasar apabila ia bermula, saya rasa barulah negara boleh merasakan betapa potensi yang ada untuk kita menyelesaikan masalah NKRA secara holistik untuk golongan berpendapatan rendah tetapi, secara umum saya hendak maklumkan bahawa di bawah NKRA ini kita ada banyak *champions,* dengan izin, *no way* Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dapat menyelesaikannya sendiri. Kita hanya menerajui sahaja tetapi kita lihat secara holistik, *productive welfare,* dengan izin, ataupun *none productive welfare*.

Untuk *none productive* di mana misal kata isi keluarga miskin ini dia terlantar, dia sakit, OKU dan lain itu Jabatan Kebajikan Masyarakat kita boleh menyelesaikannya. Bajet dapat kita boleh menyelesaikannya. Apa yang jadi cabaran ialah untuk kita hendak mewujudkan dan mengimplementasikan *productive welfare,* dengan izin.

Memberi pekerjaan kepada mereka, memberi kemahiran, pendidikan seperti mana yang Yang Berhormat selalu bercakap tentang perkara itu. Kita telah pun menentukan siapa dia yang akan jadi *champion* dalam bidang-bidang ini dengan izin. Misal kata Kementerian Pendidikan mahupun ataupun Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan dan lain-lain. *Insya-Allah* Yang Berhormat, saya harap dalam masa terdekat ini akan nampaklah keberkesanan tindakan-tindakan yang akan diambil. Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon sikit.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Ya, ya, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan isu yang saya kemukakan berkaitan dengan IVF. Saya sukacitalah mendengar bahawa dapat khidmat IVF ini di LPPKN. Sekiranya saya rasa promosi diberikan dengan secara meluas *insya-Allah* orang miskin akan mendapatkan rawatan yang sama di LPPKN.

Cuma saya hendak tahunya sekarang, bilangan orang yang menunggu untuk mendapatkan rawatan yang kata harga antara RM8,000 hingga RM10,000 itu berapa ramai, dan berapa pusat LPPKN yang menyediakan rawatan IVF ini, yang pertama?

Kedua, berkaitan dengan khidmat JKM untuk mangsa kemalangan. Apa yang saya maksudkan di sini ialah kita mempunyai 300,000 kes kemalangan setiap tahun. Daripada 300,000 ini, ada 40,000 kes yang dilaporkan dilibatkan ke mahkamah. Jadi daripada kes yang dilibatkan ke mahkamah, kebanyakan kes adalah kes-kes yang serius. Bila mana kes ini serius, kebanyakannya memerlukan pembedahan dan apabila pembedahan memerlukan alat ganti atau alat-alat untuk pembedahan. Sebagai contohnya besi untuk pembedahan. Jadi *trend* yang didapati di hospital kini saya difahamkan bahawa pihak hospital tidak akan menjalankan pembedahan kepada mana-mana pesakit sekali pun dalam keadaan kecemasan sekiranya tidak dapat *guarantee* daripada ahli keluarga untuk bayar.

Jadi sekiranya perkara ini melibatkan orang-orang yang berada di bawah paras kemiskinan. Apakah pelan tindakan yang telah ada di JKM untuk memastikan mangsa-mangsa kemalangan ini mendapat pertimbangan untuk mendapatkan bayaran ataupun pengesahan bayaran oleh JKM dalam masa yang tercepat? Sebab perkara ini di peringkat bawah memang berlaku masalah. Sebagai contohnya untuk masalah penggantian tempurung kepala untuk kes-kes melibatkan kemalangan bahagian otak. Jadi ini merupakan perkara-perkara yang serius yang berlaku di bawah. Kalaulah mereka lambat diberi pertolongan, ini akan menyebabkan kecederaan dan *disability* lebih serius. Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil: Yang Berhormat saya hendak maklumkan bahawa di beberapa hospital kerajaan wujud *social medial officer,* dengan izin. Di mana kes-kes seperti mana Yang Berhormat katakan tadi jika mereka mendapat bantuan daripada pegawai-pegawai kebajikan yang ditempatkan di pejabat *social officer* di hospital-hospital. Jika dapat sokongan daripada pegawai-pegawai ini maka pihak hospital saya difahamkan akan dengan izin, *wave* apa-apa pembayaran yang diperlukan kepada mereka yang berada di bawah keluarga miskin atau berpendapatan rendah. Mungkin ramai daripada keluarga-keluarga ini tidak tahu tentang pewujudan *social medical officer* untuk membantu, itu pertama.

Keduanya, di bawah Yayasan Kebajikan Negara, kita ada juga program yang dinamakan Detik iaitu di mana kita bantu kes-kes seperti ini. Kalau mengikut prosedurnya dalam masa 24 jam kalau dipohon kepada *social medical officer* itu, ada sedikit peruntukan yang kita tepikan di bawah Yayasan Kebajikan Negara untuk membantu keluarga miskin dalam kes-kes seperti untuk pembelian barang-barang yang diperlukan. Mungkin ada perlunya untuk kita menyebarkan secara lebih meluaslah tentang *facility* yang ada di sini.

Ketiganya, Yang Berhormat tanya tadi tentang dengan izin *the waiting list* untuk program kesuburan di LPPKN. Saya tidak ada angka yang tepat tetapi saya tahu bahawa *waiting list* nya memang panjang.

Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini sejak penubuhan *center* ini di Kuala Lumpur bahawa kita telah berjaya untuk membantu pasangan lebih kurang 2,000 lebih daripada pasangan yang telah dapat melahirkan anak-anak melalui *special program* yang ada di *Fertility Clinic* di LPPKN ini. Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua yang sentiasa memberi sokongan kepada kementerian dalam perbahasan dan lain-lain. Terima kasih dan *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat. Rasanya Yang Berhormat telah pun memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya tadi. Sekarang saya teruskan menjemput jawapan daripada Kementerian Luar Negeri. Dipersilakan.

8.49 mlm.

Timbalan Menteri Luar Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Luar Negeri dalam perbahasan Titah Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin, ingin saya menyatakan bahawa Forum Parlimen Asia-Pasifik yang beliau hadiri pada 17 hingga 22 Januari 2010 adalah di bawah bidang kuasa Parlimen Malaysia di bawah Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, di sini saya ingin menjelaskan bahawa pendirian Kanada adalah hak negara tersebut. Manakala isu resolusi Timur Tengah telah dipersetujui untuk dibawa dalam agenda dan perbincangan di Mesyuarat Forum Parlimen Asia Pasifik ke-19 di Mongolia pada tahun 2011 kelak.

■2050

Yang Berhormat tidak perlu bimbang tentang kesungguhan Malaysia dalam isu Palestin kerana Malaysia telah diakui oleh masyarakat antarabangsa sebagai sebuah negara yang memainkan peranan aktif dalam menyuarakan pendapat di pelbagai forum antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tentang persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik semasa lawatan beliau ke Ho Chi Minh, Vietnam kementerian ini mengambil perhatian tentang teguran Yang Berhormat. Saya ingin di sini menyatakan kesediaan kementerian ini untuk memberikan taklimat dan penerangan yang mana perlu kepada mana-mana Ahli Dewan ini jika Yang Berhormat-Yang Berhormat mengikuti lawatan dan mesyuarat rasmi di luar negara.

Sukacita kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang akan keluar negara di atas tugas rasmi, terlebih dahulu dapat memaklumkan kepada Kementerian Luar Negeri supaya tindakan yang perlu dapat diambil. Pegawai-pegawai kami di setiap kedutaan di seluruh dunia sentiasa akan mengambil maklum sekiranya ada lawatan atau mesyuarat rasmi yang melibatkan delegasi Malaysia.

Sekali lagi saya memohon kepada Ahli-ahli Dewan ini jika Yang Berhormat-Yang Berhormat mengikuti lawatan dan mesyuarat rasmi di luar negara, maklumkanlah kepada Kementerian Luar Negeri ini agar persiapan dapat dibuat sebelum ketibaan Ahli-ahli Yang Berhormat ke negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Luar Negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya jemput Kementerian Pelancongan.

8.52 mlm.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan semasa Perbahasan Titah Ucapan Diraja 2010.

Kementerian amat menghargai serta mengambil perhatian terhadap semua pandangan, saranan, cadangan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim mencadangkan supaya aktiviti-aktiviti pelancongan homestay juga perlu diberi perhatian bagi memastikan penduduk luar bandar turut mendapat manfaat daripada kegiatan pelancongan.

Beliau juga turut menggesa agar kerajaan memberi bantuan secara mudah kepada pengendali-pengendali *homestay*. Tuan Yang di-Pertua, Program Homestay sememangnya diberikan penekanan dan tumpuan yang serius oleh Kementerian Pelancongan sebagai salah satu produk pelancongan yang berpotensi tinggi untuk menarik ramai pelancong dengan menawarkan satu bentuk pengalaman yang unik dari aspek kebudayaan dan gaya hidup masyarakat kampung. Selain itu, Program *Homestay* juga bermatlamat untuk meningkatkan pendapatan serta taraf hidup masyarakat luar bandar di mana kekayaan daripada industri pelancongan dapat dinikmati bersama oleh semua lapisan masyarakat. Pelaksanaan Program *Homestay* di Malaysia di lihat telah memberi kesan yang positif terhadap industri pelancongan negara dan masyarakat luar bandar.

Jumlah pendapatan homestay pada tahun 2009 telah meningkat sebanyak 7 peratus kepada 10.9 juta berbanding tahun 2008 iaitu sebanyak RM6.4 juta. Manakala jumlah kedatangan pelancong ke homestay pada tahun 2009 pula telah meningkat sebanyak 57 peratus iaitu dengan jumlah keseluruhan seramai 161,561 orang pelancong berbanding pada tahun 2008 di mana jumlah keseluruhan adalah seramai 91,533 orang pelancong. Peningkatan *occupancy rate,* dengan izin, di *homestay* pada tahun 2009 juga telah meningkat kepada 20.4 peratus berbanding pada tahun 2008 sebanyak 16.1 peratus.

Dari segi bantuan pula, kementerian telah memberi bantuan kepada para pengusaha homestay bagi meningkat dan menaik taraf aspek pembangunan dan pengurusan di *homestay*. Di antara bentuk bantuan yang telah diberikan adalah seperti berikut:

(i) sebanyak RM28.9 juta telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu tahun 2006 hingga tahun 2010; dan

(ii) RM10 juta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua, *homestay* untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2009 dan 2010 yang digunakan untuk:

(a) naik taraf kemudahan infrastruktur asas homestay untuk menaik taraf jalan raya, dewan orang ramai, membina pusat aktiviti homestay dan pentas bagi melaksanakan persembahan kebudayaan seperti tarian, lagu dan permainan tradisional, papan tanda dan plak *homestay*; dan

(b) menaik taraf tandas rumah pengusaha *homestay* sebanyak RM1,280 buah dengan jumlah kos perbelanjaan adalah sebanyak RM6.4 juta.

Peruntukan bagi menaikkan taraf tandas *homestay* ini diberikan secara *One-off grant* dengan izin, di mana satu rumah diperuntukkan sebanyak RM5,000. Ini bagi memastikan peserta-peserta *homestay* dapat memberikan penginapan yang selesa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak tanya. Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Sekejap, saya habiskan perenggan ini dahulu.

Dato' Dr. Fridaus bin Haji Abdullah: Okey, okey.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Kepada para pelancong yang menginap di *homestay*. Silakan.

Dato' Dr. Fridaus bin Haji Abdullah: Terima kasih tentang penjelasan Yang Berhormat tentang Program *Homestay* ini dan terima kasih juga atas bantuan-bantuan. Bukan terima kasih, saya mengalu-alukan bantuan yang telah diberikan oleh Kementerian Pelancongan terhadap industri *homestay* ini. Apa yang saya hendak tahu ialah di samping memberikan bantuan-bantuan yang nampaknya kesan saya ialah bantuan itu lebih merupakan *one-off*. Adakah kementerian menyediakan satu *database* tentang *homestay* ini, berapa banyak *database* dan pemantauan tahunan tentang industri ini. Saya rasa perkara ini penting untuk kita memajukan industri itu.

Pertama *database* di mana, siapa pengusaha dan rumah-rumah bagaimana dan juga pemantauan dilakukan setiap tahun terhadap kegiatan-kegiatan *homestay* itu. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan itu mengenai *database.* Kementerian sememangnya ada *database,* menyimpan *database* dan statistik. Ianya juga dipantau dengan sempurna. Jadi, kita juga tahu di dalam tahun ini, daripada bulan Januari hingga bulan Mac, jumlah pelancong yang datang untuk menginap di *homestay* dan berapakah belanja mereka yang telah dibelanjakan untuk *homestay*.

■2100

Itu semuanya ada. Kalau Yang Berhormat berminat, kita boleh berikan *database* itu kepada Yang Berhormat. Yang kedua, kerajaan juga telah memberi peruntukan bagi perbelanjaan mengurus *homestay* melalui peruntukan Dasar Baru *Homestay* 2009. Sebanyak RM500,000 dan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua *Homestay* 2009 sebanyak RM10 juta.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Peruntukan ini telah digunakan untuk:

(i) latihan dan kursus kepada pengusaha *homestay* seperti kursus refleksologi, pengurusan dan kewangan *homestay*, promosi dan pemasaran dan sebagainya bagi meningkatkan ilmu dan kemahiran para pengusaha *homestay;*

(ii) program dan aktiviti *homestay* seperti seminar dan karnival *homestay,* lawatan integrasi, *show case* Satu Daerah, Satu Industri dan lain-lain bagi membuat pendedahan kepada para pengusaha *homestay* untuk berkongsi pengalaman, idea dan produk menarik yang terdapat di sesebuah *homestay;*

(iii) promosi dan pemasaran *homestay* yang merangkumi misi promosi *homestay* ke Jepun dan Korea, *Malaysia Travel Fair* di Singapura, penerbitan brosur dan melaksanakan *billboard*, *FAM trip* dan sebagainya bagi mempromosikan produk *homestay* ini dengan lebih agresif di dalam dan di luar negara; dan

(iv) pemberian bantuan kepada pihak NGO, Persatuan *Homestay* Malaysia dan Persatuan *Homestay* Negeri dalam melaksanakan aktiviti berkaitan *homestay*, promosi dan aspek pengurusan Persatuan *Homestay* Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim juga menyarankan supaya Kementerian Pelancongan meningkatkan kemudahan infrastruktur di Pantai Timur bagi memajukan lagi sektor pelancongan khususnya pelancongan melalui kereta api ataupun *Railway Tourism,* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, produk pelancongan *Railway Tourism* dengan izin merupakan salah satu produk pelancongan yang baru yang diperkenalkan oleh kementerian ini. *Railway Tourism* dalam masa yang sama merupakan salah satu produk pelancongan yang mempromosikan Program *Homestay* menerusi laluan kereta api di seluruh Semenanjung Malaysia. Fasal 1 iaitu projek perintis bagi *Railway Tourism* telah dilaksanakan pada bulan Oktober 2009 yang melibatkan laluan yang bermula daripada Singapura hingga ke Kelantan.

Program ini bertujuan untuk menggalakkan kedatangan pelancong dari Singapura berkunjung ke *homestay* di Kelantan dengan menaiki kereta api. Kementerian sememangnya mengambil perhatian terhadap perkara ini. Dalam perancangan untuk diperkembangkan ke laluan di sebelah Pantai Timur pula dan Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang melibatkan *homestay* di negeri-negeri lain yang berdekatan dengan laluan kereta api bermula pada tahun 2010 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Lee Chiam Choon menyatakan agensi kementerian di China tidak berkesan dalam mempromosikan Malaysia kerana berpendapat pegawai-pegawai yang ditempatkan di sana hanya menjalankan tugas-tugas di dalam pejabat dan tidak mengambil inisiatif untuk turun padang bagi mempromosikan Malaysia secara terus kepada rakyat China. Justeru, beliau menyarankan supaya Kementerian Pelancongan mengambil langkah-langkah bagi mempertingkatkan prestasi pegawai-pegawai di China supaya lebih ramai pelancong dari China melancong ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, agensi di bawah Kementerian Pelancongan hanya terdapat satu sahaja, iaitu *Tourism* Malaysia. Tugas pegawai-pegawai *Tourism* Malaysia di China dan pejabat-pejabat luar negara yang lain, tidaklah terbatas di dalam pejabat semata-mata. Sebaliknya, banyak kerja promosi yang telah dan terus dilaksanakan dalam pasaran bagi menarik minat lebih ramai pelancong datang berkunjung ke Malaysia. Bagi tahun 2010 misalnya, pelbagai program telah dirancang dan dalam pelaksanaan untuk mempromosikan Malaysia. Ini termasuklah misi jualan ke China serta Hong Kong dan Macau, Malaysia *My Second Home Roadshow*, pameran 1Malaysia *Fair* serta *Diving Workshop* di Hong Kong.

Penyertaan Malaysia dalam *World Expo* di Shanghai dari 1 Mei hingga 31 Oktober 2010 juga bakal memberikan pendedahan terhadap negara kita kepada 70 juta pengunjung yang dijangka melawat tapak ekspo berkenaan sepanjang tempoh tersebut. Di samping itu pegawai *Tourism* Malaysia luar negara juga sentiasa terus menjalinkan hubungan kerjasama yang baik dengan pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan. Dari segi keberkesanan promosi pula, jumlah ketibaan pelancong dari China terus meningkat dari setahun ke setahun. Dari jumlah 689,263 pelancong China termasuk Hong Kong dan Macau pada tahun 2007 yang meningkat kepada 949,864 pelancong pada tahun 2008 dan seterusnya seramai 1.02 juta pelancong pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Pelancongan...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat. Minta laluan.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Tunggu sekejap sahaja,saya habiskan ayat ini.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Okey.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Akhir sekali, saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Pelancongan telah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pendapatan wang asing, meningkatkan guna tenaga dalam industri pelancongan, memupuk kerjasama dan meningkatkan pembangunan wilayah, mempelbagaikan asas ekonomi negara, menggalakkan pemahaman pelbagai budaya dan gaya hidup penduduk berbilang bangsa dan meningkatkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Silakan Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu Syarikat Pampena yang menjalankan perniagaan di luar negara yang saya mendapat tahu mengalami kerugian. Adakah syarikat ini sudah pun ditutup atau masih lagi menjalankan perniagaan? Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan itu. Setiap syarikat yang menjalankan *business* ataupun perniagaan di luar negara jika mereka menanggung kerugian, mereka sendiri akan tutup dan *wind-up.* Oleh itu, syarikat yang disebutkan oleh Yang Berhormat saya belum pasti lagi sama ada ia ditutup ataupun *winding up* ataupun belum. Sememangnya pengusaha-pengusaha atau *business* pelancongan atau *business* yang lain jika mereka menanggung kerugian, mereka berusaha lagi. Kerugian semacam itu sememangnya menjadi pengalaman dan jika mereka meneruskan dan mengikut pengalaman, mungkin mereka boleh dapat untung juga.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat, izinkan saya mencelah sedikit.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Silakan.

■2110

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Saya rasa jawapan Yang Berhormat ini memang – saya minta maaflah bukan tegur untuk berbahas tetapi sekadar rasa-rasanya tidak tepat jawapan Yang Berhormat. Sebabnya dalam akhbar jelas menerangkan ataupun menunjukkan bahawa Syarikat Pampena ini mengalami kerugian. Contohnya di Dubai, restorannya rugi, di London Chelsea, syarikatnya rugi, di Shanghai pun rugi. Jadi, kesemuanya kerugian malah di Langkawi yang dibuka pun, satu *store department* pun rugi.

Jadi, saya pun khuatir macam mana tidak ketahui oleh pihak kementerian bahawa kesemua yang dilabur oleh Pampena, berpuluh-puluh malah boleh saya katakan beratus-ratus juta, kesemuanya mengalami kerugian. Akan tetapi, jawapan Yang Berhormat tidak mengetahui. Jadi, saya agak kecewalah oleh kerana ini telah dipaparkan dalam akhbar bahawa Pampena ini mengalami kerugian yang amat teruk. Saya haraplah – mungkin tidak sempat pada hari ini, dapat Yang Berhormat memberi jawapan dengan lebih tepat di masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan itu. Mungkin saya tidak terdengar tadi nama Pampena disebut. Sekarang baru saya dengar dengan jelas bahawa nama Syarikat Pampena telah pun disebut.

Tentang syarikat Pampena yang mengalami kerugian, sememangnya syarikat itu sudah pun ditutup, *wind-up*. Sudah *wind-up already*. Oleh itu, tidak ada masalah lagilah dengan syarikat ini kerana ianya sudah pun ditutup. Mohon saya teruskan ya Yang Berhormat...

Datuk Akbar bin Ali: Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Maaf tidak dengar tadi nama Pampena disebut.

Datuk Akbar bin Ali: Yang Berhormat.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Justeru...

Datuk Akbar bin Ali: Yang Berhormat. Mohon. Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang setuju bahawa industri pelancongan menyumbang kepada pertukaran wang asing, menyumbang kepada perkembangan ekonomi, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, menyumbang kepada menjana pekerjaan terutama *multiply effect*nya agak besar.

Soalan saya begini, bagi negeri-negeri yang membelanjakan peruntukan yang besar untuk merancakkan industri pelancongan seperti Melaka, malangnya segala *return,* dengan izin, daripada sektor pelancongan ini tidak balik ke kerajaan negeri. Cukai *income tax* pergi ke pusat, cukai korporat pergi ke pusat, *services tax* dan lain-lain juga pergi ke pusat.

Oleh itu, saya telah bangkitkan dalam perbahasan bajet bulan Disember lalu tentang perlunya membantu kerajaan negeri dalam aspek ini. Menteri Pelancongan dalam ucapan beliau pada bulan Disember yang lalu telah berjanji untuk memberikan *back to back, dollar per dollar* kepada Kerajaan Negeri Melaka. Soalan saya, apakah kedudukan tentang janji Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen? Saya harap janji beliau samalah janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada para pengundi Hulu Selangor. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat... *[Ketawa]* Itu adalah janji Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya akan bincangkan dengan beliau kerana saya belum pasti lagi sebab saya belum masuk lagi di dalam Kementerian Pelancongan pada masa itu dan saya tidak tahu tentang janji itu. Memang benar kata Yang Berhormat bahawa walaupun pendapatan negara amat tinggi, amat besar daripada industri pelancongan, namun wang itu oleh kerana cukai masuk dalam *coffer Federal* tetapi, kementerian juga membantu negeri di dalam projek-projek pembangunan yang berkaitan dengan pelancongan.

Justeru untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pelancongan yang berkualiti, kita hendaklah bersama-sama menjaga kebersihan, meningkatkan perkhidmatan pelancongan sedia ada, memupuk sifat kemesraan pelancong. Ini merupakan sikap yang diperlukan dalam membentuk satu minda *'think tourism and act tourism'*, dengan izin. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, yang menyentuh bidang tanggungjawab kementerian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kini, sampai masanya Jabatan Perdana Menteri sebagai kementerian yang bertanggungjawab akan menggulung bagi perbahasan Titah Diraja. Pertama, Dewan minta Yang Berhormat Datuk Liew Vui Keong untuk menggulung.

9.15 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin mencadangkan agar tindakan diambil terhadap mana-mana pihak yang mempersoalkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong termasuk berkaitan Titah Diraja. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sememangnya tidak bersetuju dengan tindakan beberapa pihak yang mempersoalkan kedudukan dan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Walau bagaimanapun, dalam perkara ini, kerajaan menyerahkan kepada pihak-pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk memutuskannya. Kerajaan tidak mahu dilihat mempengaruhi mana-mana pihak untuk mengambil tindakan dalam soal ini.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali membangkitkan isu pelantikan Syarikat APCO dan kadar bayarannya. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melantik Syarikat APCO bertujuan untuk meningkatkan lagi kapasiti kerajaan dalam bidang komunikasi agar pendekatan dan amalan kita adalah sama dengan amalan terbaik dunia. Pembayaran bagi perkhidmatan Syarikat APCO bergantung kepada pelaksanaan sebenar program komunikasi yang telah ditetapkan. Ini termasuklah mengambil kira tempoh perkhidmatan, jumlah pekerja dan jenis perkhidmatan yang disediakan.

Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung membangkitkan tentang janji-janji yang dibuat oleh bekas-bekas Menteri yang belum ditunaikan dan apakah tindakan untuk menguruskan janji-janji tersebut. Untuk maklumat Yang Berhormat, perkara Yang Berhormat bangkitkan terlalu umum. Bekas Menteri mana? Janji apa dan bila? Sebenarnya Yang Berhormat, janji-janji yang dibuat oleh bekas-bekas Menteri

Walau bagaimanapun, pelaksanaan janji-janji tersebut adalah berdasarkan kepada keperluan semasa rakyat dan peruntukan kewangan kerajaan. Kerajaan tidak akan sesekali memungkiri janjinya kepada rakyat. Ini terbukti di mana rakyat sendiri dapat lihat dan nikmati apa yang kerajaan telah lakukan sejak sekian lama ini.

Yang Berhormat Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi telah memberikan beberapa cadangan berkaitan pelaksanaan Model Ekonomi Baru seperti pelantikan Menteri untuk mengkoordinasi suatu lembaga atau badan untuk memantau dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat, ketika ini kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi yang bermesyuarat setiap minggu dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Sehubungan itu, kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu lagi badan yang serupa bagi mengelakkan pertindihan bidang tugas.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi menyatakan petunjuk prestasi utama atau KPI yang ditetapkan oleh pihak mahkamah menekankan peguam. Untuk makluman Yang Berhormat, KPI adalah satu matlamat yang ditetapkan untuk melupuskan kes-kes yang tertunggak dalam masa yang singkat tanpa mengorbankan prinsip-prinsip keadilan. Justeru dakwaan Yang Berhormat bahawa peguam-peguam tertekan disebabkan KPI ini adalah tidak benar sama sekali kerana tiada peguam yang ditekan.

■2120

Untuk makluman Yang Berhormat juga, di Mahkamah Tinggi jumlah kes-kes sivil yang diselesaikan termasuk yang ditarik semula setakat bulan Mac 2010 adalah sebanyak 25,033 kes sementara kes-kes jenayah di Mahkamah Tinggi yang telah diselesaikan setakat Mac 2010 berjumlah 1,900 kes. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf telah menyentuh dua perkara berkaitan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) iaitu perpindahan *locality* dalam Parlimen Hulu Selangor yang didakwa melebihi 14,000 pengundi dan pendaftaran pemilih secara automatik untuk rakyat Malaysia yang telah memenuhi syarat. Untuk makluman Yang Berhormat, dakwaan bahawa pembetulan *locality* telah membabitkan perpindahan 14,000 pemilih di Parlimen Hulu Selangor adalah tidak benar sama sekali.

Sebenarnya, hanya seramai lebih daripada 200 orang pemilih sahaja di *locality* di Kampung Tanjung yang terbabit dengan pembetulan *locality* dari Parlimen Hulu Selangor ke Parlimen Selayang. Ini kerana *locality* Kampung Tanjung telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Selangor sebagai suatu kawasan di dalam kawasan Daerah Gombak. Oleh itu, *locality* Kampung Tanjung terletak di Parlimen Selayang. Selain daripada pembetulan di atas terdapat *locality* lain yang dikemaskinikan termasuklah seperti pembetulan ejaan, nama, kod, dan lain-lain. Pembetulan *localities* selain dari Kampung Tanjung hanya membabitkan pengemaskinian *locality* di dalam Parlimen Hulu Selangor dan tidak melibatkan pemindahan pemilih keluar dari Parlimen Hulu Selangor.

Pembetulan *locality* ini dibuat selaras dengan subseksyen 7(2), dan subseksyen 7(4) Akta Pilihan Raya 1958 melalui urusan belah bahagi daerah mengundi yang dilaksanakan sepanjang masa oleh SPR dan bukannya dibuat selepas kematian atau kekosongan sesebuah kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, tujuan urusan belah bahagi tersebut dijalankan adalah untuk memberikan keselesaan kepada pemilih pengundi berhampiran dengan tempat kediaman mereka. Di samping mengelakkan berlakunya kesesakan di sesebuah pusat mengundi. Berhubung pendaftaran pemilih ....

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: *[Bangun]*

Datuk Liew Vui Keong: …Secara automatik untuk rakyat Malaysia yang telah memenuhi syarat mengundi pula.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi rakyat yang telah mencapai umur 21 tahun. Ini disebabkan sebahagian besar rakyat Malaysia tidak tinggal di alamat yang tercatat di dalam kad pengenalan mereka.

Jika dilaksanakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik yang sedemikian, ia akan memberikan implikasi yang besar kepada mereka yang terlibat memandangkan keadaan mobiliti penduduk yang sangat tinggi ekoran berpindah alamat kediaman, pertukaran tempat kerja, dan sebagainya.

Oleh sebab terdapat mereka yang tidak membuat pertukaran alamat pada kad pengenalan, ini akan menyebabkan bilangan mereka yang akan didaftarkan di luar kawasan tempat mereka bermastautin adalah tinggi bahkan mungkin ada di antara mereka yang tidak lagi menetap di tempat tersebut serta tidak mempunyai ahli keluarga di alamat yang didaftarkan. Kerajaan berpendapat, jika hal ini berterusan berlaku ia akan menimbulkan kesulitan kepada pemilih itu sendiri kerana mereka telah berpindah ke tempat lain.

Peraturan ini juga jika dilaksanakan amat bertentangan dengan kehendak Perlembagaan mengenai tempat mastautin sebenar pemilih berkenaan. Jika berlaku pilihan raya, maka pemilih berkenaan akan menghadapi kesulitan untuk menentukan di pusat mengundi manakah mereka akan mengundi. Ini kerana namanya tidak disenaraikan di tempat mengundi mereka bermastautin. Jika ramai pemilih yang berpindah tempat bermastautin tetapi tidak memaklumkan kepada pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah dikhuatiri ramai pemilih tidak akan kembali mengundi jika pusat mengundi mereka terletak jauh dari tempat kediaman.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Syed Husin Ali...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon untuk mencelah.

Datuk Liew Vui Keong: Ya, silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya rasa terdapat sedikit kekeliruan berkenaan dengan apa yang telah saya hujahkan sebelum ini semasa Ucapan Menjunjung Kasih.

Saya tidak pernah mengeluarkan kenyataan bahawa hanya peguam yang tertekan. Dalam kes yang saya laporkan ini, perkara yang saya buat ini adalah berdasarkan kepada makluman daripada bawah termasuk daripada hakim sendiri. Ini kerana apabila ada perbicaraan bukan hanya peguam yang mesti ada di mahkamah. Hakim-hakim sendiri pun mesti duduk di mahkamah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, bagi seorang peguam swasta mereka sebenarnya tidak terkesan bila kes tarik balik atau kes diteruskan. Ini kerana fi mereka tetap akan dibayar.

Persoalan sekarang ialah keadilan kepada pihak yang menjadi *client* kepada mana-mana kes yang ditarik balik ataupun tidak dibenarkan penangguhan dibuat. Kita bimbang berlaku ketidakadilan kerana masalah untuk menyelesaikan kes dengan cepat. Jadi, saya bukan mendakwa ataupun mengatakan bahawa memang hanya peguam yang tertekan. Dalam kes ini, tekanan kepada peguam akan menyebabkan mungkin mereka boleh ambil fi yang lebih tinggi. Jadi, dari segi peguam sebenarnya tidak ada masalah tetapi, yang penting sekarang kita mahukan keadilan kepada rakyat itu yang pertama dan isu yang penting saya tanyakan dalam perbahasan dua hari lepas ialah berkenaan dengan KPI, mahkamah kepada peguam.

Soal tentang bagaimana mahkamah boleh memberikan draf penghakiman, nota keterangan dan juga penghakiman termeterai kepada para peguam. Ini kerana para peguam ada tempoh masa tertentu yang mereka perlu siapkan kepada mahkamah. Jadi, dari segi mahkamah pulangkan semula kepada peguam, saya mahu tahu KPI. Saya dengan jelasnya menyatakan tentang KPI daripada pihak mahkamah kepada pihak peguam. Saya minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Mengenai isu penarikan kes di mahkamah seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa sesuatu kes sekiranya perlu ditarik mesti mendapatkan keizinan daripada *client* mereka. Sekiranya seorang peguam menarik balik sesuatu kes di mahkamah tanpa keizinan *client* mereka, jadi ini akan buka peluang untuk mereka disaman nanti oleh kerama mungkin akan menimbul sesuatu kecuaian peguam ataupun profesional *negligent.* Jadi, penarikan kes ini biasanya akan dibuat dengan persetujuan daripada *client.* Selain daripada itu, mahkamah setakat ini mengadakan suatu akta yang dikenali sebagai *The Speedy Trial Act,* di mana kebanyakan kes akan dimulakan dan ditamatkan selepas mengadakan kes *management, pretrial conference,* dan seterusnya.

Akta yang telah pun dibentangkan di Dewan Rakyat sebelum ini telah pun meluluskan dan mengatakan, "selepas sembilan puluh hari", iaitu *"…ninety one days",* kes ini, kes ini akan dibawa dan didengarkan di mahkamah yang berkenaan. Jadi, tidak adalah tekanan seperti yang ternyata oleh Senator ini. Ini kerana undang-undang telah pun memperuntukkan bahawa ada masa terhad untuk sesuatu kes di selesaikan di mahkamah.

Ini telah pun berlaku bukan sahaja di negara kita tetapi negara lain seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, dan juga India. Mereka ini telah pun menggunakan akta-akta berkenaan untuk menyelesaikan kes seberapa cepat yang boleh.

Ini seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa sekiranya kes itu cepat diselesaikan ini juga memberi keadilan kepada mereka yang ditahan atau pun dituduh dan juga kepada mereka yang disaman dalam kes sivil. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan bahawa Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah mencadangkan agar rang undang-undang dipaparkan dalam laman web Parlimen sebelum Dewan Rakyat dan Dewan Negara bersidang membahaskannya. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini semua rang undang-undang dimuat naik ataupun di *upload,* dengan izin, di laman web Parlimen Malaysia setiap kali selepas Bacaan Kali Pertama dibuat di Dewan Rakyat.

■2130

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi supaya tempoh pelantikan Ahli Dewan Negara dilanjutkan kepada lima tahun. Untuk maklumat Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan berpendapat bahawa tempoh pelantikan sedia ada adalah memadai dan tidak ada cadangan untuk dilanjutkan seperti mana cadangan Yang Berhormat. Lagi pun Ahli-ahli Yang Berhormat ada peluang untuk dilantik bagi tempoh tiga tahun lagi bagi menjadikannya enam tahun keseluruhannya.

Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali mencadangkan agar Ahli Dewan Negara diberikan elaun tetap perjalanan sebanyak RM1,000, dinaikkan elaun tetap pemandu pada RM2,300 dan dinaikkan peruntukan. Untuk maklumat Yang Berhormat, cadangan berkenaan akan diberikan perhatian sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn mencadangkan agar ditubuhkan jawatankuasa khas Parlimen yang membincangkan hal-hal pemanasan global ataupun *global warming,* dengan izin. Untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan jawatankuasa pemilih di Parlimen adalah berdasarkan keperluan dan kehendak semasa. Ini bagi membolehkan diberi lebih ruang kepada Ahli-ahli Dewan untuk membincangkan dengan lebih teliti isu-isu yang dirujuk kepada jawatankuasa berkaitan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi juga mencadangkan agar Parlimen menubuhkan Majlis ataupun *Council,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang terdiri daripada *young parliamentarian* seperti mana yang diamalkan di beberapa buah negara maju. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya Parlimen tidak mempunyai halangan agar ditubuhkan Majlis sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Perkara ini akan diambil perhatian sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin membangkitkan tentang pelanjutan perkhidmatan kontrak Ketua Setiausaha Negara. Untuk makluman Yang Berhormat, pelanjutan dibuat atas kepentingan negara dan perkhidmatan awam keseluruhannya.

Kepakaran dan nilai kepimpinan tinggi yang telah beliau tunjukkan masih lagi diperlukan terutama dalam meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam. Ditegaskan di sini bahawa langkah pelanjutan ini tidak akan menghalang peluang kenaikan pangkat pegawai-pegawai lain dalam sektor awam kerana jawatan Ketua Setiausaha Negara adalah berstatus terbuka dan bukan jawatan naik pangkat.

Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman mencadangkan agar kakitangan awam yang bertaraf kontrak diserapkan secara tetap. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk menyerap pegawai lantikan kontrak dan anggota sambilan secara tetap. Ini kerana pelantikan mereka hanya dibuat bagi melaksanakan tugas dalam tempoh tertentu dan sebahagian daripadanya bukan mengisi kekosongan jawatan tetap. Selain itu, terdapat juga sebahagian daripada mereka merupakan pesara kerajaan bukan warganegara dan pelantikan dibuat dengan kelonggaran syarat kelayakan akademik, tidak seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan. Justeru, keadaan penyerapan terus tanpa melalui tapisan pengambilan tidak sesuai untuk dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, peluang pegawai lantikan kontrak dan anggota sambilan yang mempunyai kelayakan akademik yang bersesuaian untuk memohon jawatan tetap sentiasa terbuka. Semua pegawai kontrak yang mengisi jawatan tetap akan dilantik ke jawatan tetap dengan syarat hendaklah memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

(i) memenuhi syarat skim perkhidmatan;

(ii) telah berkhidmat secara kontrak selama setahun atau lebih;

(iii) mencapai tahap prestasi yang baik dengan markah laporan prestasi tahunan melebihi 85 peratus;

(iv) diperakukan oleh ketua jabatan; dan

(v) berjaya dalam temu duga yang dijalankan oleh pihak berkuasa melantik.

Datuk Akbar bin Ali: Mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di hadapan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang apa yang dikatakan dengan pelantikan semula KSN tadi. Ini bukan soalan saya, ingin penjelasan lanjut yang saya mohon. Soalan asal adalah daripada jiran saya ini... *[Merujuk kepada Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin]* Yang tidak ada memberikan kesan pada kenaikan pangkat kepada pegawai lain. Ini disebabkan alasannya dikatakan itu adalah jawatan terbuka. Mengikut konvensyen, KSN biasanya adalah datang daripada pegawai yang sedang bertugas dan *by convention* juga biasanya di kalangan PTD. Ini berbeza dengan Ketua Pengarah Kastam sekarang yang mana beliau dilantik setelah bersara.

Jadi, saya tidak nampak ataupun tolong Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan bahawa apabila ada kekosongan jawatan KSN tadi, maka ia memberikan peluang sehingga ke peringkat bawahan. Peringkat Gred 41 akan naik ke Gred 44, Gred 44 akan naik ke Gred 48 dan seterusnya ke atas. Jadi, saya kurang jelas bagaimana kalau berlaku kekosongan jawatan KSN itu ia tidak ada memberi kesan pada kenaikan pangkat tetapi apabila ia terus dikekalkan, dilantik semula, maka peluang naik pangkat bagi pegawai-pegawai lain tertutup. Tolong jelaskan. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali. Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa konvensyen ini memang satu konvensyen sahaja. Akan tetapi kadangkala konvensyen ini boleh ditukar untuk menyesuaikan keadaan yang terkini.

Bagi saya, buat setakat ini kedudukan KSN ini memang dikuasai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau yang telah pun membuat keputusan bahawa Yang Berbahagia KSN diteruskan dengan lanjutan kedudukannya. Jadi, bagi saya seperti yang saya telah pun jelaskan tadi dalam hal ini memandangkan beliau adalah seorang yang telah pun berkhidmat dengan begitu cemerlang, berpengetahuan, berkemahiran dan pengalaman yang diperoleh oleh KSN ini. Jadi, bagi saya, kekosongan ini memang sentiasa ada juga kepada pihak di bawah apabila KSN telah pun bersara nanti. *So, we have to wait and see,* Yang Berhormat Senator.

Datuk Akbar bin Ali: Minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak *confirm*kan, hendak betulkan kedudukan saya dahulu. Pertama, saya tidak mempersoalkan *prerogative* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak. Kedua, saya juga tidak mempersoalkan kewibawaan Tan Sri Sidek yang dilantik semula itu. Beliau memang seorang yang berpengalaman dan sebagainya. Cuma saya tidak faham jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan kalau beliau ini terus dilantik ataupun dilantik semula, ia tidak menjejaskan peluang naik pangkat. *That's part of the issue* yang saya timbulkan.

Datuk Liew Vui Keong: Saya menegaskan di sini bahawa ini tidak menghalang mereka untuk berpeluang dinaikkan pangkat ke pegawai lain dalam sektor-sektor awam kerana saya telah pun mengatakan tadi bahawa jawatan KSN ini adalah berstatus terbuka, Yang Berhormat Senator. Bukan satu jawatan untuk naik pangkat. *That is the difference.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan di sini bahawa Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad ingin juga mengetahui sejauh mana peranan yang dimainkan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ataupun dikenali sebagai APMM dalam menangani isu pemerdagangan orang. Untuk makluman Yang Berhormat, fungsi APMM telah menguatkuasakan undang-undang dan ketenteraman di bawah mana-mana undang-undang Persekutuan.

Bidang penguatkuasaan APMM adalah di kawasan zon maritim Malaysia iaitu perairan pedalaman laut wilayah pelantar benua dan Zon Ekonomi Eksklusif. Ketua Pengarah APMM atau wakilnya merupakan ahli Majlis Anti-Pemerdagangan Orang ataupun MAPO.

Sesuai dengan akta ini yang mana APMM menjadi ahli dalam jawatankuasa penguatkuasaan, maka APMM diberikan kuasa merangkumi kawasan daratan dalam menjalankan tindakan bersepadu di kalangan agensi penguatkuasaan, perkongsian maklumat, kawalan sempadan, pencegahan risikan dan pendakwaan bagi menentukan mangsa pemerdagangan orang mendapat perlindungan pantas dan penjenayah pula dapat dihukum.

■2140

Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar menyentuh mengenai perkhidmatan bas-bas uzur dan jumlah bas berkenaan yang masih beroperasi serta apakah pendirian kerajaan sama ada mahu meneruskan perkhidmatan ataupun memberhentikannya. Untuk makluman Yang Berhormat, peraturan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) sedia ada telah jelas menetapkan had usia bas-bas pengangkutan awam iaitu bas berhenti-henti tidak melebihi 15 tahun dan bas ekspres tidak melebihi sepuluh tahun. Selain itu, semua bas pengangkutan awam perlu menjalani pemeriksaan berkala di Puspakom iaitu setiap enam bulan. Sekiranya bas didapati terlalu uzur dan tidak selamat untuk digunakan, maka kebarangkalian untuk gagal pemeriksaan Puspakom adalah tinggi. Sekiranya gagal, kenderaan tersebut tidak akan dibenarkan untuk digunakan.

Berhubung rekod bas-bas lama pula, sebenarnya kerajaan hanya mempunyai rekod berhubung jumlah bas pengangkutan awam yang sedang beroperasi sahaja. Rekod berhubung bas-bas lama tidak disimpan memandangkan bas-bas yang melebihi had usia yang dibenarkan akan ditamatkan penggunaannya dan pihak syarikat dikehendaki menggantikannya dengan bas baru.

Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff ingin mengetahui perbelanjaan untuk program PERMATA dan adakah benar kanak-kanak di bawah program PERMATA mempunyai kelebihan berbanding program lain serta apakah piawaian diguna pakai bagi mengesahkannya?

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak program asuhan dan didikan awal kanak-kanak PERMATA dilancarkan pada tahun 2007, sebanyak RM20 juta telah disediakan sebagai peruntukan permulaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membiayai kos penubuhan 14 pusat Anak Permata Negara secara projek perintis di seluruh negara. Ini merangkumi kos pembangunan kurikulum penyediaan latihan, tenaga pendidik, infrastruktur termasuk bangunan dan peralatan perbelanjaan serta melaksanakan program PERMATA Pintar.

Di bawah pakej Rangsangan Ekonomi Pertama, sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan bagi tujuan memperluaskan program PERMATA ke seluruh negara dan telah dibelanjakan sebanyak RM130 juta bagi memperluaskan program berkenaan ke hampir 457 buah taska kerajaan di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Taska Komuniti dan Taska Tempat Kerja di agensi kerajaan.

Peluasan ini memberi peluang kepada seramai 17,565 kanak-kanak luar bandar dan pinggir bandar di bawah umur empat tahun untuk mengikuti proses kurikulum PERMATA. Pada tahun 2010, peruntukan sebanyak RM100 juta telah disediakan bagi memperkasakan program PERMATA dengan sasaran peluasan sebanyak 210 buah taska. Di samping itu, peruntukan tersebut juga akan turut membiayai program PERMATA Pintar, PERMATA Seni, PERMATA Insan dan Perkasa Remaja.

Untuk makluman Yang Berhormat, kos operasi bagi setiap kanak-kanak di Pusat Anak Permata Negara adalah sebanyak RM794 sebulan. Kos ini meliputi emolumen dan elaun pendidik Permata dan pembantu pengurusan kanak-kanak di Pusat Anak Permata Negara, bil-bil utiliti, kontrak perkhidmatan seperti keselamatan, pembersihan, bekalan makanan bermasak dan juga bekalan peralatan pembelajaran.

Program PERMATA bertujuan untuk melahirkan kanak-kanak yang holistik dan seimbang, mempunyai akhlak dan sahsiah yang mulia, berintelek tual tinggi, mahir berkomunikasi, bijak bergaul, sihat jasmani dan pandai mengurus diri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab. Mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh pihak Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom untuk menggulung.

9.45 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan hal ehwal Islam semasa perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini. Saya telah meneliti semua isu-isu yang dibangkitkan. Sesungguhnya, Jabatan Perdana Menteri khususnya agensi-agensi berkaitan telah mengambil perhatian dan menghargai pandangan, teguran dan juga cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menjelaskan mengenai isu berkaitan persijilan penguatkuasaan dan pemantauan serta Akta Halal.

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed telah mempersoalkan sejauh mana pihak JAKIM telah bersedia bagi pelaksanaan dan penguatkuasaan Sijil Halal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan JAKIM mampu untuk menjadi sebuah badan persijilan yang kompeten, beberapa langkah telah diambil antaranya ialah:

(i) pengisian pegawai yang berkelayakan bagi keperluan syariah dan teknikal. Jumlah jawatan 152, pengisian 97 dan kekosongan 55 di mana 15 jawatan ialah Pegawai Teknologi Makanan daripada Kementerian Kesihatan;

(ii) pembinaan Institut Halal Malaysia secara berperingkat di bandar Enstek yang lengkap dengan makmal dan pusat latihan yang dijangka bermula pada tahun 2012; dan

(iii) menyediakan latihan yang bersesuaian dan terkini secara berterusan kepada pegawai JAKIM bagi tujuan peningkatan kompetensi mereka.

Mengenai kerjasama dengan institusi antarabangsa bagi tujuan pengiktirafan sijil JAKIM di peringkat antarabangsa, dimaklumkan bahawa persijilan halal yang telah dilaksanakan JAKIM mengguna pakai standard MS1500:2009. Standard ini dibangunkan berdasarkan input-input dan kerjasama daripada agensi-agensi yang terlibat dalam persijilan halal seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pengurusan Veterinar, Jabatan Kimia Malaysia, SIRIM Berhad, Standard Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan NGO-NGO, di mana standard ini telah merangkumi aspek-aspek dari segi pematuhan syariah dan bidang teknikal mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan Malaysia seperti *Hazard Analysis Critical Control Point* (HACCP), *Good Manufacturing Practices* (GMP), *Good Hygienic Practices* (GHP) dan *Good Agriculture Practices* (GAP).

Berhubung kaedah pemantauan bagi memastikan Sijil Halal tidak dipalsukan, JAKIM sentiasa menjalankan pemantauan secara berkala kepada semua pemegang sijil dan logo halal Malaysia bagi memastikan mereka turut menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bersama pihak KPDNKK berdasarkan aduan yang diterima.

Setakat daripada bulan Ogos 2009, di mana pada tarikh itu pengurusan halal telah dikembalikan kepada JAKIM yang telah dipegang seketika oleh HDC sehingga April 2010. Ogos 2009 sehingga April 2010 sebanyak 384 pemantauan telah dilaksanakan. Dari jumlah tersebut, sebanyak sepuluh sijil telah ditarik bagi kesalahan serius.

Yang Berhormat juga ingin tahu bilakah Akta Halal akan dibentangkan. Pada masa sekarang JAKIM juga sedang bekerjasama dengan pihak KPDNKK bagi meminda Akta Perihal Dagangan (APD) 1972 bagi tujuan penyelarasan persijilan dan penguatkuasaan halal bersama negeri-negeri. Pindaan ini juga akan memberikan kuasa kepada JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai badan persijilan yang berautoriti di negara ini.

■2150

Dijangkakan rang undang-undang pindahan akta ini akan dibentangkan pada persidangan Parlimen yang akan datang. Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir juga meminta penjelasan apakah sebenarnya yang menjejaskan...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat, boleh saya minta laluan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sila.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat, mengikut apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi bahawa Akta Halal ini akan dibentangkan dalam Parlimen, jadi penguatkuasaan sekarang berdasarkan akta mana sebenarnya?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, sejauh sekarang kita menggunakan akta yang lama, yang dahulu yang perlu kita ada penambahbaikan.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, akta yang dahulu tidak memungkinkan untuk kita mengambil tindakan kepada mereka yang tidak memohon sijil. Jadi sebab itu timbul persoalan hari ini adakah sijil itu wajib ataupun tidak, jadi jawapannya sijil tidak diwajibkan untuk diambil bagi industri-industri terutama industri yang berkaitan dengan makanan dan sebagainya tetapi dengan pindaan akta yang baru, yang sedang kita bina ini ialah pintu supaya lebih *comprehensive,* dengan izin, ataupun dengan lebih lengkap, termasuk supaya pihak pemain-pemain ataupun mereka yang berada di sektor perniagaan dan sebagainya ini dapat diambil tindakan kalau sekiranya ada penyelewengan-penyelewengan yang berkaitan dengan halal.

Begitu juga kesan daripada akta yang lengkap ini tidak dapat dipenuhi, maka di sana kita melihat ruang untuk mereka yang bukan daripada badan berautoriti dalam erti kata bukan JAKIM, bukan JAIN dan juga MAIN yang juga mengeluarkan Sijil-sijil Halal masing-masing, jadi kita melihat bahawa keperluan kepada pindaan ini untuk tujuan, sebab itu saya kata pindaan kerana bukan tidak ada tetapi ada di sana, tetapi dilihat masih ada lagi banyak ruang-ruang yang perlu dikemaskinikan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir meminta penjelasan apakah sebenarnya tugas JAKIM kerana tidak mempunyai kuasa untuk memantau restoran-restoran yang memaparkan perkataan 'Halal'. Dimaklumkan tanggungjawab JAKIM adalah sebagai badan yang memberikan pengesahan status halal. Dalam aspek pematuhan, bidang kuasa JAKIM adalah kepada pemegang sijil dan logo Halal Malaysia sahaja. Dalam konteks perbahasan Halal yang mengguna pakai dan logo Halal selain yang dikeluarkan oleh JAKIM, JAIN dan MAIN oleh pelbagai pihak termasuk restoran-restoran, ia tertakluk di bawah tanggungjawab

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang jelas di bawah peruntukan Akta Perihal Dagangan 1972 (APD 1972) bagi tujuan pemantauan dan penguatkuasaan KPDNKK telah melantik Pegawai JAKIM dan juga JAIN sebagai Penolong Pegawal Perihal Dagangan yang boleh melaksanakan pemeriksaan dan penyiasatan di bawah peruntukan APD 1972. Selepas akta ini dipinda hanya logo Halal yang dikeluarkan oleh JAKIM dan JAIN juga MAIN yang hanya boleh digunakan untuk tujuan halal ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya beralih kepada isu-isu berkaitan surau dan masjid yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah binti Hamat, Ahli Yang Berhormat menyarankan supaya JAKIM bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri untuk memperkasakan institusi surau dan masjid. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pentadbiran Agama Islam di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Masjid dan surau juga terletak di bawah bidang kuasa negeri, JAKIM selaku agensi pusat memang bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri dalam menambah nilai dan meningkatkan kualiti pengurusan masjid.

Pada masa sekarang Kerajaan Pusat melalui JAKIM telah memperuntukkan pada tahun 2010, sebagai contoh sebanyak RM76.97 juta bagi bayaran imbuhan Imam yang melibatkan 14,254 orang dan RM13.09 juta bagi 3,661 orang guru takmir dan RM1.77 juta bagi 87 orang Pegawai Penyelaras Masjid Daerah di seluruh negara. Berkaitan pangkalan data surau dan masjid di seluruh negara, dimaklumkan JAKIM mempunyai pangkalan data yang dinamakan Sistem Maklumat Imam Masjid ringkasnya, SISMIM. Pada masa ini terdapat 6,119 buah masjid dan 15,139 buah surau di Malaysia.

Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya membuat pendaftaran semua jemaah surau, masjid dan profil jemaah adalah baik dan dialu-alukan. Profil jemaah surau bergantung pada pengurusan masjid Majlis Agama Islam Negeri yang dilaksanakan oleh negeri masing-masing, misalnya pangkalan data anak qariah bagi mengenal pasti jumlah umat Islam dalam qariah tertentu. Bagaimanapun cadangan ini akan kita panjangkan kepada negeri, kepada JAIN dan juga MAIN agar supaya dapat diambil perhatian.

Bagi menarik golongan muda ke surau dan masjid, pihak JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri mengadakan beberapa program untuk menarik golongan ini ke masjid. Pihak masjid dan surau juga turut mengadakan pelbagai aktiviti remaja di masjid.

Antara program yang sering dan selalu dilakukan seperti *Smart* Solat, Kem Remaja Masjid, kelas tuisyen, kelas komputer, Kelab Tekwando, Pusat Remaja dan sebagainya. Mengenai tindakan kerajaan terhadap surau dan masjid yang digunakan untuk kepentingan pihak tertentu, tindakan yang berterusan diambil adalah berpandukan kepada Enakmen Majlis Agama Islam Negeri-Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Fatimah binti Hamat juga meminta penjelasan adakah kerajaan akan meminda Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam adalah agama bagi Persekutuan kepada Islam adalah *Ad-din* bagi Persekutuan.

Kerajaan tidak bercadang buat masa ini untuk meminda Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan kerana peruntukan ini secara jelas telah memberikan kedudukan kepada agama Islam melalui pengiktirafan Islam sebagai agama bagi Persekutuan.

Kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan perlu dilihat dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan secara menyeluruh dan tidak hanya dilihat dalam ruang lingkup Perkara 3(1) semata-mata. Ini kerana peruntukan tersebut diperkukuhkan dengan kewujudan pertukaran peruntukan-peruntukan lain yang menjamin kedudukan Islam antara lain seperti Perkara 11(4), Perkara 12(2), Perkara 121(1A), Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan dan ikrar Yang di-Pertuan Agong dalam Jadual Keempat, Perlembagaan Persekutuan. Melalui peruntukan-peruntukan tersebut ternyata Agama Islam diberikan kedudukan di dalam Perlembagaan sebagai Agama Persekutuan. Walau bagaimanapun hak dan kebebasan agama-agama lain tetap tidak diabaikan dan dijamin oleh Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, saranan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed supaya program-program kekeluargaan selepas perkahwinan seperti mana Program Keluarga Sakinah perlu diperbanyakkan dan diperluaskan adalah amat baik dan dialu-alukan. Sesungguhnya JAKIM dan Jabatan-jabatan Agama Islam di negeri-negeri seluruh Malaysia telah melaksanakan pelbagai program untuk memperkasa institusi kekeluargaan Malaysia sama ada program sebelum berkahwin dan selepas berkahwin.

Antaranya ialah seperti mana program pertamanya Kursus Pra Perkahwinan Islam pada tahun 2009. Sebanyak 130,829 peserta telah menghadiri Kursus Pra Perkahwinan Islam yang telah dianjurkan oleh JAKIM dan juga JAIN. Kedua, Program Pasca Perkahwinan Rumahku Syurgaku ataupun *Baiti Jannati,* pada tahun 2009 sebanyak 890 program yang telah melibatkan 73,266 orang peserta telah dilaksanakan oleh JAKIM dan JAIN di seluruh Malaysia. Antara program-program yang telah dilaksanakan ialah Program Kemahiran Keibubapaan, Program Ibu Hamil, Program Pembangunan Remaja, Program Kewanitaan, Program Kesihatan Keluarga, Ibu Tunggal, Lawatan Ziarah ke Rumah Bermasalah dan Forum Kekeluargaan.

■2200

Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed juga mencadangkan supaya memperkasakan undang-undang syariah sebagai penyelesaian masalah moral umat Islam hari ini. Kerajaan amat menghargai saranan ini dalam konteks penggunaan undang-undang syariah bagi mengatasi masalah moral dan sosial sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa hal-hal berkaitan syariah termasuk pengkanunan dan penguatkuasaan kesalahan-kesalahan syariah adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri seperti mana yang diperuntukkan dalam Jadual 9, Senarai II, Perlembagaan Persekutuan.

Dalam undang-undang kesalahan syariah yang dikanun dan dikuatkuasakan di negeri pada masa ini tidak dapat peruntukan yang khusus mengenai kesalahan pembuangan bayi. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan yang boleh dikaitkan dengan kes pembuangan bayi iaitu:

(i) kesalahan berkaitan bersekedudukan ataupun khalwat;

(ii) persetubuhan haram, persetubuhan luar nikah;

(iii) percubaan persetubuhan haram;

(iv) bersubahat melakukan persetubuhan haram;

(v) melacurkan diri; dan

(vi) hamil luar nikah.

Hukuman bagi kesalahan-kesalahan berkenaan adalah berdasarkan kepada Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah 1995 (Pindaan) 1984, Akta 355 iaitu penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi RM5,000 dan sebat tidak melebihi enam sebatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Norhayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn memberikan beberapa cadangan dan pandangan bagi menambah baik Mahkamah Syariah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah sedang menyediakan buku Carta Aliran ataupun Carta Aliran Proses mengenai penceraian di Mahkamah Syariah untuk rujukan semua pihak. Pihak NGO dan peguam-peguam syarie telah diberi taklimat mengenainya dan sedang memberikan respons yang positif.

Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, penjelasannya adalah seperti berikut, pertama; sesi kaunseling tidak positif. Dimaklumkan bahawa Mahkamah Syariah tidak menjalankan sesi kaunseling sebaliknya ianya dijalankan oleh Jabatan Agama Islam.

Kedua, perbicaraan rumit dan melibatkan banyak dokumen. Penggunaan dokumen adalah merupakan salah satu perkara yang diperuntukkan di dalam undang-undang. Oleh itu ianya merupakan keperluan yang perlu disediakan oleh pihak-pihak di dalam satu perbicaraan bagi memudahkan mahkamah dalam membuat keputusan berkenaan kehadiran, tarikh sesuatu kes yang telah ditetapkan oleh mahkamah berdasarkan persetujuan pihak-pihak. Jadi tidak timbul isu hakim atau peguam tidak hadir ke mahkamah melainkan adanya hal-hal yang tidak dapat dielakkan. Namun begitu, jika berlaku perkara sedemikian, pihak-pihak akan dimaklumkan terlebih dahulu tarikh tangguhan dan akan diberikan dan akan diberikan tarikh perbicaraan yang baru.

Ketiga, pihak suami senang mendapat penceraian berbanding isteri. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kuasa talak merupakan hak suami. Oleh itu suami yang ingin bercerai akan lebih mudah untuk mendapat penceraian dengan persetujuan isteri. Namun begitu, isteri juga masih berpeluang mendapat penceraian walaupun tanpa persetujuan suami iaitu sama ada melalui tuntutan cerai taklik, tuntutan fasakh atau kuluk ataupun tebus talak.

Keempat, penguatkuasaan waran tangkap terhadap suami dilaksanakan secara efektif. Pihak mahkamah syariah sentiasa bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan seperti mana bahagian penguatkuasaan Jabatan Agama Islam dan pihak polis bagi melaksanakan waran tangkap.

Kelima, mencadangkan perbicaraan secara tertutup seperti yang dilaksanakan di Singapura. Secara umumnya semua prosiding yang dimulakan dengan saman hendaklah didengar di dalam mahkamah terbuka dan prosiding yang dimulakan dengan permohonan hendaklah didengar di dalam kamar seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 119 Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1998. Walau bagaimanapun pihak-pihak boleh memohon kepada mahkamah untuk diadakan perbicaraan secara tertutup. Selain itu terdapat juga peruntukan yang menghendaki suatu kes didengar secara mahkamah tertutup. Sebagai contohnya bagi permohonan poligami di bawah subseksyen 23(4) Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1984.

Ahli Yang Berhormat juga memohon penjelasan bilakah Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan (Pindaan) 2006 akan dikuatkuasakan. Dimaklumkan bahawa kerajaan telah mencadangkan beberapa pindaan penambahbaikan Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah-wilayah Persekutuan (Pindaan) 2006, (Akta A1261) bagi mengatasi kelemahan yang terdapat dalam akta tersebut.

Walau bagaimanapun memandangkan pindaan pada Akta A1261 ini mempunyai hubung kait dengan pindaan kepada akta memperbaharui Undang-udang Perkahwinan dan Penceraian 1976 (Akta 164) dan Akta Pentadbiran Undang-udang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1993 iaitu (Akta 505), maka pindaan kepada undang-undang berkenaan akan dibentangkan di Parlimen setelah rundingan dengan Majlis Agama Islam negeri-negeri selesai.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu berkenaan Dewan Huffaz Darul Quran dan juga akreditasi serta pembangunan Huffaz telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Mat Nawi. Untuk makluman Yang Berhormat Dewan Huffaz ialah satu institusi yang ditubuhkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan cadangan pelancarannya adalah pada 19 Jun 2010. Yang Berhormat juga turut dijemput kalau berkelapangan. Ia menghimpunkan dan membentuk penyatuan pada para Huffaz seluruh Malaysia, yang antara objektif Dewan Huffaz adalah sebagai platform untuk memberikan pengiktirafan serta membolehkan mereka memberikan idea, pandangan dalam merangka dasar-dasar berkaitan pendidikan al-Quran di Malaysia.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Berhubung graduan dan Huffaz dari Darul Quran tidak diberikan pindahan kredit apabila memasuki universiti tempatan. Sebenarnya terdapat beberapa buah IPTA yang memberikan pindahan kredit kepada graduan Darul Quran yang mengikuti program ijazah. Antara IPTA tersebut ialah UIAM, USIM, UKM dan Universiti Syarif Kasim, Indonesia. Manakala universiti yang lain bergantung pada permohonan pelajar bagi membolehkan graduan Darul Quran mendapat pindahan kredit, Darul Quran sedang berusaha membuat rundingan dengan IPTA tempatan dan juga luar negara.

Pada masa sekarang bukan sahaja pindah kredit bahkan kerjasama Pintar dan USIM telah dan membolehkan graduan Darul Quran menyambung pengajian dalam bidang Sarjana Muda Al-Quran dan Sunah selama tiga tahun dibiayai oleh kerajaan melalui JAKIM. Dari segi akreditasi, Darul Quran telah diberikan pengiktirafan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 16 April 1983 di mana kelayakan Sijil Maahad Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat telah diberikan pengiktirafan setaraf dengan Diploma Institut Teknologi Mara, sekarang UiTM bagi membolehkan pemegang sijil tersebut menjawat jawatan dalam perkhidmatan awam. Berkaitan Pelan Pembangunan Huffaz dalam negara, antaranya ialah;

(i) menghasilkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing bagi keperluan pembangunan;

(ii) merangka program pengajian yang menggabungkan tahfiz dengan kemahiran serta tahfiz dakwah, tahfiz muamalat dan lain-lain;

(iii) membangunkan sahsiah dan kepimpinan huffaz supaya huffaz mempunyai keistimewaan insaniah yang membolehkan mereka memberikan sumbangan besar kepada masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon sedikit penjelasan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ada dua perkara. Pertama berkenaan dengan Darul Quran akan menjadikan universiti. Saya minta tarikh dan jangka masa yang akan diambil oleh JAKIM untuk menjadikan DQ sebagai sebuah universiti.

Kedua, adakah pihak JAKIM boleh memberikan jaminan kepada semua hafiz dan hafizah yang dilahirkan daripada Darul Quran akan mendapat biasiswa untuk sambung ke peringkat ijazah dan juga PhD?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih kepada Senator yang telah mencadangkan yang pertama tadi untuk JAKIM supaya memberikan biasiswa dan jaminan daripada kerajaan. Saya suka menyatakan dalam hal biasiswa ini, ia mempunyai peraturan dan syarat-syarat yang harus dan wajar dipenuhi oleh para pelajar. Jadi walau bagaimanapun, buat masa sekarang, pelajar-pelajar yang belajar di USIM yang telah kita mengadakan kerjasama Pintar bagi mereka mendapat Ijazah Sarjana Muda di dalam Pengajian Quran dan Qiraat, maka mereka ini kita beri biasiswa sebab sejauh sekarang jumlah mereka adalah terlalu kecil. Akan tetapi apa pun saya tidak boleh meletakkan jaminan yang sepenuhnya kerana ia bergantung pada dana biasiswa dan juga peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi.

Keduanya ialah berkenaan dengan kolej universiti bahawa kita telah berusaha buat masa sekarang untuk ke arah penubuhan Kolej Universiti Darul Quran ataupun di peringkat Universiti Darul Quran tetapi ianya saya tidak dapat berikan tarikh sebenarnya tetapi secepat mungkin yang kita sedang usahakan kerana ianya amat bergantung pada pihak-pihak yang ketiga dan sebagainya. Ini kerana melibatkan soal pengajian tinggi dan sebagainya yang memerlukan kelulusan dan kebenaran. Terima kasihTuan Yang di-Pertua.

■2210

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya isu mengenai pelaburan Lembaga Tabung Haji dan berapakah syarikatnya yang mengalami kerugian sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Kerajaan mengalu-alukan pandangan Ahli Yang Berhormat supaya Tabung Haji membuat pelaburan yang menguntungkan. Memang itulah yang sedang dilakukan sebab itu secara mudah untuk saya katakan bahawa secara keseluruhannya pelaburan yang telah dilaksanakan adalah menguntungkan di mana untuk Tabung Haji telah mencatat bahawa keuntungan melebihi RM1 bilion sejak tiga tahun berturut-turut.

Keuntungan RM1 bilion berturut-turut termasuk pada tahun ekonomi meleset dunia yang melanda. Akan tetapi Tabung Haji *alhamdulillah* dengan berkat doa semua terutamanya pendeposit-pendeposit Tabung Haji kita telah mencapai keuntungan melebihi daripada RM1 bilion. Dimaklumkan bahawa setiap cadangan pelaburan baru dan sedia ada akan diproses kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Tabung Haji, Panel Pelaburan, Lembaga Pengarah dan Menteri.

Oleh itu, diyakini bahawa panel pelaburan Tabung Haji yang dianggotai oleh mereka yang punya kepakaran dalam bidang perniagaan, perbankan korporat, syariah dan perundangan. Gabungan ini mampu menasihati pelaburan Tabung Haji agar lebih mantap dan menguntungkan. Sehubungan itu adalah lebih tepat untuk memahami secara menyeluruh dasar pelaburan Tabung Haji. Semua pelaburan yang diceburi oleh Tabung Haji adalah selaras dengan strategi dan dasar pelaburan Tabung Haji iaitu pelaburan yang halal, berdaya saing dengan risiko terkawal dan berpotensi memberi pulangan yang kompetitif.

Di dalam aktiviti perniagaan untung dan rugi adalah risiko yang akan ditempuhi oleh setiap pelabur atau peniaga. Di samping itu pelaburan Tabung Haji tidak terkecuali daripada kesan turun naik nilai pasaran di BURSA Saham Kuala Lumpur. Sebarang kejatuhan harga saham adalah berbentuk kerugian tidak nyata dan bersifat sementara. Tabung Haji akan sentiasa memantau kedudukan ini bagi memastikan keuntungan diperolehi oleh Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Dato' S. K. Devamany untuk menjawab.

10.13 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' S. K. Devamany]: Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil untuk merakamkan penghargaan Tuan Yang di-Pertua, kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya memohon keizinan menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang tugas Jabatan Perdana Menteri khususnya Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, dan Unit Kerjasama Awam dan Swasta. Antara isu-isu yang diutarakan ialah Model Ekonomi Baru, isu kemiskinan dan pengagihan; dan pembangunan koridor serta isu tenaga petroleum.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan merupakan perkara perdana yang perlu "diangkasakan". Maka saya ingin menjawab soalan-soalan berikut tidak mahu saya tinggalkan mana-mana yang telah diutarakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' S. K. Devamany: Akan tetapi kita sudah lewat malam sudah pukul 10 lebih tetapi saya mohon izin.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa teruskan.

Dato' S. K. Devamany: Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali yang kita hormati, telah mempertikaikan mengapa tiada *road map* dalam proses untuk mencapai *high income nations.* Majlis Penasihat Ekonomi Negara telah diberi mandat untuk menyediakan dua laporan berkenaan dengan Model Ekonomi Baru. Laporan pertama telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 30 Mac 2010. Laporan tersebut adalah berkenaan hala tuju dasar strategik Model Ekonomi Baru yang diperlukan untuk menggerakkan ekonomi Malaysia daripada negara berpendapatan sederhana kepada sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Dalam laporan tersebut terdapat lapan inisiatif pembaharuan strategik bersama dengan cadangan-cadangan dasar. Saya ulangi cadangan-cadangan dasar secara umum yang dikenal pasti. Dalam erti kata lain perbincangan seperti mana yang terkandung dalam laporan pertama merupakan satu permulaan untuk perubahan ekonomi dan sosial bagi Malaysia. Langkah seterusnya adalah untuk MPEN iaitu Majlis Penasihat Ekonomi Negara, menggunakan laporan pertama tadi yang digambarkan melalui ini secara ringkas selepas itu dibukukan secara besar dan ini adalah ringkasannya. Sebagai asas untuk merangka dasar dan pelan pelaksanaan ataupun *road map* yang lebih terperinci bermaksud butiran langkah dasar bertujuan menyokong IPS, iaitu Inisiatif Pembaharuan Strategik yang lapan tadi akan dibentangkan dalam laporan kedua yang akan dikemukakan oleh kerajaan dalam suku tahun ketiga tahun ini.

Bererti dengan contoh dengan izin kepada Yang Berhormat Dari Syed Husin Ali, *detail policy measures from IPS* - Inisiatif Pembaharuan Strategik ini seperti program formulasi, prosedur-prosedur, *framework regulatory*, kemudian insentif untuk modal insan dan sebagainya akan tertera dalam bahagian kedua itu dalam suku ketiga yang menjadi *concern* kepada Yang Berhormat tadi.

Maka soalan seterusnya adalah beliau menyarankan kerajaan agar memainkan peranan untuk mengimbangkan pasaran bebas yang keterlaluan di bawah Model Ekonomi Baru. Memang itulah yang menjadi *concern* negara. Oleh kerana dalam pengalaman kita 30 atau 40 tahun ini, itu menjadi satu perkara yang perlu diberi perhatian iaitu pasaran bebas yang keterlaluan. Antara ciri-ciri tunggal dengan izin, *core characteristic,* yang akan dibentuk oleh Model Ekonomi Baru ialah persekitaran perniagaan yang berlandaskan pasaran atau *market driven,* dengan izin, di tadbir dengan baik, berintegrasi dengan wilayah-wilayah sekelilingnya, berinovatif dan didukung oleh para usahawan. Walaupun sektor swasta menjadi peneraju pertubuhan di dalam persekitaran yang berlandaskan persekitaran kerajaan pasti atau mesti memainkan peranan sebagai pentadbir untuk membendung kerakusan pasaran bebas.

Rudeness market abuses, dengan izin. Contohnya melalui yang saya katakan tadi *regulatory framework*, melalui *fair trade practices*, melalui mengurangkan *abuses*. Okey dan juga membantu mengatasi perkhidmatan yang tidak dapat disediakan oleh pasaran *market failures* sekiranya seperti mana yang kita alami 2008 dan 2009.

Yang Berhormat Ahmad bin Hussin...

Dr. Syed Husin Ali: Boleh saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' S. K. Devamany: Dipersilakan Dr. Syed Husin Ali.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah bertentangan dengan apa yang dilakukan. Apa yang dilakukan sekarang ini adalah membuat tindakan-tindakan yang berasaskan liberalisasi. Umpamanya penekanan terhadap liberalisasi ini disebutkan dengan nyata terutama sekali oleh Perdana Menteri. Kalau misalnya itu kita ambil lagi apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri beliau merasa bimbang terutama sekali dengan amalan *rent-seeking* ataupun *culture rent-seeking,* dengan izin.

Nampaknya seperti yang disebutkan dalam ucapan yang saya rujuk dalam ucapan saya, dinyatakan di antara mereka yang mengamalkan *rent-seeking* yang terburuk sekali adalah di antara mereka yang selalunya duduk di hadapan dalam majlis-majlis sebagai Tan Sri dan sebagainya. Jadi ertinya walaupun ada pengakuan tentang bahaya ini nampaknya belum lagi ternyata tindakan yang tegas terhadapnya. Keduanya tindakan memperbanyakkan lagi misalnya tindakan-tindakan liberalisasi yang dianjurkan, saya rasa bertentangan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat apa penjelasan yang hendak daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Syed Husin Ali: Saya minta penjelasan bagaimana di*concise* ataupun disatukan misalnya pertentangan di antara dua perkara tadi. Satu di antara apa yang diperkatakan dan apa yang dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat. memang pengakuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa memang ada *rent-seeking* dan *patronage* dalam pelaksanaan merupakan satu lafaz yang ikhlas untuk menangani isu.

■2220

Itulah denyutan nadi Dasar Model Ekonomi Baru bahawa kita melihat dan menilai isu di hadapan kita secara jujur dan ikhlas serta kita akui bahawa kita ada kelemahan. Itulah sebabnya kita ada satu Model Ekonomi Baru yang terpaksa digunakan untuk mengetatkan dan menjadikannya lebih telus. Tindakan *affirmative* yang telus dan mesra pasaran. Akan tetapi kita perlu ingat bahawa budaya-budaya ini bukan senang dikikis begitu sahaja kerana sudah lama berakar umbi. Maka kita mesti ada *political will* dan juga keupayaan untuk memastikan bahawa pada masa-masa akan datang dengan adanya kerangka ini, perkara-perkara ini dapat dikurangkan dan tidak! Walaupun saya tidak boleh berjanji bahawa ia 100 peratus akan dibersihkan dan dijernihkan. Itulah komitmen kerajaan yang bakal akan diberi. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin menyarankan agar kerajaan mendahulukan Dasar Afirmatif Bumiputera dalam menggubal Model Ekonomi Baru serta menekankan kepada kesaksamaan dengan izin, *fairness* dan bukan kesamarataan *equality.* Salah satu matlamat utama bagi model ekonomi baru ialah keterangkuman – *inclusiveness.* Ini menjadi prasyarat untuk memupuk semangat kekitaan dalam konsep konteks 1Malaysia. Pertumbuhan ekonomi akan memastikan bahawa tiada kumpulan yang akan dipinggirkan dan keperluan asas rakyat akan dipenuhi.

Keterangkuman akan membolehkan semua komuniti memberi sumbangan dan berkongsi kekayaan negara bersama walaupun kesaksamaan yang sempurna itu mustahil dicapai seperti yang saya katakan tadi. Namun, masyarakat yang terangkum akan bersama memastikan masalah ketidaksamaan ini tidak akan membantutkan pertumbuhan ekonomi negara. Cabaran utama dalam konteks ini ialah pembentukan langkah yang berkesan untuk mencapai keseimbangan antara semua kaum. Justeru Program Tindakan Afirmatif yang mesra pasaran dan seiring dengan prinsip keterangkuman akan:

(i) menyasarkan bantuan kepada isu rumah dalam kumpulan 40 peratus terendah yang 77.2 peratus daripada mereka ialah kaum bumiputera dan ramai yang berada di Sabah dan Sarawak;

(ii) memastikan peluang yang saksama dan adil untuk proses yang telus;

(iii) menyediakan akses kepada sumber berasaskan keperluan *merit* bagi menambah baik keupayaan pendapatan dan kesejahteraan; dan

(iv) mempunyai rangka kerja institusi yang mantap demi pemantauan yang lebih baik dan pelaksanaan yang berkenaan seperti yang dikatakan tadi. Kita perlu memantapkan institusi pelaksanaan.

Program Tindakan Afirmatif seperti yang dikatakan akan tertumpu pada pemilihan keupayaan dan kemampuan isi rumah berpendapatan rendah dan perniagaan kecil bukan memenuhi syarat dalam mencapai kuota atau sasaran tertentu. Institusi dan Program Tindakan Afirmatif Negara akan diteruskan dalam Model Ekonomi Baru tetapi selaras dengan pandangan pihak yang berkepentingan yang utama akan disusun semula untuk menghapuskan ciri merentir. Merentir itu *rent-seeking*lah dalam bahasa Melayu. Merentir dan memesongkan pasaran yang telah menjejaskan keberkesanan program tersebut. Ini akan menjadi satu isu yang penting kerana ini merupakan satu penghalang dalam proses pembangunan.

Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali, Yang Berhormat yang selalu menaburkan soalan. Beliau ingin mencadangkan agar perancangan model ekonomi merangkumi landskap ekonomi negara pada tahun 2020 dari segi kadar pengangguran, inflasi, pengagihan pendapatan dan pendapatan isi rumah seperti soalan tambahan pada hari itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan utama MEB – Model Ekonomi Baru adalah untuk menjadikan negara sebagai sebuah negara maju dengan rakyatnya menikmati kualiti hidup seperti mana yang kita tahu. Adalah dijangka dalam pelaksanaan tolakan besar – *big push*, langkah-langkah koheren matlamat utama MEB akan tercapai berpandukan kepada ciri-ciri:

(i) berpandukan pasaran – *market driven*;

(ii) tadbir urus yang rapi seperti yang dikatakan oleh Dr. tadi;

(iii) mengintegrasikan serantau khususnya Asia kerana pertumbuhan ekonomi sudah beralih ke sini; dan

(iv) keusahawanan dan inovatif.

Ada lima elemen. Menjelang tahun 2020, ekonomi Malaysia akan berupaya memapankan pertumbuhan pendapatan tinggi dan dapat memperbaiki kehidupan semua rakyat Malaysia dan menyediakan persekitaran yang mampan untuk generasi akan datang. Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok...

Datuk Akbar Ali: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' S. K. Devamany: Dipersilakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan. Silakan.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Khusus berkenaan Model Ekonomi Baru Yang Berhormat Dato' Devamany. Kalaulah kita ambil kepada gambar tiga *circles* ini.

Itulah sebabnya saya bertanyakan pada hari itu, dua campur enam – *basic economic variables* termasuk kemiskinan dan sebagainya. Ini adalah sebab kalau kita ambil daripada tiga *circles* ini, dia akan memberi makna atau interpretasi atau akan di*construe or misconstrue,* dengan izin, bahawa *net effect* atau *outcome* pada tahun 2020 nanti ialah kualiti ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat..

Datuk Akbar bin Ali: Ya, soalan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak habis masa sudah ini, kalau boleh, cepat sedikit kelolakan *you* punya soalan atau penjelasan yang diminta.

Datuk Akbar bin Ali: Jadi soalan saya, adakah menjelang tahun 2020 nanti, berdasarkan tiga tiang seri ini bahawa hanya segelintir sahaja penduduk Malaysia yang dapat nikmat daripada Model Ekonomi Baru ini, yang tengah-tengah yang kecil ini. Adakah itu membawa makna sedemikian? Terima kasih.

Dato' S. K. Devamany: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang *pertinent* soalan yang dianjurkan. Yang Berhormat, dua tahun ini 2010 dan 2011 kita ada Program Transformasi Kerajaan. Okey, iaitu GTP – *Government Transformation Program* selama dua tahun. Selepas itu kita akan membuat kesinambungan dengan adanya Model Ekonomi Baru iaitu Program Transformasi Ekonomi. Dalam dua tahun pertama ini, banyak daripada isu yang Yang Berhormat bangkitkan kerana saya tahu apabila kita tengok ketiga-tiga ini yang tengah-tengah itu kualiti hidup.

Perkara pertama ialah kemiskinan, isu *poverty* di luar bandar dan sebagainya. Itulah sebabnya kita ada enam tunjang utama iaitu di dalam GTP – *Government Transformation Program,* kita ada pendidikan di mana prasekolah literasi, numerasi merupakan perkara utama untuk melahirkan manusia. Untuk keluar daripada kemiskinan itu, mesti dia ada pendidikan tinggi. Keupayaan untuk berilmu. Itu yang pertama.

Kedua adalah pengangkutan. Apabila kita kata pengangkutan, SPAD akan dibentangkan di Parlimen. Sudah di Dewan Rakyat, ke sini pula. Kenapa pengangkutan bukan pengangkutan bandar? Termasuk juga pengangkutan luar bandar. Ini kerana ia adalah perkara utama untuk akses. Akses dari kampung ke bandar-bandar kecil di sekeliling dan sekitar. *So,* itu sebab ia melibatkan darat sekali, pengangkutan darat suruhanjayanya.

Ketiga ialah jenayah. Apabila kita kata jenayah dalam konteks ketiga itu, jenayah banyak berlaku di kalangan orang miskin kerana rumah tangga yang porak peranda. Maka di sini kita lihat bagaimana kita bukan sahaja kuratif, tetapi kita juga mengambil langkah-langkah preventif dan interventif.

Yang keempat, infrastruktur luar bandar. Yang kelima adalah kemiskinan, 40 peratus itu menjadi fokus Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam program ini. *So,* dua tahun pertama telah didedikasikan untuk perkara-perkara yang dikatakan tadi dan merupakan akar umbi yang sudah porak peranda iaitu sudah lemah untuk kita pertajamkan lagi, kukuhkan lagi supaya pohonnya indah kemudian.

Selepas itu barulah kita pergi kepada langkah yang panjang ini iaitu Program Transformasi Ekonomi yang mempunyai langkah-langkah yang lama sedikit sampai tahun 2020 kepada kerangka tadi. *So*, itulah sebabnya yang saya kata, yang saya kata bahagian itu, belum sampai lagi. Tunggulah sampai suku akhir tahun ini untuk kita buat macam program-program yang untuk lebih mikro untuk memenuhi ingin tahu itu. Maka Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok bertanyakan isu-isu modal insan berkaitan dengan Model Ekonomi Baru.

Pertamanya sama ada terdapat keperluan modal insan yang secukupnya untuk menyokong Model Ekonomi Baru ini. Keduanya, adakah suatu rangka strategi sumber guna

tenaga kerja telah dirangka untuk mencapai sasaran, sama ada terdapat satu modul latihan industri agar modal insan yang berkebolehan dapat diwujudkan untuk mencapai Model Ekonomi Baru. Baik! MEB mengakui bahawa negara kita sedang menghadapi masalah modal insan. Kita akui dahulu. *We are facing…,* dengan izin, *a serious quality manpower resources* yang kritikal. Kadar penghijrahan keluar rakyat Malaysia yang mahir meningkat dengan pantas. Begitulah juga seriusnya hakikat bahawa bilangan ekspatriat yang bekerja di negara ini semakin merosot. Pada masa yang sama sistem pendidikan kita tidak menghasilkan kemahiran yang mencukupi.

■2230

Ini adalah masalah-masalah asas yang perlu ditangani. Oleh itu pembangunan modal insan merupakan prasyarat utama dan juga tujuan asal MEB. Sehubungan itu IPS2 iaitu Inisiatif Pembaharuan Strategik Kedua iaitu membangunkan tenaga kerja berkualiti dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing khusus ditumpukan untuk menangani masalah ini sekali gus menyokong MEB. Maka antara pasukan kerja MPEN, Majlis Penasihat sedang meneliti aspek-aspek yang digariskan untuk laporan di bahagian dua untuk kemudiannya digunakan. Cadangan lengkap dasar sebegini akan dikemukakan dalam bahagian dua nanti sebagaimana yang saya katakan tadi.

Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah telah mengemukakan atau menyarankan agar kerajaan mengambil iktibar daripada Dasar Ekonomi Baru dalam usaha menggubal MEB untuk memastikan MEB berjaya. Beliau seterusnya mencadangkan agar di bawah MEB tidak mengabaikan pertumbuhan serta tidak berpihak kepada pasaran secara keterlaluan. Saya rasa telah pun saya bincangkan tadi dan utarakan perkara-perkara yang telah menjadi *concern* juga kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah. Cuma saya hendak ceritakan di sini bahawa amalan dahulu untuk membiarkan aktiviti merintih tadi dan kuasa naungan *patronage* itu tidak sihat. Maka lebih baik kita buang yang keruh dan ambil yang jernih.

Itulah yang bakal dibuat oleh kerajaan. Untuk menjana pertumbuhan ekonomi perlu berlandaskan kepada kuasa pasaran, tetapi MEB juga patut mengimbangkannya dengan kerangka peraturan bagi membendung kerakusan dan herotan pasaran yang mungkin timbul nanti.

Yang Berhormat Dato Paul Kong Sing Chu telah membangkitkan mengenai usaha kerajaan merealisasikan MEB agar perkara seperti subsidi pembangunan modal insan, kemiskinan, ruang persaingan adil untuk semua kaum akan diambil kira dan diberi tumpuan. Maka saya rasa itulah denyutan aspirasi Modal Ekonomi Baru. Dari segi liberalisasi dan sebagainya tidak perlu saya jelaskan kerana banyak sudah diceritakan.

Yang Berhormat Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi telah mencadangkan dan memberi komen bahawa MEB perlu penganalisis lebih mendalam kepada lapan strategik inisiatif. Tumpuan dan fokus perlu diberi kepada pelaksanaan program-program MEB. Beliau juga mengatakan bahawa perlu melaksanakan MEB dengan segera walaupun NEC dalam proses membuat kajian mendalam. Seterusnya beliau mencadangkan satu pasukan yang diketuai oleh profesional yang terbaik untuk melaksanakan program MEB ini. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Sri memang segala-galanya sedang dilakukan seperti mana yang telah dicadangkan.

Seterusnya beliau juga telah mencadangkan supaya ditubuhkan satu *task force* dengan angka-angka yang spesifik iaitu tiga pegawai sektor awam, tiga orang ahli dan sebagainya. Memang pakar-pakar telah digunakan untuk menjadi dan menerajui dan menganggotai majlis ini. Kita tunggu untuk laporan cadangan yang kedua untuk pelaksanaan.

Yang Berhormat Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff ingin penjelasan terperinci mengenai pelaksanaan realistik MEB. Ini kerana MEB setakat ini merupakan dasar umum tetapi tidak diikuti dengan langkah spesifik. Saya telah katakan tadi tunggulah suku tahun yang ketiga tahun ini untuk mendapatkan yang lebih spesifik, laporan yang mengandungi langkah-langkah yang realistik dan mampu membawa perubahan dalam ekonomi negara.

Ini kemudian akan menjadi landasan kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan dibentangkan pada bulan Jun di Dewan Rakyat kemudiannya ke Dewan Negara. Ini lebih awal daripada perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan pada tahun berkenaan. Kita lebih awal sekali dan kita gunakan dua *rolling plan*. Dua tahun sahaja kita rancang dahulu. Kita tengok dan selepas itu kita buat penilaian dan kerajaan akan teruskan kepada peringkat kedua itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga perkara-perkara berkaitan dengan kemiskinan, pengagihan yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman. Beliau menyarankan agar kerajaan mengambil langkah-langkah efektif untuk membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang kemiskinan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat walaupun kemiskinan telah dapat dikurangkan pada tahap yang rendah iaitu 36 peratus pada tahun 2007, kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memastikan kemiskinan dapat ditangani sepenuhnya.

Inilah seperti mana yang saya katakan tadi merupakan tunjang kepada misi Transformasi Program Nasional di bawah pelan transformasi kerajaan iaitu kemiskinan. Maka untuk itu kita perlu juga menilai kepada masalah-masalah struktural, *economic wide*, *long term in nature* dengan izin, *manufactures of economy* perlu diambil kira untuk keseluruhan ini.

Kita juga telah pun melancarkan Program e-Kasih di bawah ICU untuk mendaftar semua orang miskin supaya mereka dapat keluar daripada miskin tegar kepada miskin dan miskin terus kepada mudah miskin dan seterusnya keluar daripada kancah kemiskinan.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali telah menyarankan agar kerajaan mengambil usaha-usaha untuk mengurangkan jurang pengagihan pendapatan serta memberi perhatian serius kepada *Gini Coefficient*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa komited dan memberi perhatian yang serius dalam mengurangkan jurang pengagihan pendapatan. Hasil daripada usaha tersebut pengagihan pendapatan telah bertambah baik. Ini dapat dilihat melalui penurunan dalam *Gini Coefficient* daripada 0.460 pada tahun 2004 kepada 0.439...

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Yang Berhormat bersekali penjelasan Yang Berhormat yang begitu terperinci, bolehkah saya tumpang bertanya minta penjelasan Model Ekonomi Baru. Saya hendak bertanya di kalangan mereka yang menjual kuih, goreng pisang, nasi lemak di tepi jalan bagaimana caranya kerajaan hendak bantu mereka? Terima kasih.

Dato' S. K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk peniaga-peniaga mikro ini iaitu *micro entrepreneurs* yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, ada banyak saluran untuk membantu, banyak kementerian untuk membantu. Kalau di bandar kita ada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar di mana golongan kemiskinan telah diletakkan di bawah kementerian daripada ICU supaya mereka dapat pengkhususan yang lebih efektif. Selain daripada itu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah diamanahkan dengan empat konsep azam. Salah satu daripada azam itu ialah azam berniaga yang boleh digunakan sebagai landasan untuk mendapatkan bantuan. Bukan sahaja bantuan kewangan tetapi bantuan dari segi keupayaan, keusahawanan dan sebagainya.

Akhir sekali satu model yang amat berjaya yang menggunakan model Bangladesh yang digunakan di Malaysia adalah Amanah Ikhtiar Malaysia yang diterajui oleh Datuk Amir Hamzah dan amat berjaya hampir 260,000 orang khususnya wanita telah berjaya menggunakan kemudahan ini untuk memajukan *micro businesses* mereka. Maka saya mohon kepada Yang Berhormat untuk merujuk kepada pihak-pihak sebegini untuk mendapat bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan nisbah ketidaksamaan pendapatan antara isi rumah 40 peratus terendah berbanding dengan pendapatan isi rumah 20 peratus teratas juga bertambah baik dengan jumlah pengurangan nisbah ketidaksamaan pendapatan daripada 1 *to* 7.57, dengan izin, kepada 1 *to* 6.88 kini. *So* ada penurunan dalam tempoh yang sama...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya tumpang tanya, lamakah lagi agaknya?

Dato' S. K. Devamany: Ya, sekejap sahaja. Saya akan laju sedikit. Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi telah menanyakan mengenai e-Kasih. Sehingga 31 Disember, 2009 seramai 228,450 isi rumah telah didaftar dalam e-Kasih berdasarkan bancian fasa satu dan fasa dua yang dijalankan sepanjang 2009. Daripada jumlah tersebut 551,009 isi rumah 22 peratus tergolong dalam miskin tegar iaitu definisi RM430 sebulan isi rumah mereka. Juga 67,033 miskin 29 peratus yang pendapatan isi rumahnya RM720 dan selebihnya 110,498 mudah miskin iaitu RM1,500 ke bawah. Ada pelbagai program melalui KKLW, KWPKB iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan juga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pendidikan yang ada program masing-masing untuk mereka keluarkan masyarakat daripada kancah kemiskinan.

Yang Berhormat Dato' Daljit Singh Dalliwal telah menanyakan mengenai ekuiti kaum India untuk mencapai 3 peratus menjelang tahun 2020. Baru-baru ini kerajaan telah mengeluarkan, pada tahun lalu, pada mulanya RM499.5 juta untuk ekuiti masyarakat India telah dilanggan sepenuhnya. Selepas itu disediakan RM1.5 bilion untuk dilanggan setakat ini, hampir RM400 juta telah dijual dan ada RM1.1 bilion untuk dilanggan oleh masyarakat India.

■2240

Senator Tuan Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim telah menanyakan mengenai industri *homestay*, ECER dan NCER. Memang *homestay* merupakan satu program melalui Program Satu Desa Satu Industri. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini *homestay* kita begitu banyak sekali, amat berjaya. 3,283 pengusaha telah berjaya dilahirkan pada tahun 2009, di kampung sebanyak 141 kampung di seluruh negara. Maka, termasuk dua-dua koridor itulah.

Ini saya terpaksa jawab kerana di luar Dewan pun Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi telah pun menanyakan soalan kepada saya banyak kali. Tadi pun telah diajukan dengan rentetan peluru yang menakutkan. Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa jawab ini kerana berkaitan dengan isu penghasilan petroleum negeri Kelantan. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi membangkitkan banyak perkara mengenai pembangunan kedudukan medan-medan minyak dan gas di perairan negara serta medan-medan minyak dan gas di kawasan pembangunan bersama Malaysia, Thailand dan kawasan tuntutan bersama Malaysia-Vietnam. PM3 dan CAA – PM3 itu Peninsular Malaysia 3 dan juga *Commercial Agreement Area*.

Yang Berhormat juga memohon mendapatkan maklumat terperinci mengenai nama-nama medan petroleum, terma-terma perjanjian antara Petronas dengan kontraktor perkongsian pengeluaran, *production sharing contractors* (PSC), dengan izin Tuan Yang di-Pertua, jumlah hasil petroleum yang telah dibayar oleh Petronas serta senarai negara-negara di mana Petronas menjalankan operasi di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu berkaitan dengan tuntutan hasil petroleum negeri Kelantan telah banyak kali dibangkitkan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menjawab di Dewan Rakyat mengenai hal ini dan banyak jawapan ini telah diberi dalam dua-dua Dewan. Penjelasan terperinci oleh Kerajaan Persekutuan telah banyak kali dibuat. Dalam hubungan ini, selaras dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ingin menegaskan bahawa negeri Kelantan sama seperti Terengganu, tidak berhak dari segi perundangan untuk menerima pembayaran tunai kerana petroleum yang dikeluarkan adalah di luar negeri yang berkenaan.

Pendirian Kerajaan Persekutuan di atas perkara ini adalah konsisten, adalah berdasarkan kepada kajian terperinci Jabatan Peguam Negara berhubung isu sempadan negeri seperti berikut, iaitu hak sempadan negeri dan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) No. 7, 1969, *Emergency (Essential Powers) Ordinance No, 7, 1969* mentafsirkan bahawa had sempadan perairan negeri adalah tidak melebihi tiga batu nautika diukur dari tikas air surut, *low water mark*. Maka, tidak payah saya baca ordinan ini, terlalu panjang. Dalam hubungan ini, ingin ditegaskan bahawa dari sudut perundangan, Kerajaan Persekutuan berpendirian bahawa negeri seperti Kelantan dan Terengganu hanya mempunyai hak untuk menuntut pembayaran royalti dari sumber petroleum sekiranya diperolehi daripada kawasan perairan yang tidak melebihi tiga batu nautika.

Memandangkan pada masa ini kesemua pengeluaran petroleum adalah dalam kawasan di luar tiga batu nautika daripada perairan negeri Kelantan dan Terengganu, maka kedua-dua negeri berkenaan tidak ada hak untuk menuntut pembayaran royalti petroleum. Oleh itu Petronas tidak mempunyai obligasi perundangan dalam konteks ini. Meskipun peruntukan perundangan ini adalah jelas, Kerajaan Persekutuan ingin berlaku adil kepada negeri Kelantan sebagaimana yang diberi kepada negeri Terengganu dengan memperuntukkan wang ihsan yang mengambil kira pengeluaran petroleum yang terletak di luar perairan negeri tersebut.

Apa yang lebih penting pada masa akan datang adalah memastikan supaya pembayaran wang ihsan tersebut benar-benar memberi manfaat kepada negeri Kelantan. Maka, untuk itu RM25 juta telah diperuntukkan bagi 2010. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Terengganu telah mulakan pengeluaran pada tahun 2000 tetapi Kelantan pada Mei 2008, tetapi oleh kerana kita ada G2G *agreement*, perjanjian G2G dengan Thailand, maka kita terpaksa akur kepada perundangan dan juga rejim cukai Thailand. Maka, wang ihsan itu adalah daripada keuntungan. Keuntungan itu baru disampaikan. Maka, telah diagih-agihkan sekarang iaitu untuk pelajar-pelajar miskin RM20 juta dan juga untuk bencana alam RM5 juta, di Kelantan.

Untuk maklumat-maklumat lain yang dipohon oleh Yang Berhormat mengenai jumlah dan sebagainya, tolong rujuk kepada laman web http://petronas.com.my. Segala-galanya ada di sana. Salam bahagia...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon sedikit penjelasan. Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat usah tanya panjang-panjang. Ini sudah tengah-tengah malam ini.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Untuk rekod, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya dua perkara kerana Yang Berhormat Menteri menyebut tentang soal perundangan. Jadi kalau pembayaran kepada Terengganu sebelum ini menerima wang royalti dalam tahun 80-an dibuat bukan berasaskan undang-undang, adakah kerajaan Terengganu mesti bayar balik wang royalti yang telah pun dibayar oleh Petronas kepada Terengganu sebelum ini kerana jelas Terengganu tidak mempunyai hak ke atas royalti yang telah pun dibayar. Yang pertama.

Yang kedua, dari sudut perundangan, bayaran hendaklah dibuat kepada kerajaan negeri yang sah. Sekarang pembayaran untuk wang ihsan tidak turun kepada kerajaan negeri yang sah. Saya hendak tanya di bawah perundangan mana wang ini dibayar?

Dato' S. K. Devamany: Untuk soalan yang pertama itu, mulai sekarang Terengganu pun dapat wang ihsan, sama seperti Kelantan. Dan yang kedua tadi, memang kerajaan mempunyai mekanisme untuk menyampaikan wang itu. Adakah Yang Berhormat mengesyaki bahawa penurunan wang RM20 juta itu akan disalahgunakan yang dibuat oleh JPP Kelantan. Niatnya sama kepada pelajar miskin, tidak kisah siapa yang turunkan. Cara sahaja beza tetapi matlamatnya baik sekali. So, terima sahajalah, Yang Berhormat. Pada akhirnya, pelajar miskin yang bermanfaat. Orang yang terkena bencana alam yang bermanfaat. Rakyat Kelantan Cuma... Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu saya mengucapkan ribuan terima kasih. Maka, saya merakamkan sejuta terima kasih lagi sekali kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan mengemukakan pandangan serta saranan dan saya akan memberi keyakinan bahawa segala yang tidak dapat saya jawab akan terangkum dalam perencanaan dan perancangan tindakan nanti oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Senator Dato' T. Murugiah.

10.48 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' T. Murugiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam perpaduan, salam 1Malaysia.

Saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Yang Berhormat Senator yang prihatin dan mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Di sini saya mengambil peluang dalam sesi penggulungan untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali menyarankan agar kerajaan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengeratkan perpaduan di Malaysia. Sememangnya pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan sejak dari dahulu lagi bagi mengeratkan perpaduan masyarakat di negara ini. Di peringkat awalnya iaitu selepas tahun 1969, usaha-usaha menyatupadukan masyarakat tertumpu kepada aspek-aspek keselamatan melalui rondaan wajib di bawah Rukun Tetangga. Kemudian selepas tahun 1980-an, tumpuan diberi kepada aspek-aspek kejiranan dan seterusnya aspek pembangunan komuniti bagi melahirkan masyarakat yang progresif.

Bagi memperkemaskan lagi usaha-usaha menyatupadukan masyarakat ini, kerajaan telah menggubal dan meluluskan pelan yang lebih komprehensif iaitu Pelan Tindakan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi lima tahun iaitu bermula dari tahun 2006 hingga 2010. Pelan ini meliputi usaha-usaha menyatupadukan masyarakat dalam beberapa bidang sosial iaitu keselamatan, pendidikan, agama, ekonomi, politik, patriotisme serta kebudayaan. Di samping itu, kerajaan turut memperkenalkan Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP) dengan menitikberatkan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Model Ekonomi Baru (MEB) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang memberi tumpuan ke arah melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan progresif.

■2250

Bagi mengukur sejauh mana pencapaian dan keberkesanan setiap NKRA, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) digunakan agar apa yang dihasratkan oleh kerajaan itu benar-benar mencapai matlamat yang ditetapkan dan mempunyai *value added,* dengan izin, bagi setiap peruntukan yang dibelanjakan. Kerajaan juga membuat penilaian dari semasa ke semasa ke atas strategi-strategi dan pelan tindakan yang dilaksanakan dan melakukan penambahbaikan supaya usaha-usaha yang dibuat berkesan dan memberi faedah kepada masyarakat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat bin Yusop mencadangkan agar agenda perpaduan diterapkan dalam semua kementerian. Di dalam PTPNIN lima tahun yang saya umumkan tadi, memang ada dinyatakan tentang peranan kementerian dan agensi di dalam menerapkan perpaduan itu. Di dalam memainkan peranan tersebut, sebanyak 19 strategi telah dinyatakan yang meliputi strategi politik, ekonomi, pendidikan, agama, keselamatan, media massa, pertubuhan sukarela, sukan, pembangunan kawasan dan sebagainya. Objektifnya adalah untuk:

(i) memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dan patriotik;

(ii) mengurangkan segregasi kaum dan kerenggangan dalam hubungan inter dan intra kaum dan wilayah;

(iii) meningkatkan toleransi dan keharmonian antara kaum;

(iv) meningkatkan integrasi semua negeri di Malaysia; dan

(v) menghadapi cabaran Wawasan 2020 ke arah mewujudkan bangsa Malaysia yang maju dan bersatu padu.

Kebanyakan strategi ini telah dan sedang dilaksanakan oleh pelbagai kementerian dan agensi melalui dasar dan program masing-masing. Misalnya Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di bawah Kementerian Pertahanan, Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) di bawah Kementerian Pelajaran dan sebagainya. Melalui beberapa inisiatif baru yang dilancarkan oleh kerajaan yang mendahulukan kepentingan rakyat yang disebut di atas tadi, maka dasar-dasar yang sedia ada ini akan diperkukuhkan supaya penerapan komponen perpaduan itu akan menjadi lebih berkesan dan mencapai matlamatnya. Dalam konteks ini, semua kementerian dan agensi kerajaan memang mempunyai peranan dalam memperkukuhkan agenda perpaduan masyarakat. Walaupun begitu, faktor penentu kejayaan setiap agenda itu juga turut terletak di bahu semua lapisan masyarakat dan pimpinan tanpa ada pengecualian.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: *[Bangun]*

Dato' T. Murugiah: Jadi sama-samalah kita menyokong dan membantu usaha-usaha kerajaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Dato' T. Murugiah: Sila.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam perbahasan saya menjunjung kasih Titah Tuanku, memang saya ada menekankan isu perpaduan negara iaitu *national unity*. Baru-baru ini, saya ingat dalam sebulan yang lepas, ada satu majlis taklimat diadakan di Johor Bahru oleh Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Kementerian Penerangan. Yang memberi taklimat itu adalah – saya hadir samalah pada majlis itu. Dato' Haji Shahlan, Setiausaha Politik Perdana Menteri. Majlis itu dihadiri hampir 2,000 fasilitator yang terdiri daripada badan-badan NGO, pelajar-pelajar dan juga parti-parti politik pelbagai kaum. Saya amat kagum dengan pencapaian majlis tersebut kerana majlis penerangan itu benar-benar menerangkan konsep Gagasan 1Malaysia dan juga dari sudut Perlembagaan Persekutuan, dan ada sesi dialog antara peserta-peserta dari pelbagai kaum.

Masing-masing berasa lega dan puas hati dengan jawapan-jawapan yang diberi. Pendekatan seumpama ini yang saya maksudkan, perlu dibuat di tempat-tempat lain seperti di IPTA dan sebagainya untuk menjelaskan konsep Gagasan 1Malaysia ini dari sudut Perlembagaan dan dari sudut masyarakat kita yang pelbagai kaum. Saya ingin merakamkan tahniah kepada Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Dato' T. Murugiah: Terima kasih Yang Berhormat yang memberikan cadangan tadi. Memang sebenarnya dari dahulu lagi kita sudah adakan penerangan sebegini di IPTA dan IPTS tempatan. Saya sendiri telah mengambil bahagian dalam penerangan itu yang telah dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar menyarankan agar pengambilan penjawat awam adalah berdasarkan merit dan bukanlah berdasarkan gender. Seperti yang sedia maklum, Suruhannya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merupakan salah satu pihak berkuasa yang melantik untuk memasuki perkhidmatan awam. Selain daripada SPA, terdapat pihak berkuasa melantik yang lain seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Polis, Majlis Angkatan Tentera, Badan Berkanun Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Dalam melaksanakan urusan pengambilan dengan jumlah permohonan yang banyak, SPA menggunakan kaedah penyenaraian pendek bagi mendapatkan bilangan calon yang sesuai untuk dipanggil temu duga.

Selain daripada kelayakan akademik yang diambil kira dalam urusan sesuatu pengambilan, SPA juga sentiasa menitikberatkan aspek kualiti seseorang calon semasa urusan pengambilan dijalankan. SPA juga mewajibkan calon-calon yang memohon jawatan Pegawai Tadbir Diplomatik Gred M41 (PTD) dikehendaki lulus dalam peperiksaan khas iaitu peperiksaan memasuki skim PTD yang diadakan sebelum dipanggil temu duga. Hanya pegawai yang lulus dalam peperiksaan ini sahaja akan layak untuk dipanggil temu duga. Bagi calon yang memohon jawatan PTD, calon yang lulus peperiksaan khas tersebut pula akan dipanggil untuk menjalani program dengan izin, *Assessment Center* bagi melihat kesesuaian calon menjawat jawatan PTD sebelum dipanggil temu duga. Selain daripada itu, terdapat juga skim yang mensyaratkan calon supaya lulus ujian fizikal sebelum dipanggil temu duga, contohnya jawatan Pegawai Penguatkuasa Gred N41.

Seterusnya pemilihan seseorang calon untuk dilantik ke perkhidmatan awam adalah berdasarkan prestasi yang cemerlang dalam sesi temu duga dan hanya calon yang baik dan sesuai sahaja akan ditawarkan sesuatu jawatan. SPA tidak menggunakan faktor gender sebagai asas dalam urusan pengambilan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat permintaan daripada pihak kementerian dan jabatan yang memerlukan faktor gender diambil kira, berikutan keperluan dan kesesuaian tugas yang akan dijalankan seperti calon wanita untuk jawatan penguasa penjara wanita dan sebagainya, SPA boleh mempertimbangkannya.

Bagi isu KPI kementerian yang dibangkitkan oleh Senator Tuan Pau Chiong Ung, saya akan memberikan jawapan secara bertulis yang disediakan oleh Yang Berhormat Senator Menteri saya, iaitu Tan Sri Koh Tsu Koon. Sekian, terima kasih. Salam perpaduan, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau begitu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan juga jawapan-jawapan daripada kementerian. Dengan itu, selesailah sudah Mesyuarat kita pada hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujukan.

Diputuskan,

> Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;
>
> "Ampun Tuanku,
>
> Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kedua Belas."

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab kita pun sudah sampai tepat 11 malam, maka Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari Selasa, 4 Mei 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.00 malam.